

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 31

Selasa

29 Oktober 2013

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2014	(Halaman 24)
USUL: Anggaran Pembangunan 2014	(Halaman 24)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 24)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA
Selasa, 29 Oktober 2013
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan dan program yang dijalankan oleh kerajaan terhadap wanita tempatan yang menjadi mangsa pemerdagangan manusia.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam bahagia. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan memandang serius isu pemerdagangan manusia dan pelbagai inisiatif telah diambil khususnya dari segi perundangan, penguatkuasaan, perlindungan, jagaan dan penghantaran pulang mangsa serta program-program kesedaran kepada masyarakat.

Sebagai makluman, di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migrain 2007, orang yang disyaki yang terlibat dalam pemerdagangan orang akan diberikan Perintah Perlindungan Interim (IPO) selama 14 hari oleh pihak majistret bagi memberi tempoh kepada pihak penguat kuasa menjalankan siasatan. Sekiranya mangsa didapati memerlukan perlindungan lanjutan, pihak majistret akan mengeluarkan perintah perlindungan PO selama tiga bulan untuk warga negara asing dan dua tahun untuk warga negara tempatan. Sekiranya siasatan mendapati orang bukan mangsa pemerdagangan orang, penama boleh disabitkan kesalahan di bawah Akta Imigresen sebagai *illegal* imigran. Mangsa wanita bagi kes-kes pemerdagangan orang ditempatkan di tempat perlindungan di bawah seliaan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) sehingga tamat IPO dan PO dalam tempoh tersebut. Jabatan Pembangunan Wanita telah menyediakan makanan, pakaian, tempat tinggal dengan sebaik mungkin. Mangsa juga diberikan rawatan di klinik atau hospital berhampiran sekiranya mempunyai masalah kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, seramai 24 orang wanita dan kanak-kanak tempatan telah menjadi mangsa pemerdagangan orang dan penyeludupan migrain sejak Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migrain 2007 dikuatkuasakan. Mangsa-mangsa ini terlibat dalam kes-kes eksploitasi seks, buruh kasar dan

penjualan kanak-kanak. Semasa di rumah perlindungan, mangsa akan diberikan program-program seperti sokongan emosi.

Pertama, sesi terapi kaunseling dan psikososial untuk membantu mangsa dalam membina keyakinan diri sebagai salah satu program pemulihan yang dikendalikan oleh kaunselor bagi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta pertubuhan bukan kerajaan.

Kedua, latihan kemahiran seperti menjahit, mengait, memasak, berkebun, membuat coklat, membuat hiasan bunga, menggunakan *polymer clay*, juga aksesori fesyen menggunakan jahitan manik. Program ini dijalankan dengan kerjasama pelbagai pihak seperti pertubuhan bukan kerajaan dan pihak swasta.

Ketiga, kelas bahasa Inggeris untuk membantu mereka meningkatkan kemahiran komunikasi di antara mereka dan juga anggota rumah perlindungan. Program yang dijalankan dengan kerjasama pelbagai pihak seperti pertubuhan bukan kerajaan, swasta dan kedutaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab soalan saya pada pagi ini. Jadi soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah apakah tindakan susulan pihak kementerian terhadap cadangan Jabatan Audit Negara khususnya mengenai penubuhan sebuah badan khusus, selain daripada penambahan peruntukan dan perjawatan tetap bagi menambahbaikkan usaha kerajaan dalam membanteras pemerdagangan orang ini? Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya semenjak saya dilantik menjadi Timbalan Menteri Dalam Negeri, saya telah mengadakan dua mesyuarat dengan unit ini untuk berbincang apakah masalah yang kita hadapi dalam mengendali tugas-tugas kita di bawah peruntukan undang-undang ini. Ternyata sekali mengambil kira apa yang disebutkan oleh pihak Ketua Audit Negara, kita bersetuju bahawa apa yang dicadangkan oleh Ketua Audit itu wajar patut dilaksanakan. Jadi tinggallah lagi terletak di tangan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan untuk meluluskan satu-satu jabatan ataupun agensi untuk menangani masalah di bawah perundangan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita memang tidak lekang memperlihatkan, memerhatikan isu global ini. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan dalam usaha Yang Berhormat untuk membanteras jenayah ini, bilangan yang ditahan itu warganegara Malaysia dan bukan warganegara? Apakah faktor-faktor yang menyebabkan isu ini tidak dapat diselesaikan ataupun dipantau dengan berkesan?

■1010

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mempunyai faktor di sini iaitu 31 yang ditahan di Rumah Perlindungan Wanita Kota Kinabalu daripada 1 Januari hingga 18 September, Yang Berhormat. Di bawah *Interim Protection Order* (IPO) yang saya sebutkan tadi, iaitu:

Negara	Bilangan (orang)
Filipina	39
China	6
Indonesia	5
Malaysia	3
Vietnam	1
JUMLAH IPO	31

Di bawah PO seramai 27 orang.

Negara	Bilangan (orang)
Filipina	17
Indonesia	9
Vietnam	1
JUMLAH PO	27

Di Rumah Perlindungan Wanita Kuala Lumpur, daripada Januari juga sampai 18 September, Yang Berhormat, kita mempunyai IPO seramai 371 orang.

Negara	Bilangan (orang)
Vietnam	151
China	51
India	9
Nepal	3
Myanmar	1
Filipina	3
Kemboja	1
Malaysia	1
Indonesia	130
Thailand	12
Pakistan	4
Bangladesh	2
Uzbekistan	1
Uganda	1
Sri Lanka	1
JUMLAH IPO	371

PO seramai 169 orang.

Negara	Bilangan (orang)
Indonesia	78
China	30
India	3
Myanmar	1
Uganda	1
Vietnam	42
Thailand	12
Kemboja	1
Sri Lanka	1
JUMLAH PO	169

Rumah Perlindungan Johor, Johor Bahru. IPO tiada. Bawah PO ada seramai 10 orang.

Negara	Bilangan (orang)
India	3
Indonesia	3
Malaysia	2
Sri Lanka	1
Vietnam	1
JUMLAH PO	10

Soalan kedua Yang Berhormat tanya, macam mana kita mengatasi masalah ini oleh kerana tidak kehabisan. Sebenarnya Yang Berhormat, selagi Malaysia ini mempunyai *pull factor* yang kuat, menurunkan perkara ini, dia akan tetap berlaku, Yang Berhormat. Khususnya kalau kita lihat daripada sudut penarikan Malaysia. Wanita-wanita daripada negara-negara yang kita sebutkan tadi banyak datang ke sini dan oleh kerana industri *tourism* kita kuat berlaku, masih *very vibrant*, jadi masyarakat tempatan juga terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang tidak diingini ini.

Jadi oleh kerana inilah, maka dia sentiasa akan berterusan. *Pull factor* yang kedua, ada juga di kalangan yang datang ini mengatakan mereka sendiri *victim* kepada pemerdagangan orang tetapi sebenarnya *illegal immigrant*. Itu kita kena pilih yang mana satu *illegal immigrant* dan yang mana satu *victim* pemerdagangan orang, Yang Berhormat. Itu kadang-kadang kita payah.

Jadi dalam pemilihan ini kita kena kenal pasti siapakah *victim* dan siapakah yang datang ke sini sebagai *illegal immigrant* yang sahaja membuat cerita yang mereka menjadi *victim* kepada ini. Jadi sebabnya ialah tarikan yang tetap ini kepada masyarakat di luar sana kepada Malaysia yang mereka boleh mencari kehidupan di Malaysia ini. Jadi selagi fakta ini berlaku, macam mana di Amerika, Yang Berhormat, dia tidak akan berhenti. Di Amerika pun tidak boleh berhenti benda ini sebab *pull factor* di Amerika itu akan berlaku tetapi lain tindakan di Amerika. Oleh sebab di Amerika, tiap-tiap orang yang jadi *victim* antipemerdagangan orang ini diberi *work permit*, diberi PR tetapi di Malaysia kalau kita buat macam itu, Yang Berhormat, semua wakil rakyat dekat sini semua marah sebab kita hendak bagi semua orang datang sini sebagai *worker* kita, sebagai pekerja kita dan sebagai PR kita. Jadi kita tidak boleh buat. Terima kasih Yang Berhormat.

2. Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, adakah inisiatif realistik untuk menubuhkan pasukan-pasukan khas untuk menangani masalah 'rempit' di Malaysia, kos yang terlibat untuk menangani masalah ini serta usaha menangani gejala "*dropout*" dari sekolah yang biasanya akan direkrut ke dalam geng jenayah.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tangkapan mat rempit yang sering digambarkan oleh masyarakat adalah menjurus kepada golongan yang melakukan aktiviti perlumbaan di jalan awam serta mempertaruhkan imbuhan kepada peserta yang memenangi sesuatu perlumbaan. Hakikatnya, hasil soal siasat terhadap mereka yang ditangkap, lebih 80% remaja di antara umur 17 tahun hingga 25 tahun menunjukkan aktiviti berkenaan bukan merupakan satu aktiviti yang terancang dan bersindiket tetapi ia berlumba sesama sendiri bagi mencari keseronokan atau mendapatkan status yang lebih dihormati di kalangan rakan sebaya.

Ini kerana lumba haram merupakan salah satu gejala negatif yang dipilih oleh remaja dalam mempamerkan sikap devian mereka seperti juga masalah lepak, gengsterisme, parti liar, ketagihan dadah dan alkohol serta pelbagai penyakit sosial lain. Punca yang mendorong kepada aktiviti mat rempit ini tidak dapat lari dari faktor pengaruh rakan sebaya, kurang didikan agama, keruntuhan institusi keluarga serta kurang kebertanggungjawaban ibu bapa mengenai aktiviti harian anak remaja mereka. Kerajaan sememangnya serius dalam menangani masalah sosial di kalangan remaja pada masa kini terutamanya untuk menangani masalah rempit. Di peringkat Kementerian Belia dan Sukan, pelbagai program dan aktiviti telah dan sedang dijalankan bagi memastikan masa lapang anak-anak muda sentiasa diisi dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Bahagian Pembangunan Sukan, kementerian telah memfokuskan aktiviti permotoran kepada dua jenis sukan permotoran yang utama iaitu sukan motor kenderaan empat roda dan sukan motor kenderaan dua roda sebagai platform terbaik untuk belia mengekspresikan minat dan bakat mereka secara selamat, sihat, terancang, lebih kos efektif dan diiktiraf. Sejak tahun 2012 hingga kini, kementerian telah melaksanakan sebanyak 431 program permotoran hingga ke peringkat akar umbi.

Program-program yang dilaksanakan adalah berbentuk kursus dan klinik pembangunan, kejohanan dan membudayakan sukan bermotor di kalangan golongan belia. Kementerian Belia dan Sukan juga akan membina sebuah litar bagi perlumbaan *drag* dalam usaha menjadikan sukan permotoran negara lebih profesional sekali gus mengurangkan aktiviti lumba haram. Buat masa ini pihak kementerian masih lagi sedang berusaha untuk mendapatkan cadangan tapak yang sesuai bagi tujuan pembinaan litar *drag* tersebut.

Kementerian juga telah menganjurkan beberapa program untuk menangani gejala *dropout*, dengan izin. Antaranya ialah Program Kem Anak Muda Unggul dan Program 3K Belia Bestari. Selain daripada itu, kerajaan melalui Polis Diraja Malaysia turut mengambil tindakan penguatkuasaan undang-undang. Seramai 449 tangkapan telah dibuat sepanjang tahun 2011 berbanding dengan 139 tangkapan dalam tempoh masa yang sama pada tahun 2012 iaitu penurunan sebanyak 69%. Sehingga 30 September 2013 pula, seramai 310 tangkapan telah dibuat dalam operasi-operasi yang dijalankan.

Operasi pencegahan turut dilakukan secara berterusan terutamanya pada hujung minggu dengan tumpuan di bandar-bandar utama seperti Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Ipoh, Georgetown, Johor Bahru serta beberapa daerah yang dikenal pasti. Teknik penguatkuasaan yang diguna pakai bukan sekadar mengadakan sekatan jalan raya malah kamera video turut digunakan. Tangkapan susulan di rumah kediaman juga pernah dilaksanakan. Tindakan-tindakan ini sebenarnya memberi kesan nyata kerana *harassment* tersebut telah berjaya mengurangkan aktiviti negatif di lokasi-lokasi yang sebelum ini menjadi litar mereka. Sekian, terima kasih.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab soalan saya. Pada pendapat saya, bahagian pertama jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah fakta-fakta yang sudah diketahui umum oleh rakyat Malaysia. Punca, bagaimana, macam mana dan siapa

yang bertanggungjawab. Akan tetapi saya rasa hakikatnya hari ini adalah saya rasa kebanyakan Ahli Parlimen di sini, kalau tidak semua, telah menjadi mangsa kepada Mat Rempit sehinggalah hari ini dan sehinggalah saat ini. Jadi nampaknya program-program dengan tajuk-tajuk yang *very attractive*, dengan izin, tidak *actually address the root of the problems*, dengan izin. Saya telah membuat sedikit kajian. Menteri Belia dan Sukan pada satu masa dahulu telah mengatakan-Menteri kinilah, telah mengatakan bahawa Mat Rempit perlu menjadi dengan izin, *eyes and ears of the Malaysian police force*.

■1020

Adakah ini bermaksud anak-anak muda ini yang menjadi, dengan izin *lawbreaker* sekarang akan diberi satu hak istimewa untuk meneruskan *illegal racing*, dengan izin di atas jalan raya yang mengganggu dan menggugat keselamatan awam. Jadi saya juga ingin bertanya kepada Menteri sama ada program-program ini berjaya atau tidak sebab kita masih lagi nampak anak-anak muda kita berkeliaran termasuk juga gadis, tanpa hala tuju, tanpa apa-apa fokus dalam kehidupan mereka. Mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberi ulasan. Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana saya sebut dalam Dewan yang mulia ini. Sebagai sebuah kerajaan yang prihatin, Kementerian Belia dan Sukan telah mengambil langkah-langkah positif untuk mengurangkan. Sama ada soalan langkah-langkah ini berjaya ini atau tidak harus menjadi tanggungjawab semua pihak bukan hanya bergantung kepada kementerian sahaja. Tanggungjawab kementerian untuk melaksanakan program-program yang sepatutnya untuk mengurangkan gejala seperti ini. Akan tetapi dari segi kejayaan banyak bergantung kepada semua ibu bapa, parti-parti politik tidak kira sama ada parti memerintah atau pembangkang dan sebagainya.

Akan tetapi soalan pokok hari ini masalah gejala sosial ini yang pertama kurang pendidikan, yang kedua kurang kedudukan ekonomi mereka. Ini dua sahaja. Hari ini kita lihat kebanyakan *dropout* ini, sebelum ini mereka ada peluang-peluang pekerjaan di negara ini. Mungkin di peringkat bawahan. Mungkin boleh bekerja di restoran-restoran, ladang-ladang, kedai-kedai makanan, kebun dan sebagainya. Hari ini semua bidang ini telah diambil alih oleh pekerja asing dan pekerja asing sudah berhijrah daripada pekerja asing ke arah memulakan perniagaan di negara ini. Maka sekiranya tanpa peluang perniagaan dan tanpa pendidikan mungkin negara ini mungkin akan jadi tidak relevan kepada remaja-remaja yang menjadi *dropout*.

Maka kerajaan sedang dalam usaha memperkasakan ekonomi belia. Sebab itu kita lihat Bajet 2014, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengutamakan empat bidang utama iaitu:

- (i) pendidikan;
- (ii) peluang perniagaan melalui TEKUN dan sebagainya;
- (iii) mempertingkatkan kompleks-kompleks sukan dan aktiviti sukan; dan
- (iv) bidang pertanian.

Maka kita harus mendorong selain daripada rancangan-rancangan yang telah dibuat oleh Kementerian Belia dan Sukan ini harus menjadi tanggungjawab semua pemimpin agar mendorong

belia-belia ini menceburkan diri dalam bidang-bidang yang tertentu seperti pendidikan, perniagaan, sukan dan usahawan. Maka saya percaya kalau kita dapat mengimpikasi perkara-perkara ini kita akan berjaya mengatasi masalah ini. Kalau tidak mungkin dalam masa sepuluh tahun yang akan datang, pekerja-pekerja asing yang berada di negara kita ini akan menjadi warganegara Malaysia dan *dropout* ini mungkin tidak ada peluang lagi. Mungkin beribu-ribu orang akan berhijrah ke negara lain seperti mana kita menerima daripada negara-negara lain buat masa ini.

Maka saya berharap kerajaan telah menjalankan aktiviti-aktiviti secara teratur tetapi kita perlukan bantuan dan kerjasama semua pihak. Tidak guna kita menggalakkan belia menyertai program-program reformasi. Kita harus menjemput belia-belia menyertai program transformasi supaya menjadikan negara ini relevan kepada belia masa depan. Terima kasih.

Dato' Wira Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya melihat bahawa Mat Rempit ini merupakan satu stigma ataupun yang membawa satu konotasi negatif. Bersetuju kah Yang Berhormat Timbalan Menteri aktiviti merempit ini merupakan satu *escapism* kepada anak-anak muda yang mungkin hendak menunjukkan ego di mana siapa yang hebat di atas jalan raya.

Adakah kerajaan ataupun kementerian melihat dari sudut aspek disiplin dan merancang untuk mengadakan kaunseling di kalangan mereka. Satu lagi adakah kerajaan ataupun kementerian merancang untuk hendak *engage* mereka ini melibatkan mereka dari sudut kesukarelawan sama ada kita hendak jadikan mereka masuk dalam anggota RELA muda ataupun bagaimana kerajaan melihat mereka boleh dimasukkan dalam kumpulan Belia Bestari. Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana saya telah maklumkan kepada Dewan yang mulia ini. Kerajaan dan Kementerian Belia dan Sukan telah mengaturkan pelbagai program. Apa yang kita lihat golongan belia merupakan satu kumpulan yang akan menentukan hala tuju negara ini menjelang tahun 2020. Kita lihat lebih kurang hampir 20.5 juta belia di kalangan kita. Bukanlah semuanya terlibat dengan aktiviti-aktiviti seperti Mat Rempit dan sebagainya. Bukan sebahagian besar pun cuma kumpulan kecil. Apa yang penting hari ini tanggungjawab semua pihak agar mendidik anak-anak mereka supaya tidak melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti seperti ini.

Kementerian Belia dan Sukan memang mengadakan pelbagai program iaitu Program Perkasa Remaja, aktiviti bermotosikal atau berisiko untuk berubah dan membina potensi diri menjadi seorang manusia yang lebih baik dan berguna kepada keluarga dan masyarakat. Ada juga program khas Program Belia India dari segi latihan kemahiran dan ada program Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) dan program Belia FELDA. Maka kerajaan memang ada pelbagai program untuk membantu golongan sasaran ini. Akan tetapi seperti mana saya sebut kerajaan memang serius terhadap program-program ini. Memang serius dan mengambil kira kerana merekalah akan menentukan hala tuju negara ini tetapi dari segi penglibatan khususnya ibu bapa, pemimpin-pemimpin masyarakat akan menjayakan program-program ini.

3. Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa] minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) bajet kewangan DBKL bagi Tahun 2013 adalah berjumlah RM2.188 bilion ringgit. Daripada jumlah ini, berapakah peruntukan yang diagihkan bagi tujuan penyelenggaraan Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang dilihat memerlukan penyelenggaraan berkala bagi menjamin keselesaan dan keselamatan penduduk; dan
- (b) berapa pula jumlah peruntukan pihak DBKL untuk tujuan kebersihan di Bandaraya Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Titiwangsa, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah diperuntukkan sejumlah RM80.69 juta pada tahun 2013 bagi tujuan penyelenggaraan rumah awam dan Projek Perumahan Rakyat yang meliputi kerja-kerja seperti berikut:

- (i) kerja-kerja awam sejumlah RM32.03 juta;
- (ii) kerja-kerja elektrik sejumlah RM24.96 juta;
- (iii) kerja-kerja mekanikal sejumlah RM12.2 juta; dan
- (iv) kerja-kerja membaiki lif sejumlah RM11.5 juta.

Seterusnya bagi tujuan pembersihan di Bandaraya Kuala Lumpur, DBKL telah memperuntukkan sejumlah RM199.73 juta pada tahun 2013 berbanding RM195.1 juta pada tahun 2012. Perincian peruntukan adalah bagi tujuan seperti berikut:

- (i) kerja-kerja pembersihan dan pencucian siar kaki, jalan, longkang dan kutipan sampah sejumlah RM135 juta;
- (ii) kerja operasi dan penyelenggaraan komprehensif stesen pemindahan sisa pepejal di Taman Beringin sejumlah RM35 juta;
- (iii) yuran *tipping* bagi pelupusan sisa pepejal di Bukit Tagar sejumlah RM28 juta;
- (iv) penyelenggaraan rumah sampah sejumlah RM1.5 juta; dan
- (v) penurunan iklan-iklan haram sejumlah RM180,000.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana telah memberikan jawapan yang begitu detil dan saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasih. Soalan tambahan saya, kalau kita lihat dari segi penjagaan lif-lif perumahan awam ini. Kita sering mendapat rungutan daripada penduduk-penduduk yang tinggal di rumah perumahan awam dan juga rumah PPR bahawa lif-lif mereka ini sentiasa rosak. Baru-baru ini telah berlaku satu kematian seorang pelajar yang menaiki lif di sebuah rumah PPR.

Soalan saya, kalau kita lihat di negara-negara maju seperti Hong Kong, Taiwan dan Korea. Kebanyakan daripada mereka ini tinggal di rumah-rumah pangsa seperti mana rumah-rumah PPR tetapi jarang sekali kita lihat bahawa lif-lif mereka ini rosak. Akan tetapi kalau kita lihat di kawasan-

kawasan rumah PPR kita ini, setiap kali lif rosak ini dibetulkan dalam masa seminggu rosak semula. Adakah pihak DBKL ada perancangan untuk melihat semula kualiti lif-lif yang dipasang di rumah-rumah PPR ini.

■1030

Kemungkinan besar lif-lif ini tidak mengikuti *spesification* untuk digunakan sepanjang masa 24 jam. *I mean* lif ini, kalau digunakan untuk 24 jam, maka ia memerlukan spesifikasi yang berbeza dengan lif-lif yang digunakan waktu pejabat. Oleh itu saya ingin bertanyakan soalan ini sama ada, adakah perancangan DBKL untuk menukar lif-lif di kawasan-kawasan rumah PPR ini bagi kesenangan rakyat di kawasan tersebut? Terima kasih.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, memang DBKL mempunyai rancangan untuk menukar lif-lif ini dan juga telah mengenal pasti beberapa jenis lif yang mempunyai upaya yang kurang untuk digunakan selama 24 jam. Oleh yang demikian, kita di DBKL memang sedang membuat banyak perancangan untuk pertamanya, mendapatkan penyelenggaraan yang baik.

Keduanya, kita juga mewujudkan program-program di mana kita dapat mengurangkan vandalisme. Ketiga, kita juga telah mengenal pasti jenis lif-lif yang kurang memuaskan dari segi kegunaannya. Kita juga mengadakan program-program *awareness*, dengan izin untuk memastikan orang-orang di kawasan PPR ini dapat tahu cara-cara menggunakan lif dengan betul. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang memberi jawapan tadi. Saya ingin mendapat tahu mengenai, adakah Kementerian Wilayah Persekutuan mempunyai suatu mekanisme untuk menyaring ataupun sensor permohonan-permohonan bagi mendapatkan rumah PPR ini? Ini kerana saya sebagai wakil rakyat pernah mendapat aduan dan juga rungutan bahawa pembahagian ini kadang-kadang tidak begitu betul kerana ada orang yang memohon beberapa kali tidak dapat. Ada orang yang memohon, setiap kali memohon, dapat.

Saya bagi satu contoh. Ada satu orang, dia ini penjawat awam. Kebetulan pula semasa saya berjumpa dengan dia, dia belum berkahwin lagi, berumur dalam awal 30-an. Dia sudah ada satu rumah yang dibeli melalui pinjaman perumahan. Kemudian dia beritahu saya, dia ada dua buah rumah PPR. Dengan bangganya dia beritahu, saya boleh sewa dua buah rumah ini. Jadi bagaimana satu orang penjawat awam, dia dapat dua buah rumah PPR ini dan bila saya tanya dia, "*Macam mana awak dapat rumah ini?*" Dia kata, "*Yang pertama itu saya pohonlah, dapat. Kedua itu, orang DBKL sendiri offer kepada saya, "Awak mahu rumah ini? Boleh dapat".*" Jadi satu orang, dapat tiga buah rumah. Ramai yang memohon lagi, tidak dapat. Saya mahu penjelasan kementerian bagaimana menyelesaikan masalah ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya memang tidak hairanlah kalau Yang Berhormat boleh beritahu kepada saya ada penjawat awam ada dua buah rumah, ada lagi rumah sendiri. Sistem yang diguna pakai oleh DBKL mempunyai sistem merit. Kita masukkan dia dalam komputer dan

komputer akan menunjukkan merit yang mana permohonan mereka diluluskan. Sekiranya boleh Yang Berhormat bagi saya *detail* orang ini, bagi kepada saya, saya akan terus rujuk dia ke lembaga perumahan yang kita sedia ada, majlis, semua kita buat.

Akan tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, DBKL menggunakan sistem merit. Daripada sistem merit ini yang digunakan di komputer, dia akan ditentukan markahnya dan keutamaannya dia diberi rumah. Dengan itu, kita berilah rumah kepada dia. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

4. Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan usaha-usaha yang dilakukan oleh kementerian untuk memajukan tanah terbiar di seluruh negara yang berpotensi dimajukan untuk projek-projek pertanian.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh*, salam sejahtera, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat yang bertanya dari Nibong Tebal. Untuk makluman Yang Berhormat, memang terdapat banyak tanah terbiar di seluruh negara yang berpotensi untuk dimajukan dengan projek-projek pertanian. Bagi pihak kerajaan, dalam tempoh dari tahun 2007, kita telah memajukan seluas 9,213 hektar yang telah dimajukan dan melibatkan 7,517 orang petani. Daripada itu, kita telah dapat menghasilkan pengeluaran tanaman makanan sebanyak 178,141 tan metrik barang-barang makanan yang bernilai RM78.6 juta.

Walau bagaimanapun, untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita masih lagi mendapati terdapat 110,000 hektar tanah yang terbiar di seluruh negara. Pada peringkat ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan kepimpinan Menteri yang baru telah mengarahkan supaya kawasan-kawasan tanah yang terbiar ini dimajukan seberapa luas yang mungkin. Pada peringkat ini, kita dalam proses mengenal pasti kawasan-kawasan tanah itu dan juga mengenal pasti pemilik-pemiliknya yang terdiri daripada individu-individu dan begitu juga yang dimiliki oleh kerajaan-kerajaan negeri.

Walau bagaimanapun, ia mengambil masa sedikit disebabkan bahawa banyak tanah terbiar ini mempunyai masalah tuntutan hak milik. Ada yang waris-warisnya tidak dapat menyelesaikan berhubung dengan harta hak milik tanah ini dan banyak tanah yang terbiar disebabkan oleh masalah tersebut. Jadi, proses ini mengambil masa dan kita menjangkakan pada tahun hadapan, dengan kerjasama daripada kerajaan negeri khususnya Pejabat Tanah dan Daerah, kita akan dapat menyelesaikan masalah hak milik ini. Selepas itu perundingan akan dibuat dengan tuan-tuan tanah dan juga mungkin ada pihak syarikat swasta dan juga kerajaan negeri untuk merancang projek-projek pertanian yang sesuai dilaksanakan. Terima kasih.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tanah yang terbiar seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi memang banyak. Terdapat lagi yang belum dibangunkan iaitu sebanyak 100 ekar lagi. Kita juga mengetahui Tuan Yang di-Pertua yang masalah pertanian ini terutama sekali penghasilan bahan-bahan makanan jadi masalah bertambah kepada negara. Ia juga berkaitan dengan peluang-peluang

pekerjaan terutamanya bagi siswazah-siswazah yang baru keluar daripada universiti dan juga belia-belia yang terdapat di kawasan luar bandar.

Soalan saya Tuan Yang di-pertua ialah, setakat ini, setakat yang dilaksanakan projek-projek tanah terbiar ini, adakah contoh-contoh tertentu yang telah berjaya yang boleh diambil iktibar oleh belia-belia dan juga mereka yang berminat untuk membangunkan tanah ini supaya mereka dapat melihat proses permohonannya dan proses kejayaan pelaksanaan projek itu? Itu yang pertama Tuan Yang di-Pertua. Keduanya adakah kajian-kajian tertentu yang dilakukan, kajian kemungkinan terutamanya untuk memastikan sama ada projek jenis apa yang betul-betul *feasible* untuk dilaksanakan? Terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Nibong Tebal. Tuan yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebut tadi kita telah memajukan 9,000 hektar lebih kawasan dan tanah terbiar dengan penyertaan 7,000 lebih pengusaha-pengusaha. Ini semua yang berjaya, yang telah dilaksanakan oleh kerajaan. Jadi dengan sebab itu, kita berkeyakinan penuh untuk memajukan lagi tanah-tanah yang masih lagi belum diusahakan itu.

■1040

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Nibong Tebal iaitu bagi mengatasi masalah di kalangan belia-belia ini, kita memang beri penumpuan kepada mereka dalam program-program pembangunan pertanian ini. Baru-baru ini pun Menteri telah melancarkan satu program khas untuk usahawan-usahawan muda dalam sektor pertanian. Projek ini dipanggil *Agropreneur* Muda iaitu satu program khas untuk kita menggalakkan generasi muda mengambil bahagian dalam pertanian. Ini kerana pertanian ini adalah satu perniagaan sebagaimana yang kita promosikan.

Pertanian tidak lagi seperti pertanian di zaman yang lalu di mana ianya dianggap sebagai satu industri ataupun sektor yang tidak menarik. Akan tetapi pada masa ini pertanian merupakan satu sektor yang menarik dan juga mempunyai potensi untuk seseorang berjaya untuk meningkatkan ekonomi mereka. Jadi, saya rasa Yang Berhormat kena bersabarlah, bagi kita untuk melihat kemajuan yang akan dilakukan buat masa-masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya memandangkan kawasan saya di Parlimen Baling ini kawasan iaitu pertanian, kita juga banyak tanah terbiar berkaitan dengan penanaman semula padi ini. Memandangkan negeri Kedah juga jelapang padi, di kesempatan yang saya dengar apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, *Agropreneur* Muda atau Belia Tani.

Saya menjemput Kementerian Pertanian untuk datang ke Baling untuk membuat program, satu *pilot project*. Kita mula di Baling, kita ada banyak tanah terbiar dan kita memerlukan sokongan daripada Kementerian Pertanian, khususnya penanaman semula padi-padi di kawasan Parlimen Baling. Jadi, saya ucapkan terima kasih jawapan yang bernas dan saya menjemput Kementerian Pertanian datang ke Baling untuk buat *pilot project*. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada sahabat saya Yang Berhormat Baling. Inilah contoh seorang Ahli Parlimen, bukan bercakap tidak habis-habis. Dia ada idea pembangunan, dia hendak tengok kawasan dia maju. Jadi, kalau semua Ahli Parlimen, khususnya di sebelah sana, mengemukakan cadangan-cadangan sebegini, sangat baik.

Kita mengalu-alukan. Yang Berhormat Permatang Pauh pun kurangkan bercakap, banyakkann buat cadangan untuk membangunkan petani-petani di sana dan belia-belia di sana. Jangan pergi luar negeri sahaja tidak habis-habis, bersyarah, bersyarah, bersyarah, daripada tahun 1982 lagi sampai sekarang. Tidak habis-habis. Masa itu dengan saya pun. *[Ketawa]* Tunggulah dulu. Jadi, kita – saya menerima baik jemputan tersebut. Memang untuk makluman Dewan, Yang Berhormat Menteri pun telah bersetuju bagi kita menubuhkan satu komuniti yang dipengerusikan oleh saya sebagai timbalannya, untuk melihat tiap-tiap satu agensi dan jabatan di bawah Kementerian Pertanian.

Mereka akan mengambil 100 orang usahawan tani untuk dibangunkan setiap tahun. Kita akan memantau perkembangan kemajuan tiap-tiap orang daripada *Agropreneur* Muda ini. Sebab saya bercakap di dalam kementerian, iaitu jikalau kita boleh memantau syarikat-syarikat besar di bawah NKEA, *anchor-anchor company*. Setiap bulan kita ada *steering committee* memantau, membantu syarikat besar-besar. Kenapa kita tidak boleh memantau kemajuan usahawan-usahawan yang kecil-kecil ini, terutamanya tunas-tunas harapan daripada kalangan belia-belia. Jadi, idea saya ini telah pun dipersetujui oleh kementerian.

Kita hendak memastikan tiap-tiap satu agensi akan mempunyai sekurang-kurangnya 100 usahawan tani muda yang akan kita bantu dan kita akan pantau sehingga mereka berjaya. Terima kasih di atas pelawaan itu dan kalau sekiranya daripada pihak pembangkang pun ada juga cadangan, sila kemukakan. Sekian, terima kasih.

5. Dato' Seri Liow Tiong Lai [Bentong] minta Menteri Pengangkutan menyatakan status jawatankuasa khas yang telah ditubuhkan untuk menyasat punca kemalangan bas Genting Highlands pada 21 Ogos serta menjelaskan mengapa pemandu bas yang disahkan mempunyai rekod kesalahan dibenarkan memandu bas tersebut. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian agar kejadian sebegini tidak akan berulang lagi.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Tuan Yang di-Pertua. Satu Jawatankuasa Khas yang dinamakan Jawatankuasa Bebas bagi mengkaji laporan-laporan siasatan kemalangan bas ulang-alik di Jalan Genting, Kuala Lumpur pada 21 Ogos 2013 telah ditubuhkan oleh Kementerian Pengangkutan. Jawatankuasa Bebas tersebut akan meneliti dan mengkaji laporan-laporan hasil siasatan oleh pihak Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), agensi-agensi kerajaan yang berkaitan serta pihak yang terlibat seperti Genting Berhad.

Jawatankuasa Bebas tersebut akan membentangkan laporan keseluruhan kepada Menteri Pengangkutan dalam tempoh dua bulan dari tarikh penubuhan tersebut untuk dikemukakan kepada Jemaah Menteri bagi tindakan selanjutnya. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan semakan rekod Polis Diraja Malaysia, pemandu bas henti-henti yang terlibat dengan tragedi kemalangan tersebut, mendiang Lim Kok Ho memang masih mempunyai 16 saman yang belum selesai iaitu 15 saman atas kesalahan memandu. Memandu melebihi had laju dan satu saman atas kesalahan menghalang lalu lintas. Oleh sebab pendakwaan untuk saman-saman pemandu ini masih belum dilaksanakan oleh dipihak mahkamah, maka Jabatan Pengangkutan Jalan tidak dapat menyenaraihitamkan lesen pemandu tersebut.

Sehubungan dengan itu, pihak kerajaan mengambil beberapa langkah. Pertama, JPJ telah menubuhkan satu seksyen baru yang dikenali sebagai seksyen profil pemandu. Seksyen ini di bawah bahagian penguat kuasa JPJ Malaysia, berfungsi menggantung atau membatalkan lesen memandu di bawah Sistem Mata Demerit, menggantung dan membatalkan lesen memandu penagih dadah dan menggantung dan membatalkan lesen pemandu kenderaan perdagangan yang mempunyai saman tertunggak. Seksyen ini ditubuhkan untuk menggantikan Unit Kejara yang hanya mengendalikan kes-kes penggantungan dan pembatalan di bawah Sistem Mata Demerit sahaja.

Seterusnya, pihak kerajaan melalui SPAD telah mengkaji semula aspek pengoperasian dan pengeluaran permit dengan mengambil kira laluan lokasi dan reka bentuk jalan, termasuk aspek pematuhan terhadap pelaksanaan *Industry Code of Practice - Safety, Health and Environment* atau singkatannya iCOP-SHE. Bagi maksud ini, satu pekeliling baru pada 9 September 2013 telah dikeluarkan untuk menambah baik dan meningkatkan amalan keselamatan sebagai syarat lesen untuk kawasan operasi di kawasan tanah tinggi iaitu yang berisiko tinggi. Pekeliling ini telah dimuatkan di laman web rasmi SPAD. Terima kasih.

Dato' Seri Liow Tiong Lai [Bentong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana dapat memberikan satu jawapan yang jelas. Akan tetapi kita harap jawatankuasa dapat mengemukakan laporan dengan secepat mungkin kerana ramai yang hendak pastikan bahawa bas awam yang kita gunakan ini selamat. Terutama Genting Highlands ini berada di dalam kawasan saya dan satu kawasan pelancongan yang penting.

■1050

Bukan sahaja pelancong yang datang ke mari tetapi orang awam tempatan yang bekerja, ulang-alik di kawasan ini memerlukan satu sistem perkhidmatan awam yang selamat. Oleh itu, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat berhubung dengan tindakan MIROS ataupun kementerian sama ada mempunyai satu pasukan khas untuk memantau keselamatan jalan di kawasan-kawasan tanah tinggi. Di mana kita perlu memastikan keadaan jalan boleh diperbaiki dan ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Keduanya, sama ada seksyen profil pemandu yang telah diwujudkan baru-baru ini yang telah masukkan sistem demerit juga mengambil kira dari segi kesihatan pemandu dan juga penyalahgunaan dadah yang semakin serius di kalangan pemandu-pemandu bas awam. Adakah

satu sistem yang lebih telus dan juga lebih kukuh untuk memastikan bahawa semua pemandu-pemandu bas awam, lori dan juga trak yang besar dipastikan mereka melalui sistem pemantauan kesihatan yang rapi?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Parlimen Kepong ini tidurlah awal pagi.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bentong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kinabatangan, jangan suka sangat untuk menuduh. Itu sangkaan jahat. Sila.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Mengenai taraf kesihatan pemandu dan untuk menjaga keselamatan pengguna jalan raya, pihak kerajaan melalui SPAD telah mengeluarkan pekeliling yang baru. Dalam pekeliling yang baru ini, ianya mengguna pakai peraturan keselamatan antarabangsa yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai garis panduan teknikal dan keselamatan superstruktur kenderaan perdagangan.

Dalam pekeliling ini, ianya melibatkan SOP pengurusan pemandu-pemandu tersebut. Dalam konteks ini, pemandu-pemandu akan diwajibkan sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman dalam lesen PSV penuh sebelum bertugas untuk mengendalikan bas di kawasan tanah tinggi. Seterusnya, pemandu-pemandu tersebut diberikan latihan yang diiktiraf oleh SPAD dari semasa ke semasa dalam aspek pemanduan untuk operasi di kawasan tanah tinggi. Pemandu juga dikehendaki memperoleh kelulusan pegawai keselamatan, pegawai penyelia untuk memulakan perjalanan berdasarkan keperluan senarai semakan-semakan keselamatan.

Seterusnya, dalam pengendalian bas, pusat operasi pengendali bas dikehendaki memantau setiap perjalanan bas dari semua aspek terutamanya pematuhan kepada had kelajuan. Pemandu hendaklah merekodkan perjalanan melalui sistem kedudukan sejagat (GPS) dan seterusnya pegawai penyelia memantau setiap aspek keselamatan, setiap hari. Maka dengan penggunaan pekeliling yang baru ini, dijangkakan pengurusan pemandu-pemandu ini akan diurus dengan baik untuk mengelak semua kemalangan. Terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah mekanisme yang akan dilaksanakan oleh kementerian untuk memastikan kejadian kemalangan bas terjunam ke dalam gaung di Genting Highlands tidak berulang lagi pada masa hadapan, berikutan kekerapan berulang kemalangan tersebut. Adakah kementerian akan mencadangkan bahawa usia bas seharusnya ditukar pada satu masa yang ditetapkan seperti sepuluh hingga 15 tahun bagi memastikan bahawa keselamatan harus dijaga untuk orang awam. Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebutkan tadi, pihak SPAD telah mengeluarkan satu pelan baru pada 9 September yang lepas. Jadi, perkara ini perkara baru yang menggunakan aspek keselamatan antarabangsa yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Dalam konteks ini, kenderaan di kawasan

tinggi akan menggunakan satu superstruktur kenderaan yang mengguna pakai satu piawaian antarabangsa.

Di samping itu, dalam bas ini setiap tempat duduk akan disediakan dengan tali pinggang keledar. Penyelenggaraan juga akan mengikut piawaian antarabangsa. Di samping itu, pemasangan GPS juga diwajibkan di samping sistem brek cegah kunci ataupun (ABS) dan juga sistem keselamatan brek seperti enjin *retarder* dan juga ekzos brek diwajibkan. Di samping itu, setiap kenderaan juga akan diwajibkan untuk dipasang CCTV, kamera litar tertutup di ruangan *dashboard* iaitu di ruangan yang bersesuaian untuk merakam tingkah laku pemandu dalam perjalanan. Rakaman CCTV ini hendaklah disimpan sekurang-kurangnya selama satu minggu. Terima kasih.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada Bakri soalan tambahan. Di sini saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengapakah agensi penguat kuasa seperti JPJ dan syarikat bas ini boleh menutup sebelah mata membenarkan pemandu yang mempunyai rekod kesalahan memandu bas tersebut.

Seharusnya penguatkuasaan dan pemantau rekod kesalahan pemandu ini perlu kerap dilakukan. Sekarang ini, zaman teknologi, sudah pasti ia bukan sesuatu yang sukar untuk JPJ melakukan pemeriksaan rekod walaupun di perhentian bas. Pemandu yang mempunyai rekod lebih sepuluh kesalahan tidak patut dibenarkan memandu dan menganiayai nyawa penumpang. Sekian, terima kasih. Minta penjelasan.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, mengenai JPJ ini untuk menguatkuasakan terhadap pemandu-pemandu yang mempunyai banyak saman, pihak JPJ mempunyai kekangan di atas perundangan. Walau bagaimanapun, saya telah berbincang dengan pihak JPJ. Pihak JPJ bersetuju untuk membuat seksyen profil pemandu. Maka, kali ini pihak JPJ akan mengumpulkan data-data pemandu-pemandu yang dianggap berbahaya.

Untuk makluman, pemandu-pemandu ini akan diberi tumpuan oleh pihak JPJ melalui seksyen profil pemandu. Kita akan buat *profiling*. Daripada *profiling* ini, kita akan *narrow down* dan akan mengambil tindakan kepada pemandu-pemandu yang mempunyai saman yang banyak, yang boleh membahayakan kepada pengguna jalan raya. Terima kasih.

6. Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta Perdana Menteri menyatakan jumlah rakyat berpendapatan rendah yang berdaftar dengan pengkalan daftar eKasih dan sejauh mana dan bagaimana data dan sistem eKasih ini dimanfaatkan dalam menjejak dan membantu golongan ini.

■1100

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Tuan Yang di-Pertua, eKasih adalah merupakan sistem bank data kemiskinan nasional yang telah dibangunkan dan diguna pakai oleh kerajaan bermula tahun 2008, untuk mengintegrasikan data dan maklumat isi rumah di bawah paras kemiskinan tanpa mengira kaum dan strata, sama ada di bandar mahupun di luar bandar. Melalui sistem ini bilangan kedudukan

dan status kemiskinan setiap isi rumah di dalam eKasih akan dipantau dan dilaporkan bagi menentukan jenis program dan bantuan yang diperlukan melalui *Need Analysis* yang dilakukan. Terdapat empat kategori maklumat kemiskinan di dalam sistem eKasih iaitu miskin tegar, miskin, mudah miskin dan terkeluar dari kemiskinan. Ini yang ditentukan dan berdasarkan kepada jadual Pendapatan Garis Kemiskinan (PJK) semasa.

Sehingga 30 September 2013 bilangan isi rumah keluarga yang berada di dalam sistem eKasih mengikut status adalah seperti berikut:

Status (miskin)	Bilangan (isi rumah / peratus)
Miskin tegar	6,315 / 0.9
Miskin	128,713 / 1.8
Mudah miskin	79,445 / 1.1
Terkeluar dari kemiskinan	181,229 / 2.5

Sebagai contoh bagi negeri Johor sehingga 30 September 2013 menunjukkan jumlah isi rumah miskin tegar adalah berjumlah 590 isi rumah. Miskin - 4,484 dan mudah miskin - 883. Terkeluar dari kemiskinan ialah 13,267 orang isi rumah. Memandangkan sistem ini mempunyai maklumat profil lengkap dan terperinci, eKasih sebenarnya adalah sebagai alat bagi semua Kementerian dan agensi pelaksana dalam mengenal pasti kumpulan sasar untuk tujuan penyaluran dan pemberian bantuan. Sistem ini juga boleh digunakan oleh badan-badan bukan kerajaan NGO, swasta, parti-parti politik dan juga lain-lain.

Juga sebagai maklumat tambahan di Kedah bukan di Sungai Limau. Di Kedah, miskin tegar - 1,245, miskin - 6,246, mudah miskin - 7,241 dan terkeluar daripada kemiskinan - 8,582. Saya percaya kalau Kerajaan Barisan Nasional menang di Sungai Limau semua ini dapat diselesaikan dengan baik.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Saya memang pernah mendaftarkan juga beberapa orang daripada kawasan saya, tetapi saya tidak pernah mendapat balik maklum balas sama ada mereka ini dimasukkan di dalam eKasih ini. Cuma bila saya menyemak kembali tentang program eKasih ini banyak jabatan agensi yang terlibat. Di antaranya ada Yayasan Sejahtera yang juga ditubuhkan untuk tujuan pembasmian kemiskinan. Pada masa yang sama Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga terlibat.

Jadi kita semua tahu bahawa Jabatan Kebajikan Masyarakat ini adalah satu jabatan yang selama ini mengambil, menjadi tanggungjawab mereka untuk menjaga kebajikan rakyat. Saya ingin tahu, apakah rasionalnya eKasih ini diletak di bawah Jabatan Perdana Menteri, sedangkan yang melaksanakannya adalah daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, Yayasan Sejahtera dan kemudian untuk verifikasi dan sebagainya terletak pada *focus group* pula di setiap daerah. Jadi begitu luas dia punya skop begitu. Jadi saya mohon penjelasan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, apa pun yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri bererti ianya ialah untuk kegunaan semua pihak. Kita ialah

pangkalan data, eKasih ini ialah pangkalan data, kita membuat bancian. Selepas itu kementerian-kementerian akan menggunakan eKasih ini untuk menyelesaikan masalah kemiskinan. Contohnya untuk membaiki rumah, sekarang ini dibagi terus kepada Kementerian Luar Bandar dan Wilayah membaiki dan juga membina yang baru. Tiap-tiap kementerian terutamanya beberapa kementerian Yang Berhormat telah sebutkan tadi, termasuk Yayasan Pembasmian Kemiskinan di peringkat negeri boleh menggunakan data ini termasuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menggunakan data ini.

Data ini penting sebab apa kita akan menentukan sama ada mereka ini sudah terkeluar daripada PJK garis kemiskinan yang telah disebutkan tadi. Garis kemiskinan contoh macam Semenanjung ialah 820. Jadi kita hendak kena tentukan kita kena ada banda yang boleh menyelaras sama ada dia ini masih miskin, miskin tegar ataupun mudah miskin. Dengan cara tersebut, kementerian-kementerian boleh ambil tindakan mengikut cara masing-masing. Kita juga ada NGO sebenarnya termasuk Baitulmal yang harus menggunakan data ini. Ini kerana kadang-kadang bancian yang dibuat serta-merta ataupun *ad-hoc* oleh mana-mana pihak, dia tidak menjamin bahawa maklumat tersebut betul. Contohnya orang itu miskin dan sebagainya, tetapi bila kita *check* tengok geran tanah dia, dia ada sampai sepuluh relung ataupun sepuluh ekar.

Jadi melalui eKasih ini boleh menentukan sama ada dia itu sebenarnya itu miskin ataupun tidak. Kita boleh secara *ad-hoc*. *Ad-hoc* kadang-kadang kita pergi rumah dia, dia duduk rumah yang tidak selesa, tetapi dia ada rumah lain. Jadi gunakan eKasih untuk yang sebaiknya, termasuk juga kalau PAS hendak kata tolong orang miskin bukan pergi ambil gambar situ. Itu belum tentu dia miskin. E-Kasih boleh menentukan sama ada dia itu miskin ataupun tidak. Ini adalah laporan yang lengkap.

Jadi Yang Berhormat tentang apabila Yang Berhormat pergi daftar, pergi *check* balik dekat pangkalan data nama dia ada ataupun tidak. Selepas itu jabatan-jabatan yang berkaitan, kementerian boleh melaksanakan ataupun boleh membantu berdasarkan kepada keperluannya.

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana mengadakan sistem pangkalan data eKasih ini yang banyak membantu. Apatah lagi mewujudkan pada mulanya saya ingat tiga kategori tetapi ada kategori keempat yang terkeluar daripada miskin. Saya rasa ini adalah pendekatan yang baik kerana kemiskinan ini, pembasmian kemiskinan ini bukan sahaja merupakan asas kepada kemanusiaan, tetapi juga merupakan tuntutan kepada agama Islam. Hadis nabi pun sebut [*Berucap dalam bahasa Arab*] Maknanya kemiskinan boleh membawa kepada kekufuran.

Cuma soalan tambahan saya ialah dalam pada kita mengadakan sistem eKasih ini ada dua jenis kemiskinan. Satu orang miskin yang pasif, manakala yang keduanya ialah orang miskin yang aktif ataupun pro aktif. Ada bila mana kita meneliti balik senarai eKasih, terdapat mereka bila mana dengan izin, *check in* pada tahun 2008 sebagai orang miskin, sehingga sekarang masih lagi berada dalam senarai eKasih. Bererti kalau kita hendak melihat penelitian atau penilaian kejayaan berdasarkan *outcome base*, kita hendak lihat sama ada apakah akan ada *check out* dia. Kita tidak mungkin dapat mengatakan kejayaan pembasmian kemiskinan hanya dengan membuat pangkalan

data, tetapi tidak ada proses *check out* mereka daripada sistem atau kemiskinan. Jadi soalan saya apakah pihak Jabatan Perdana Menteri ada sistem untuk memantau mobiliti pendapatan yang membolehkan orang yang *check in* dalam eKasih ini sebagai *outcome base* penilaian mereka. Mereka juga akan *check out* dalam tempoh-tempoh tertentu. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang cukup baik dan mesti dijawab secara halus tentang pertanyaannya itu. Kita tahu bahawa bila kita *check in* kita mesti *check out*.

■1110

Banyak yang berlaku sekarang ini, bila orang *check in*, dia tak nak *check out*. Contohnya macam peniaga kecil. Saya ada pengalaman ini sebab saya melalui satu perjalanan hidup yang panjang. Orang yang mendaftar peniaga kecil pada tahun 1980 tetapi sampai sekarang masih lagi masuk dalam persatuan peniaga kecil kerana kemudahan-kemudahan peniaga kecil ini meningkat dari tahun ke tahun. Dia sebenarnya sepatutnya sudah *check out* dan setengahnya sudah jadi jutawan. Akan tetapi saya rasa pangkalan data tentang perkara tersebut mungkin belum dibuat dengan baik. Contohnya, orang-orang kelas 'F'. Tahun 1980 orang kelas 'F', tahun 2013 kelas 'F'. Sepatutnya selepas lima tahun, kita kena bagi syarat dia kena kelas 'D', 'C', 'B', 'A' dan seterusnya.

Akan tetapi kadang-kadang, kalau naik kelas pun dia tak dapat kerja. Baiklah berada di kelas yang bawah, terus dapat kerja. Inilah benda-benda yang harus diberi perhatian. Akan tetapi sekarang kita hendak beritahu tentang kemiskinan tadi. Tadi saya telah bagi tahu bahawa kita dari segi secara keseluruhan tadi, kita telah beritahu bahawa miskin tegar, miskin dan sebagainya dan yang telah terkeluar daripada kemiskinan tadi ialah 181,229 ataupun 2.5%. Ini menunjukkan bahawa itulah sistem *check out* nya dan semua kementerian yang hendak melaksanakan projek ini Tuan Yang di-Pertua, dia kena masukkan maklumat itu supaya boleh kita dapat maklumat yang dia sebenarnya telah *check out*.

Contohnya, kemiskinan yang melibatkan kemiskinan tegar tadi, dia hanya memerlukan tempat berteduh. Dia boleh bekerja, dia ada pendapatan tetapi tempat berteduh tidak ada. Jadi bila Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bagi rumah, jadi dia akan masuk dalam perangkaan, dia dapat rumah, selepas itu di akhirnya dia akan dimasukkan ke dalam senarai *check out*. Akan tetapi secara keseluruhannya kita tak boleh katakan bahawa kita memang dapat maklumat yang penuh bahawa orang ini sepatutnya telah *check out*. Hari ini kita kena bekerjasama dengan badan yang lain termasuk Baitulmal, yang sekarang ini Baitulmal di tiap-tiap negeri, dia cukup aktif. Ia membina rumah dan sebagainya.

Ramai daripada mereka yang mendapat rumah ini dalam senarai eKasih, dia masih eKasih tetapi sebenarnya dia sudah *check out* kerana maklumat tentang mereka telah dapat bantuan itu tidak sampai kepada kita. Akan tetapi yang melalui kementerian, *insya-Allah* semuanya berjalan dengan baik. Jadi Yang Berhormat, sistem yang pada kerajaan ini adalah di antara sistem yang terbaik di mana orang miskin dapat diketahui sama ada dia telah keluar daripada taraf kemiskinan. Keduanya, ini yang kita seronok sebab orang-orang yang miskin itu datang kepada kita sendiri bagi

tahu tolong isytiharkan saya bukan lagi orang miskin, saya sudah ada kemudahan-kemudahan dan sebagainya. Itulah dia Kerajaan Barisan Nasional.

7. Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah status cadangan pembangunan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di Seberang Perai Tengah dan kemudahan lain yang berkaitan di atas tapak No. H.S.(D) 48862, Lot PT11, Mukim 18 Daerah Seberang Perai Utara. Sekiranya ada, bilakah cadangan ini akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tasek Gelugor. Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa prihatin dan berusaha memenuhi keperluan ibu bapa dan masyarakat yang bercadang untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah yang menjalankan pengajian akademik dan agama secara bersepadu. Di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Tahun 2013-2025, Kementerian Pendidikan Malaysia merancang untuk menambah 4 buah sekolah menengah kebangsaan agama di bawah inisiatif memperkasa sekolah agama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa sekarang telah terdapat tujuh buah sekolah menengah kebangsaan agama dan 10 buah sekolah menengah agama bantuan kerajaan sedia ada di negeri Pulau Pinang yang meliputi Daerah Barat Daya, Daerah Timur Laut, Seberang Perai Selatan, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Utara. Ini menjadikan secara keseluruhannya, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan peluang pendidikan kepada sejumlah 2,572 orang murid cemerlang untuk mengikuti kemudahan persekolahan di sekolah menengah kebangsaan agama di negeri Pulau Pinang.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah mencadangkan pembinaan sekolah menengah kebangsaan agama di Seberang Perai Tengah di atas tapak No. H.S.(D) 48862, Lot PT11, Mukim 18 Daerah Seberang Perai Utara kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Walau bagaimanapun, kelulusan pembinaan sekolah tersebut tertakluk kepada kemampuan kewangan kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan yang telah mengambil inisiatif dengan memasukkan tajuk projek yang berkenaan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Kita amat-amat mengharapkan supaya pihak kerajaan akan memberikan satu perhatian yang amat khusus kerana sesungguhnya sekarang ini di negeri Pulau Pinang, permohonan untuk memasuki sekolah menengah kebangsaan agama ini begitu tinggi sekali. Bagi permohonan Tingkatan Satu SMK(A) tahun 2013 sahaja, ada sebanyak 4,535 permohonan dan yang layak adalah 2,085 orang. Jumlah yang ditawarkan 778, jumlah yang sah diterima bagi Tingkatan Satu seramai 695 orang dan ada baki lagi sebanyak 1,390 orang yang layak tetapi mereka tidak mendapat tempat.

Justeru dengan sebab itu, apabila adanya tanah yang telah pun dimiliki oleh Kementerian Pendidikan, maka saya rasa peluang ini tidak boleh kita abaikan dan kita perlu memberikan perhatian yang khusus. Jadi, sejajar dengan bajet 2014, semangat bajet tersebut yang ingin

meningkatkan keupayaan masyarakat, saya amat-amat mengharapkan perkara ini dapat kita teruskan dengan jayanya.

Cuma soalan saya yang seterusnya Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian bercadang untuk menaikkan taraf SMK(A) yang berprestasi tinggi kepada sekolah berasrama penuh (SBP) supaya murid-murid yang meminati aliran agama dapat diberikan perhatian dan kemudahan yang secukupnya. Adakah kerajaan mempunyai hasrat untuk menambahkan lagi jumlah kelas-kelas aliran agama di seluruh Malaysia? Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tasek Gelugor. Kerajaan sentiasa prihatin kepada keperluan dan khasnya dalam sekolah-sekolah menengah kebangsaan agama ini. Malah apa jua sekolah, memang perancangannya memang ada. Saya juga amat gembira apabila mendapat maklumat tambahan daripada Yang Berhormat tentang adanya peningkatan pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran dalam sekolah menengah kebangsaan agama. Itu juga hala tuju kerajaan untuk membantu penambahan dan juga menambah baik mutu-mutu perkhidmatan kita di sekolah menengah kebangsaan agama.

Malah apabila kita baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan bajet sendiri telah menyatakan penambahan RM450 juta yang mana daripada itu, RM50 juta untuk sekolah agama bantuan kerajaan dan manakala RM50 juta untuk sekolah agama rakyat. Maka, kerajaan akan terus mencari ruang dan peluang di mana yang boleh untuk memastikan bantuan ini disalurkan kepada sekolah-sekolah yang berkenaan. Itu juga merupakan proses Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Tahun 2013-2015.

Di atas cadangan Yang Berhormat tentang menaik taraf dan juga tambahan kelas-kelas aliran, ya dalam perancangan. Kita akan memberikan ruang ini dalam masa-masa yang diperlukan. Sekiranya ada permintaan, kita sedia memberi pertimbangan yang sewajarnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, tahun dahulu kerajaan telah mengumumkan pembinaan beberapa sekolah Tamil. Tapak tanah pun turut telah pun sedia. Akan tetapi sehingga sekarang, tidak ada apa-apa inisiatif yang dibuat untuk membina sekolah-sekolah tersebut. Apakah polisi kerajaan mengenai pembinaan sekolah baru, sekolah Cina dan sekolah Tamil di seluruh negara. Adakah Yang Berhormat tahu berapa sekolah baru, sekolah Cina dan sekolah Tamil akan dibina di seluruh negara ini termasuk sekolah kebangsaan di Ipoh? Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Soalannya jauh lari daripada soalan pokok. Walau bagaimanapun, saya minat terhadap keprihatinan Yang Berhormat tentang isu-isu sekolah. Kita lebih prihatin.

■1120

Kita lebih prihatin, kita lebih langkah ke hadapan. Kita akan terus melaksanakan apa yang diberi, perancangan telah ada tetapi memandangkan maklumat tidak lengkap pada saya buat

masa ini, saya akan berkongsi maklumat-maklumat ini secara peribadi, secara tulisan kepada Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

8. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta Menteri Kerja Raya menyatakan jumlah tempoh pelaksanaan dan usaha memperbaiki MRR2 Kepong, jumlah kosnya, kontraktor-kontraktor dan pampasan yang dituntut kerana kerja memperbaiki keretakkannya.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kepong di atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja membaiki keseluruhan struktur tiang jejambat di Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2) di Kepong baru sahaja disiapkan iaitu pada 26 Oktober 2013 yang lalu.

Maklumat kontrak yang berkaitan dengan skop kerja-kerja pembaikan struktur tiang jejambat MRR2 di Kepong ini ialah seperti berikut:

- (i) 12 Ogos 2004 – Pelantikan pakar penasihat bebas dari United Kingdom iaitu Halcrow Group Limited. Harga kontraknya ialah sebanyak RM7.52 juta;
- (ii) 26 Ogos 2004 – Pelantikan Leonhardt, Andra and Partner dengan izin, dari Jerman iaitu perunding alternatif yang telah mencadangkan kerja-kerja pembaikan dibuat menggunakan kaedah Carbon Fibre Reinforced Polymer (CFRP). Harga kontrak ini ialah sebanyak RM7 juta;
- (iii) Pada bulan Mac 2006 hingga November 2006 - Pelantikan Bridgex Sdn. Bhd. sebagai kontraktor untuk membaiki tiang-tiang jejambat *remedial and strengthen work* dengan izin, menggunakan kaedah CFRP sebagaimana disyorkan perunding Leonhardt, Andra and Partner. Harga kontrak RM49.9 juta;
- (iv) 5 November 2009 – Pelantikan Bridgex Sdn. Bhd. untuk mengukuhkan tiang jejambat nombor 28. Harga kontrak RM3.4 juta; dan
- (v) 27 November 2011 sehingga 26 Oktober 2013 – Pelantikan Bridgex Sdn. Bhd. untuk menggantikan keseluruhan tendon jenis CFRP yang mengalami kerosakan akibat tindak balas kimia kepada tendon jenis keluli dengan harga kontrak RM34.5 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah memfailkan kes tuntutan ganti rugi terhadap kontraktor utama projek ini di Mahkamah Tinggi. Sehubungan itu, jumlah tuntutan masih belum dapat ditentukan kerana ia tertakluk kepada keputusan oleh pihak mahkamah. Sekian, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Maklumat ini memang menyinggung mata bisul. Lebih 10 tahun Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat terangkan pada - ini bukan kesalahan Yang Berhormat. Cuma Yang Berhormat hendak bantu sahaja dan bolehkah Yang Berhormat menerangkan mengapa kita perlu memperbaiki bertahun-

tahun dengan MRR2 yang jenis model itu didapati di sekeliling ini dan bolehkah sebutkan faktor-faktor yang menyebabkan masalah yang berterusan 10 tahun ini?

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih di atas soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin kerana soalan yang dikemukakan ini memerlukan keperincian kepada fakta kes yang berlaku. Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang saya hormati, Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2) yang terlibat dalam isu masalah keretakan pada rasuk silang adalah untuk Pakej 11 iaitu Jajaran Selayang–Kepong, Persimpangan Sri Damansara.

Projek ini telah dilaksanakan secara rundingan terus reka dan bina oleh Syarikat SUKMIN-Bumi Hiway-KKM (Wilayah). Projek ini telah mula dilaksanakan pada 27 Mei 1999 dan siap pada 15 Mei 2002 dengan kos pembinaan RM238 juta. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada 19 Jun 2004 jalan telah ditutup pada kenderaan berat melebihi 4 tan setelah keretakan dikesan dan pada 12 Ogos kerajaan telah bersetuju melantik Halcrow Group Limited sebagai *independent expert adviser* bagi meneliti kerosakan berkenaan. Selanjutnya pada 26 Ogos, kerajaan juga telah bersetuju melantik perunding Leonhardt, Andra and Partners (LAP) untuk melaksanakan kerja-kerja reka bentuk bagi memperbaiki kerosakan berkenaan.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat sekalian, kontraktor SUKMIN-Bumi Hiway-KKM (Wilayah) telah diarahkan untuk mengambil tindakan memperbaiki kerosakan tersebut selaras dengan cadangan pembaikan yang dicadangkan oleh perunding bebas sambilan kerajaan pada 11 Oktober 2005. Dengan inisiatif yang ada, semua kontraktor telah mendapatkan pakar khidmat dan sebanyak empat subkontraktor telah dijemput untuk memberikan sebut harga berdasarkan reka bentuk yang disediakan oleh LAP tadi.

Walau bagaimanapun atas sebab-sebab tertentu, SUKMIN-Bumi Hiway-KKM (Wilayah) tidak dapat meneruskan kerja-kerja Yang Berhormat. Oleh daripada itulah bersetuju membenarkan kerajaan melantik pihak ketiga untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut. Kerajaan telah melantik salah satu daripada empat subkontraktor yang dijemput oleh kontraktor utama tadi iaitu SUKMIN-Bumi Hiway-KKM (Wilayah) bagi melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan kerja-kerja ini telah dilaksanakan pada 10 Mac 2006 dan telah siap pada 9 November.

Keseluruhan seperti yang saya sebutkan tadi jumlah kontrak telah disebutkan, namun untuk pengetahuan Ahli-ahli Dewan yang saya hormati pada Ogos 2008, 3 daripada 18 bilangan tendon ketegasan CFRP dipasang pada Pier 28 telah mengalami kegagalan. Oleh daripada itulah kerajaan mengambil keputusan untuk memasang jaring keselamatan di rasuk silang di *pier* berkenaan dan kerja-kerja tersebut Yang Berhormat, seperti Yang Berhormat ketahui telah siap pada 6 September 2008. Berterusan dengan itu, kerajaan telah mengambil keputusan bukan sahaja memasang jaring keselamatan pada *pier* tersebut tetapi juga pada *pier* yang lain iaitu 25 *pier* yang terlibat dan ianya telah siap pada 27 Julai 2009.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, kerajaan mengambil keputusan untuk menggantikan tendon CFRP kepada tendon keluli ketegasan apabila laporan siasatan dilakukan di makmal di Jerman didapati tendon CFRP yang telah dipasang tidak mampu untuk menghadapi

serangan alkali. Oleh daripada itu, pembaikan telah dilaksanakan pada 17 November 2009 dan siap pada 9 Januari 2011.

Sejurus daripada itu Yang Berhormat, seperti yang saya nyatakan pada jawapan asal, tindakan mahkamah telah diambil ke atas kontraktor berkenaan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, kes tersebut akan diadakan perbicaraan penuh di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 23 November ini, *insya-Allah*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

9. Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang] minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah doktor pakar yang berkhidmat di Hospital Kapit dan Hospital Belaga dan adakah pihak kementerian bercadang untuk membesarkan saiz kedua-dua hospital bagi menampung jumlah pesakit yang semakin bertambah di kawasan ini.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, di bahagian Kapit hanya terdapat sebuah hospital iaitu Hospital Kapit yang merupakan hospital pakar minor dengan jumlah katil sebanyak 134 buah dan pada tahun 2012, kadar penggunaan katil bagi hospital ini adalah sebanyak 40.9%.

Pada masa ini, terdapat seramai 12 orang pegawai perubatan bukan pakar dan 2 orang pegawai perubatan pakar yang berkhidmat di dalam hospital ini di dalam bidang perubatan dan bidang pediatrik. Selain daripada itu, hospital turut menerima lawatan secara berkala pegawai perubatan pakar dalam bidang perubatan umum, pembedahan umum untuk *oto-rhino-laryngology*, *ortomology*, ortopedik dan psikiatri.

Kementerian Kesihatan mengambil maklum akan peningkatan bilangan pesakit di Hospital Kapit. Pada masa ini, kementerian memang dalam perancangan untuk menaik taraf fasiliti kemudahan di hospital ini dan akan dilaksanakan secara berperingkat.

■1130

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, beberapa kerja menaik taraf telah pun dilaksanakan di hospital itu. Antaranya ialah pada tahun 2012, naik taraf dapur, *chest ward* dan *pediatric isolation ward*. Pada tahun 2011, kerja-kerja naik taraf ICU, OT *flooring*, CSSD dan *drug store* dan pada tahun 2010, naik taraf unit kecemasan.

Bagi Klinik Kesihatan Belaga pula, ia merupakan sebuah fasiliti baru yang telah siap dibina pada tahun 2011 yang masih boleh menampung keperluan pesakit setempat. Kementerian sentiasa memantau keperluan semasa klinik ini dan akan mempertingkatkan dan mengkaji semula cadangan menaik taraf sekiranya ada keperluan di masa hadapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pertanyaan-pertanyaan bagi Jawapan Lisan berakhir. Usul Yang Berhormat Menteri di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1).

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.31 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 9.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 30 Oktober 2013”.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2014

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2014

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2014 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [*Akta 406*], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari empat puluh enam bilion empat ratus sembilan puluh sembilan juta sembilan ratus sembilan puluh sembilan ribu ringgit (RM46,499,999,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2014, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2014, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 42 Tahun 2013, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersementaraan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut. [**28 Oktober 2013**]

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Rantau Panjang. Saya difahamkan Yang Berhormat mempunyai 18 minit lagi untuk berucap. Silakan.

11.32 pg.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung perbahasan dan saya minta tidak ada gangguan sebab banyak isu yang akan saya kemukakan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memulakan perbahasan saya dengan memetik peringatan Allah dalam Al-Quran. [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Satu peringatan Allah kepada kita yang menjadi pemimpin sama ada pemimpin kerajaan dan pemimpin keluarga, "*Hendaklah kamu menjaga diri kamu dan keluarga kamu daripada api neraka*". Menyentuh tentang Laporan Audit yang telah dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara di mana di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, banyak masalah yang didapati yang telah ditegur oleh Laporan Audit. Sejauh mana kementerian ini memantau laporan-laporan yang telah dikemukakan di dalam Laporan Audit termasuk juga ialah kelompangan dan kegagalan urus tadbir Jabatan Kebajikan Masyarakat di mana kekurangan kakitangan yang ketara dalam memantau isu-isu terutama yang berkaitan dengan kebajikan rakyat.

Kita dengar tadi Yang Berhormat Menteri di Parlimen kita menyebut tentang beberapa jenis kemiskinan yang perlu dipantau sedangkan beban tugas yang dibebankan kepada pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat sepuluh kali ganda. Kalau kita tengok dari segi standard yang ada sepatutnya satu pegawai hanya mengendalikan lebih kurang 250 kes tetapi dalam negara kita, satu pegawai memantau lebih daripada 750 kes sampai ribu kes. Dalam Parlimen saya, satu pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat memantau untuk mengendalikan satu DUN. Macam mana? Ini adalah satu perkara yang sangat merugikan dari sudut perkhidmatan dan saya harap perkara ini diambil perhatian oleh pihak kerajaan.

Begitu juga berkaitan dengan masalah yang berlaku dalam Jabatan Kebajikan Masyarakat yang telah dilaporkan oleh Laporan Audit di mana ada kes orang yang telah mati atau meninggal dunia tetapi masih menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, lebih daripada 50 kes. Didapati juga pelajar OKU yang sepatutnya menerima bantuan hanya setakat umur 19 tahun tetapi yang menerima bantuan atas nama pelajar OKU berumur 75 tahun Tuan Yang di-Pertua! Ini membuktikan kegagalan pemantauan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Begitu juga didapati geran peruntukan untuk NGO melalui saluran kewangan telah tidak mematuhi peraturan kewangan. Ada geran yang diberi pada tahun lepas tetapi tandatangan penerimaannya setahun kemudian. Jadi perkara ini tidak seharusnya berlaku. Inilah yang menyebabkan banyaknya berlaku ketirisan dan didapati juga 2.7 juta geran tidak dibelanjakan tetapi tidak dikembalikan kepada kerajaan. Inilah yang dikatakan ketirisan. Jadi tidak hairanlah setiap tahun Laporan Audit mendedahkan berpuluh bilion wang negara kita dibazirkan. Apabila wang ini terbazir, ini wang rakyat. Maka sekarang kerajaan bebaskan kepada rakyat dengan pelbagai cukai. Jadi seharusnya perkara ini diberi perhatian oleh kerajaan.

Begitu juga kelewatan bayaran bantuan termasuk permohonan yang lambat diproses. Standard sepatutnya dua minggu telah selesai diproses. Paling kurang sebulan atau pun dua bulan tetapi ada kes sampai lebih daripada setahun. Ada kes pemohon itu meninggal dunia tidak terima lagi bantuan. Jadi perkara ini harusnya diberi perhatian oleh kerajaan supaya tidak berulang di masa akan datang.

Saya ingin menyentuh juga berkaitan dengan masalah keutuhan keluarga yang sepatutnya menjadi tunggak utama di dalam kita memacu negara. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat adalah satu kementerian yang besar sebab dia menjaga wanita, keluarga dan masyarakat. Kegagalan kita menjaga kestabilan keluarga akan membawa kesan yang besar kepada negara. Kita tengok statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri dan JAKIM. Didapati pada tahun 2008 hingga tahun 2012, 172,628 pasangan yang telah berdaftar, bercerai. Maknanya 172,628 pasangan. Bayangkan berapa anak yang terlibat yang menjadi mangsa kepada penceraian. Ini adalah satu perkara yang amat malang.

Saya ingin tahu apa program di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk memastikan, untuk mengurangkan kadar perceraian di seluruh negara yang sangat membimbangkan negara kita sebab kesannya cukup besar. Juga sejauh mana kerajaan berusaha untuk memastikan dasar keluarga yang patuh syariah dilaksanakan dalam negara. Ini kerana kita semua tahu perceraian ini adalah satu perkara yang amat dibenci oleh agama. Se jauh mana kesedaran ini telah diberi kepada keluarga dan masyarakat negara kita dan sejauh mana usaha yang telah dibuat oleh kerajaan untuk membawa keluarga kepada patuh syariah supaya negara kita dapat dibangunkan dengan stabil.

Begitu juga saya ingin menyentuh berkaitan dengan perkara yang disebut dalam teras yang ketiga dalam bajet ini iaitu keunggulan modal insan. Ini di antara satu perkara yang sangat penting dalam pembangunan negara kita. Jadi seharusnya modal insan yang kita lahirkan ini adalah modal insan yang berkualiti. Selain untuk membangunkan keluarga termasuk juga ialah dari sudut pendidikan. Jadi saya ingin menyentuh apa penekanan yang dibuat oleh kerajaan dalam sistem pendidikan negara kita.

Saya rasa perlunya reformasi dalam sistem pendidikan bukan semata-mata berteraskan sijil ataupun kelulusan semata-mata tetapi praktik. Saya beri contoh pelajaran Agama Islam, apabila seorang itu belajar agama, belajar solat, belajar berkenaan dengan hukum Islam bukan semata-mata lulus periksa teori tetapi mesti dipraktikkan. Kalau belajar sembahyang sejauh mana pemantauan yang dibuat oleh pihak kementerian pelajar-pelajar kita benar-benar sembahyang. Saya harap bukan sahaja pelajar malah di peringkat penggubalan dasar kerajaan juga mesti mengambil berat isu berkenaan dengan perkara-perkara yang menjadi Rukun Islam. Islam agama rasmi negara kita.

Saya bagi contoh dalam negara kita. Dalam pembentangan bajet, sejauh mana pematuhan syariah diambil berat? Contohnya waktu solat. Pemimpin seharusnya peka waktu solat. Kita bentang bajet pukul empat, habis dekat waktu Maghrib. Bagi orang yang boleh jamak, *Alhamdulillah*. Begitu juga apabila Dewan ini disambung Tuan Yang di-Pertua. Apabila disambung

sampai ke malam sebagai contoh sampai 9.30 malam. Sepatutnya kita ada ruang untuk *break* waktu solat Maghrib walau pun sepuluh minit terutama bagi menghormati. Kalau Tuan Yang di-Pertua ini bukan Islam, pegawai-pegawai kerajaan yang mencatat, sebab waktu Maghrib waktu yang sangat singkat. Sepatutnya patuh syariah ini diamalkan bukan sahaja dalam sistem pendidikan tetapi dalam keseluruhan pelaksanaan pentadbiran negara supaya kita dapat melahirkan satu suasana yang lebih stabil, tidak berlakunya apa yang sedang kita lihat hari ini.

Saya ingin menyentuh juga berkaitan dengan keselamatan wanita. Rata-rata kita tengok hari ini wanita dijadikan sasaran sama ada peragut, keganasan rumah tangga, gangguan seksual dan begitu juga masalah sasaran perompak yang terbaru.

Yang paling malang apabila seorang ibu salah seorang kakitangan bank telah dibunuh oleh pengawal keselamatan sendiri. Apa yang paling mengejutkan apabila media mendedahkan 30 ribu pengawal keselamatan yang haram berada di Lembah Klang, yang telah ditugaskan sebagai pengawal keselamatan.

■ 1140

Apa yang lebih malang lagi mereka ini ada IC palsu, siapa yang bagi? Jadi inilah apabila melibatkan pengawal keselamatan asing, sampai tidak ada rekod kita hendak *check* mereka, mereka melakukan jenayah. Ini adalah satu yang amat malang. Apa ertinya kita memacu ekonomi negara ke arah berpendapatan tinggi kalau kita gagal menjaga satu isu yang sangat penting iaitu isu keselamatan.

Jadi saya berharap Menteri yang bertanggungjawab mengambil berat tentang isu ini. Kita tengok dalam statistik yang ada dalam negara kita, sangat membimbangkan kita. Purata dua orang dibunuh setiap hari. Lima kes rogol dilaporkan setiap hari. 67 kes pecah rumah setiap hari. Purata 24 kes kecurian kereta setiap hari. 142 kes curi motor setiap hari. 42 kes rompakan setiap hari. Kalau kita hendak meletakkan negara kita dalam keadaan selamat, kalau kita mengharap orang asing menjaga keselamatan kita, apakah kita tidak mahu sebagaimana istilah "*Harapkan Pagar, Pagar Makan Padi*". Jadi saya berharap perkara ini diambil perhatian oleh pihak kerajaan.

Begitu juga saya ingin menyentuh berkaitan dengan masalah kualiti pendidikan. Kita lihat hari ini ramai dari sudut lambakan siswazah menganggur. Lebih daripada 280,000 orang siswazah negara kita yang menganggur. Ini adalah satu kerugian modal insan yang tidak dapat dimanfaatkan. Jadi sejauh mana kita menyusun atur strategi pendidikan agar kita tidak membazirkan tenaga yang berkualiti ini. Kita tidak mahu negara kita dibanjiri oleh pendatang asing tapi ratusan ribu rakyat kita yang menganggur. Jadi sejauh mana tindakan yang dibuat.

Begitu juga saya ingin penjelasan iaitu berkaitan dengan masalah di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat iaitu apakah program Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terhadap Projek Anjung Singgah. Dalam Bajet 2013, kerajaan telah memperuntukkan program enam Anjung Singgah untuk golongan gelandangan di mana program ini untuk membasmi masalah-masalah sosial terutama di bandar. Saya mendapat maklum bahawa di Lembah Klang sahaja kita mempunyai 1,387 orang golongan gelandangan yang berdaftar.

Jadi saya ingin tahu apakah status projek ini, apakah ia telah berjaya dan sejauh mana pencapaiannya dan mengikut rekod yang diperolehi oleh pihak kementerian, berapakah jumlah golongan gelandangan ini di seluruh negara. Sebab ini adalah satu golongan yang perlu kita rai, yang kita sentuh. Kita tidak boleh biarkan mereka hanyut dengan kemaksiatan mereka.

Ingin juga saya sentuh iaitu berkaitan dengan kebajikan OKU sebab juga di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Kita lihat bagaimana apa yang dibuat oleh kerajaan hari ini setiap penerima bantuan OKU diberi RM300 sebulan. Ini cukup tidak memadai. Sudah sampai masanya kerajaan memperkasakan untuk kita mengambil berat tentang golongan kurang upaya. Seharusnya satu jabatan dibuat. Jabatan Hal Ehwal Orang Kurang Upaya. Kalau kita boleh menubuhkan satu jabatan khas untuk hal ehwal Orang Asli, sedangkan kita tidak mengambil berat satu golongan yang cukup besar dalam masyarakat.

Jadi saya ingin penjelasan juga daripada kementerian mengikut daftar yang telah diperolehi oleh kementerian, berapa jumlah OKU yang telah berdaftar di seluruh negara? Berapa di kalangan mereka adalah di kalangan graduan? Berapa mereka yang telah mempunyai pelbagai kemahiran dan sejauh mana penglibatan mereka dalam arus perdana sama ada dalam perkhidmatan awam dan swasta. Jadi saya harap jabatan hal ehwal Orang Kurang Upaya ini diberi perhatian oleh kerajaan supaya kebajikan golongan Orang Kurang Upaya ini juga terbela.

Saya ingin menyentuh juga Tuan Yang di-Pertua iaitu berkaitan dengan – dalam bajet ini tidak disentuh langsung kebajikan untuk golongan karyawan, budayawan ataupun golongan seni. Sedangkan mereka ini adalah satu entiti yang penting dalam mencorakkan remaja hari ini. Kita tidak boleh menolak keperluan remaja kepada hiburan. Sepatutnya kerajaan meletakkan satu bajet khusus untuk golongan budayawan, golongan sasterawan supaya dapat kita membawa bakat-bakat seni, penggiat-penggiat seni ke arah yang lebih terurus. Supaya mereka ini bermotivasi mengikut apa hala tuju negara kita.

Sebagai contoh ialah apabila mereka ini tidak ada peruntukan khas, kebajikan mereka tidak terbela. Jadi saya cadangkan supaya satu akademi kesenian Islam diwujudkan. Kalau ada *Akademi Fantasia*, saya ini tidak berapa ini sangat, tetapi *Akademi Fantasia* dan sebagainya dibuat, sepatutnya ada akademi khas yang menjurus ke arah kesenian Islam. Sebab kita ingin menjurus dari sudut hiburan ini ke arah yang lebih baik. Sebab kita lihat tidak ada pembelaan kepada golongan sasterawan, budayawan dan seni ini. Kalau kerajaan sanggup bayar berjuta ringgit kepada artis K-Pop yang membawa budaya negatif dalam negara kita. Saya hendak tanya berapa orang budayawan dalam negara kita yang telah diberi pengiktirafan oleh kerajaan Malaysia dengan bayaran berjuta ringgit. Saya rasa tidak ada. Jadi ini membuktikan bahawa golongan yang mempunyai sumbangan yang besar kepada negara telah disisihkan oleh kerajaan.

Begitu juga golongan-golongan Orang Asli. Kenapa peruntukan untuk Jabatan Hal Ehwal Orang Asli semakin kecil. Sebenarnya kita mempunyai ramai Orang Asli yang telah memeluk agama Islam. Akan tetapi apakah program kerajaan untuk memastikan mereka yang telah memeluk Islam ini supaya mereka mengamalkan Islam. Saya ingin minta dalam jawapan Menteri nanti untuk memberi statistik kepada kami, berapa jumlah Orang Asli yang telah memeluk agama

Islam dalam negara kita dan apakah program perancangan yang telah dibuat oleh kerajaan untuk memantau mereka ini, untuk memastikan mereka tidak kembali kepada agama asal mereka dan program-program untuk mengeluarkan mereka daripada terus berada di tahap lama. Kita sudah lebih daripada 56 tahun merdeka. Sepatutnya kita telah mengeluarkan mereka bersama dalam arus perdana, bersaing dengan masyarakat di bandar yang lain.

Begitu juga saya ingin bertanya berkenaan projek keusahawanan yang di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Purple DNA Project yang telah dilaksanakan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya ingin tahu berapa dana yang diperuntukkan dan setakat ini apakah pencapaiannya dan sejauh mana penglibatan golongan muda terutama golongan-golongan muda dalam aktiviti ini.

Saya ingin tahu juga berkaitan dengan Program 1Azam. Kita semua tahu di antara program di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Program 1Azam yang mana untuk membantu terutama golongan-golongan ibu tunggal, untuk mereka ada kemahiran untuk mereka memberi peluang memulakan perniagaan kecil-kecilan dan sebagainya. Kita lihat golongan ibu tunggal di antara golongan yang ramai dalam negara kita. Dalam negara kita sehingga tahun 2013, jumlah ibu tunggal dalam negara berjumlah 831,870 orang dan kebanyakan mereka sebagaimana laporan dari UNDP iaitu Program Pembangunan Cluster Sosioekonomi di bawah Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu mendapati 89% ibu tunggal dalam negara kita adalah miskin dan 66% masih berada dalam miskin tegar.

Daripada 66% yang miskin ini 91% ibu tunggal miskin berada di Sabah dan 73% berada di Sarawak. Kebetulan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang baru adalah daripada Sabah dan Sarawak. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Jadi saya harap pembelaan kepada ibu tunggal ini diberi perhatian sebab mereka dalam keadaan tidak ada tempat pergantungan apabila kematian suami, mereka hendak menjaga anak-anak. Apabila kita lihat dalam Bajet 2014, tidak ada disebut secara khusus peruntukan untuk Program 1Azam. Apakah Program 1Azam telah berjaya sehingga tidak diberikan peruntukan secara khusus dalam Bajet 2014. Apakah pencapaiannya. Jadi saya ingin jawapan yang konkrit daripada pihak Menteri nanti.

Begitu juga saya ingin menyentuh berkaitan dengan masalah kebajikan pekerja kaum wanita. Saya berterima kasih di atas insentif yang telah dibuat oleh kerajaan dengan memberi bantuan yuran taska kepada pekerja-pekerja wanita. Ini adalah satu perkara yang seharusnya sudah lama diberikan perhatian oleh kerajaan. Cuma persoalannya sekarang adalah sejauh mana pemantauan kerajaan terhadap pengusaha-pengusaha taska. Sebab kita mendapati banyak kes sebelum ini terdapat anak-anak yang dihantar ke taska ada yang meninggal dunia, sebab ada taska yang empat orang pekerja tetapi menjaga sampai 50-60 bayi dan kanak-kanak. Apa lagi kalau pekerja ini diambil dari kalangan orang-orang muda yang tidak pernah menjadi ibu, mereka tidak tahu macam mana cara mendidik anak, latihannya macam mana.

■1150

Jadi saya ingin tahu, sejauh mana dalam pelaksanaan pemberian khas unjuran taska kepada pekerja-pekerja wanita sama ada kakitangan awam ataupun swasta yang telah diperuntukkan dalam bajet ini untuk memastikan dia tidak hanya menguntungkan pengusaha taska. Akan tetapi dia memberi impak yang berpuas hati kepada ibu-ibu ataupun kakitangan kita. Kita tidak mahu berlaku kes kematian bayi, kita tidak mahu berlakunya kes patah tangan, patah kaki akibat daripada kecuaiian pengusaha taska.

Jadi saya ingin tahu, berapa taska yang berdaftar dalam negara kita setakat ini? Setakat ini, berapa orang yang telah terlatih? Sejauh mana pekerja-pekerja yang akan membantu di taska ini adalah pekerja-pekerja yang terlatih yang telah diberi sijil. Kita tidak mahu ambil bibik dari Indonesia yang tidak ada latihan sehingga memberi kesan yang negatif kepada projek yang telah dibuat oleh kerajaan. Ini adalah tanggungjawab sosial kerajaan kepada pekerja awam. Jadi, saya harap perkara ini diberi perhatian.

Saya ingin tahu juga berkaitan dengan dalam peruntukan Bajet 2014 ini juga diberi peruntukan iaitu peruntukan pakaian khas untuk pesakit kanser payudara yang mana disebutkan di sini dengan kos RM9 juta dengan nilai RM1,200 seunit sebanyak 8,000 unit...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, boleh gulung Yang Berhormat.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Saya tidak mahu projek ini mengayakan kroni. Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh habiskan.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Ya, okey. Jadi saya ingin tahu, siapakah penyediannya? Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta supaya penjelasan daripada pihak kementerian. Apabila GST akan dilaksanakan, apakah status kedudukan zon bebas cukai sebab kawasan saya adalah zon bebas cukai? Jadi, apakah zon bebas cukai tidak ada lagi apabila GST dilaksanakan?

Jadi, sejauh mana statusnya dan bagaimana cara pelaksanaannya? Saya minta perhatian supaya kerajaan mengambil berat tentang pembangunan terutama di pintu masuk. Kami tidak mahu kita ini seolah-olah macam dianaktirikan. Projek tebatan banjir, saya rayu sekali lagi bagi pihak rakyat Rantau Panjang hendaklah diberi perhatian oleh kerajaan. Saya ingin juga supaya projek-projek pembangunan di Kelantan termasuk lebuhraya, royalti, menaik taraf lapangan terbang supaya diberi perhatian oleh kerajaan.

Jadi saya harap, semua kepentingan rakyat ini hendaklah diberi keutamaan sebagaimana janji yang telah dikemukakan oleh Perdana Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Titiwangsa.

11.52 pg

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya membahaskan Usul Pembekalan 2014 atau Bajet 2014. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana

telah berjaya membentangkan bajet yang begitu komprehensif, berwawasan serta berani membawa perubahan pada negara kita yang tercinta ini.

Saya sebut berani kerana itulah satu-satunya Perdana Menteri Malaysia yang berani memperkenalkan satu sistem cukai yang merupakan terbaik di dunia iaitu GST. Dalam keadaan yang mana kita berdepan dengan desakan pembangkang yang menidakkan kebaikan sistem ini walaupun hampir 100 buah negara telah menggunakan sistem ini kecuali Malaysia, Brunei dan Myanmar dalam konteks *ASEAN region*.

Saya tidak berhajat berhujah lebih panjang mengenai sistem ini kerana ramai rakan saya dalam Dewan ini telah berhujah dengan panjang lebar tentang kebaikan sistem ini dalam jangka masa panjang untuk rakyat dan negara. Saya juga telah mencelah dalam beberapa perbahasan semalam mengenai GST ini. Cukup sekadar mengatakan bahawa GST ini akan memberi kebaikan jangka panjang kepada negara. Eksport kita akan lebih kompetitif, kecekapan pungutan cukai kita, mengurangkan birokrasi serta kebaikan kepada rakyat secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh salah satu daripada lima teras dalam Bajet 2014 ini iaitu Menyejahterakan Kehidupan Rakyat. Pertama mengenai perumahan rakyat. Keprihatinan kerajaan dalam mendengar keluhan rakyat mengenai isu rumah mampu milik ini sudah lama ditunggu-tunggukan dengan kerajaan menyasarkan pembinaan sebanyak 223,000 unit rumah mampu milik ini. Ia merupakan satu-satu inisiatif yang ditunggu oleh rakyat selama ini.

Kerajaan juga dengan beraninya memperkenalkan cukai RPGT sebanyak 30% bagi mengekang spekulasi harta tanah ini dari berleluasa di tanah air kita. Ini juga amat saya alu-alukan terutama ia membuktikan bahawa kerajaan berani mengambil tindakan kepada syarikat-syarikat besar walaupun mereka ini membuat tekanan demi tekanan kepada polisi dan dasar kerajaan.

Di samping itu, insentif RM30,000 yang diberi kepada pemaju-pemaju perumahan yang membina rumah-rumah mampu milik ini sangat saya alu-alukan terutamanya kepada pemaju-pemaju swasta yang selama ini menggunakan alasan, pembinaan rumah mampu milik ini tidak menguntungkan mereka untuk membina rumah-rumah mampu milik untuk rakyat.

Seperti yang kita sedia maklum, pembinaan rumah sebanyak 223,000 unit ini dalam masa yang singkat, bukanlah perkara yang mudah. Oleh itu, saya berhadap kerajaan akan mewujudkan satu kaedah *monitoring system* untuk memantau pembinaan rumah-rumah ini mengikut jangka masa serta kualiti yang telah ditetapkan. Kita tidak mahu dalam keghairahan kita mengejar jumlah 223,000 unit ini, rumah-rumah yang kita bina ini tidak mengikut kualiti yang ditetapkan.

Saya ada beberapa cadangan untuk dipertimbangkan oleh pihak kerajaan seperti berikut. Pertama, kawasan perumahan yang dibina rumah-rumah mampu milik ini terutama yang melibatkan kawasan bandar, mestilah ia dibina berdekatan dengan infrastruktur pengangkutan awam seperti MRT, monorel, LRT, komuter ataupun laluan-laluan kemudahan pengangkutan awam yang lain. Sejarah *flat* Pekeliling perlulah dielakkan. Seperti mana yang kita tahu, kawasan *flat* Pekeliling ini adalah satu kawasan perumahan awam. Selepas penduduk-penduduk di situ dipindahkan selama 12 tahun, tempat ini masih kelihatan seperti, hidup segan mati tidak mahu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat syarikat-syarikat besar di negara kita seperti *Sime Darby*, SP Setia, EPL, mereka pergi ke London membangunkan satu kawasan yang dianggap jauh dan tertinggal di London yang kita panggil *Battersea* yang mempunyai tanah seluas 37 ekar di kawasan tersebut. Akan tetapi dalam kawasan kita, di bandar raya Kuala Lumpur ini, kita mempunyai 37 ekar di *flat* Pekeliling ini. 12 tahun terbengkalai. Alasan yang digunakan adalah kerana isu perundangan. Saya rasa, sudah tiba masanya sebagai sebuah kerajaan yang berwibawa, kita memastikan bahawa mana-mana syarikat swasta yang mendapat tanggungjawab untuk membangunkan kawasan ini tidak mengambil masa begitu lama sehingga 12 tahun.

Insentif RM30,000 yang diberi kepada pemaju swasta ini mestilah kita pastikan bahawa insentif ini dibayar kepada pemaju-pemaju swasta ini apabila mereka menjual rumah-rumah mampu milik ini kepada pembeli-pembeli yang pertama. Mereka tidak boleh mendapat insentif ini sekiranya mereka menjual rumah-rumah mampu milik ini kepada mereka yang membeli atas alasan pelaburan iaitu mereka membeli dua unit, tiga unit, empat unit rumah-rumah mampu milik untuk disewakan kepada orang. Maka dengan itu, saya ingin menyarankan kepada pihak kerajaan, mana-mana syarikat swasta yang menjual rumah-rumah mampu milik ini kepada pembeli-pembeli yang lebih daripada pertama kali, maka mereka ini tidak dibenarkan insentif RM30,000 ini...

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Saya hendak tanya Yang Berhormat Titiwangsa, apakah beliau bersetuju bahawa rumah yang akan dibina sebanyak 223,000 unit ini yang mana unsur subsidi kerajaan diletakkan dalam pembinaan ini, dibuat sekatan yang mana mereka tidak boleh jual rumah-rumah yang dibina di atas sifat mampu milik ini selama sepuluh tahun atau 15 tahun? Minta pandangan.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Setiawangsa tersebut. Insentif ini juga hendaklah ditawarkan bukan sahaja kepada pemaju-pemaju besar tetapi hendaklah ditawarkan juga kepada individu-individu yang mempunyai tanah mereka yang kecil tetapi mereka berkemampuan untuk membina enam unit atau lapan unit rumah di atas tanah mereka. Saya mengambil contoh, di dalam kawasan Kuala Lumpur ini kita mempunyai satu perkampungan yang kita panggil Kampong Bharu. Mempunyai 880 lot tanah yang kecil-kecil. 5,000, 6,000 kaki persegi, 7,000 dan 10,000 kaki persegi setiap individu.

■1200

Luas kawasan ini adalah 230 ekar, mempunyai pemilik dan pewaris melebihi 5,000 orang. Kalau kita benarkan insentif ini diagihkan kepada mereka-mereka yang mempunyai tanah yang kecil 5,000 atau 6,000 kaki persegi, dibangunkan unit-unit perumahan, 6 unit ke 7 unit atas tanah tersebut, maka mereka ini juga perlu dipertimbangkan diberi RM30,000 insentif setiap unit yang dibina. Saya juga ingin mencadangkan mana-mana tanah kerajaan yang berdekatan dengan stesen-stesen MRT yang dibina yang saya difahamkan akan terdapat 35 stesen MRT apabila siap kelak. Kalau boleh, tanah-tanah di sekitar MRT ini ataupun yang berdekatan dengan MRT ini diwartakan sebagai tapak rumah mampu milik. Saya dimaklumkan bahawa kebanyakan tanah-

tanah di stesen MRT ini telah dibeli oleh kerajaan sebelum proses pembinaan stesen-stesen MRT ini. Seperti mana yang kita tahu, kalau kita buat rumah yang mahal-mahal, orang kaya duduk di sebelah MRT, mereka pun tak naik MRT. Akan tetapi kalau kita bina rumah-rumah mampu milik ini, sudah tentu ia akan menyebabkan kuasa membeli golongan rakyat berpendapatan rendah ini akan bertambah.

Kerana apa? Kerana mereka sudah tidak payah lagi membayar ansuran kereta, mereka tidak payah lagi nak membayar duit minyak kereta kerana mereka tinggal berdekatan dengan prasarana yang telah disediakan di kawasan perumahan mereka. Saya ambil contoh di dalam kes pembinaan PPR Bukit Jalil. Apabila kerajaan membina PPR Bukit Jalil, yang siap lebih kurang 3,000 unit tetapi waktu ketika pembinaan tersebut, tidak ada infrastruktur pengangkutan di kawasan tersebut. Akhirnya, bertahun-tahun kawasan ini tidak diduduki oleh kerana mereka tak sanggup nak duduk kawasan ini kerana bayar RM124 sewa tetapi tambang nak keluar rumah RM800 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh soal pemberian BR1M ini. *Alhamdulillah*, sekali lagi Kerajaan Barisan Nasional telah memperuntukkan sebanyak RM4.6 bilion kepada 7.9 juta isi rumah untuk menikmati BR1M ini termasuk Skim Insurans Takaful RM30,000. Saya rasa tidak ada mana-mana kerajaan di dunia ini yang prihatin terhadap rakyat sehingga sedemikian rupa...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *Haiya...!*

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Sabar, sabar Yang Berhormat Seputeh. Kadang-kadang saya pun merasa pelik apabila melihat pembangkang mempertikaikan penamatan subsidi 34 sen ini. Kalau kita lihat, jika setiap orang makan satu kilo gula setiap bulan, maka dalam setahun mereka akan makan 12 kilo gula. Kalau satu kilo gula tambahan harga 34 sen, kali dengan 12 bulan, cuma RM4.08 sen. SMS kita satu bulan pun dah lebih RM30...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Titiwangsa.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Sekejap, sekejap. Saya tak habis lagi. Ini Yang Berhormat Shah Alam, dalam Dewan ini semua orang belum tidur, kalau dah tidur saya nak bagi Yang Berhormat Shah Alam cakap pasal Yang Berhormat Shah Alam kalau cakap semua orang boleh bangun. Jadi, jangan buli saya, boleh? Okey. SMS satu bulan pun dah lebih RM30. Maksud saya ialah satu kg gula, kalau kita pakai satu bulan, setiap orang daripada kita pakai 1kg gula, satu kilogram gula, naik 34 sen, kalau satu tahun kita pakai 12 kilogram gula, RM4.08 sen penambahan harga gula setahun kepada setiap individu yang makan 12 bulan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Nanti kejap Yang Berhormat Shah Alam, nanti kejap. Bagi saya habiskan dahulu. Sebab itu kerajaan buat keputusan bayar BR1M RM650 kepada mereka yang berpendapatan hingga RM4,000 pun RM450, yang bujang-bujang pun RM300, dibandingkan kenaikan gula RM4.08 sen kalau pakai 12 kilo. Akan tetapi kalau Yang Berhormat Shah Alam pakai 40 kilo satu bulan, kalilah dengan 34 sen, kali 40 kilo. Termasuk golongan-golongan yang mempunyai pendapatan sederhana. Golongan yang berpendapatan

sederhana juga kalau mereka mempunyai gaji RM8,000, walaupun mereka tidak dapat BR1M RM650, RM450 atau RM300 tetapi oleh kerana kerajaan memberi pengecualian cukai tambahan sebanyak RM2,000, maka golongan yang berpendapatan RM8,000 ini juga mendapat *savings* sebanyak RM480 setahun. Saya ada beberapa cadangan tentang penambahbaikan cara bagaimana skim ini diagihkan kepada rakyat.

Pertama, bayaran BR1M ini hendaklah dilakukan secara terus oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri tanpa melalui mana-mana pejabat politik ataupun pejabat wakil rakyat. Lembaga Hasil Dalam Negeri hendaklah melantik setiap kawasan Parlimen, pegawai-pegawai penyelaras Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi menyelesaikan kes-kes yang tertinggal ataupun terlepas pandang untuk mendapat BR1M ini. Bagi mereka yang mempunyai akaun bank, bolehlah dibayar terus ke dalam akaun penerima. Mana-mana yang tiada akaun bank atau duduk di luar bandar seperti Sabah dan Sarawak, kerajaan bolehlah mengekalkan sistem yang sedia ada kerana ia boleh mengurangkan kesesakan apabila proses pengagihan BR1M ini dilakukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Katil bangun, Yang Berhormat.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: *Last.* Kerajaan juga mesti menetapkan mana-mana syarikat yang terlibat dalam menyediakan skim insurans untuk iBR1M ini hendaklah memproses *claim* tidak lebih daripada dua minggu. Mana-mana syarikat insurans yang terlibat dalam skim ini yang gagal berbuat demikian, perlulah dikeluarkan daripada terlibat secara langsung dalam skim ini. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang inisiatif kerajaan memperkasakan bumiputera. Di kesempatan ini saya juga mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana mewujudkan dana khas pembangunan semula tanah rizab Melayu sebanyak RM200 juta. Kebetulan kawasan yang disebut dalam ucapan Perdana Menteri itu ialah Kampung Baru, Kampung Pandan dan Datuk Keramat adalah kawasan dalam Titiwangsa.

Saya ada beberapa cadangan supaya keberkesanan dana ini dapat dinikmati oleh kaum bumiputera. Yang pertama, saya minta supaya kerajaan memikirkan bahawa syarat-syarat untuk mendapat dana ini perlulah dilonggarkan. Umur dan pendapatan setiap pemohon itu perlulah kita lebih fleksibel. Nombor dua, faedah yang dikenakan mestilah tidak melebihi 4%. Tempoh bayaran kalau boleh biarlah lebih 30 tahun. Tiada sebarang cagaran diperlukan. Dana ini bolehlah digunakan untuk membangun rumah ataupun premis perniagaan dalam kawasan-kawasan perkampungan tersebut. Proses kalau boleh biarlah tidak terlalu birokrasi. Setiap kali permohonan mestilah ada jawapan dalam masa dua atau tiga minggu. Akhir sekali, saya ingin menyentuh mengenai subsidi bahan api ataupun petroleum.

Seperti mana yang kita ketahui, jumlah subsidi kerajaan hampir mencecah RM47 bilion. D daripada jumlah ini, sebanyak RM24.8 bilion ataupun 53% adalah subsidi produk petroleum. D daripada RM24.8 bilion ini pula, dianggarkan hampir RM2 bilion kepada penjana-penjana bebas swasta ataupun IPP- *independent power plant*. RM2 bilion ini adalah satu *pass-through cost* yang mana telah dinikmati oleh semua golongan. Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita mempunyai 12 IPP- *independent power plant* di mana 10 menggunakan gas dan 2 menggunakan arang batu atau *coal*.

Jumlah kapasiti yang dianggarkan yang diproduce oleh IPP ini ialah sebanyak 10,300 megawatt. Jumlah *capacity generation* dalam negara adalah sebanyak 21,800 megawatt. Ini bermakna 47% daripada kapasiti yang datang daripada *independent power plant* ini adalah datang daripada sumbangan pihak swasta. 47%, bayangkan Tuan Yang di-Pertua, kalau 47% ini *suddenly* hilang dalam *system generation* kita, sudah tentu negara kita ini ada masalah. Malangnya setiap kali isu subsidi ini dibincangkan, berbagai tuduhan liar yang dikeluarkan oleh pihak pembangkang mengenai RM2 bilion subsidi bahan api ini. Kononnya ia dinikmati oleh syarikat-syarikat IPP ini.

■1210

Cadangan saya, oleh itu untuk menunjukkan ketelusan kerajaan dalam hal ini, saya ingin mencadangkan beberapa perkara untuk menambahbaikan persepsi buruk yang diputar-belitkan oleh pembangkang tentang isu IPP ini. Pertama, semua kos bahan api dan gas yang dihantar oleh Petronas kepada IPP ini, hendaklah dibilkan terus kepada TNB. Tidak payah lagi melalui IPP. Seperti mana arang batu. Sekarang ini kalau mana-mana pihak swasta yang mengendalikan *power plant* ini yang ada sistem menggunakan arang batu, mereka tidak beli arang batu, tetapi yang beli arang batu ini adalah TNB. TNB cuma menghantar sahaja arang batu kepada mereka secara terus ke tempat-tempat *generation* mereka.

Akan tetapi apabila sebut pasal gas, Petronas akan hantar gas dan bil kepada IPP ini dan kemudian IPP ini akan menghantar bil ini, membayar kepada Petronas dan mengebilkan kepada TNB. Jadi untuk menunjukkan ketelusan, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya memikirkan sistem yang sama bagaimana ia buat terhadap *coal*, begitu juga kepada gas dan kepada *independent power plant* ini mereka serahkan kepada pihak TNB untuk berunding terus dengan pihak Petronas, supaya IPP ini tidak terlibat langsung walaupun selama ini ia adalah hanya *pass-through cost*.

Kedua, mana-mana IPP yang sudah atau tamat *power purchase agreement* mereka, mereka hendaklah menawarkan sekurang-kurangnya 50% saham-saham mereka ini kepada pihak kerajaan atau mengurangkan kadar tarif mereka sehingga mencapai *cost plus margin operation*. Mana-mana *power plant* baru yang dibangunkan atau hendak dibangunkan, keutamaan hendaklah diberi kepada TNB secara eksklusif. Apabila TNB tidak mahu lagi untuk ataupun sudah tidak boleh hendak buat, tidak berkeupayaan buat, barulah kita menawarkan kepada pihak swasta untuk terlibat secara tender terbuka.

Akhir sekali pandangan saya untuk menjadi sebuah negara. Kita bukan sahaja memerlukan kerajaan yang adil, berwawasan serta berhemah, tetapi kita juga mesti mempunyai sekumpulan pembangkang yang mempunyai pemikiran yang maju, menyokong perkara-perkara yang dilaksanakan oleh kerajaan yang akan memberi manfaat kepada rakyat untuk jangka masa panjang. Sekian saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya ada senarai nama-nama yang dikemukakan oleh *Whip* parti. Akan tetapi senarai yang dikemukakan oleh DAP seorang pun tidak ada dalam Dewan. Nama yang dikemukakan oleh DAP tidak ada seorang pun dalam Dewan. Saya panggil Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Nombor tiga Tuan Yang di-Pertua. Ada *list* itu mungkin telah ditukar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya pandai baca Yang Berhormat. Nama Yang Berhormat tidak ada.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Betul kah? Itu *list* Barisan Nasional buat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *I called you* Yang Berhormat Ipoh Barat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Ketawa]*

12.13 tgh.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Mesyuarat CHOGM yang akan diadakan di Sri Lanka pada bulan November ini, memberi satu peluang untuk negara kita, supaya kita dapat memberi reaksi, apa yang telah terjadi di negara tersebut. Di mana lebih 100,000 orang telah dibunuh semasa perang saudara dan di antara mereka adalah 100% masyarakat Tamil dan lebih beribu-ribu telah hilang di sana.

Difahamkan Presiden dan Kabinet Sri Lanka terlibat, *the hands of bloody* dan ini perlu perhatian kerajaan. Apa yang sedang diutarakan oleh beberapa negara dan juga NGO-NGO dan Ketua-ketua Masyarakat Negara ini adalah supaya Perdana Menteri kita boikot persidangan tersebut yang akan diadakan pada 10 November hingga 17 November di Colombo. Baru-baru ini DAP telah *adopt* satu resolusi iaitu memohon agar kerajaan juga boikot Mesyuarat CHOGM tersebut. Perdana Menteri Kanada juga telah memberitahu pandangan beliau, bahawa beliau sendiri dan kerajaannya tidak akan terlibat dalam apa-apa hal berkaitan dengan CHOGM di Sri Lanka.

Antara sebab-sebab yang dia beritahu, saya petik apa yang tertulis dalam media yang dikeluarkan oleh kerajaan tersebut Tuan Yang di-Pertua. "*When Sri Lanka was selected to host the 2013 Commonwealth Heads of Government Meeting, Canada was hopeful that the Sri Lankan Government would seize the opportunity to improve human rights conditions and take steps towards reconciliation and accountability. Unfortunately, this has not been the cause. Canada is deeply concerned about the situation in Sri Lanka. The absence of accountability for the serious violations of human rights and international humanitarian standards, during and after the Civil War is unacceptable. Canada noted with concern the impeachment of the Sri Lankan Chief Justice earlier this year, and we remain disturbed by ongoing reports of intimidation and incarceration of political leaders and journalists, harassment of minorities, reported disappearances, and allegations of extra judicial killings. Canada believes that if the Commonwealth is to remain relevant, it must stand in defense of the basic principles of freedom, democracy, and respect for human dignity, which are the very foundation upon which the Commonwealth was built. It is clear that the Sri Lankan Government has failed to uphold the Commonwealth core values, which are cherished by Canadians. As such, as the Prime Minister of Canada, I will not attend the 2013 CHOGM in Colombo, Sri Lanka. This is a decision that I do not take lightly.*

“Canada will continue to monitor events in Sri Lanka and urge the government to implement fully the recommendations of the Lessons Learnt and Reconciliation Commission, to promote respect for human rights and the rule of law, and undertake an independent investigation into alleged violations of the human rights of thousands of civilians at the end of the conflict. Canada will continue to work with our partners and through the United Nations to draw attention to the situation in Sri Lanka.”

Ini adalah keadaan pendirian dan asas di mana Kanada telah membuat keputusan. Saya harap semua yang saya baca isu-isu yang sangat mendalam itu, adalah berkaitan dan kena-mengena dengan Malaysia. Malaysia juga pada tahun dahulu telah tidak menyokong Sri Lanka dan telah bersetuju - walaupun tidak mengundi bersetuju. Akan tetapi tidak ada apa-apa halangan kepada tiga perkara yang telah dibuat oleh *United Nations Human Rights Council*. Ketiga-tiga perkara tersebut adalah dengan izin, *“on how the Sri Lankan Government will address the alleged violation of international humanitarian laws. Ask how Sri Lanka will implements the recommendations of enterer inquiry into the war, encourages the United Nations Human Rights office to offer advise and assistant and the government to accept such advise.* Ini semua adalah resolusi-resolusi yang telah dibentangkan oleh *United States*, di mana telah diterima oleh *Human Rights Council* dan Ketua Caucus kita adalah, Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bercadang untuk memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, apabila kita sebut Tamil di Sri Lanka, ia bukan sahaja merujuk kepada Tamil beragama Hindu, tetapi ramai Tamil di Sri Lanka yang juga beragama Islam dan Kristian.

Jadi Kerajaan Sinhalese, bukan sahaja tidak memberikan keadilan kepada Tamil beragama Hindu tetapi ramai juga golongan Kristian dan Islam yang dikenakan tindakan yang sama. Seperti contoh, apabila peperangan tamat, rakyat jelata yang tidak terlibat secara langsung dalam peperangan ini dikurung dalam kem 2,000 hingga 3,000 dalam satu kem. Lelaki wanita dan kanak-kanak. Terdapat cuma dua *toilet* dalam kem-kem tersebut dan mereka terpaksa berbaris dua tiga jam untuk ke *toilet*.

■1220

Anak-anak tidak ke sekolah. Kemudian, masjid-masjid diruntuhkan. Kalau sekiranya ada barang-barang yang dicop halal, kedai yang menjual cop ini dibakar. Jadi saya melihat sendiri di Sri Lanka dan ini berterusan. Adakah Yang Berhormat merasakan tindakan Kerajaan Malaysia untuk mengalihkan diri di CHOGM kali ini sesuatu yang tidak kena pada tempatnya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Nombor satu, beliau adalah *Chairman Caucus* Pelarian Sri Lanka di Malaysia dan saya difahamkan Yang Berhormat juga telah dipelawa untuk pergi ke Sri Lanka pada bulan hadapan oleh Australia dan beberapa Ahli Parlimen di seluruh dunia. Saya harap selepas penyiasatan, *on*

the ground look, boleh memberitahu kepada kita semua apa keadaan di sana dan saya juga ada pengetahuan bahawa dua tahun dahulu Yang Berhormat sendiri telah pergi dengan beberapa Ahli Parlimen ke Sri Lanka untuk mengetahui *on the ground* situasi dalamnya.

Saya setuju Yang Berhormat, ramai di antara rakyat Malaysia tidak tahu bahawa walaupun saya seorang Tamil tetapi di antara orang Tamil, ada yang ramai itu ialah orang Islam dan ada ramai juga Kristian. Mereka semua telah- ramai di antara yang dibunuh di Sri Lanka adalah dari masyarakat Tamil. Terdapat lebih kurang 10% kalau tidak silap saya Yang Berhormat adalah dari masyarakat Muslim di Sri Lanka di mana mereka adalah dari masyarakat Tamil. Saya difahamkan bahawa Yang Berhormat akan berjumpa dengan ketua-ketua orang Islam Tamil semasa lawatan. Mungkin ini semua perlu perhatian kerajaan...

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Penjelasan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ...Kita supaya dapat satu konkrit keputusan dibuat. Jangan kita - kerana *for a few dollars and cents* dengan kontrak-kontrak yang boleh diterima dan dapat dari Sri Lanka, kita menjual maruah dan hak sebagai ahli hak asasi dunia. *We are reputed one of the very good countries* dalam hal di mana kita menghulurkan beberapa perkara terhadap lain-lain negara. Kenapa pula dengan Sri Lanka kita tidak mengambil tindakan sedemikian?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak beri jalan Yang Berhormat?

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Penjelasan, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menyedari kepada apa yang telah dijelaskan tadi, saya rasa kita menginsafi apa yang berlaku di Sri Lanka itu satu perkara yang begitu malang sekali. Jadi setujukah Yang Berhormat Ipoh Barat kalau kita katakan di sini bahawa rakyat Malaysia secara keseluruhan, kita semua ini tanpa mengira bangsa, kaum dan agama. Maknanya kita ini sepatutnya bersyukur kerana kita mendiami sebuah negara yang begitu aman, tenteram dan saling menghormati di antara satu sama lain. Jadi setujukah Yang Berhormat Ipoh Barat kalau kita sama-sama menyatakan pandangan tersebut?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tidak ada isulah Yang Berhormat, tidak berkaitan dengan apa yang saya hujah sekarang. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara-perkara yang saya telah beritahu dan juga pendirian kerajaan-kerajaan luar negara, maka harapan kami adalah bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak akan menghadiri CHOGM di Sri Lanka. Pada 3 Julai Tuan Yang di-Pertua, semasa Pusat Komuniti Masyarakat (KOMAS), satu NGO yang telah ditayangkan, banyak gambar mengenai apa yang telah terjadi di seluruh dunia mengenai hak asasi dan sebagainya telah mengadakan satu pertunjukan filem di Kuala Lumpur, *Chinese Chamber Hall*, di mana yang diuruskan oleh Cik Lena Hendry.

Semasa itu saya pun menghadirinya dan itu adalah pada sebelah petang. Pagi itu, lebih kurang pukul 1 pagi, *film "No Fire Zone"* pun telah ditayangkan di Parlimen sendiri di Bilik Jawatankuasa di mana lebih daripada 20 Ahli Parlimen diketuai oleh sahabat saya Yang Berhormat Sungai Petani, di mana kita tahu keadaan apa yang terjadi di Sri Lanka, tetapi apabila

ia ditayangkan di Kuala Lumpur pihak imigresen, pihak polis, pihak KDN telah serbu ke tempat tersebut dan tangkap dan ingin menahan pertunjukan *film* tersebut.

Film "No Fire Zone", saya difahamkan ada desakan-desakan yang tertentu yang telah dibuat oleh *Embassy* Sri Lanka. Di antaranya, duta besar dia sendiri telah pergi ke tempat tersebut di mana tayangan dibuat satu hari sebelum itu dan memberi pandangan beliau bahawa *film "No Fire Zone"* ini patut tidak ditayangkan. Tempat itu tidak patut dibenarkan menayangkan gambar tersebut, "*No Fire Zone*". Walhal *film "No Fire Zone"* kalau kita tengok dalam *net, it is easily* boleh *download, available*. Kenapa ada bantahan tersebut? Akan tetapi ini adalah bantahan yang dibuat oleh Duta Sri Lanka dan Kerajaan Sri Lanka. Selepas itu mereka menghantar surat kepada organisasi tersebut dan memberitahu bahawa bantahan itu telah dimaklumkan kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN), maka *film* tersebut tidak boleh ditunjukkan di tempat tersebut.

Ini menghairankan kerana kami difahamkan kerana desakan atau *pressure* oleh kedutaan tersebut, maka kerajaan mengambil tindakan. *Have we been 'caught' by Sri Lankan Embassy? Have we been bought over or under pressured from them?* Apa sudah jadi? Kita tidak ada kebebasan. Kalau menunjukkan gambar dalam bandar atau di satu *hall* adalah salah, kita menunjukkan filem tersebut di Parlimen pun salah juga. Kenapa tidak ada apa-apa tindakan? *We are above the law?... No!* Kenapa kita terikat dengan desakan oleh Kedutaan Sri Lanka? Saya harap kerajaan dapat memaklumkan apakah pandangan mereka, dan adakah kerajaan akan menggugurkan semua tindakan terhadap Cik Lena Hendry yang membuat secara tulus dan ikhlas untuk orang ramai mengetahui perkara ini.

Ini bukan menghairankan sesiapa, kerana kalau kita pergi ke *internet, film "No Fire Zone" is easily available, can be downloaded*. Sekarang pun boleh *download*. Jadi kenapa apabila ia ditayangkan, ada bantahan? Kalau ada bantahan pun, itu bantahan dari luar negara, satu kedutaan luar negara, *interfered with our local issues*. Kenapa tidak ada? Sepatutnya, duta itu patut dipanggil dan diberi amaran, jangan terlibat dalam hal-hal dalam negeri.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan perkara di mana baru-baru ini beberapa sekolah kita dapat tahu bahawa lembu telah disembelih. Pada asasnya tidak ada bantahan terhadap perkara ini kalau ia dijalankan seperti biasa di mana 100% murid-murid adalah dari masyarakat Muslim, tidak ada bantahan. *That is up to them*. Akan tetapi di mana di negara kita ada *multi lingual, multi language, multi religious society* di mana Cina, Melayu, India, Kadazan dan Iban semua sekali di dalam satu sekolah. Ramai di antaranya atau 40% adalah bukan Islam. Itu bukan satu tempat di mana penyembelihan lembu boleh dijalankan, boleh dibenarkan.

Saya difahamkan Timbalan Menteri Pendidikan (II) telah dimaklumkan dan beliau sangat kesal kepada kejadian tersebut. Akan tetapi yang menghairankan kita adalah penyembelihan lembu itu dari segi undang-undang adalah seperti *abattoir*, di mana ia ada kelulusan yang tertentu, lesen yang tertentu, maka tempat itulah patut digunakan untuk penyembelihan lembu. Bukan di tempat terbuka di kalangan orang ramai, tidak ada mengikut lunas undang-undang. Di sekolah-

sekolah di mana ada ramai orang yang bukan Islam yang mengesalkan hati mereka dan setiap sensitiviti kepada masyarakat mereka. Bagaimana ia boleh dibenarkan?

Dan saya difahamkan Timbalan Menteri Pendidikan (II) telah baru-baru ini kalau kita baca di *net* ada mengenai pandangan beliau. Saya setuju dan saya sokong pandangan beliau. Beliau juga kata ada *circular*. Ini kerana adakah *circular* berkaitan dengan perkara itu? Kalau ada *circular* yang mengatakan sembelih lembu di sekolah-sekolah tidak dibenarkan, maka ia perlu diberitahu kepada semua pihak yang kena mengena dengan perkara tersebut. Akan tetapi yang menghairankan saya semalam, Timbalan Menteri Pendidikan II telah mengatakan bahawa, ini mustahil, penyembelihan lembu yang patut dibenarkan dan sebagainya.

Jadi siapa yang cakap benar? Adakah Menteri Pendidikan atau Timbalan Menteri Pendidikan II, atau Kementerian Pendidikan? Semua ini kecoh. *They are not sure at all* dan lebih-lebih lagi, Timbalan Perdana Menteri, kenapa beliau diam? *Silent is acceptance, silent is agreement*. Macam ada?

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Penjelasan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Apakah pendirian beliau?

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Penjelasan. Boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa Yang Berhormat Ipoh Barat, isu-isu seperti ini tidak perlu diperbesarkan. Kita berada dalam suasana dan keadaan yang sentiasa saling boleh menerima di antara satu sama lain.

■1230

Isu penyembelihan lembu di kawasan sekolah itu bukan dibuat di hadapan pelajar-pelajar bukan Islam. Mereka tidak terlibat pun dan tidak dijemput pun untuk ke majlis yang berkenaan. Menyembelih lembu korban itu kita kena faham, ia bukan merupakan penyembelihan biasa. Ia adalah sebahagian daripada subjek dan korban di dalam subjek agama Islam yang diajar di sekolah-sekolah termasuk di dalam subjek fikah dan ia juga adalah merupakan satu praktikal kepada pengajaran bagaimana sembelihan yang betul dan sewajarnya dibuat. Ia adalah satu program yang eksklusif. Jadi dalam hal ini tidak timbul isu sentimen orang itu rasa kecil hati dan sebagainya.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih, terima kasih. Ya, cukup, cukup. Cukup, cukup.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Saya hendak jelaskan...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Cukup, cukup! Tidak perlu jelaskan. Biar Menteri jelaskan.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Kalau kita hendak mainkan isu ini, kita juga tidak boleh terima isu macam mana orang India mengadakan perarakan, macam mana orang Cina mengadakan perarakan. Selama ini keadaan berlaku cukup baik. Kita saling menghormati. Kita tidak kisah pun bila orang India membuat perarakan Thaipusam...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Semua orang berhenti dan memberikan penghormatan. Semua perkara ini sudah cukup elok dan cukup baik. Jadi jangan dipanaskan lagi isu ini...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Cukup, cukup. Cukup!

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Nombor satu, pandangan itu tidak ada kena mengena, *totally irrelevant*. Nombor dua, *you cannot compare apple and orange*. Perkara yang lain.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: *What is the different*, apa beza? Apa beza dengan *orange*? Apa kena *apple* dengan *orange*? Ini isu yang sensitif, yang sepatutnya kita kena terima. Ini kontrak sosial.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ketiga, Tuan Yang di-Pertua. Adakah ia mengikut lunas-lunas undang-undang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Is it an abattoir? Is there license to do it?* Itu yang saya katakan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan sebelum ini. Selepas itu Perkasa juga, Perkasa suruh Yang Berhormat Timbalan Menteri meminta maaf dan menarik balik pandangan beliau dan sebagainya. Adakah semua ini dipressure oleh *the rightist group*? Saya berpendapat bahawa kalau mengikut lunas undang-undang, tidak ada masalah. Sembelih lembu atau binatang-binatang lain, tidak ada masalah langsung. Akan tetapi bukan di sekolah. Itu menjadi satu perkara yang mustahak. Itu nombor satu.

Kedua, di negeri ini di mana ada *multination, multi-religious*. Maka itu, perlu pihak-pihak berkaitan mengambil kira. Kita sudah ada masalah sekarang Tuan Yang di-Pertua, yang mana sekolah-sekolah kebangsaan tiap-tiap tahun peratusan orang yang bukan Islam menurun. Sekarang lebih kurang 93% masyarakat Cina menghantar anak-anak mereka ke sekolah Cina. Lebih daripada 60% masyarakat Tamil menghantar anak-anak mereka ke sekolah Tamil dan menjadikan sekolah kebangsaan bukan satu sekolah di mana kita perlu mengajak, kita perlu memberi lebih ruangan supaya tempat-tempat di mana pembelajaran dan sebagainya diberi keutamaan dan bukan kepada perkara-perkara yang sensitif kepada agama-agama yang lain. Ini mustahak. Jangan kita ikut, jangan kita terikat dengan pandangan Ketua Pemuda Perkasa yang mana beliau sangat kuat dengan kritikan-kritikan dan pandangan beliau.

Saya hairan ada juga Ahli Parlimen sependapat sedemikian. Saya harap kerajaan dapat membuat satu keputusan *because this is all new culture*. Semasa saya belajar, saya dalam sekolah kebangsaan. Tidak ada isu sedemikian. Tidak pernah sekali pun walaupun ada sekolah agama, kelas agama dijalankan. Tidak ada. *This is all new phenomena* yang perlu kita ambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga ingin mengambil perhatian kepada apa yang diberitahu oleh Perdana Menteri hari itu. Dia kata, '*rumba nandri*' kepada masyarakat India.

Katakan terima kasih banyak kerana mereka semua menyokong Barisan Nasional. Nombor satu, itu tidak benar. Ini kerana daripada *survey* yang telah dibuat menunjukkan lebih dari 65% masyarakat India tidak terpedaya dengan Barisan Nasional. Mereka tidak undi kepada Barisan Nasional. Itu nombor satu.

Kedua, beliau mengatakan beliau akan menyalurkan RM100 juta untuk menolong anak-anak India untuk *training* dan sebagainya. Akan tetapi kalau kita tengok Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap tahun Menteri Kewangan membuat macam-macam janji. Akan tetapi saya hendak pergi balik kepada janji yang beliau buat pada bajet tahun 2012. Tiga janji yang berkaitan dengan masyarakat India.

Pertama, beliau kata beliau akan agihkan sebanyak RM50 juta untuk satu *training course* kepada 3,200 anak-anak masyarakat India untuk *retraining* dalam *industrial* dan sebagainya. Saya hendak tanya. Apakah kejayaan tersebut? Bukankah benar bahawa tidak ada kursus-kursus sedemikian? Kerajaan pada 10 Jun 2010 telah menubuhkan satu jawatankuasa khas, *special task force for Indian issues* yang diketuai oleh Menteri Kesihatan sekarang. Apakah dasar-dasar yang tertentu yang telah dibuat, yang telah betul-betul berjaya untuk membangunkan, untuk mengambil kira masalah masyarakat India. Adakah RM50 juta ini telah dibuat sedemikian? Selepas itu Tuan Yang di-Pertua, RM50 juta lagi telah diagihkan melalui TEKUN...

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: [*Bangun*]

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya telah menerima banyak aduan di mana ratusan orang memohon pinjaman daripada TEKUN tetapi tidak mendapat *privilege* tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Serdang bangun.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Saya hendak minta penjelasan ataupun pertanyaan kepada Yang Berhormat Ipoh Barat di mana sebelum PRU ke-13, Pengerusi Hindraf, P. Waytha Moorthy telah menandatangani satu *Hindraf blueprint*, MoU. untuk melaksanakan *Hindraf blueprint* dengan Perdana Menteri. Saya hendak tanya Yang Berhormat Ipoh Barat, sama ada terdapat apa-apa daripada *Hindraf blueprint* ini yang dikeluarkan ataupun dibincangkan dalam Bajet 2014? Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Yang Berhormat Serdang. Itu bukan *blueprint*, Tuan Yang di-Pertua tetapi *black print*. Semua yang dia cakap tidak ditunaikan. Nombor satu, bila Senator P. Waytha Moorthy tandatangan, dia adalah satu di antara individu di seluruh negara, di seluruh dunia di mana dia mogok lapar sehingga menjadi Timbalan Menteri. Tidak pernah mana-mana di seluruh dunia tidak ada orang macam itu. Dia mogok lapar selepas itu dapat jawatan Timbalan Menteri...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ipoh Barat dengki.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Tidak ada kena mengena.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ipoh Barat cemburu itu.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Itu nombor satu. Kedua...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ipoh Barat cemburu sahaja.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Itu nombor satu. Tuan Yang di-Pertua, nombor dua adalah bila MoU di *sign*, Yang Berhormat Serdang. Tahun 2011, kerajaan mengatakan, "*We are going to help the Indians. We are not like ever before. Nambike, trust us.*" Tipu helah nombor satu. Pergi ke *function* dekat tokong. Perdana Menteri pergi. Dulu tidak pernah pergi. Oleh kerana pilihan raya sudah dekat, pergi. Cakap apa? Di antaranya beliau kata, kita akan bagi *scholarship*. Kita bagi *matriculation* lebih 1,000 kerusi. Daripada 556 kerusi kepada 1,556 kerusi. Tahun 2011, bila saya bangkitkan perkara itu di Parlimen, jawab, "Oh baru akan diimplementasikan. Kita akan buat..." dan sebagainya. Tahun kedua, 2012, pun tidak capai. Semua tipu. Sekarang, *memorandum of understanding*, lagi besar punya tipu! Bukan 1,500, Senator P. Waytha Moorthy, apa dia kata?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ini dengki, dengki, dengki.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Kita akan naikkan ke 2,200 tempat matrikulasi. *Dey*, 1,500 pun tidak capai, apa lagi 2,200?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: '*Dey!*' Apa itu '*dey*'?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Perdana Menteri mari cakap. Timbalan Perdana Menteri pun. *All empty promises*. Inilah, *black print [Disampuk]*

Akhir sekali, *special* RM100 juta untuk sekolah-sekolah Tamil. Tahun dulu mana wang itu pergi? Siapa yang menguruskan? Siapa yang dapat kontrak? Saya baca surat khabar Tamil. Ada lawan di antara Ahli-ahli MIC. Dia kata dia hendak kontrak ini, dia hendak kontrak itu tetapi tidak dapat. Daripada RM100 juta. Apa sudah jadi? Ini tiga janji yang dijanjikan oleh Kerajaan Barisan Nasional tahun dulu. *Not in Budget 2014*, Tuan Yang di-Pertua. Tahun 2012 pun belum lagi dicapai. Janji pandai tetapi tidak tunaikan. Semua cakap kosong [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bangkitkan *International Criminal Court* dan *agreement for The Arms Trade Treaty*. Baru-baru ini saya difahamkan kerajaan telah menandatangani *The Arms Trade Treaty*. Apakah rasional kerajaan menandatangani dan sebelum menandatangani, apakah yang kerajaan telah janji dan apa yang akan dibuat selepas perjanjian tersebut?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: [*Bangun*]

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Macam mana ia akan diimplementasikan di negara ini?

■1240

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lenggong bangun.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: ...Memandangkan senapang-senapang kecil yang senang diperoleh di merata-rata dan adakah ATT ini, *Arms Trade Treaty* boleh mengawal perkara sedemikian.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Satu lagi ialah *International Criminal Court* di mana pada tahun 2012, *1st July* di mana...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ipoh Barat, bagi Lenggonglah. Tidak syoklah cakap sorang-sorang.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tidak cukup masa.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Takutkah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: [*Ketawa*] Tidak. Bukan Yang Berhormat, Perdana Menteri mari pun saya tidak takut. *You* apa?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *You* takutlah. *Confirm you* takutlah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Kecil punya.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Kalau *you* berani, bagilah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *You* kawan saya. Bukan, saya tidak cukup masa.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Bagilah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya minta maaf.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *Confirm you* takutlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah gaduhlah Yang Berhormat hendak minta jalan, yang bagi jalan pun tidak payah gaduh.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat, sebenarnya kalau tengok apa yang kerajaan bagi, yang telah lakukan kepada masyarakat India ini banyak. Tengok dari segi pembangunan meningkatkan jumlah sekolah Tamil satu. Setakat ini tidak kurang daripada RM540 juta. Kemudian kita ada program-program meringankan kos pendidikan, meningkatkan peluang melanjut ke pengajian tinggi, melancarkan insentif latihan kemahiran. Banyak Yang Berhormat. Apa yang kerajaan buat kita tunai, yang tidak tunai ini DAP sahaja.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Okey, terima kasih. Faham, faham.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Di Kampung Buah Pala janji pun tidak tunai Yang Berhormat. Ha, tengok tidak tunai pun.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat, itu bukan apa yang kerajaan buat. Itu betullah kewajipan mereka untuk buat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ha, pula. Tadi kata macam mana?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Kewajipan mereka tetapi bila kamu janji kata...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ini pusing sana, pusing sini.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: ...*You* hendak bagi 2,200 tempat di matrikulasi, bila kerajaan janji akan bagi RM50 juta untuk TEKUN, bila kerajaan cakap dia akan bagi RM3,200 kepada anak-anak masyarakat India menolong mereka dalam...

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Pergi tengok di matrikslah. Pergi tengok di matriks.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: ...Ini semua tidak ditunaikan.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Pergi tengok di matriks berapa ramai pelajar India di sana.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Bukan ini yang kita tanya, bukan ini yang kita tanya. Kerajaan sendiri untuk membeli hati masyarakat India, tidak ditunaikan. Itu yang saya kata. Sekolah-sekolah Tamil yang sangat teruk di luar bandar, kita mohon ia dipindahkan ke bandar pun belum lagi. Beratusan sekolah tersebut.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ayer Hitam bangun Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *International Criminal Court* Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Akan tetapi masa Yang Berhormat sudah habis.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tidak cukup masa. Tuan Yang di-Pertua, *International Criminal Court* di mana pada tahun 2011 bulan Mac bila kita ada *Asia Pacific Conference* di Parlimen ini, di mana kerajaan lepas itu Kabinet telah mengisytiharkan akan menjadi ahli Mahkamah Jenayah Antarabangsa. Sekarang sudah jadi lebih dua tahun. Setakat ini 122 negara telah menjadi anggota, tetapi kenapa keengganan negara kita? Kenapa Peguam Negara saya difahamkan dengan Yang Berhormat Padang Rengas tahun dahulu dengan tujuh Ahli Parlimen telah pergi ke Rom, telah pergi ke beberapa negara di...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Ayer Hitam mahu cakap. Bagi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: ...Eropah di mana kerajaan...

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: ...Telah memberitahu bahawa tidak lama lagi akan menandatangani dan akan menjadi anggota *Rome Statute of the International Criminal Court*, tetapi setakat ini belum terjadi. Kenapa ia lambat? Juga di mana pengangguran, hari itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan 3.2%...

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Kita perlu satu asas yang tertentu menunjukkan macam mana kerajaan memperoleh 3.2%, walhal tidak ada penganggur-penganggur mendaftar dengan kerajaan. Tidak ada inisiatif sedemikian. Ini adalah satu angka yang diambil tidak ada asas-asas tertentu. Di Malaysia ada ramai di antara graduan-graduan yang menganggur. Ada ramai di antara masyarakat kita yang menganggur dan satu di antara sebabnya ialah terlampau ramainya pekerja asing di negara ini.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalankah Yang Berhormat?... Tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: 22 Ahli Parlimen telah pergi ke Korea di mana...

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat Ipoh Barat tidak beranikah?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: ...Kita hairan dengan pekerja-pekerja asing di sana kerana tidak ada satu pekerja asing pun Tuan Yang di-Pertua *with the economy* sedemikian. Semua itu adalah di Korea. Seramai 22 Ahli Parlimen yang pergi dan kita percaya itu adalah kerana pekerja-pekerja di sana dibayar dengan gaji lumayan, diberi dengan inisiatif-inisiatif yang tertentu kepada *single mothers*, kepada wanita dan sebagainya. Mereka semua pergi bekerja, tidak perlu kita adakan masyarakat luar negara atau masyarakat asing untuk bekerja di negara ini. Sekarang walaupun pengangguran kerajaan cakup 3.2%, saya hendak asas-asas yang tertentu menunjukkan adakah sedemikian.

Kalau sedemikian, *we are develop status*, kita ada *full employment status*, kenapa kita tidak ikut sistem yang sedia ada di luar negara macam di Australia, New Zealand dan di Eropah. Kalau ada *full employment*, dia ada *unsalaried, unemployment benefit*. Kenapa ia tidak ada di negara ini? Menunjukkan ada sesuatu yang hilang. Sesuatu *lacuna*, sesuatu yang tidak kena.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Satu di antaranya kita perlukan ada satu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya tidak benarkan Yang Berhormat kerana Yang Berhormat Ipoh Barat sudah habis masa.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Minta maaf. Jadi ini adalah perkara yang kita perlu satu *fund* yang asingkan untuk menolong sesiapa yang menganggur di negara ini untuk mengatasi pengangguran.

Satu lagi perkara adalah di Cameron Highlands Tuan Yang di-Pertua, di mana kerap kali hakisan tanah, banjir, suhu yang panas dan sebagainya. Ini bukan perkara baru. Sudah lama terjadi dan saya pun sudah bangkitkan perkara ini di Dewan ini beberapa kali dan kejadian yang telah berlaku minggu dahulu di Bertam Valley di mana tiga orang meninggal dunia. Ini semua adalah boleh disalahkan terhadap Kerajaan Barisan Nasional kerana mereka kurang kawal selia, kurang mengambil perhatian kepada perkara yang terjadi yang mungkin akan jadi lebih teruk di tempat-tempat lain. Saya difahamkan hidro dam itu tidak sesuai langsung...

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur, saya sudah katakan tadi saya tidak benarkan.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Saya hendak minta penjelasan dengan Yang Berhormat Ipoh Barat sahaja. Singkat, penting. Ini penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat! Kenapa ini? Kenapa susah sangat ini?

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Ini penting, berkaitan sebab tiga nyawa terkorban. Menurut...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak hormat dengan Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah katakan, saya tidak benarkan kerana Yang Berhormat Ipoh Barat sudah habis masa.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Akan tetapi ini penting Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *Okay, I am giving you a time.* Tidak akan Yang Berhormat bagi kepada Yang Berhormat Ipoh Timur?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ini kawan sebelah saya, sebelah rumah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tahu. Cukuplah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Mahu beri sedikit elaunlah. Kita bagi kepada orang-orang yang cakap tidak ada guna punya hal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tidak ada masalah Yang Berhormat tetapi...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Akan tetapi tidak apa. *Bertam Valley...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: ...Soalnya saya buat keputusan tadi tidak bagi. Tidak akan dipertikaikan. *That is it.* Saya cuma *test* kepada Yang Berhormat sama ada hendak hormat atau tidak. Itu sahaja.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya sudah cakap tadi saya *involve* kuasa Speaker, tetapi tidak dihormat. Jangan macam itu.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, Ipoh Timur orang baru, bagi *chancelah*. Kita pun ada 90,000 pengundi di sana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *You see. If this is good to you* Yang Berhormat bukan main *pleading*. Akan tetapi kalau sebelah sini bising, Yang Berhormat...

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Berdiri tanya soalan tambahan pun tidak bagi, mencelah pun tidak bagi.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ipoh Barat sama Yang Berhormat Ipoh Timur pun mahu gaduhkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *That is why.* Saya cuma *test* Yang Berhormat, saya cuma *test*.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Betul tidak? Berdiri tadi pagi hendak tanya soalan tambahan tidak dapat peluang. Sekarang pun tidak bagi. Macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat. Tidak, saya cuma buktikan ada sesuatu yang tidak kena. Jika saya berlembut, berbaik memihak kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat tabik, puji Tuan Yang di-Pertua bijaksana. Akan tetapi jika saya guna kuasa, tengok apa jadi?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak apa, teruskan Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, apa yang terjadi di Bertam Valley adalah satu perkara walaupun Yang Berhormat Menteri kata malapetaka dan sebagainya, ada satu perkara yang boleh dielakkan. Kalau kita tengok hakisan tanah dan di mana pokok-pokok

ditebang dan sebagainya, semua ini bukan baru berlaku, sudah 20 hingga 30 tahun dahulu. Apakah tindakan? Kurang kawal selia yang dijalankan oleh kerajaan dan khususnya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan apakah kerajaan rela untuk menyediakan satu *White Paper* supaya ia boleh diedarkan untuk dibahaskan di Parlimen supaya kejadian- untuk saya itu bukan kejadian luar biasa. Satu kejadian yang disengajakan oleh manusia yang patut dielakkan dan apa terjadi di *Bertam Valley*, apa yang terjadi kepada *hydro damp* tersebut mungkin juga akan terjadi di Lenggong tidak lama lagi di mana ada juga *hydro damp* di sana dan tempat-tempat lain juga di negara ini. Kita mahu elak kejadian-kejadian tersebut. Kita tidak mahu hilang Ahli Parlimen Lenggong, dia orang baik. Ini *Hydro damp* yang besar juga di tempat tersebut. Ini kita perlu memberi perhatian.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua adalah di mana mengenai Parlimen. Saya harap kajian dan beberapa sistem baru dikenalkan. Baru-baru ini kita pergi ke Korea Tuan Yang di-Pertua, 22 Ahli Parlimen. Ramai di antaranya juga dari Barisan Nasional, di mana bila kita melawat Parlimen mereka, satu sistem yang sedang dijalankan di sana sangat unik Tuan Yang di-Pertua di mana Ahli-ahli Parlimen yang masuk ke Parlimen kali pertama dia bukan duduk di belakang, dia duduk di depan. Ahli yang sangat senior semua duduk di belakang.

■1250

Menteri depan dan ini sistem yang perlu kita tengok adakah ia boleh diubahsuai untuk kita? Macam mana ia boleh diguna pakai supaya lebih ruang kepada orang-orang baru macam Yang Berhormat Ipoh Timur, di mana dia hendak beritahu pandangan beliau tetapi tidak dapat peluang. Walaupun dia badan kecil punya orang Tuan Yang di-Pertua tidak nampak, dia kawan karib saya, saya hendak berbincang mengenai hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sistem kita, kita *sit on the whole committee* di Parlimen ini kita perlu perubahan. Perubahan di mana ini tidak sesuai lagi. Kita perlu sistem *committee* di mana kerap kali kita pergi ke luar negara, kita melawat parlimen-parlimen mereka, mereka ada sistem yang baik. Akan tetapi lebih baik sistem yang mereka Tuan Yang di-Pertua adalah gaji mereka. Gaji mereka lumayan. Kita punya gaji, [*Ketawa*] tidak mahu cakaplah.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Hello, Yang Berhormat Ipoh pergi duduk Korea lah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya harap satu *committee* ditubuhkan untuk tengok apa yang boleh buat untuk mengubah suai, memberi lebih peluang kepada Ahli-ahli Parlimen yang baru dan juga kita mengimplementasikan *committee system* yang ada di negara India, di negara Australia dan di banyak negara The British Commonwealth, di mana ini sangat efektif. Juga kita punya Speaker sudah tahun ini enam tahun tapi belum terima pangkat yang tertinggi di negara iaitu Tun, Tuan Yang di-Pertua.

Saya harap kerajaan akan mengambil tahu bahawa sebelum itu ada ramai Speaker yang semua ada pangkat tersebut dan juga lain-lain berkaitan dengan gaji, elaun dan sebagainya. Kita perlu sebagai Ahli Parlimen ini perlu *resource group*, kita perlu *research assistance*, itu fundamental yang perlu. Kerap kali Ahli Parlimen yang kita buat Tuan yang di-Pertua, *we do our*

own research, sangat – bukan, ia mengambil banyak masa. Perkara-perkara ini adalah satu akademik dan sebagainya. Kalau kerajaan boleh mengambil tahu atau memberi pertolongan ini, ini akan menyenangkan kita semua.

Juga apa yang terjadi di negeri Pulau Pinang perlu diikuti, boleh diikuti di sini di mana ahli pembangkang juga diagihkan wang peruntukkan tiap-tiap tahun dan kerajaan Barisan Nasional pun patut mengikut sistem sedemikian untuk kita semua, untuk Ahli-ahli Parlimen. Kalau kita boleh buat di negeri Pulau Pinang, *outstanding state government*, kalau buat di negeri sana, kenapa pula kerajaan tidak mahu mengimplementasikan perkara tersebut. Walhal di kawasan saya sendiri, Ipoh Barat di mana tiap-tiap tahun lebih dari juta-juta ringgit, bukan satu, dua, tiga, empat juta, lima juta, semua diagihkan kepada parti-parti politik terutamanya parti politik UMNO yang mengambil wang tersebut untuk penggunaan macam-macam kerja dibuat tetapi walaupun saya Ahli Parlimen kawasan tersebut lebih 10 tahun, tidak tahu macam mana wang itu macam mana digunakan kepada pengundi-pengundi di kawasan saya. Kalau saya sendiri tidak tahu. Saya mendapat banyak laporan, banyak aduan dari pengundi-pengundi mereka perlu pertolongan, perlu wang dan sedemikian dari kerajaan. Kita mahu perkara ini ikhlas, kita mahu perkara ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terbuka supaya rakyat tahu macam mana wang ini di agihkan. Boleh saya dapat tahu untuk Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Teluk Intan, Yang Berhormat Beruas, Yang Berhormat Taiping, Yang Berhormat Kampar dan sebagainya, berapakah wang yang telah diagihkan untuk dalam satu dua tahun ini? berapa yang diagihkan dan siapa yang mengendalikan wang-wang tersebut? Dengan siapa wang-wang itu telah diberi? Ini perlu diambil tindakan supaya kita dapat tahu. Rakyat ingin tahu. Kerap kali kita pergi ke *function* dan sebagainya, orang tanya “Yang Berhormat bolehkah wang ini diagihkan untuk kita?” kita kata “Tidak tahu siapa yang beri”. Dia kata “Ada”. Ada sedemikian. Macam mana wang ini diberi, siapa yang membuat keputusan. Ini semua perlu diambil perhatian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat cukuplah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Itu sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat guna lebih daripada 15 minit seperti, lebih daripada yang dihadkan. 15 minit lebih daripada yang dihadkan. Tidak mengapalah Yang Berhormat, jadi kalau ada di kalangan ahli lain yang terlebih masa, jangan huha-huha dan sebagainya, jangan bising ya, jangan bising. Saya cuma buktikan ada perkara yang kadang-kadang kita tidak perlu bising. Speaker boleh buat pertimbangan yang sewajarnya, boleh bicara dan pertimbangan. Yang Berhormat Putatan.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ini tidak payahlah.

12.55 tgh.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya turut berbahas atas Bajet 2014 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri walaupun tunggu begitu lama. Bajet begitu berani yang saya rasa sungguh adil dan saya rasa penyediaan dan rumusan yang diambil daripada pakar-pakar yang

tepat, yang ikhlas, yang *honest*, daripada orang-orang yang *diligent, truthful expert* dan saya rasa rumusan ini yang paling ...*brilliant*. Bajet yang memberi *average a fair deal to all*. Ini barulah bajet kepada rakyat yang sengaja menyejahterakan rakyat dan bukan bajet olok-olok seperti mana yang saya lihat dalam buku *print* pembangkang ini. Saya rasa ini hanya sengaja mengelirukan rakyat yang memburuk-burukkan imej Kerajaan Barisan Nasional dan mungkin semata-mata untuk memancing undi di pilihan raya kecil di Sungai Limau.

Jadi ini memang sengaja dilaksanakan oleh pihak di sana supaya apa pun perkara yang baik yang dilaksanakan oleh kerajaan semuanya diputar belit. Saya melihat perbahasan daripada Yang Berhormat Ipoh Barat, yang satu hala kepada satu keturunan kaum India sahaja. Mulai daripada Tamil Tiger di Sri Lanka yang mana sengaja menyeru kerajaan bergaduh dengan negara-negara lain supaya tidak hadir dengan *conference* CHOGM. Ini satu yang sengaja dibuat dan tidak langsung berterima kasih, *ungrateful*.

Sekiranya kita melihat dalam bajet ini, memang ada tumpuan khusus bagi kaum India. Tidak ada khusus untuk kaum Kadazan. Tiada khusus bagi kaum Bajau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Orang Suma?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tidak ada khusus langsung bagi kaum Dayak. Akan tetapi ada kepada tiada. Patut berterima kasihlah kepada Kerajaan Barisan Nasional. Aku baru mukadimah ini Yang Berhormat Ipoh Barat, kita kawan baik.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: No, no. Tidak mengapa, *you* sudah sentuh separuh dari apa yang saya cakap.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Duduklah dulu. Baru saya bagi *chance*.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat, kalau kerajaan tidak pergi kepada masyarakat Yang Berhormat, tanyalah, lawanlah..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak beri jalan atau tidak Yang Berhormat?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tidak beri jalan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ah, dia tidak berani.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini Yang Berhormat...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Undi mahu undi Barisan Nasional. Lepas itu dia tidak bagi, mahu marah sama dia. Macam kita tengok, kita ada lebih macam di sebelah sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tidak beri jalan Yang Berhormat. duduk Yang Berhormat.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini kawan baik, petang boleh cerah. Ini sebab masa tidak cukup, ini baru mukadimah. Jadi seolah-olah kita melihat daripada perkataan ini, ada yang memperjuangkan Chin Peng, sedikit-sedikit Chin Peng dan ada juga yang memperjuangkan seolah-olah ini hanya – tanggapan rakyat ini apa sudah jadi? Kita halalkan lelaki sama lelaki kahwin, ini mana boleh dalam negara kita. Inilah satu pendekatan, yalah ini tanggapan rakyat. Yang Berhormat Ipoh Barat jangan marah. Ini tanggapan, tanggapan bukan saya cakap, tanggapan.

Jadi ini kita tidak perlulah. Kita mesti kalah kepada ekonomi. Bajet kita bentang bajet - Yang Berhormat Ipoh Barat. Bukan semata-mata untuk...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Gombak ayuhlah, Yang Berhormat Gombak bekas presiden.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Bukan presiden pun, ya. Jadi kita tumpukan kepada bajet untuk kesejahteraan rakyat, untuk kebaikan rakyat. *[Disampuk]* Bukan. Yang Berhormat Gombak bukan presiden. Dia pun tidak senang hati dengan Menteri Besar Selangor. Ada juga kelemahan di Kerajaan Negeri Selangor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Putatan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Eh Yang Berhormat Gombak...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Menteri Kewangan jangan cakap mengenai hal...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Seperti janji-janji dalam..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sambung provokasi petang nanti. *[Ketawa]*

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Mana boleh Speaker menggalakkan provokasi, Speaker. Tidak boleh.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Berhormat Putatan sudah habis?

2.32 ptg.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: lagi dua jam Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Lagi 25 minit sila.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung perbahasan saya dengan mendahulukan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang berasal dari Sabah kerana mendapat peruntukan yang begitu besar. Ucapan tahniah juga kepada Yang Berhormat Semporna kerana memenangi pemilihan UMNO baru-baru ini sebagai Naib Presiden yang kuat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Ini di bawah bajet?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ya, ya. Sebab kementerian beliau, Tuan Yang di-Pertua agak yang baik sekalilah berita bagi rakyat Malaysia daripada negeri Sabah. Iaitu satu yang saya lihat subsidi pengangkutan udara di Sabah dan Sarawak yang berjumlah RM130 juta. Sebanyak RM850 juta bagi naik taraf *internet access* di luar bandar dan juga RM500 juta bagi pembinaan dan menaiktarafkan Lebuhraya Pan Borneo yang mana saya selalu suarakan dalam Dewan yang mulia ini, yang mana selalu kompelin ataupun kritikan daripada para pengguna jalan raya yang melalui Pan Borneo Highway ini yang sedang dilaksanakan sekarang Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional.

RM75 juta bagi ESSCOM iaitu bagi menangani masalah keselamatan di pantai persempadanan antara negara Filipina dan Malaysia. RM50 juta pula penyukatan tanah adat, bajet yang sungguh *tangible* kepada penyukatan-penyukatan tanah adat di negeri Sabah dan Sarawak. Sebanyak RM265 juta untuk penajaan elektrik yang menjadi satu isu besar bagi negeri Sabah terutama sekali di sebelah Pantai Timur. Yang Berhormat Kalabakan tiada di sini dan semua wakil-wakil rakyat daripada Pantai Timur itu patut berterima kasih, terutama sekali Yang Berhormat Sandakan yang berdiam tidak mahu cakap pasal hal ini.

Sebanyak RM179 juta bagi pembinaan perumahan di luar bandar terutama sekali bagi golongan yang miskin dan berpendapatan rendah. Bukan seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Padang Serai yang menyatakan, "*This budget is shocking in its complete disregard of the most needy and deprived sections of our society...*" Ini satu kenyataan daripada *frame Malaysia Today* yang hari ini dikeluarkan. Yang Berhormat Padang Serai tidak ada sini, yang langsung tidak berterima kasih kepada kerajaan termasuklah Yang Berhormat Ipoh Barat bahawa komuniti-komuniti ataupun kaum-kaum yang perlu dibantu tertera dalam bajet ini. Terang-terang kerajaan sungguh prihatin kepada masyarakat yang *needy* ini. Ini saya harap Yang Berhormat Ipoh Barat juga dapat melihat. Kadazan itu mungkin termasuk di dalam luar bandar ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dahulukan dengan isu-isu yang dikirimkan oleh rakyat daripada Sabah kepada saya supaya ia harus diutamakan dahulu. Terutama sekali sebelum saya pergi kepada GST, kepada subsidi gula yang dihapuskan, Laporan Audit dan sebagainya. Saya lihat perkara yang penting adalah yang perlu dilaksanakan, yang belum dilaksanakan lagi saya berharap janji-janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 16 September yang lalu di Tanjung Aru, Sabah kerana ia akan menghadihkan rakyat negeri Sabah kerana tetap menyokong kepada Parti Barisan Nasional.

Ini adalah satu kenyataan yang kami sungguh berbangga dan berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya ingin menyentuh dengan secara ringkas di mana terdapat balai-balai bomba, polis yang sudah retak di Sabah ini harus diperbaiki yang kita sudah pun suarakan beberapa kali. Ya, suka juga saya menyatakan dalam audit ini banyak mesin-mesin atau jentera-jentera yang tidak terpakai, tidak termasuk dalam yang harus kita tangani. Juga dengan Dewan Kinabalu di Kem Lok Kawi ini, belum ada penghawa dingin. Setakat ini kita sudah pun meminta beberapa kali, saya berharap kementerian yang berkenaan dapat mengatasi

masalah panas dalam dewan itu. Kesian ahli-ahli anggota tentera kita yang menggunakan dewan tersebut.

Klinik kesihatan di Kampung Duvason ini yang telah pun dijanjikan belum pernah kita dapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Di mana pelan dan cadangan tanah telah pun diperiksa, dicadangkan dan telah pun dikemukakan kepada pihak kementerian. Saya harap ini dapat dilaksanakan pada masa terdekat. Satu lagi Balai Polis Putatan, satu daerah yang baru yang mana kita telah pun berhubung dengan Ketua Polis Sabah yang telah pun mengemukakan cadangan dan anggaran itu kepada pihak KDN. Saya harap ini dapat dilaksanakan pada masa yang terdekat.

■1440

Soal-soal masalah dalaman dalam PDRM itu yang mana ternyata dalam surat khabar dan Laporan Audit, aset-aset yang hilang itu, saya harap dapat juga ditangani dengan cara yang betul. Saya juga mahu tahu senjata-senjata yang diserahkan, yang ditangkap, berapa jumlah senjata-senjata api yang ditangkap dan apa yang akan dibuat kepada longgokan-longgokan senjata-senjata yang tersimpan dalam balai-balai polis dan di pejabat-pejabat kementerian yang berkenaan?

Ini kenderaan lama yang sedang dipakai oleh PDRM di Sabah ini harus juga diganti, kalau boleh dalam belanjawan yang ada pada sekarang, yang kita bincang. Bagi belia, kita harus mengiktiraf sasaran wakil rakyat yang mana setiap kali belia mengadakan program, sasarannya adalah wakil rakyat. Saya bercadang supaya peruntukan kepada Kementerian Belia dan Sukan ini dapat ditambah supaya kegiatan belia ini dapat diperkasakan lagi.

Soal infrastruktur kesukanan dan kegiatan di peringkat-peringkat kampung dan di kawasan-kawasan perumahan. Salah satu yang saya bincang juga dengan Ketua Polis Negeri Sabah adalah berkenaan soal Mat Rempit yang kian sudah menjangkit kepada negeri Sabah, penyakit yang berasal dari sini. Kita bercadang supaya satu litar yang spesifik mengikut cita rasa golongan ini supaya kita sediakan infrastruktur ini. Saya harap pihak kementerian dapat melihat perkara-perkara sedemikian terutama sekali kegiatan-kegiatan yang *beradventure* seperti *windsurfing*, *paragliding*, *bungee jumping* dan sebagainya.

Kita berterima kasih kepada kerajaan kerana kursus-kursus ataupun dana-dana untuk melahirkan usahawan golongan muda ini dapat diperkasakan dan dapat diperkembangkan kepada negeri Sabah dan Sarawak. Saya bukan berniat untuk *parochial* tetapi ini satu-satunya perkara yang harus ditangani kerana kita tidak mahu jangkitan atau penyakit yang tidak sihat kepada golongan-golongan belia.

Saya beralih kepada...

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: [Bangun]

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Komunikasi dan kebudayaan yang mana...

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Yang Berhormat Putatan, minta celah? Sekijang, Sekijang.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sekijang.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ya, Yang Berhormat Sekijang, okey.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Tadi Yang Berhormat Putatan ada menyebut tentang beberapa persatuan belia, ada berjumpa dengan Yang Berhormat untuk meminta permohonan berkaitan dengan program dan aktiviti. Saya kira bukan Yang Berhormat sahaja, rata-rata Yang Berhormat yang lain pun mengalami perkara yang sama.

Jadi, setujukah Yang Berhormat jika kita minta supaya pihak Kementerian Belia dan Sukan agar dapat menambah lagi peruntukan terutamanya kepada persatuan-persatuan belia yang aktif melaksanakan program dan aktiviti? Maksudnya, bukan semua persatuan tetapi persatuan yang aktif melaksanakan aktiviti. Kita minta kalau boleh, persatuan-persatuan yang aktif ini seharusnya mendapat pengiktirafan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada kawasan masing-masing. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Itu satu cadangan yang baik dan saya mohon ucapan itu dimasukkan dalam teks ucapan saya. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat melihat perkara ini lebih serius. Cadangan yang baik.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, soal *internet* yang telah didirikan di kawasan-kawasan perumahan dan di kampung di kawasan saya. Saya rasa kawasan-kawasan yang lain pun rasa bermasalah kerana kadang-kadang akses *internet* itu langsung tidak boleh dipakai. Kadang-kadang ada pernah tetapi sangat *slow*.

Jadi, ramai orang komplain bahawa ini satu-satunya projek yang tidak begitu berkesan kepada para pengguna. Saya juga harap menarik kepada pihak RTM lebih banyak program yang boleh menarik tontonan rakyat bukan semata-mata supaya ia boleh lebih banyak, lebih ramai rakyat kita melihat RTM. Kalau tidak kita terlalu bertumpu kepada ASTRO sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya mengharapkan juga alat-alat peralatan RTM di negeri Sabah itu dipertingkatkan. Janganlah pakai yang *secondhand* yang tidak dipakai di Angkasapuri terutama sekali kamera yang satu tan berat itu, kasihan pada jurukamera kita yang masih mengangkatnya. Kasihan rakyat negeri Sabah diberi alat-alat yang *secondhand* yang hampir lupus sudah Tuan Yang di-Pertua. Setuju Tuan Yang di-Pertua? Tidak tahulah kalau kawasan Yang Berhormat ada kamera-kamera RTM yang sudah canggih. Kawasan Sabah itu masih lagi pakai yang berat, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, ini soal-soal yang dibawa oleh SMS kepada saya supaya ini boleh dibawa ke Dewan yang mulia. Satu lagi SMS yang baru saya terima adalah berkenaan harga getah. Harga getah dia bilang, harga getah di Sabah ini akan menurun. Jadi, pendapatan daripada pengusaha-pengusaha ataupun peladang getah ini akan menurun pendapatannya. Saya harap pihak kementerian yang tertentu, yang berkenaan, dapat melihat perkara ini supaya mereka berterima kasih kepada kerajaan.

Kalau kita melihat daripada segi bantuan kepada rakyat kita di luar bandar, saya menjemput syarikat-syarikat GLC terutama sekali syarikat kepunyaan kerajaan, dapat membantu secara CSR kepada masyarakat di luar bandar untuk meningkatkan ekonomi seperti FELCRA, Bank Pembangunan yang walaupun ternyata bahawa ada pinjaman, tetapi sukar bagi orang-orang kampung mendapatkannya. Bagaimana mendapatkan bantuan yang tertentu untuk membangunkan tanah-tanah yang terbiar di kawasan-kawasan luar bandar?

Saya juga berterima kasih dengan Yayasan Inovasi Malaysia dan *Innovative Venture*, MIMOS, Petronas, SME Bank, Bank Pembangunan Malaysia harus juga aktif membantu penduduk-penduduk di luar bandar. Kalau kita melihat dengan peruntukan luar bandar ini, memang banyak. Saya menumpukan kepada penyukatan tanah adat yang mana saya melihat daripada Tuan Yang di-Pertua, manifesto Pakatan Rakyat ini banyak janji. Kononnya janji belanjawan kita ini ialah menepati janji rakyat. Akan tetapi kalau kita melihat manifesto Pakatan Rakyat ini memang banyak juga. Akan tetapi, langsung tidak dilaksanakan oleh kerajaan-kerajaan Pakatan yang diperintah olehnya terutama sekali negeri Kelantan yang menyatakan, kalau janji ini betul-betul sudah ditunaikan, saya mahu tanya. Di antara 140,000 hektar tanah Orang Asli itu, berapa sudah diberi geran? Yang Berhormat Ipoh Barat langsung tidak boleh jawab ini.

Elektrik yang dalam bidang kuasa kerajaan negeri. Saya tidak tahu berapa sampai sekarang. Biasiswa kepada Orang Asli - berapa ramai anak-anak Orang Asli dia bagi biasiswa? Kita mahu tahu. Yang Berhormat Marang kata, kalau belanjawan bajet itu bohong, dia fitnah, itu satu penghinaan. Jadi, bagaimana pula janji dalam manifesto ini? Adakah ini satu penghinaan juga? Yang Berhormat Rantau Panjang, kita sudah melihat, kita jangan cakap bohong. Itu memang tidak baik. Jadi ini memang satu antaranya Yang Berhormat Kota Kinabalu sekarang baru nampak muka. Sepatutnya seharusnya Yang Berhormat Kota Kinabalu, Yang Berhormat Sandakan, Yang Berhormat Penampang- jiran-jiran saya ini...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Yang Berhormat, minta laluan lah.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kota Kinabalu bangun.

■1450

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Patut bersama-sama saya menyuarakan hak-hak orang yang perlu dibantu, terutama sekali rakyat di negeri Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada dua yang bangun Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ya, saya bagi *chance* sama Yang Berhormat Kota Kinabalu dahulu sebab baru jumpa muka.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga sahabat saya Yang Berhormat Putatan, kasi peluang. Saya di Kota Kinabalu, kita di Putatan, kita pun *neighbor* jugalah. Jadi, kata kami bohong, saya mahu tanya juga. Mungkin manifesto diulang oleh Perdana Menteri sendiri di Kudat, dia janji buat satu *coastal highway* dari Kudat sampai Tuaran, betulkah, ingat lagi? Ini janjikan? Jadi, saya mahu tanya sahabat saya, ini

janji ada ditunaikankah dalam bajet ini? Ini kerana saya cari-cari di bajet, tidak ada *allocation* langsung, betulkah? Sila penjelasan.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Putatan tambah sedikit sahaja.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Okey, Yang Berhormat terima kasih, Yang Berhormat. Okey, Yang Berhormat Penampang. Okey, bagi. Ini orang Sabah, bagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Bagus ini *uncle*, saya punya pakcik ini, Yang Berhormat dari Putatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Putatan. Yang Amat Berhormat Putatan, walaupun bagi peluang kawan-kawan, masa tidak ditambah. Sila.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: [*Ketawa*] Seperti mana Yang Berhormat dari Putatan cakap, dia kata Barisan Nasional telah membuat janji. Bagaimana dengan pendapat dan juga *position* Yang Berhormat Putatan berkenaan dengan Kabotaj Polisi? Adakah ini satu polisi yang patut dimansuhkan dan disebut dalam belanjawan Bajet 2014? Terima kasih.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kota Kinabalu. Sekarang sudah bersuara, bagus, hebat, tahniah. Janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu akan dilaksanakan. Akan dilaksanakan, itu mesti faham, akan dilaksanakan. Tidak semestinya dalam bajet ini, kita banyak bajet.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Yang Berhormat Putatan, akan dilaksanakan. Kalau tiada duit, apa macam laksanakan?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Itu mesti faham.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Bagi penjelasan, kalau tiada bagi duit, apa macam laksanakan?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Jangan hendak putar belit soal akan ini, akan dilaksanakan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Selama 100 tahun pun akanlah.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Kota Kinabalu, Yang Berhormat Kota Kinabalu, Yang Berhormat Bandar Kuching kau diam. Yang Berhormat Kota Kinabalu, saya, Yang Berhormat Penampang, Yang Berhormat Sandakan dan rakan-rakan yang lain dari Barisan Nasional ini tetap akan berjuang. Kita sama-sama berjuang supaya ini dapat dilaksanakan, faham itu? Jadi, soal Yang Berhormat Penampang...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: [*Bangun*]

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Cukuplah, saya sudah jawab.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Yang Berhormat Putatan boleh bagi tanggungjawab?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Kita sama-sama tanggungjawab.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Boleh kasi tanggungjawab di sini? Kalau janji...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Apa tanggungjawab?

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Perdana Menteri janji boleh ditunaikan, tanggungjawab dalam lima tahun boleh ditunaikan ini *coastal highway*.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tanggungjawab kita Yang Berhormat adalah memperjuangkan apa keperluan rakyat! Sama, janji. Yang Berhormat Penampang, Kabotaj Polisi ini sama-sama, Yang Berhormat Kinabatangan pun sentuh Kabotaj Polisi. Sebab Kabotaj Polisi ini kita ada penjelasan. Kononnya, kita mempertahankan syarikat-syarikat perkapalan dan juga kos-kos kepada negeri Sabah ini bukan sahaja kabotaj punya fasal, *double cost* pengangkutan tetapi kos *handling chargers* juga harus kita minta supaya dapat dikurangkan. Ini kerana kos *handling charges* ini terlalu mahal jika dibandingkan dengan Sarawak dan Sabah. Itu daripada *Sabah Port Authority* harus kita juga minta supaya ini dapat dikurangkan. Supaya rakyat kita dapat merasai apa yang dikatakan oleh pihak Kerajaan Barisan Nasional, menyejahterakan rakyat.

Jadi, sebab itulah ada subsidi-subsidi pengangkutan yang diberi khusus kepada syarikat-syarikat pengangkutan supaya harga di negeri Sabah dan di Semenanjung itu disamaratakan. Jadi, saya harap Yang Berhormat Penampang dapat faham ini. Walau bagaimanapun, Kabotaj Polisi itu masih kita sama-sama supaya kabotaj itu dapat *direview* kembali...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila gulung.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: ...Dimansuhkan, maksud Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Baru mukadimah Tuan Yang di-Pertua, kasihanlah. Ini banyak isu ini, nanti rakyat negeri Sabah marah sama saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masa 30 minit.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Marah rakyat sama kami yang tidak mahu bawa isu ini. Saya belum *touch* lagi GST, saya belum *touch* lagi subsidi gula, saya belum *touch* lagi soal *Audit Report* ini, banyak ini. Jadi, mintalah, kesianlah. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Putatan, sekejap. Kita rekodkan, *direview* ataupun dimansuhkan?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Samalah itu.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: [*Ketawa*] So, dimansuhkan. Terima kasih.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Baru bercakap, lama sudah saya jemput kau cakap.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya mahu tanya Yang Berhormat Putatan, *you* sudah berapa *term* di Dewan Rakyat sini?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Cakap sedikit, Putatan atau 'Patatan'?
[Ketawa]

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Putatan. Berapa *term you* sudah jadi Wakil Rakyat di Dewan sini?.. Sudah empat *terms*, kan? Empat *terms*, 20 tahun sudah. Jadi, kabotaj ini berapa, bagaimana? Mahu berapa lama lagi baru boleh jadi betul ini? Kalau saya, empat *terms* tidak boleh mansuh, saya malu! [Tepuk]

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat, semenjak saya jadi Ahli Parlimen, saya sudah memang sentuh Kabotaj Polisi. Kita telah pun diberi penjelasan sedalam-dalamnya. Walau bagaimanapun, Menteri-Menteri bertukar, jadi kadang-kadang dasar dia bertukar. Saya harap Menteri yang baru ini dapat melihat perkara seperti Kabotaj Polisi ini. Itulah sebab kita berbincang dengan TPPA. Kita sedang berunding supaya kita boleh meliberalisasikan soal-soal perniagaan di negara kita. Jadi, itu dalam proses dan dalam terma-terma kita, Yang Berhormat. Yang Berhormat patut faham soal ini, bukan setakat petik, dia macam lampu, dia terus *on*, tidak boleh, ini mengambil masa. Jadi, saya mengharapkanlah walaupun *concern* daripada Yang Berhormat itu memang ada keperluan dia.

Tuan Yang di-Pertua, soal GST ini. Kita antara negara seperti mana sahabat-sahabat saya di Barisan Nasional ini, menentukan kita ke arah menjelang tahun 2020. Kita ini satu agenda yang baik untuk membina negara kita sebagai negara yang maju dan rakyat berpendapatan tinggi. Jadi, soal GST ini janganlah dipolitikkan sebab kita kalau melihat daripada SST...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Ipoh Barat, kalau berdiri, kalau bercakap pakai *midah*. Mintalah, jangan cakap kacau sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Putatan, sila teruskan ucapan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ya, saya teruskan. Ini Yang Berhormat Ipoh Barat, dia ganggu saya sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya, jangan layan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Walaupun dia tidak berterima kasih dengan kerajaan kerana membantu kaum India, dia Orang Asli pun langsung- di negeri Perak ini ramai Orang Asli tetapi langsung dia tidak sentuh fasal Orang Asli. Dia sentuh hanya kaum India sahaja. Kaum Kadazan di Sabah, kaum Iban di Sarawak dia tidak ada sentuh, ini masalah satu, *racist*. Jadi, ini perkara tidak baik. Jadi, negara kita walaupun dia [Disampuk] Saya sudah hilang ini mana...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: GST, GST.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ha, GST [*Ketawa*] GST ini kita mesti faham Yang Berhormat Ipoh Barat. Jadi, saya berharap, saya sokong, saya setuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan. Kalau pun pihak pembangkang tidak setuju dengan berapa peratus itu. Kerajaan kalau boleh samakan dengan GST iaitu 5% dahulu bagi permulaan. Sebab Indonesia, Singapura pun bermula dengan *rate* yang lebih rendah daripada itu. Kalau kita melihat perbandingan dengan negara antara 160 negara yang dalam melaksanakan GST itu. Kalau kita kira pun, 6% itu adalah negara yang paling rendah di antara mereka ini. Hanya dua negara sahaja yang menurunkan kadar GST mereka, yang lain itu meningkat.

■1500

Kalau kita melihat daripada rasionalnya GST ini, kalau kita melihat dalam banyak syarikat yang kita kaji, dalam kajian kita melihat bahawa banyak ini dipanggil sebagai *black economy*. *Tax* yang tidak dapat dikutip oleh kerajaan kerana banyak syarikat-syarikat yang *evading tax* ini, *evading* cukai.

Jadi lagi pun yang kita sudah bagi ini kebanyakannya memperkasakan daripada dalam bentuk pengurusan kerajaan kita. Ini pendekatan yang paling baik Yang Berhormat Ipoh Barat dan juga subsidi gula. Subsidi gula ini, dan GST ini kita tahu antara yang mana yang paling ramai yang berbelanja besar, adalah orang yang kaya-kaya, orang yang ada duit seperti Yang Berhormat Ipoh Barat. Orang miskin, dia punya perbelanjaan sedikit. Jadi, kita juga menarik perhatian kepada rakyat kita supaya berbelanja, berwaspada supaya kita tidak berbelanja berlebihan daripada keperluan kita.

Kerajaan kita cukup prihatin, apa barang-barang asas keperluan terutama sekali golongan yang berpendapatan rendah, kita sudah beri *exemption* kepada barang-barang asas. Kita sudah tahu mana yang keperluan kepada yang berpendapatan rendah. Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat. Kita juga tahu di mana keperluan. Kita akan membuat ini secara berperingkat. Kita bagi BR1M, kita bagi bantuan dengan orang bujang. Kita bagi bantuan dengan anak-anak sekolah. Bukan macam Pakatan Rakyat, terutama sekali di Selangor kononnya dia bagi PTPTN dihapuskan. *Free education*, kalau *free education*, UNISEL.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Kenapa tidak bagi *free*? Tunjukkan dulu kebolehan, jangan bohong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, tiga minit sahaja, tiga minit lagi.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Ipoh Barat, dia bagi dua jam. Saya...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Putatan, ini ajaran sesat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini Yang Berhormat Putatan, kita ada rekod di sini Yang Berhormat Putatan. Tiga minit lagi. ramai lagi kawan-kawan kita yang hendak berucap ini [*Disampuk*]

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Okey, yang laporan audit yang akhir sekali, sebelum saya gulung Tuan Yang di-Pertua. SMK Putatan saya cadangkan supaya menjadi pusat pra universiti. Akan tetapi apabila diubahsuai bangunan sekolah itu, ada dua kontraktor yang menjaga keselamatan. Akan tetapi kontraktor-kontraktor ini saya tidak tahulah dia asal dari mana? Akan tetapi masalah dia, CCTV yang dipasang dulu langsung tidak dipasang dan ada juga *security* ini, pengawal-pengawal ini yang berumur lebih dari 70 tahun.

Saya melihat perkara ini walaupun ia juga termasuk dalam audit dan dia bagi penjelasan kerana menambah kewangan. Saya harap pihak kementerian dapat melihat ini bukan sahaja di Putatan, tetapi juga di sekolah-sekolah yang lain juga terlibat dengan apa yang dikatakan bagi peluang kepada syarikat-syarikat tempatan untuk melaksanakan apa jua, supaya menyenangkan ataupun membuat mereka ini senang dengan kerajaan. Semua juga projek-projek yang dilaksanakan di Sabah. Kita kadang-kadang kita tidak tahu.

Kita tidak tahu syarikat dari mana. Kadang-kadang juga syarikat-syarikat perladangan. Barang-barang asas tidak dibeli di negeri Sabah, dibawa dari Port Klang supaya dibagi kepada peladang-peladang atau syarikat perladangan. Ini satu tanda yang kita harus tangani. Walaupun perkara ini kecil Tuan Yang di-Pertua, tetapi ini masalah yang ditimbulkan oleh rakyat di negeri Sabah. Saya harap kawasan Yang Berhormat juga tidak macam apa yang berlaku di Sabah. Jadi saya harap satu pendekatan yang holistik kepada apa juga yang dilaksanakan di negeri Sabah. Kami berterima kasih sebagai rakyat negeri Sabah.

Sebab itulah kami rakyat negeri Sabah ini menyokong Kerajaan Barisan Nasional dari dulu pun. Kecuali adalah kawasan-kawasan yang dikelirukan oleh sebahagian daripada Pakatan yang dapat memenangi Penampang, Kota Kinabalu dan Sandakan, sebab rakyat di situ terkeliru. Jadi bukan semestinya tidak sokong dengan Kerajaan Barisan Nasional.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, gulung.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Jadi pilihan raya, *insya-Allah* saya katakan PRU-14 kita akan dapat balik kawasan-kawasan yang tiga ini balik kepada Kerajaan Barisan Nasional. Jadi itulah Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memang hebat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sungai Siput, sila.

3.06 ptg.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam bajet ini ada beberapa poin yang kita boleh katakan baiklah. Satu poin yang saya suka ialah ini cadangan hendak tubuhkan Unit Pengurusan Integriti di tiap-tiap satu kementerian kerajaan, untuk memastikan tidak ada salah guna wang dan tidak ada ketirisan. Saya rasa ini satu idea yang begitu baguslah. Saya harap ini akan dilaksanakan secara yang berkesan kerana daripada anggaran kita ini, lebih kurang RM30 bilion, RM40 bilion setahun, hilang kerana sebut harga yang terlalu tinggi, ketirisan. Ini wang rakyat, dan saya sangat mengalu-alukan idea ini untuk

mengadakan Unit Pengurusan Integriti di tiap-tiap kementerian. Akan tetapi untuk saya, agak susah untuk sokong secara keseluruhannya satu bajet yang berdasarkan atas prinsip-prinsip *no liberal*, di mana sektor swasta diagungkan, dipercayai dan semua langkah diambil untuk bermesra kepada kaum korporat, termasuk kurangkan cukai terhadap korporat dan memindahkan beban kepada rakyat biasa melalui GST.

Saya kluatir dengan pendekatan semacam ini, 60% keluarga kita yang dapat pendapatan di bawah RM5,000 sebulan, *family income*, akan susah, akan terjejas. Saya hendak fokus pada satu isu yang penting iaitu gaji minimum. Ini isu yang begitu penting untuk rakyat kita kerana kita ada enam juta orang pekerja di Malaysia. Satu kajian yang dibuat dalam tahun 2009 mengatakan satu per tiga daripada pekerja swasta dapat gaji di bawah paras kemiskinan, RM720, *is high*. Satu per tiga ialah dua juta orang pekerja kita dapat gaji yang rendah. Kerajaan kita telah membawa satu polisi dalam bulan Jun tahun lalu mengatakan bawa satu gaji minimum dengan paras RM900.

Ini dikuatkuasakan pada awal tahun ini, bulan Januari. Akan tetapi masalahnya, sampai sekarang hanya satu per tiga daripada pekerja yang di bawah paras RM900 itu telah dapat gaji baru. Dua per tiga belum lagi. Sekarang sudah hampir satu tahun. So itu satu masalah. Ini bukan satu jumlah bilangan orang yang kecil. Lebih kurang sejuta setengah pekerja kita masih dapat gaji yang rendah. Antara mereka adalah pekerja-pekerja kontrak dan kerja untuk kontraktor di jabatan-jabatan kerajaan sebagai *security guard* di sekolah, di hospital, di jabatan lain. Dia kerja sebagai *cleaner* dekat hospital. Mereka ini semua bekerja sebagai *gardener* dalam hospital, dalam sekolah.

Mereka semua kerja untuk kontraktor di jabatan kerajaan, tetapi mereka dapat gaji yang bawah paras RM900, kerana kontrak yang diberi kepada mereka diasaskan pada gaji sebelum itu. Jadi, kontrak mereka belum diubahsuai. So saya mahu tanya kerajaan, kerana jika kerajaan membawa satu polisi ini, mengatakan gaji minimum macam ini, kenapa dalam bajet yang lalu dia tidak ubah suai semua kontrak ini? Untuk memastikan semua kontraktor yang buat kerja di jabatan kerajaan dapat melaksanakan gaji minimum iaitu pekerja di hospital, pekerja di sekolah dan pekerja di jabatan-jabatan.

■1510

Saya harap ini akan dilakukan kali ini kerana tidak guna kalau kita ada polisi macam itu tetapi pekerja yang bekerja di jabatan-jabatan kerajaan pun tidak menikmatinya, dan ertinya kita ini tidak begitu serius.

Satu lagi isu adalah majikan di bawah lima pekerja. Mereka diberi kelonggaran untuk mengamalkan gaji minimum pada 1 bulan Januari tahun depan. Ini majikan yang kecil ini, *micro industry business* ini, ada lebih kurang 300,000 di Malaysia dengan 1 juta orang pekerja. Apa yang kita tengok dalam bajet ialah apa yang dikatakan ialah penambahan dalam bayaran gaji akan diberi diskaun cukai. Itu satu yang boleh bantu mereka tetapi saya rasa mungkin kita boleh cari kaedah yang lebih berkesan untuk bantu *micro business* untuk melaksanakan gaji minimum.

Saya akan cadangkanlah, bolehkah kerajaan tawarkan *share* KWSP, bahagian KWSP yang harus dibayar oleh majikan diambil alih oleh kerajaan pada tahun pertama. Untuk semua

company yang melaksanakan gaji minimum. Ini akan kurangkan beban *finance* kepada syarikat-syarikat mikro dan akan menggalakkan mereka, *you know* untuk melaksanakan gaji minimum.

Satu lagi isu yang berkaitan dengan gaji minimum ialah isu pekerja asing. Bila gaji minima ini polisinya diumumkan, dikatakan untuk semua tetapi selepas itu majikan dapat pengecualianlah atau *exception* dikatakan levi boleh dipotong daripada gaji. Pekerja asing, kos perumahan boleh dipotong. Ini semua akan menjejaskan pekerja kita. Bila pekerja kita gaji lebih mahal daripada pekerja asing, majikan akan cuba ambil lebih orang pekerja asing.

Sekarang pun majikan suka ambil pekerja asing kerana lebih senang untuk di kontrol dan juga pekerja tempatan kenakan KWSP. Gaji dia jika digaji sama pun, kos untuk majikan ialah lebih mahal untuk pekerja tempatan kerana kita kena bayar 30% daripada gajinya kepada KWSP. Jika selain daripada itu, kita beri pengecualian daripada levi dan perumahan, ini akan jadikan pekerja kita jauh lebih mahal untuk majikan dan ini akan jejakkan untuk pemuda kita dapat kerja di kilang-kilang.

Sekarang ini di Sungai Siput saya lihat ramai orang tempatan mereka sudah hendak cari kerja. Pergi ke kilang tidak dapat kerja tetapi kilang itu import pekerja daripada Bangladesh, daripada Nepal, ini sedang berlaku. So saya haraplah kerajaan akan ambil berat terhadap polisi gaji minimum dan ambil langkah-langkah yang patut supaya pekerja kontrak di jabatan-jabatan kerajaan dan juga pekerja-pekerja di kilang-kilang dan juga majikan-majikan mikro dapat gaji minimum inilah.

Isu kedua yang saya ingin bawa ialah isu perumahan. Pada masa ini Tuan Yang di-Pertua, agak susah untuk anak muda kita beli rumahlah. Untuk orang macam kita ini sudah beli rumah, kita okay. Harga rumah kita naik, kita jadi *millionaire*. Akan tetapi untuk anak muda sekarang untuk beli rumah untuk kawasan *Klang Valley*, saya ingat setengah juta pun tidak dapat. Itulah masalah mereka. Sekarang kita tengok dalam bajet ada katakana PR1MA akan buat 80,000 buah rumah untuk rumah yang mampu milik antara harga RM200,000 hingga ke RM400,000.

Akan tetapi apakah kita punya tafsiran ini mampu milik? Katakan ada satu keluarga suami isteri, dua-dua pun *graduate* dengan gaji RM2,500, baru mula kerja. *Joint income*, RM5,000. Apa yang dikatakan oleh bank, dikatakan satu per tiga daripada *income* mereka boleh pergi kepada perumahan. Akan tetapi adakah ini satu anggaran yang munasabah?

Sekarang, ramai orang muda kita selepas belajar dia keluar, dia ada bayaran pinjaman pendidikan. Pinjaman pendidikan dia iaitu PTPTNkah atau apa, dia ada satu. Di Malaysia pun pengangkutan awam tidak begitu bagus, jadi dia hendak beli kereta, pinjaman kereta ada. Lagi dia kena bantu dia punya keluarga. Jadi dengan semua ini, bolehkah lagi dia bayar RM1,500 sebagai pinjaman untuk *loan bank* untuk beli rumah?

Bila kita katakan mampu milik, katakan untuk satu keluarga ini dia mampu bayar RM1,500 untuk beli rumah dengan harga RM200,000 adakah ini munasabah? Pada saya, ini tidak ada. Saya rasa kita meletakkan satu beban yang begitu berat atas anak muda kita. Ini untuk *graduate*. Dua orang *graduate* dengan gaji RM5,000 sebulan pun mereka tidak mampu beli rumah, macam mana pula dengan keluarga, dengan pendapatan di bawah itu yang bukan *graduate*?

Kita, 50% daripada keluarga di Malaysia dapat *household income* di bawah RM5,000 sebulan. Jadi untuk mereka, bila kita katakan mampu milik untuk mereka, apakah harga rumah yang mereka sanggup beli? Bila kita ambil satu keluarga dengan pendapatan *family income* RM3,000 sebulan, kita tengok semua kos dia. Kos makan, barangan beli di pasar, di kedai runcit RM700, untuk persekolahan tiga orang anak, tambang bas, makan di sekolah, tuisyen RM600, untuk suami isteri pergi kerja pengangkutan, makan di tempat kerja RM500 sebulan, utiliti dan semua kita *adopt*, RM2,600. Jadi mereka tinggal hanya RM400 untuk perumahan.

Jika kita hendak pakai RM400 untuk bayar balik pinjaman di bank, harga rumah mesti di bawah RM60,000. Jika *anything above that, is too high*. Akan tetapi bila kita tengok dalam bajet kita, rumah-rumah di lingkungan RM60,000 ke bawah, hanya ada RM52,000 yang disebut oleh Perdana Menteri. Dikatakan Program Perumahan Rakyat bawah Jabatan Perumahan Negara, RM16,500. *Affordable rooms- horrible houses* rumah mampu milik oleh SPNB RM26,100. *MyHome Scheme* di bawah Menteri Perumahan RM10,000. Semuanya hanya RM52,000. Akan tetapi pada masa yang sama, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah berkata pada kami bahawa satu per empat daripada keluarga di Malaysia, tidak ada rumah pada masa ini.

Kita ada 6 juta keluarga. Satu per empat ialah 1,500,000 buah keluarga yang tidak ada rumah pada masa ini dan kebanyakan mereka adalah keluarga-keluarga dengan pendapatan di bawah RM5,000. Macam mana mereka? Mereka semua perlu rumah dengan harga RM60,000 ke bawah. RM1,500,000 tetapi kita dalam bajet ini kita ada RM52,000 sahaja, 0.5% sahaja daripada keperluan kita, kita hanya dapat 0.5% dalam bajet kita. Jadi, ini satu isu yang kita perlu kaji secara dalamlah. Apakah punca utama kita tidak dapat bekalkan rumah-rumah dengan harga yang betul-betul mampu milik.

Okey, saya telah buat tinjauan, tanya kawan-kawan yang buat kerja memajukan rumah. Dikatakan kos sebenarnya membina rumah teres, *single floor* dikatakan lebih kurang RM50 sekaki persegi, *per square feet*. *Simple house*lah, tidak ada *marble* semua tetapi kos bahan dengan upah kerja lebih kurang RM50 sekaki persegi. Ertinya jika kita buat rumah teres seluas 20x40 kaki, lebih kurang 800 kaki persegi darab RM50, kosnya RM40,000 sahaja. Ini tidak kira kos tanah, tidak kira kos *infra*. Kos membina rumah sahaja. Kita masukkan kos infrastruktur lebih kurang RM12,000 atau RM52,000 untuk rumah teres seluas 20x40. Ini kosnya. Akan tetapi kita jual dengan harga RM200,000 atau RM300,000. *So where is the problem?*

Saya bawa satu masalah di Sungai Siput. Contohnya di Sungai Siput. Di Sungai Siput ada satu kampung baru dipanggil Sungai Buluh. Di belakang Sungai Buluh ada satu kawasan luas, 150 ekar tanah kerajaan.

■1520

Apa yang dibuat ialah Kerajaan Negeri Perak telah memberi 150 ekar tanah ini kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Perak. PKNP telah dapat tanah ini. Selepas itu, PKNP buat *joint-venture* dengan dua atau tiga kompeni, membangunkan beberapa taman di taman itu. Sekarang rumah-rumah di situ sedang dijual dengan harga RM150,000. Dalam keadaan di mana tanah itu tanah kerajaan, jika kita pakai kaedah hanya tengok kos sahaja, rumah itu boleh disediakan

dengan harga RM50,000 hingga RM55,000 tetapi di Sungai Siput sedang dijual dengan harga tiga kali ganda. Inilah masalah pokok. Bila kita serahkan *basic needs* atau keperluan asas kepada syarikat-syarikat yang mementingkan untung, ini yang berlaku.

Di sini siapa yang untung dan siapa yang rugi? Yang rugi ialah rakyat Sungai Siput kerana tidak mendapat rumah dengan harga yang munasabah. Yang untung ialah syarikat-syarikat pemaju yang dapat *hike up the cost*, kontraktor-kontraktor yang buat kerja pembinaan dan juga pengarah dan pegawai dalam Perbadanan Kemajuan Negeri Perak. Ini lapisan yang mendapat untung yang begitu besar dengan membekalkan rumah dengan harga yang tiga kali lebih daripada kosnya. Saya rasa ini masalah yang kita kena kenal pasti. *Problemnya* ialah kita sudah serahkan pembekalan satu *basic need* kepada pihak swasta dan pihak swasta hanya mengutamakan untung. Ini akan berlaku.

Jadi, saya rasa kita kena amalkan satu lagi cara atau kaedah iaitu bolehkah kita tubuhkan satu *trust*, badan yang bukan untuk *profit* di setiap negeri di Malaysia? Ini diberikan tanah kerajaan untuk membangunkan taman-taman dan dijual kepada rakyat dengan harga kos atau harga *cost plus* 10% dengan syarat rumah-rumah seperti ini hanya dijual kepada keluarga yang tidak mempunyai rumah. Dengan syarat bahawa rumah ini tidak boleh dijual. Jika hendak jual kena jual balik kepada perbadanan- *trust* ini, untuk diberi kepada orang lain. Kita kena keluarkan tanah dan rumah daripada spekulasi. Itulah caranya kita kendalikan masalah perumahan. Saya harap ini akan diberi keutamaan oleh kerajaan kita kerana sekarang..

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Sungai Siput, minta celah. Jelutong.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Yes.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saudara saya Yang Berhormat Sungai Siput. Kita dengar tentang begitu mendesak sekali keperluan perumahan bagi kumpulan dan juga keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM3,500 sebulan supaya mereka layak untuk memohon rumah kos rendah atau pun kos sederhana rendah, yang mana harganya telah ditetapkan di antara RM42,500 sehingga RM72,500 bagi negeri-negeri tertentu. Akan tetapi apabila peruntukan unit perumahan itu diberi kepada mereka yang layak, maksudnya telah memenuhi dua syarat iaitu yang pertama, mereka tidak pernah memiliki sebarang harta rumah di mana-mana tempat. Keduanya, mereka juga memenuhi syarat pendapatan keluarga sebulan pada tahap yang tertinggi.

Walau bagaimanapun walaupun peruntukan unit perumahan itu telah diberi tetapi didapati ramai juga daripada mereka yang telah diberikan tawaran perumahan, mereka tidak layak untuk memohon pinjaman daripada bank. Walaupun Kerajaan Persekutuan telah melancarkan satu skim yang dinamakan Skim Jaminan Kredit atau *Credit Guarantee Scheme*, akan tetapi nampaknya jentera Skim Jaminan Kredit ini tidak bergiat langsung. Ini kerana pertama, peminjam yang datang daripada lapisan berpendapatan rendah walau pun sudah diberikan tawaran mereka tidak ada sebarang karisma untuk mendapat semua fasiliti yang diberikan oleh Skim Jaminan Kredit ini.

Jadi, adakah Kerajaan Persekutuan apabila melancarkan skim begini untuk memberi jaminan kredit kepada mereka yang berpendapatan rendah dan juga tidak sanggup untuk mengeluarkan duit atau pun tidak layak langsung untuk mendapatkan pinjaman daripada bank. Ada apa lagi cara-cara yang lebih positif dan juga lebih berkesan untuk membantu mereka yang telah berjaya membuat permohonan dan diberi tawaran tetapi tidak sanggup memperoleh pinjaman. Apa pendapat?

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Saya ingat ini satu isu yang agak serius kerana kita akan wujudkan satu generasi yang tiada rumah atau *homeless generation* jika kita tidak jaga dengan betul.

Saya ingat untuk keluarga di bawah RM3,000 sebulan pendapatan mereka, mereka agak susah untuk membeli rumah. Mungkin kita kena pinjam kaedah seperti yang dipakai di United Kingdom pada masa dahulu di mana Kerajaan Pusat memberi subsidi kepada semua *local council* untuk membina rumah dan sewa pada orang miskin pada kadar yang rendah. Ini boleh dipinda kepada sewa beli jika keluarga itu mampu pada masa depan. Jadi dia dipanggil *council flats*, dibina oleh *council* dan disewa. Mungkin kita kena tengok kadar itu untuk keluarga-keluarga, kita ada lebih kurang 40% rakyat di bawah pendapatan RM3,000 sebulan. Mungkin kadar itu kena pakai untuk mereka kerana mereka untuk beli rumah dan teruskan *protect* rumah itu daripada bank, mungkin mereka tidak sanggup.

Bagi keluarga-keluarga yang berpendapatan di antara RM3,000 dan RM6,000 mungkin kita kena buat kaedah yang saya *suggest* tadi. Kita ada buat rumah melalui *trust- non profit*. Kita jual kepada mereka dengan harga kos membina rumah, itu kena buat. *So*, saya rasa ini satu isu yang agak serius dan kita tidak boleh ambil pendekatan kita bergantung kepada sistem swasta yang cari untung untuk membekalkan rumah untuk rakyat kita. Jika kita teruskan dengan kaedah itu, saya ingat kita akan adakan satu *homeless generation* di Malaysia.

Sekarang saya hendak beralih kepada isu yang terakhir saya iaitu GST. Dalam perdebatan semalam ada beberapa Yang Berhormat daripada Barisan Nasional yang mengatakan macam tidak ada masalah, beban atau kesan buruk kepada rakyat. Akan tetapi saya merujuk kepada pembentangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bila beliau bantangkan bajet. Dikatakan kerajaan percaya bahawa ini adalah masa yang terbaik untuk melaksanakan GST kerana kadar inflasi rendah pada masa ini. Ertinya kerajaan dan Menteri Kewangan sedar ada kemungkinan besar bahawa pelaksanaan GST akan menaikkan harga-harga barang. Ini akan membawa beban kepada rakyat kita.

Satu lagi isu yang dibawa oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Barisan Nasional ialah isu *exemption* atau pengecualian. Akan tetapi kita mesti faham ini adalah satu *value added tax* di mana nilai yang ditambah di setiap peringkat dikenakan cukai pada peringkat itu. *So*, katakan satu benda itu ada lima peringkat daripada mula hingga sampai kepada *customer*. Jika peringkat terakhir itu dikecualikan daripada cukai tetapi kos cukai yang dikenakan pada peringkat keempat, ketiga, kedua dan pertama, semuanya akan ada kesan atas harga barang itu. *So*, kita mesti faham itu.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: *[Bangun]*

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Dikecualikan, ertinya dikecualikan di peringkat apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Langkawi bangun.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Boleh saya mencelah?

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: *Sure.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila. Nampak muka Yang Berhormat Langkawi itu.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sungai Siput. Tadi Yang Berhormat kata bahawa...

■1530

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Hendak *confirm* dalam CCTV nampak tidak?... Nampak.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Fasal mata tidak boleh baca. Tadi Yang Berhormat Sungai Siput mengatakan bahawa akan ada penambahan dari segi inflasi. Ya, saya rasa itu benar. Saya pun baru dapat penerangan daripada Menteri sebentar tadi bahawa tahun pertama memang akan ada 1.8% penambahan inflasi dalam pelaksanaan GST. Akan tetapi pada masa yang sama juga kerajaan akan memberi sumbangan sebanyak RM300 untuk atasi masalah ini. Akan tetapi, tahun kedua dia akan pergi kepada perkara yang sama. Keduanya ialah tentang *stages* untuk GST. Tiap-tiap *stage* dia ada *input and output*. Berbeza dengan *tax* yang sekarang ini, SST yang mana dia tidak ada *stage*, ia hanya *one stage*.

Jadi tiap *stage* itu daripada *supplier, manufacturer*, daripada *wholesaler* dan sampai kepada *consumer*. Jadi tiap-tiap *stage* itu dia ada input dan output. Tiap-tiap input dan output itu dia akan dapat balik. Tiap *stage* itu dia akan dapat balik. Akhirnya kepada pelanggan itu, yang 6% itu tidak akan dapat balik. Terima kasih.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Ya, terima kasih. Kini inflasi ini yang akan berlaku pada tahun pertama, dia tidak akan *reverse* balik pada tahun kedua. Dia kekal situ. Jadi saya rasa BR1M ini, kita katakan BR1M RM300. Untuk satu keluarga yang ada *expenditure* katakan RM2,000 sebulan, dengan katakan 6% GST ini, perbelanjaannya akan tambah lebih kurang RM180, mungkin kurang sedikitlah *because sales tax* dipotong semua. *So*, jika ini satu bulan. *So* RM180x12 adalah kos yang akan ditanggung oleh keluarga yang ada *expenditure* RM2,000 sebulan- RM180x12, jadi bukan RM300.

Jadi apa yang boleh dibuat oleh kerajaan saya ingat untuk GST ini, bolehkah kerajaan menjadikan BR1M bulanan dibayar kepada semua keluarga di bawah paras RM3,000 sebulan. Jadikan ini sebahagian pada GST punya *law*. Jadikan ini satu syarat dalam GST *law*, dikatakan bila GST ini dilaksanakan untuk semua keluarga yang dapat gaji, pendapatan bulanan di bawah RM3,000, kita *take the percentage*, jadi RM3,000 kali GST *rate*, 6%- RM180...

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Saya minta mencelah.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: *Let me* habis *this one*. Kita masukkan RM180 dalam bank akaun tiap keluarga dengan gaji di bawah RM3,000 sebulan tiap bulan. Ini bukan ikut BR1M pada masa *electionkah, by electionkah*, apa tidak! Ini terus. Jika GST naikkan ke 7%, *7% into the RM3,000 figure*. Ini kita jadikan *law*. Jadi ini, jika macam ini saya boleh terima GST kerana kesannyaa atas keluarga yang miskin kita lindung dan untuk keluarga yang hanya ada gaji RM2,000 sebulan, dia pun dapat RM180. Ini jadi negatif *income tax* untuk mereka. *It is become income distribution*. Jika buat macam itu, jika BN boleh ubahsuai undang-undang ini di mana kita masukkan BR1M bulanan untuk semua keluarga di bawah 40% itu bulan-bulan. *I* boleh terima. Sebelah, sebelah belakang, dia dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Tebrau.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Tadi saya dengar Yang Berhormat Sungai Siput sebut tentang satu keluarga yang belanja RM2,000 sebulan. Jadi saya fikir Yang Berhormat Sungai Siput tidak ambil kira dua perkara. Pertama, kalau *community essential* macam PLUS dan sebagainya tidak dikenakan GST, bukan semua RM2,000 ini dikenakan GST. Kedua, ada barang-barang yang sekarang yang sudah kena SST sebanyak 5% ataupun 10%. Kalau yang ada 10%, sebenarnya *tax* itu kurang bukan lebih. Jadi ini saya minta bahawa kita kena ambil kira. Sekian.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Tambah sikit Yang Berhormat Sungai Siput. Okey. Lanjutan daripada saudara kita ini, sebenarnya apabila Yang Berhormat Sungai Siput kata.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Langkawi.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: ...Jumlah RM2,000 itu bukanlah dia belanja semua yang kena GST. Sebenarnya apabila kerajaan membuat semakan, di bahawa daripada perbelanjaan yang berpendapatan RM2,000 untuk SST sekarang ini, *sales and service tax*. Dia kena bayar RM26.38 satu bulan, tetapi apabila ada GST dia kena bayar RM51.89. Maknanya dalam 12 bulan, perbezaannya RM300. Maka sebab itu diberi, dibayar sebanyak RM300. Jadi kalau kita kira 6% daripada RM2,000, itu saya rasa tidak berapa kena Yang Berhormat Sungai Siput. Terima kasih.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Okey saya terima itu. Mungkin bukan dia akan naikkan perbelanjaan dia 6% tetapi ada kenaikan perbelanjaannya. Saya *think* prinsip dia adalah katakan kita ambil satu keluarga dengan perbelanjaan RM3,000, kita jadikan GST neutral untuk mereka dengan bayaran BR1M bulanan, kita boleh *calculatelah*, 6% tolak *sales tax* yang diselamatkan *and then* semua itu, kita katakan mungkin *it is 4% or 3%*. Akan tetapi kita masukkan *3% into the RM3,000 figure*, kita bayar pada semua keluarga ini tiap bulan dan kita pun dalam *law* itu katakan jika GST dinaikkan ke 7% atau 8%, *the figure then changes*. Kita boleh ada mekanisme. *So* dia mesti jadi neutral untuk keluarga-keluarga dengan perbelanjaan RM3,000 dan positif untuk keluarga yang lebih miskin daripada itu.

Macam itu saya rasa okey. *Both tax* itu, *you tax the middle class*. Akan tetapi yang miskin, jangan bebankan mereka. Yes, Yang Berhormat Shah Alam.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput. Saya rasa walaupun perbahasannya berhubung dengan GST khususnya, kita kena ambil kira bahawa bajet ini bukan sekadar GST. Ianya boleh dikatakan sebagai serampang dua mata. Dua-dua tikam rakyatlah kerana dia tarik balik juga subsidi. Maka impak ke atas kos kehidupan ini akan meningkat berlipat kali ganda. GST itu satu hal. Dia punya 6% itu pun seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Langkawi sendiri, mungkin boleh dianggarkan atas dasar perbelanjaan-perbelanjaan yang tertentu.

Akan tetapi kita semua faham bahawa 6% ini hanya satu kadar permulaan. Ianya boleh ditambahkan. Masalahnya bagi kami di sebelah sini, saya harap Yang Berhormat Sungai Siput boleh komen ialah bahawa kerajaan menghadapi masalah pendapatan ataupun *revenue* dan untuk atasi masalah *revenue* ini ataupun pendapatan itu, maka dia pergi kepada rakyat dan dia tambahkan cukai pada rakyat. Benda ini saya harap bahawa ahli-ahli Barisan Nasional semua faham walaupun boleh dikata tentang *sales* dan *service tax* dan sebagainya, kononnya lebih tinggi dan sebagai. Tadi Yang Berhormat Langkawi terus terang mengakui *the next effect*, kesan keseluruhannya, akhirnya ialah rakyat dicukai lebih.

Kerajaan hendak tambahkan pendapatannya dan cara hendak tambahkan pendapatannya ialah melalui GST. Ini dalam keadaan di mana kemiskinan dan kos kehidupan sedang mengekang rakyat. Kita semua tahu. Dia punya hutang seisi rumah kadarnya sudah 80% daripada KDNK. Saya hendak sebut pada Yang Berhormat Sungai Siput satu perkara. Ada satu pandangan ya. Saya hendak minta Yang Berhormat Sungai Siput komenlah kerana ini pencelahan. Sebelum Tuan Yang di-Pertua tegur, saya kena perbetulkanlah.

Dia mengatakan bahawa sekarang ini sebenarnya kerajaan sudah pukul rakyat ini di semua peringkat. Dia ambil cukai daripada pendapatan dan keuntungan. Ini yang asal. Lepas itu dia gunakan duit yang simpanan rakyat, yang duit yang kita simpan dalam BSNkah, dalam KWSPkah, apakah, semua kerajaan sudah pakai dan dia bangga bahawa pinjaman yang dilakukan oleh kerajaan semuanya domestik. Makna dia ambil daripada duit rakyat, dia sudah cukai pendapatan rakyat, dia sudah cukai keuntungan perniagaan yang dilakukan oleh rakyat, dia sudah guna dalam simpanan rakyat, akhirnya sudah tidak ada apa lagi yang tinggal, sekarang ini dia cukai perbelanjaan rakyat. *So*, dengan izin, *at every levels of economy activity*, kerajaan ambil. Pendapatan dia ambil...

■1540

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Panjang sudah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Keuntungan diambil, simpanan diambil, belanja pun dia ambil. Lalu, inilah sebabnya kenapa kami gelarkan GST- 'gasak sampai terlentang'. Apa pandangan Yang Berhormat Sungai Siput?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Sungai Siput, masa sudah habis ya. Gulung.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Okey, saya gulung. Saya jawab dan gulung ya. Okey, panjang juga.

Okey, saya rasa kita kena terima GST ini adalah usaha untuk pindahkan beban cukai daripada korporat, daripada kaya kepada rakyat biasa. Ini memang betul dan ini berkaitan dengan pendirian kerajaan. Kita mahu lebih FDI, kita mahu lebih *investment*, kita mahu *investor friendly*, mesra pada *business*. So, kita tengok di Singapura *corporate tax* hanya 19%. Di Thailand sama macam itu. So, kita katakan kita perlu 25% ini terlalu tinggi. So, kita mahu mesra pada mereka. Kita terpaksa kurangkan *corporate tax*. Bila kurangkan *corporate tax*, kita mesti dapatkan cukai yang lain. So, datanglah GST. So, GST adalah pemindahan beban. Kita kena terima itu. Jadi, kita mungkin kena tengok ini bukan sahaja satu masalah yang hanya Malaysia terlibat. Ini satu yang dikatakan dalam istilah Inggeris, *race to the bottom*.

Oleh kerana ini, pihak korporat yang begitu kuat kita mahu cari FDI, kita kena kurangkan *tax* terhadap mereka. Kita kena kurangkan, *keep our wages low*. Jadi, semua inilah kita kena tengok. Oleh kerana kaum korporat begitu kuat, begitu kompetitif, so kita bersaing dengan Indonesia, kita bersaing dengan Vietnam, kita bersaing dengan Thailand untuk dapatkan FDI. Dalam usaha ini, kita bawa GST. So, ini satu masalah. Kita kena tengok apakah hala tuju kita untuk masa depan. Jika ini berterusan, kita semua akan rugi. Negara-negara membangun macam Malaysia, Vietnam dan semua akan rugi kerana...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Sungai Siput.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: ...Kita takut menegur kaum korporat ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Batu Sapi.

3.42 ptg.

Datin Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada 25 Oktober 2013, Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kita, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak telah membentangkan Belanjawan 2014 di Dewan Rakyat yang mencatatkan jumlah peruntukan sebanyak RM264.2 bilion. Pembentangan belanjawan ini dianggap ramai sebagai belanjawan yang mengimbangkan kehendak semua pihak dan diharapkan melalui belanjawan ini ianya boleh menjadi transformasi untuk merangsang pembangunan ekonomi negara, menjamin kesejahteraan rakyat dan memajukan negara kita ke arah mencapai kedudukan negara maju menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Belanjawan 2014 yang bertemakan "Memperkuh Ketahanan Ekonomi, Memperkasa Transformasi dan Melaksana Janji" dengan menggariskan lima teras utama. Walau bagaimanapun, izinkan saya memberi sedikit komen

berkaitan dengan Belanjawan 2014 yang telah dibentangkan dan memberi beberapa cadangan tambahan bagi tujuan penambahbaikan terhadap Belanjawan 2014 ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin memuji langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan defisit fiskal Kerajaan Persekutuan yang dijangka terus berkurangan kepada 3.5% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar bagi tahun 2014 berbanding 4% pada tahun 2013. Langkah ini sudah tentu akan memperkukuhkan kedudukan kewangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan usaha untuk meringankan beban rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah dengan meluluskan pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia dengan penambahan nilai bantuannya daripada RM500 kepada RM650 dan daripada RM250 kepada RM300 bersama dengan caruman insurans takaful berkelompok rakyat 1Malaysia atau i-BR1M bernilai RM50. Saya juga menyokong penuh langkah untuk meringankan beban golongan berpendapatan sederhana iaitu pelepasan cukai khas RM2,000 ke atas pendapatan yang diperolehi dalam tahun 2013 bagi yang berpendapatan sehingga RM8,000 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Ahli Parlimen dari Sabah, saya memuji peruntukan RM386 juta untuk menyeragamkan harga barangan di Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Malaysia melalui Program Penyeragaman Harga dan pemberian subsidi termasuk kos pengangkutan yang melibatkan perbelanjaan RM331 juta. Langkah ini akan meringankan beban rakyat di Wilayah-wilayah Timur ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan pengecualian cukai yang diluluskan dalam belanjawan-belanjawan tahun-tahun lepas untuk penderma-penderma kepada institusi pendidikan rendah dan menengah, sekolah jenis kebangsaan, sekolah mubaligh dan sekolah agama serta tempat-tempat ibadat yang berdaftar diteruskan dalam Belanjawan 2014. Langkah-langkah ini akan dapat membantu memacukan pendidikan generasi muda dan juga menyumbangkan kepada pembangunan kerohanian masyarakat majmuk di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan kesihatan dititikberatkan dalam Belanjawan 2014. Namun, di Pantai Timur Sabah hospital-hospital dan klinik-klinik kesihatan nampaknya tidak diberi perhatian. Di sini saya ingin mengingatkan bahawa hospital di Lahad Datu, Tawau dan Sandakan telah memberi sumbangan yang banyak semasa Operasi Daulat dalam bulan Februari hingga bulan April pada tahun ini. Ancaman keselamatan di Pantai Timur Sabah masih wujud dan mengakibatkan penubuhan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM).

Justeru itu, saya mencadangkan kemudahan dan kepakaran di hospital-hospital di kawasan ini dipertingkatkan. Keperluan kemudahan kesihatan yang berkualiti yang disediakan oleh kerajaan lebih mendesak di Pantai Timur Sabah memandangkan tiada hospital swasta di sana. Secara spesifik saya mencadangkan wad tuberkulosis baru dibina di Sandakan kerana wad tibi sedia ada terletak di tempat yang sama dengan Klinik Kesihatan Sandakan. Memandangkan penyakit tibi adalah penyakit yang senang berjangkit, pengasingan wad tibi dari klinik kesihatan akan mengurangkan risiko kepada pekerja dan pengunjung ke klinik ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan usaha kerajaan untuk menggalakkan pembangunan, penggunaan teknologi hijau dan peningkatan pencapaian dan penjimatan

penggunaan tenaga elektrik kerana usaha ini akan menyumbangkan kepada kemapanan penggunaan sumber-sumber semula jadi yang terhad. Sehubungan dengan ini, saya mencadangkan kilang-kilang dan loji-loji untuk mengitar semula plastik, besi dan logam lain, alat-alat elektronik dan juga kaca dibina di Sabah, sama ada oleh kerajaan ataupun dengan kerjasama dengan pihak swasta.

Pada masa sekarang, bahan-bahan yang dipungut untuk dikitar semula terpaksa dihantar ke Semenanjung Malaysia untuk diproses. Dengan adanya kilang-kilang untuk memproses bahan-bahan ini, pengitaran semula boleh dijalankan dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 2014 banyak projek jalan raya dan landasan kereta api dicadangkan termasuk pembinaan Lebuhraya Pantai Barat dari Banting ke Taiping, Lebuhraya Pan Borneo, pembinaan landasan kereta api berkembar Ipoh ke Padang Besar dan kemudiannya dari Gemas ke Johor Bahru.

■1550

Saya mengalu-alukan projek-projek besar ini kerana projek-projek ini akan mendatangkan banyak manfaat ekonomi. Akan tetapi saya ingin mengingatkan kerajaan agar jangan lupa jalan raya di dalam kawasan bandar dan desa yang didiami oleh ramai penduduk. Contoh-contoh jalan raya yang tidak dibina atau tidak diselenggarakan dengan baik di Sandakan termasuk Jalan Batu Sapi, Jalan Lintas Sibuga, Jalan Labuk dari Kilometer 13 hingga Kilometer 55. Saya ingin menarik perhatian Kementerian Kerja Raya tentang masalah-masalah ini. Dengan penekanan kepada pembangunan infrastruktur asas yang diberikan dalam Belanjawan 2014, saya mencadangkan Sabah yang jauh ketinggalan daripada segi infrastruktur asas diberikan perhatian sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya memuji usaha kerajaan untuk menyediakan dan menggalakkan pembinaan rumah-rumah kos rendah dan sederhana yang dicadangkan dalam Belanjawan 2014. Sebagai wakil rakyat dari kawasan Batu Sapi, setahu saya, dianggarkan lebih daripada separuh penghuni adalah penduduk setinggan. Saya memohon agar kerajaan memberikan perhatian kepada kawasan ini dengan membina lebih banyak rumah kos rendah dan sederhana serta membina dan membaik pulih rumah rakyat miskin.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan cukai barangan dan perkhidmatan atau GST. Saya menyokong pelaksanaan sistem cukai baru ini. Akan tetapi saya berpendapat kadar 6% adalah agak tinggi pada peringkat awal pelaksanaan terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah. Saya mencadangkan pada peringkat awal pelaksanaan, kadar GST yang lebih rendah contohnya 3% hingga 4% dikenakan. Kita menjangka pendapatan negara akan bertambah dalam masa yang singkat apabila pendapatan per kapita negara bertambah, kadar GST bolehlah dinaikkan.

Saya juga berpendapatan pengurangan cukai pendapatan individu sebanyak 1 hingga 4 mata peratus dan cukai pendapatan koperasi sebanyak 1 hingga 2 mata peratus selepas pelaksanaan GST tidak cukup dan perlu dikaji dengan lebih teliti untuk memastikan rakyat mempunyai pendapatan boleh guna ataupun *disposable income* yang cukup untuk membayar GST. Sehubungan dengan ini, pengurangan subsidi gula, produk-produk petroleum perlu dikaji

dengan teliti kerana kenaikan harga barang-barang kegunaan seharian ini akan mengakibatkan inflasi dan membebankan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cadangan serta usul yang saya bantah tadi. Saya berharap cadangan-cadangan saya dapat diambil perhatian dan dipertimbangkan dengan sewajarnya. Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya memberi sokongan penuh kepada Belanjawan 2014 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan. Dengan ini, saya menamatkan ucapan perbahasan saya ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kelana Jaya.

3.54 ptg.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan bahas Bajet 2014 ini daripada perspektif dasar dan isu-isu mikro.

Perbahasan saya mempunyai tiga bahagian. Bahagian pertama ialah memberi pandangan ekonomi secara mikro dengan izin, *micro economics* di dalam konteks Bajet 2014. Bahagian kedua, memberi fokus kepada isu pendapatan negara iaitu isu-isu tentang cukai-cukai baru ini dan bahagian ketiga, saya ingin memberi pandangan saya tentang GST tetapi bukan butir-butirnya tetapi secara mikro lagi isu-isu subsidi dan impak kepada inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya bermula dengan bahagian pertama. Prinsip pentadbiran kewangan negara yang baik adalah kerajaan cuba mencari satu bajet yang seimbang iaitu dengan izin, *government has to find a balance budget*. Pada masa ekonomi baik, satu kerajaan yang bertanggungjawab dan ini bukan kerajaan Barisan Nasional lah, akan cuba sedaya upaya untuk mendapatkan surplus ataupun sekurang-kurangnya memastikan defisit di bawah kadar 2% KDNK dan pada masa ekonomi buruk, kerajaan yang bertanggungjawab akan cuba dengan izin, *pump-prime economy* dan mengadakan lebih projek pembangunan seperti projek-projek infrastruktur yang boleh memperkasakan ekonomi dan rakyat dengan izin, *pump-prime the economy and empower the people*. Jadi apabila kerajaan mengadakan bajet defisit yang melebihi 2% KDNK dengan tujuan *pump-priming* tidak ada salahnya. Masalahnya kita ini, tiap-tiap kali defisit Barisan Nasional bukan untuk *pump-priming*. Secara ringkas saya nak katakan untuk mengamalkan satu *balance budget*, kerajaan boleh mengamalkan defisit melebihi 2% tetapi dengan tujuan *pump-priming* sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, masalah utama yang dihadapi oleh negara kita adalah prinsip-prinsip *balance budget* ini tidak diguna pakai oleh Kerajaan Barisan Nasional. Akan tetapi yang lebih merunsingkan ialah bukan Kerajaan Barisan Nasional tidak mahu menggunakan prinsip-prinsip tersebut, tetapi Kerajaan Barisan Nasional tidak ada keupayaan untuk memakai prinsip-prinsip dengan izin, *this Barisan Nasional Government has no option to try to adhere to this good principle because the fiscal situation- there is no way out of this fiscal mess*.

Pentadbiran fiskal yang buruk selama 16 tahun, kegagalan membesarkan dengan izin, *tax base*, kegagalan menangani ketirisan dan *corruption*, keinginan mengadakan mega projek yang

tidak membawa manfaat kepada rakyat, semua ini, semua kegagalan ini telah menyebabkan hutang negara melebihi RM500 bilion. Tambahan pula, hutang *off-balance-sheet* kerajaan sudah melebihi RM200 bilion. Projek-projek yang di *guarantee* oleh kerajaan secara eksplisit ataupun implisit projek seperti MRT ini, PKFZ dijalankan tanpa *open tender* dan proses yang *transparent*. Sebab itu George Kent boleh dapat kontrak MRT juga walaupun dapat nombor lima dalam tender proses. Apa lagi pemberian *sovereign guarantee* kepada pinjaman-pinjaman bon daripada 1MDB.

Kita dah baca banyak laporan daripada *Asia Wall Street Journal*, *Bloomberg Financial Times* tentang isu ini. Di mana *sovereign guarantee* negara telah diberi kepada 1MDB untuk dapat USD3 bilion tanpa apa-apa pelan untuk bagaimana menggunakan duit itu.

Jadi semua perkara yang saya timbulkan tadi, kesemua perkara ini telah menyebabkan Fitch untuk memberi rating yang buruk kepada Barisan Nasional. Bukan sahaja kita ada *fiscal crisis*, sekarang pula eksport negara telah banyak menurun dan mengikut ramalan ekonomi negara oleh kerajaan Barisan Nasional sendiri bagi tahun 2014. Eksport kami akan terus menurun secara dengan izin, *comparison on a year-on-year basis*. Ini menimbulkan satu situasi di mana *current account* negara akan tergugat tidak lama lagi. Sekiranya kita terus meningkatkan import dari luar negara untuk projek mega dan eksport kami terus menurun, kita akan menghadapi situasi yang tersangat buruk seperti apa yang pakar-pakar ekonomi sebutkan sebagai *twin deficit*. Apakah kena mengenai isu *twin deficit* dengan bajet kita? Saya cubalah, bukan macam Barisan Nasional. Saya akan cuba untuk *stick to the point* mengenai bajet ini.

Sekiranya kerajaan ditadbir dengan betul daripada segi kewangan, kita boleh kata, *bail-out policy* memang boleh dilakukan untuk menaikkan eksport kita. Polisi seperti *tax break* menurunkan *custom duty*, membuat pembayaran geran untuk R&D dan *promotion* boleh menolong meningkatkan eksport kami. Walaupun import meningkat, kalau kita tingkatkan eksport kita, kita boleh *balance*. Akan tetapi untuk mengadakan polisi-polisi tersebut, kita memerlukan wang lebihan, wang yang sedia ada. Tetapi keadaan fiskal Barisan Nasional 16 tahun berhutang jelas tak ada wang lebihan itu. Hendak wang lebihan, Kerajaan Barisan Nasional kena pinjam. Tambah lagi hutang kerajaan selepas itu. Ini bermakna kerajaan daripada sifar fiskal, Kerajaan Barisan Nasional sekarang merupai satu *lame duck*.

■1600

Secara mikro, adakah Bajet 2014 cuba mengatasi masalah-masalah fiskal negara yang saya telah timbulkan tadi? Kita tanya soalan itu bersama. Memang nampak defisit turun daripada 4% bagi tahun 2012 ke 3.5% tahun ini tetapi nombor defisit ini adalah satu hasil manipulasi. Macam mana manipulasinya? Seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh dan juga disokong oleh Yang Berhormat Serdang, manipulasi berlaku melalui penggunaan anggaran yang jauh lebih rendah bagi perbelanjaan kerajaan. Berapa rendahnya? Lebih kurang pada kadar 9% kekurangan perbelanjaan sebenar.

Saya beri *example* yang senang difahami. Pada tahun 2012, kerajaan anggar hendak belanja, dia *estimate* hendak belanja RM231 bilion tetapi akhirnya belanja RM250 bilion. Akan tetapi semasa dia bentangkan Bajet 2013 tahun lalu, dia kata pakai nombor RM231 bilion dahulu

untuk menunjukkan defisit yang rendah. Kalau hendak pakai anggaran, Barisan Nasional lari *plus-minus 2%*, okeylah. Itu biasa. Akan tetapi apabila *you* lari 8%, 9%, itu bukan satu anggaran yang tepat. Itu anggaran tipu helah.

Isu kedua mengenai defisit 3.5% ini. Kita hendak tengok apakah dan bagaimanakah Barisan Nasional boleh menurunkan defisit ke 3.5%? Adakah melalui perbelanjaan yang lebih *responsible*, lebih baik? Tidak. Jelas sekali defisit 3.5% ini berdasarkan pertambahan mendadak subsidi sebanyak RM7.3 bilion. Memang kita secara prinsip bersetuju bahawa subsidi perlu *transition* kepada fokus baru iaitu *targeted subsidy*. Akan tetapi apabila Kerajaan Barisan Nasional membuat pertumbuhan subsidi dengan cara yang mendadak, ini kita tidak sokong.

Apa yang penting kalau hendak potong subsidi rakyat, rakyat perlu tahu bahawa kerajaan juga akan *disuffocate*. Kerajaan kena potong kos-kos perbelanjaan mereka pada tahap yang sama. Kalau rakyat kena *suffer* subsidi RM7.3 bilion *cut*, saya minta Kerajaan Barisan Nasional potong perbelanjaan mereka sebanyak RM7.3 bilion. Macam itu kita boleh kata Kerajaan Barisan Nasional boleh cuba mengatasi ketirisan *corruption* yang jelas. Apa yang kita tahu bulan lalu, *Auditor General's Report* sudah keluar, jelas sekali ketirisan dan juga *corruption* masih menjadi isu yang terbesar. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kesimpulan saya, bahawa kalau kita lihat daripada segi mikro, bajet 3.5% defisit ini sebenarnya tidak mengatasi masalah utama fiskal negara. *This is the complete failure*, dengan izin Kerajaan Barisan Nasional untuk cuba mengurangkan ketirisan dan *corruption*.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang akan bincang bahagian kedua saya. Bahagian kedua saya ialah mengenai isu cukai-cukai yang baru. Pada dasarnya, setiap bajet mempunyai dua elemen. Pendapatan kerajaan iaitu cukai dan perbelanjaan kerajaan. Daripada segi cukai, saya menyokong potongan *income tax* yang dilakukan oleh kerajaan. Sebagai Ahli Parlimen, kerja saya bukan hanya untuk kritik kerajaan. Bila kerajaan buat betul, saya sokong. Akan tetapi dalam konteks potongan *income tax* ini, sebagai dengan izin, satu *set off* kepada GST. Ini adalah pada dasarnya satu *fundamentally fraud*, satu polisi yang *fundamentally fraud*.

Mengikut data Lembaga Hasil Dalam Negeri, pembayar cukai Malaysia adalah cuma 1.8 juta orang. Apabila potong *income tax* untuk 1.8 juta orang, cuma 1.8 juta orang akan menikmati *income tax* itu tetapi GST akan menyentuh kesemua 25 juta penduduk Malaysia. Ini termasuk orang-orang yang tidak bekerja, orang-orang yang tidak mampu bayar *income tax* termasuk bayi, anak-anak kita dan warga emas.

Jadi, *trade-off* pertumbuhan *income tax* yang diuar-uarkan oleh Perdana Menteri iaitu Yang Berhormat Pekan pada tahap 1% ke 3%, *trade-off* dengan GST ini sebenarnya bukan satu *trade-off* yang benar. Saya hendak petik laporan *CIMB Research*. Seperti yang Tuan Yang di-Pertua tahu, CIMB ini ialah syarikat bank adik Perdana Menteri. Jadi tidak mungkinlah dia hendak tipu kita. Bank CIMB ini membuat laporan bahawa pendapatan tambahan daripada GST adalah sebanyak RM12 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, ini cukai tambahan RM12 bilion dan bukan jumlah cukai GST. Apakah maknanya? Maknanya bahawa, selepas kita potong cukai *income tax* sedikit, selepas kita

hapuskan SST, GST sebenarnya menambahkan cukai sebanyak RM12 bilion. Hakikatnya Tuan Yang di-Pertua, rakyat kena bayar RM12 bilion cukai tambahan ini. Ini adalah satu beban yang ketara sekali. Apa lagi beban yang Kerajaan Barisan Nasional hadiahkan kepada rakyat lagi? Kita tengok. Seperti saya kata tadi, hadiah lebih itu ialah potongan subsidi RM7.3 bilion. Jadi, pada tahun GST dilaksanakan bererti...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Boleh mohon laluan, GST.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Ya silakan.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya dan Tuan Yang di-Pertua. Ini soal GST, apabila pelaksanaan GST ada dua senarai. Satu senarai 1A dan satu senarai lampiran yang satu lagi. Satu senarai di mana GST dikatakan sifar dan satu senarai GST dikecualikan. Apabila kita lihat senarai yang kadar sifar di mana pekedai boleh dapat kredit input GST. Jadi akibatnya, barangan yang dijual tidak akan mengalami kenaikan harga. Untuk rakyat biasa, ini bawa faedah. Cuma saya lihat senarai tersebut, kebanyakannya adalah makanan tetapi antara dua makanan yang saya rasa pelik iaitu satu, *oyster* dan kedua, *lobster*. Adakah rakyat biasa itu selalu makan *oyster* ataupun *lobster* yang memerlukan kadar GST sifar? Ini pertama.

Kedua, ada senarai yang mana GST dikecualikan. Apa yang dimaksudkan dengan dikecualikan? Ini adalah satu *misnomer*, mengelirukan. Ini kerana pengusaha ataupun pembekal perkhidmatan tersebut apabila beri perkhidmatan, yang mana di dalam golongan cukai GST yang dikecualikan, mereka tidak boleh ada *claim credit* GST untuk input GST. Maksudnya, kos untuk *input cost* lebih tinggi. Jadi akibatnya, kos itu akan *ditransfer* kepada pelanggan. Akhirnya, misalnya, untuk pembinaan rumah kediaman. Walaupun dikecualikan GST tetapi kos untuk membeli bahan-bahan binaan akan naik oleh kerana GST.

Jadi, kos untuk pemaju akan naik dan akhirnya, pelanggan akan beli rumah yang lebih mahal. Untuk penjagaan perkhidmatan kesihatan misalnya, hospital-hospital swasta, walaupun perkhidmatan hospital swasta tidak dikenakan GST tetapi kos untuk urusan hospital swasta tersebut akan mengalami kenaikan 6% akibat GST. Jadi kos ini akan *transfer* kepada pesakit. Apabila kita lihat lampiran yang mengatakan GST sifar dan lampiran yang mana mengatakan GST dikecualikan, ini memang ada perkara-perkara yang tidak munasabah. Apa pendapat Yang Berhormat Kelana Jaya? Sekian.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat Gopeng. Ya, saya jawab yang pertama tentang *oyster* dan juga *lobster*. Ini memang kita semua tahu, *oyster* ini mahal- RM5 satu dan *lobster* ini lagi mahal, RM90 satu. Saya tahulah sebab saya kena bawa isteri saya untuk hari jadi dia, *celebrate*. Saya kena bayar, susah. Akan tetapi kita tahu semua ini adalah barang-barang mewah. Jadi kita kena tanya Perdana Menteri, kenapa disifarkan, tidak *dixempted*? Jadi, memang kita lihat proses ataupun *list* ini perlu dikemas kini.

■1610

Saya minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Kerajaan Barisan Nasional duduk baik-baik, tengok baik-baik macam mana untuk *tidy up this problem*. Tentang penambahan

itu, kita semua tahu proses untuk apa-apa barang pun ada kosnya. Kalau kos dia ada GST, mesti kena tambah harga. Kos yang terpenting, yang kita lihat dan ini kerajaan perlu jawab dengan cara rasmi. Adakah kos minyak, *the main operating cost of any industry because of fuel*, adakah ia *diexempt* daripada GST? Setahu saya, tidak. Jadi, walaupun benda-benda lain, kata beras itu *exempted* daripada GST, kita hendak *transport* beras, kita hendak bubuh minyak dalam traktor untuk kerja sawah, semuanya ada kos. Jadi, walaupun *exempted*, kos-kos barang-barang yang *exempted* mungkin naik. Jadi, memang betul, saya sokong apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Gopeng.

Daripada *point* tadi, saya akan *joint* balik untuk isu cukai. Apa yang saya kata, pada tahun GST 2015 dilaksanakan, kita kena *prepare* bahawa rakyat bakal dikenakan cukai tambahan dan cukai beban potongan sebanyak RM19.3 bilion. GST RM12 bilion tambah, potongan subsidi RM7.3 bilion, *total* RM19.3 bilion. Ini semua rakyat dibebankan. Yang saya tidak faham, Kerajaan Barisan Nasional kata GST baiklah, *fair*lah, semua ini. Tengok, ini data daripada kerajaan! RM19.3 bilion. Banyak sekali. Maknanya, kalau kita kira 29 juta orang Malaysia ini, lebih kurang setiap orang kena bayar RM700 tambahan.

Baik, mengenai cukai yang baru, cukai lama tetapi kadar baru RPGT. Memang cukai ini pada prinsipnya baik kerana *purpose* dia, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ialah untuk *cool down* spekulasi hartanah. Akan tetapi saya ada masalah dengan kadar 30% bagi tiga tahun. Ini adalah memang keterlaluan. Kadar sepatutnya ialah 30%, selama dua tahun. Ini adalah apa yang patut. Ini kerana walaupun kita boleh memberhentikan spekulasi hartanah dengan kadar yang tinggi, kita tidak patut menjejaskan ekonomi sektor hartanah. Dengan izin, *setting a tax rate is a balancing act*. *We have to be firm and fair, but not punitive*. Di sini saya rasa Barisan Nasional telah memangsakan sektor hartanah. Ini ada banyak implikasinya dalam ekonomi negara kita. Sektor hartanah menyokong lebih kurang 400,000 pekerjaan, *direct* dan *indirect*. Impak sektor ini menyeluruh.

Ia menyentuh sektor industri seperti simen dan besi. Ia menyentuh sektor guaman, sektor akauntan dan paling penting ia menyentuh sektor *banking*. Kalau kita letakkan RPGT yang tinggi, yang tidak munasabah, impak kepada *economic slow down* akan berlaku. Jadi, kita kena prihatin. Memang kita hendak *stop* spekulasi tetapi jangan keterlaluan. Saya harap Kerajaan Barisan Nasional mengkaji semula kadar RPGT yang lebih munasabah. Baik sekali mengikut kadar sebelum 2007 yang lebih adil.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang ke bahagian ketiga, menyentuh sedikit tentang isu GST...

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Kelana Jaya, boleh minta dua minit?

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Boleh.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita ikut teori-teori ekonomi, maka ia dikatakan sumber itu adalah terhad, *the scarcity of resources is always a fact*. Akan tetapi nampaknya dari segi agihan sumber dana dan juga peruntukan kewangan kepada kementerian-kementerian tertentu, kita rasa

kita telah mencapai satu rekod. Rekod yang terbaru ialah peruntukan untuk Jabatan Perdana Menteri. Kalau mengikut rekod bagi tahun-tahun lepas, kita dapati perbelanjaan untuk Jabatan Perdana Menteri telah melambung turut-menurut. Tahun 2008 - RM6.91 bilion, 2009 - RM10.19 bilion, 2010 - RM11.88 bilion, 2011 - RM15.62 bilion dan pada tahun 2012 - RM13.72 bilion. Akan tetapi untuk kali ini, Bajet 2014 ia telah melambung kepada RM16.45 bilion. Adakah peruntukan sumber yang terhad itu digunakan semata-mata untuk menjaga supaya membolehkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membina citra dan imejan tersendiri sebagai Perdana Menteri yang paling popular tetapi atas beban rakyat. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Saya hendak kata, kalau kita buat RPGT, *income tax reform*, kita cari lebih dana, kita pakai GST. Setiap kali semua ini pergi kepada Perdana Menteri, mampuslah kita. Dia tidak masuk akal. Macam mana kita susah payah mencari *fiscal policy* yang *balance* dan Jabatan Perdana Menteri terus menggunakan lebih dana setiap tahun. Oleh sebab setahu saya, Jabatan Perdana Menteri tidak ada hospital, tidak ada sekolah. Ia memang tidak ada betul-betul berfungsi selain daripada Perdana Menteri, *Chaired the meeting* untuk Kabinet, pakai duit sedikit sini, sana, untuk program-program. Dapatkan dana sebanyak RM16.4 bilion, ini terlalu besar untuk satu jabatan yang tidak ada *core* fungsi, fungsi yang *principle*. Jadi, apa yang saya tahu, apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Jelutong, saya *support*. Yang lebih merunsingkan ialah *developmental expenses* untuk Jabatan Perdana Menteri adalah RM10 bilion. *Developmental expenses* daripada Jabatan Perdana Menteri adalah *discretionary spending*. *RM10 bilion of discretionary spending, that has to be a record* Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merakamkan persetujuan saya kepada Yang Berhormat Jelutong atas apa yang dicakapkan sebentar tadi.

Izinkan saya ke bahagian ketiga saya iaitu menyentuh sedikit tentang GST tetapi tidak hendak cakap tentang secara terperinci isu-isu. Itu sudah didebat oleh ramai rakan-rakan kita. Yang penting Tuan Yang di-Pertua, saya hairan. Setahu saya, Ahli-ahli Dewan yang mulia ini dari Barisan Nasional telah banyak menampilkan diri mereka sebagai pakar GST. Yang Berhormat Kinabatangan, cakap tentang GST macam *expert*. Padahalnya setahu saya, kebanyakan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini dari Barisan Nasional, kebanyakannya pakar-pakar politik. Ini yang paling menghairankan. Kalau pakar-pakar politik, tidak sedarkah mereka bahawa banyak kerajaan yang melaksanakan GST telah kalah dalam pilihan raya seterusnya. Oleh itu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Barisan Nasional kerana mengambil langkah bijak melalui GST pada kadar 6%, kadar yang terlalu tinggi untuk bersedia kalah kepada Pakatan Rakyat, dalam pilihan raya- GE-14. Terima kasih [Tepuk]

Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]: [Bangun]

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Tuan Yang di-Pertua, apa yang tidak banyak dibicarakan tentang GST adalah impak GST ke atas inflasi. Mengikut CIMB, dengan adanya GST, inflasi bakal tambah. Bukan inflasi jadi, inflasi bakal tambah naik 2%. Ini sangat merunsingkan kerana kadar rasmi inflasi negara sekarang ini walaupun pada tahap 3%, kadar rasmi, kita semua tahu kadar inflasi rasmi ini bukan kadar inflasi yang benar. Kalau kita pakai indeks yang main-

mainlah, kita panggil indeks '*Big Mac*'. Kita pakai indeks '*Big Mac*' ini, kita tahu inflasi ini jauh lebih daripada apa yang dipaparkan oleh kerajaan. Inflasi sebenarnya lebih kurang tidak sampai 6%. Kalau kita masukkan kos perumahan dalam *basket of goods* untuk CPI, kadar inflasi sebenarnya lebih tinggi. Akan tetapi tidak apa, untuk perbincangan ini, saya akan pakai kadar inflasi kerajaan pada kadar 3%. Dengan GST dilaksanakan pada 2015, tambahan inflasi mengikut CIMB *research* ialah 2%. Maknanya, pada tahun 2015, inflasi negara akan naik ke 5%. Saya hendak kata, perkiraan 2% inflasi tambahan ini, dengan izin, adalah berdasarkan satu *assumption* bahawa GST dapat dilaksanakan dengan baik tanpa penipuan, tidak ada *fraud*, dengan izin, tidak ada *double rebates*.

▪ **1620**

Kalau GST dilaksanakan dengan baik sekali, tidak dapat ketirisan apa-apa tidak ada, dia naik 2%. Akan tetapi saya tidak percaya GST ini boleh dilaksanakan dengan baik. Ini kerana rekod pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional menunjukkan selalu cakap satu, *enforcement* satu. Kalau dia tidak boleh dilaksanakan dengan baik, tambahan inflasi bakal melambung ke 5% tambahannya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi, subsidi. Saya tidak mahu bincang panjang lebar tentang subsidi tetapi saya cuma hendak buat satu *observation* bahawa potongan subsidi selalunya menambahkan inflasi. Apa yang kita faham daripada *micro economics*? Apabila subsidi ditarik, kadar inflasi akan naik. Ini kerana subsidi yang terpenting iaitu subsidi minyak petrol bila ditarik balik subsidi untuk minyak petrol, semua kos barang akan naik menyebabkan inflasi naik. Apakah kadar inflasi itu? Kita pakai, katakan *consultative value* 1% sahaja naik. Jadi apabila kita tambah, kita balik kepada *basic mathematics*. Tadi saya ada kata, dengan kadar 3% inflasi rasmi kerajaan, tambah 2% lagi daripada inflasi GST, tambah 1% daripada potongan subsidi, kita sudah sampai 8%. Tambah lagi 3% daripada *back management*. Kita sampai kepada tahap 9%.

Bila kita tengok semua ini, ini sangat merunsingkan. Ini kerana pada tahun 2015, kita akan menghadapi *potential* kadar inflasi yang paling teruk sekali pada tahap 9%. Ini adalah amaran yang saya ingin bangkitkan dan bukan untuk hentam Barisan Nasional. Harapan saya ialah pada bajet tahun hadapan, kalau kerajaan betul-betul berniat untuk menolong rakyat, sila atasi isu ketirisan, pembaziran dan korupsi dahulu. Nasihat saya, ambil langkah proaktif. Potong perbelanjaan perkhidmatan dan perbekalan sebanyak 10% dari kesemua kementerian. Jangan tambah lagi. Kalau boleh untuk Jabatan Perdana Menteri, potong banyak sikit. Potong RM8 bilion bolehlah. Saya rasa Yang Berhormat Jelutong akan sokong, ya.

Apa yang kami syorkan adalah semua dalam belanjawan Pakatan Rakyat 2014. Jadi saya mengesyorkan kepada kerajaan supaya baca kita punya belanjawan 2014. Kalau hendak tiru, tirulah. Itu tidak penting. Apa yang penting, kalau tiru pun, boleh jaga kepentingan rakyat, saya rela. Jangan susahkan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya asal dari Kelantan. Saya hendak bagi pesanan sedikit kepada Barisan Nasional cara Kelantanlah. Saya hendak kata, "Bo lah susahkan rakyat". "Bo" itu maknanya "berhenti". Apa yang paling penting itu... [*Disampuk*] Memanglah, sudah hendak habis ini [*Berucap dengan telor Kelantan*]

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: [*Bangun*]

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Akan tetapi yang paling penting, inflasi...

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat, boleh mencelah sedikit?

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Boleh, boleh.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Kuala Kangsar.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Bukan Kuala Kangsar, Kelana Jaya.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Saya Kuala Kangsar.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Oh! Okey, okey. Sila, sila.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terima kasih.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Mencelah sebentarlah ya. Hendak habis sudah ini.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Kelana Jaya cakap tadi macam dia kata seolah-olah dia *expert*. Bunyi macam *expert* tetapi dia meletakkan andaian-andaian 3% *back management*, dia meletakkan *inflation*, meletakkan *figure* yang boleh dicipta. Jadi saya rasa tidak tepatlah. Jadi pada dasarnya *simple* sahaja pada saya. GST ini, dahulu melalui SST kita ada 5% hingga 15%. Sekarang ini kita ada satu cukai sebanyak 6% sahaja. *From range 5% to 15%* jadi 6%. *Logically* pun, GST daripada luar pun kita tahu benda itu sudah baik untuk ekonomi negara.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Okey, Yang Berhormat Kuala Kangsar. Ini Yang Berhormat Kuala Kangsar kena dengar sedikit dengan cara yang lebih baik. Yang Berhormat Kuala Kangsar, data-data yang saya beri itu semua bukan rekaan. Ia daripada CIMB *Research*, adik Perdana Menteri. Jadi Yang Berhormat tanyalah CIMB macam mana dia buat semua data-data ini.

Saya akan mengakhiri perbincangan saya dengan memberi pesanan yang paling penting. Kerajaan perlu mengambil langkah-langkah segera untuk mengawal inflasi pada tahun 2015. Kita ada lebih setahun lagi sebelum datangnya GST. Saya harap Kerajaan Barisan Nasional akan mengambil *full expert step* untuk menjaga inflasi supaya inflasi itu bukan isu politik. Ia akan menyentuh semua orang, kita semua- Barisan Nasional, Pakatan Rakyat, orang tua, muda dan semua. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah perbincangan saya. Terima kasih banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Johor Bahru. Selepas Yang Berhormat Johor Bahru, Yang Berhormat Bandar Kuching. Sila.

4.25 ptg.

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Bajet 2014. Saya juga tertarik dengan ucapan daripada Yang Berhormat Kelana Jaya yang juga menyarankan bahawa dengan GST yang hendak diperkenalkan, dengan bakalannya inflasi akan melanda negara, dengan berbagai-bagai kesusahan yang akan menimpa negara. Maka sebenarnya, sepatutnya Yang Berhormat Kelana Jaya kena menyokonglah bajet ini kerana mengikut kata Yang Berhormat

daripada Kelana Jaya, Pakatan Rakyat tentunya akan menang. Dahulu, "Ini kalilah". Esok pula, "Lain kalilah" [Ketawa]

Akan tetapi bagaimanapun saya tertarik juga dengan pandangan daripada Yang Berhormat daripada Kelana Jaya yang mengatakan bahawa harus kita melihat kepada bajet Pakatan Rakyat yang telah dikemukakan sebagai asas untuk melihat kepada pengurusan yang lebih baik seperti mana dikatakan dan dicadangkan oleh pihak Pakatan Rakyat. Saya meneliti bajet Pakatan Rakyat 2014 dan saya juga bandingkannya dengan janji-janji dalam manifestonya untuk PRU Ke-13. Apa yang saya lihat agak ketara yang hilang ialah peruntukan yang sepatutnya lebih besar daripada apa yang Kerajaan Barisan Nasional meletakkan dalam bajetnya sendiri untuk tujuan memberi subsidi kepada minyak petrol kerana pada Pilihan Raya Umum Ketiga Belas, telah pun dijanjikan oleh Pakatan Rakyat bahawa harga petrol akan dipotong dengan secara mendadak ataupun dalam bahasa Inggerisnya "*slash*". *Slashed petrol prices. Slashed petrol prices* maknanya tentunya kalau hendak *slashed petrol slices* itu macam diskaun ataupun potongan yang *Great Malaysia Salekah* atau *Year End Sale*. Betul-betul potonglah. Ia bukannya RM1.80, mungkin 80 senlah, bukan?

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Sedikit sahaja?

Seorang Ahli: Kurang.

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Kurang. *Slash* itu apa?

Seorang Ahli Pembangkang: Potong.

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Oh! Cantas ya? Potong kepala. Potong betul-betul. Bukan? Akan tetapi walaupun begitu, mungkin perkataan drama. '*King of drama*' biasanya begitulah, bukan? Drama. Jadi pakai perkataan *slash*. Akan tetapi walaupun begitu, ianya tidak kelihatan di dalam bajet perbelanjaan peruntukan di dalam bajet Pakatan Rakyat. Ini kerana saya juga terdengar ucapan kempen Ketua Pembangkang semasa di Johor Bahru. Beliau berkata, lebih kurangnya. Beliau berkata, "Negara kita ini mewah. Petronas berbilion-bilion ringgit. Harga sawit pun RM70 bilion. Jadi memang mampu kita untuk menurunkan harga petrol". Dirujuk kepada Petronas, ianya pendapatan kepada Petronas yang akhirnya perlu dibayarkan secara dividen kepada kerajaan. Bermakna ia harus dimasukkan dalam pendapatan negara. Itu yang pertama. Bagi pendapatan eksport sawit pula, ianya pendapatan yang pergi kepada penanam pekebun-pekebun kecil dan juga ladang-ladang sawit. Bukan masuknya dalam pendapatan kerajaan.

■1630

Akan tetapi ini cakap masa pilihan rayalah, Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita boleh maafkanlah, fasal kadang-kadang perkara ini boleh dijadikan kata-kata dalam keadaan yang begitu bersemangat tetapi malangnya di Johor Bahru, walaupun ucapan-ucapan kempen itu dilakukan di dalam kawasan-kawasan Melayu, pengundi-pengundi Melayu. Akhirnya pengundi-pengundi Melayu di Johor Bahru 85% menyokong kepada Barisan Nasional [Tepuk] Kita menang Parlimen

Johor Bahru. Hanya tewas di Stulang kepada wakil daripada DAP, bukan daripada PKR, malangnya.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, cerita tentang soal bajet ini yang dikemukakan oleh Ketua Pembangkang ada juga menyatakan bahawa harga minyak masak dikurangkan akan naik kerana subsidi akan dipotong sebanyak RM500 juta, sedangkan peruntukan di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi ialah sebanyak RM1.2 bilion. Maknanya saya pun tercarilah di mana peruntukan yang asal sepatutnya RM1.5 bilion. Saya hanya dapat dalam anggaran yang pernah diberikan dan yang diketahui bahawa dalam Skim Penstabilan Harga Minyak Masak ianya seperti mana dibuat aduan oleh pihak mereka yang terlibat dalam industri ini bahawa adanya *windfall levy* yang dikenakan berjumlah RM1.5 bilion tetapi malangnya ialah untuk tempoh masa tiga tahun iaitu tahun 2009 sehingga 2011, kalau tidak silap saya.

Jadi kalau peruntukan sebanyak RM1.02 bilion bagi subsidi minyak masak di bawah *cooking oil subsidy scheme* (COSS) untuk tempoh setahun, saya rasa ianya satu anggaran yang munasabah. Ini kerana anggaran yang kita boleh buat haruslah berasaskan kepada anggaran juga kepada harga minyak sawit itu sendiri yang kita pun tidak boleh tentukan kerana ianya harga yang ditetapkan oleh pasaran dunia.

Jadi sebab itu kadang-kadang kita bercakap untuk hendak memomok-momokkan. Ini tabiat dan keadaan...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: [*Bangun*]

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Silakan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Johor Bahru, sebelum tahun 2013 ini, kerajaan mengenakan cukai ke atas minyak kelapa sawit yang dikeluarkan oleh pekebun-pekebun kecil tetapi tidak mengenakan ke atas syarikat-syarikat besar yang mengeksport minyak kelapa sawit. Akan tetapi kerana Pakatan Rakyat mengutarakan perkara ini, memang rakyat mendapat keuntungan baru dapat layanan yang saksama seperti syarikat besar dan kerajaan telah hapuskan semua cukai ke atas eksport minyak kelapa sawit sama ada ke atas syarikat besar dan juga kepada orang perseorangan pekebun-pekebun kecil. Memang baru-baru ini dinaikkan balik kepada 4.5%. Maksudnya selama ini kerajaan tidak melayan pekebun-pekebun kecil yang mengeluarkan minyak kelapa sawit dengan adil. Jadi sebenarnya memang apa yang Pakatan Rakyat utarakan ini memanfaatkan pekebun-pekebun kecil di Malaysia.

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Apa pun yang hendak disuarakan seperti mana yang biasanya Tuan Yang di-Pertua, mereka yang boleh, merekalah yang melakukan dan yang tidak boleh, merekalah mengajar. *Those who can do, those who cannot teach*. Jadi kalau mereka tidak boleh buat apa-apa, mereka mengajar sahajalah, bercakap sahajalah dan saya ucap tahniahlah kepada siapa-siapa yang ingin hendak bercakap atau memberi pandangan. Akan tetapi dari segi pokoknya, dalam bajet Pakatan Rakyat 2014 dinyatakan dalam ucapan Ketua Pembangkang menyatakan bahawa harga minyak masak akan

naik dan fakta ini disembunyikan, sedangkan peruntukan untuk satu tahun ialah sebanyak RM1.02 bilion.

Jadi maknanya, bolehlah kita cakap inilah kejayaan kita dan sebab itulah saya rasa Pakatan Rakyat menang banyak di luar kawasan-kawasan luar bandar kerana menyokong sangat dengan cadangan-cadangan yang baik tetapi sebenarnya yang hakikatnya yang menang itu siapa? Orang yang menang itu ialah mereka yang boleh melakukannya dan bukan hanya bercakap.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menarik kepada satu perkara yang ada kaitannya dengan Parlimen yang mungkin Tuan Yang di-Pertua pun juga mempunyai minat. Ianya ialah mengenai Parlimen, di mana dalam tahun 2004 dalam Parlimen yang ke-11, saya pernah mengutarakan supaya Parlimen Malaysia diberikan tanah-tanah sekeliling bangunan Parlimen ini supaya dapatlah Parlimen menentukan agar kawasan sekitarnya digunakan bagi tujuan Parlimen semata-mata. Saya dengar cerita bahawa mungkin keadaan dan perkara ini ada dalam pertimbangan kerajaan.

Saya berharap kalau dalam tempoh jawapan daripada pihak kementerian, soal ini dapat dihuraikan sama ada berjaya atau tidak tanah-tanah sekeliling bangunan Parlimen ini diserahkan kepada Parlimen supaya kita dapat mengekalkan suasana di Parlimen, di bukit Parlimen ini dan kemudahan-kemudahan yang bakal dibina adalah untuk kegunaan Parlimen dan tentunya ia boleh mengelakkan daripada satu keadaan. Nanti alih-alih kita tengok tanah ini diberikan kepada pihak yang lain pula. Jadi saya berharap bahawa soal ini dapat diberikan jawapan, kedudukan pendirian kerajaan sama ada permintaan saya itu pada Parlimen yang ke-11 mendapat pandangan dan pertimbangan yang sewajarnya.

Saya ingin menyatakan juga sedikit tentang soal subsidi kepada gula telah ditarik dan pada saya ini bermakna bahawa gula bukan lagi menjadi satu barang kawalan. Saya bersetuju dengan tindakan ini kerana kepada saya harus kita melihat gula sebagai satu bahan yang ditambah kepada masakan kita ataupun makanan kita. Ia samalah seperti garam, samalah seperti lada hitam ataupun *additive* yang lain, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Akan tetapi apabila sudah dikeluarkan daripada senarai barang-barang kawalan, haruslah ini bermakna bahawa tidak ada juga kawalan-kawalan yang lain. Seperti mana pada tempoh yang dahulu, pada Parlimen yang ke-12 apabila dikeluarkan simen umpamanya daripada barang kawalan atau besi daripada barang kawalan, ianya telah disusuli pula dengan membenarkan pengimportan barang-barang ini secara yang lebih liberal yang membolehkan adanya untuk mengimbangkan keadaan pasaran bagi barang-barang tersebut. Maknanya kalau kita sudah tidak lagi memberi subsidi kepada gula, kita sendiri telah menyatakan bahawa ia bukan barangan kawalan.

■1640

Bila kita keluarkan ianya daripada senarai barang kawalan, haruslah kita batalkan kawalan import supaya dapat bekalan gula yang diproses diperoleh daripada punca-punca yang

berdekatan, umpamanya daripada Thailand dan sebagainya, supaya harga di peringkat domestik juga ialah akan tercapai melalui persaingan yang lebih sihat. Itu yang pertama...

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Johor Bahru, boleh mencelah?

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Minta maaf.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Sekejap.

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan bahawa apabila sesuatu barang itu tidak lagi menjadi barang kawalan, maka pengeluar-pengeluar dan pemain-pemain dalam industri itu harus terbuka juga kepada Akta Persaingan, dan tentunya ini akan membawa kepada keadaan yang lebih sempurna di mana kuasa pasaran akan boleh menentukan harga yang lebih munasabah. Ini kerana kita tidak akan melihat satu keadaan di mana adanya pakatan, bukan Pakatan Rakyat lah, pakatan atau pun kolusi di antara mana-mana pihak untuk menentukan bekalan atau menentukan harga.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru. Saya cuma hendak dapatkan pendapat Yang Berhormat Johor Bahru sama ada Yang Berhormat Johor Bahru mengatakan isu tentang monopoli Tradewinds dan juga *Malaysia sugar manufacturing*? Maksudnya, setujuakah Yang Berhormat Johor Bahru bahawa monopoli ini harus dihentikan? Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Tuan Yang di-pertua, ia bukan masalah dari segi monopoli. Ia tentunya dari segi kerana kita mempunyai alat-alat dan senjata daripada Akta Persaingan dan sebagainya yang boleh menentukan agar kehendak pasaran itu dapat dipenuhi. Ianya bukan- monopoli yang berlaku, ya lah kalau kita tengok kepada keadaan di mana MSM umpamanya terletak di sebelah utara, CSB terletak di pertengahan dan saya ada dengar berita bahawa akan ada juga mereka yang hendak melabur untuk membina sebuah kilang gula, penapis gula di Sarawak.

Akan tetapi kalau dalam keadaan itu, bila dibukakan pasaran kita kepada import gula, gula yang diproses, maka soal monopoli tidak wujud lagi kerana kita mempunyai kuasa daripada Akta Persaingan. Ini bukanlah satu roket sains. Ini merupakan satu perkara yang harus datangnya daripada usaha kerajaan untuk- yang bermula dengan penghapusan subsidi kepada gula dan tentunya implikasinya harus dibenarkan untuk berterusan. Itu mengenai subsidi gula.

Berhubung dengan subsidi minyak diesel, saya juga ada pandangan dari segi subsidi minyak diesel. Minyak diesel ini Tuan yang di-Pertua, satu bahan kuasa yang lebih efisien, lebih produktif, 30% lebih kuat daripada minyak petrol. Oleh sebab itulah kita lihat bahawa di setengah-setengah negara, gerakan ke arah teknologi hijau dan pertimbangan kepada soal persekitaran alam dan pemuliharaan alam menimbulkan keadaan di mana kereta-kereta, kenderaan minyak diesel begitu popular. Saya juga melihat bahawa kereta-kereta diesel umpamanya, tidak ada yang jenis enjin kapasiti yang besar, semuanya 2,000cc ke atas. Akan tetapi saya juga mengakui bahawa minyak diesel ini perlu bagi pengangkutan, bagi pengangkutan awam, bagi pengangkutan bas-bas sekolah dan sebagainya, dan tentunya ia satu komponen yang penting.

Akan tetapi, bila dilihat kepada subsidi bagi minyak diesel kalau dilihat kepada tahun 2012, ianya berjumlah sampai RM10 bilion. Jumlah ini kalau dibandingkan dengan tahun 2010 hanya sebanyak RM4.2 bilion. Maknanya hampir 60% peningkatan subsidi yang digunakan oleh minyak diesel. Oleh sebab itu saya berharap bahawa dalam keadaan di mana perbezaan harga yang sebenarnya dengan harga yang ada di pam, yang di jual di pam terutamanya daripada sebelum harga diesel itu telah dinaikkan, menyebabkan kepada masalah-masalah kekurangan disebabkan oleh penyeludupan, disebabkan oleh ketirisan, disebabkan oleh beberapa aktiviti pihak-pihak yang cuba untuk mengaut untung daripada perbezaan harga yang sebenar daripada harga yang dijual.

Maka saya rasa kalau dengan keadaan subsidi bagi diesel yang begitu tinggi, haruslah diberikan perhatian kepada kaedah-kaedah untuk cuba melaksanakan pemberian subsidi ini kepada secara yang tepat kepada kumpulan-kumpulan sasar. Sudah banyak sistem yang ada di dalam peringkat yang sedang diamalkan dalam negara kita. Hanya harus kita lihat bagaimana hendak diperluaskan lagi kaedah-kaedah ini agar subsidi itu dapat disampaikan kepada kumpulan-kumpulan sasar supaya tidaklah berlakunya penyeludupan, tidak berlakunya ketirisan dan tidak berlakunya satu aktiviti yang membawa kepada kekurangan subsidi di tempat-tempat yang tertentu.

Saya percaya bahawa dengan cara yang boleh dicari dan boleh diperluaskan daripada sistem yang sedia ada, bermakna bahawa kita tidak akan membazirkan pemberian subsidi khususnya kepada diesel. Tambah lagi Tuan Yang di-Pertua, apabila diesel kita sekarang ini juga mempunyai tambahan dicampurkan pula dengan bio-diesel daripada sawit. Sekarang ini di peringkat wilayah tengah hingga wilayah selatan hingga ke Johor, daripada selatan Perak hingga ke Johor sudah pun menggunakan diesel B5, dan tentu ia bermakna bahawa kerajaan harus lebih sensitif kerana harga sawit pun diharapkan naik dan harga diesel pun mungkin akan naik. Jadi dalam keadaan yang sedemikian, haruslah keadaan persiapan untuk menentukan supaya dapat kita lakukan untuk mengawal subsidi yang diberikan kepada bahan api diesel ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyatakan sedikit sahajalah mengenai GST walaupun begitu banyak yang telah dikatakan mengenai GST kepada saya sebagai bukan ekonomis, bukan pakar. Maklumlah, kita ini bila Pakatan Rakyat cakap orang BN ini bukan pakar sangat, dan sebab itu kadang-kadang saya selalu menggunakan kaedah-kaedah ekonomi orang kampung. Walaupun kawasan Parlimen Johor Bahru itu kawasan bandar, tetapi kaedah-kaedah ekonomi orang kampung ini mudah lagi difahami.

Oleh sebab itu umpamanya apabila orang momok-momokkan tentang masalah di Wilayah Iskandar, saya menyatakan, saya mengambil ukuran ekonomi orang kampung dengan hanya merujuk kepada kutipan hari Jumaat di masjid-masjid. Bagaimana hari ini jumlah kutipan di masjid-masjid pada hari Jumaat sudah berganda daripada dua tahun yang dahulu. Kalau dulu Masjid Bandar Baru Uda sebuah masjid yang terkemuka di Parlimen Johor Bahru, kutipannya satu Jumaat itu dalam RM5,000, hari ini sudah melonjak kepada RM14,000, satu Jumaat. Di masjid-masjid yang lain kalau dulu RM750, ia sudah melonjak kepada RM3,000. Jadi sebagai orang kampung yang gunakan kaedah ekonomi orang kampung, memang sudah kelihatan kemewahan

yang terasa, yang terasa dari segi orang biasa. Sehingga bila sudah lagi tidak kedengaran duit syiling masuk dalam tabung masjid pada hari Jumaat.

■1650

Oleh sebab itu, bila orang suka momok-momokkan saya, biasanya guna kaedah cara orang kampung. Kalau saya lihat kepada GST ini, saya pun melihatnya sebagai satu usaha yang boleh membantu orang kampung. Ini kerana apabila *threshold*nya atau batasannya bagi perniagaan kurang daripada RM500,000 itu dikecualikan daripada GST, maka kalau di kawasan Sungai Limau umpamanya, tidak ada pun satu perniagaan yang layak didaftarkan di bawah GST. Maka mereka yang membeli belah, yang makan di warung-warung tidak terasa tentang GST itu. Oleh sebab itu, ianya dari sudut pandangan orang kampung ialah GST ini ialah subsidi secara terbalik...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: [Bangun]

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Kalau subsidi, lagi banyak pakai, lagi banyak subsidi yang dapat.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Pohon penjelasan.

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Kalau GST, lagi banyak guna...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Mohon penjelasan.

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Lagi banyak kena bayar. Inilah asas cukai yang berasaskan kepada penggunaan. Jadi dari segi soal pandangan orang kampung, saya rasa ianya bukanlah satu masalah apabila kerajaan hendak melaksanakannya.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Pohon penjelasan. GST. Sikit, sedikit sahaja.

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak duduklah. Minta penjelasan daripada Menteri nanti. Nanti banyak...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Soal niaga yang kurang daripada RM500,000 itu.

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Boleh.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Kebetulan ini saya rasa - Terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru dan Tuan Yang di-Pertua. Soal ini saya kebetulan, apa yang realitinya apabila peniaga-peniaga yang *revenue* kurang daripada RM500,000 ini tidak dikenakan GST, tetapi oleh sebab input GST yang dikenakan yang dihadapi oleh peniaga-peniaga tersebut apabila mereka dapat perkhidmatan barang ataupun perkhidmatan yang lain daripada pemborong dan sebagainya. Akhirnya, kos ini akan pula *ditransfer* kepada pelanggan. Jadi *at the end of the day*, pelanggan yang akan perlu bayar lebih walaupun peniaga yang RM500,000 ini tidak payah kena GST. Setujukah Yang Berhormat Johor Bahru?

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Terima kasih Gopeng. Sebagai orang kampunglah Tuan Yang di-Pertua, kalau saya buka kedai di kampung, pihak yang menjadi *wholesaler* itu, yang bekalkan barang kepada saya, dia pun sudah tuntutan segala *input credit*nya. Apa yang input kredit, *tax credit* yang saya hendak pakai atau yang saya

hendak pakai dalam perkhidmatan saya sebagai pekedai kampung. Jadi dalam soal itu, mana berlakunya *transfer pricing* kalaulah dari segi *supply chain* yang ada. Inilah minta maaf, saya bukan macam orang kampunglah bukan. Akan tetapi kalau...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Saya rasa Yang Berhormat tidak faham itu.

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Tidak mengapalah.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Sebab peniaga itu terpaksa bayar *input* GST. Jadi kos dia tambah. Ini jadi *transfer pricing* untuk pelanggan.

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: *Input* GST, *input tax* yang telah dikenakan kepada pembekal itu sudah pun dituntut oleh pembekal kepada saya sebagai pekedai. Jadi harga yang dijual sudah pun ditolak oleh pihak yang patut membayar GST, bukan saya sebagai pelanggan yang membayar GST. Ini sebabnya kalau kita hendak mengelirukan keadaan, tentunya kita akan bercakap bahawa pula *input* kepada pekedai. Orang yang tidak bayar GST pembeli, tetapi pekedai apa *input* GST pada barang yang dibuat, yang dia terima daripada pembekal. Lanya semuanya sudah dituntut di bawah dalam *supply chain* sebelum itu. Jadi kalau tidak percaya kepada saya, nanti tanyalah kepada Menteri.

Saya pasal ini politik, bukan politik. Kita ini orang politik, jadi bukan ekonomilah. Jadi kita bodoh sedikitlah tetapi pemahaman saya, saya tidak akan sebagai pekedai menambahkan lagi *input* kepada barang yang hendak saya jual kecuali ada plastik bungkus barang itu. Itu *input* sayalah. Mungkin itu cara saya yang saya tuntutan daripada *customer* ataupun saya galakkan *customer* saya buat bakul untuk beli barang. Janganlah terpaksa untuk pakai pula bungkusan plastik. Ya, Yang Berhormat Gopeng.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Cuma saya rasa mungkin dalam isu ini Menteri mungkin boleh jawab nanti. Cuma saya pasti pemahaman saya itu berlainan dengan Yang Berhormat Johor Bahru sebab kalau misalannya pekedai dia beli plastik misalannya dari kilang. Kilang itu perlu bayar GST oleh sebab keluarkan, jualkan plastik itu kepada kedai runcit tersebut. Jadi harga tersebut akan lebih tinggi kalau tanpa GST. Sebanyak 6% lebih tinggi kosnya untuk pekedai tersebut. Jadi akhirnya ini ada *transfer pricing* untuk, ini yang maksud saya ini. Kecuali memang ada satu mekanisme untuk berikan *input credit*.

Kalau hendak buat macam itu, sistem GST ini akan menjadi agak *complicated* kerana bagaimana kita boleh pastikan bahawa pekilang itu jual plastik kepada kedai runcit dan bukan kepada *Jusco*, bukan kepada *Tesco*. Jadi ini jadi satu keadaan yang agak rumit dan agak *complicated* dan akan menjadi satu birokrasi yang saya rasa sukar untuk kita selesaikan. Sekian.

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Terima kasih. Oleh sebab itu kalau kita, saya lihatnya sebagai *value added* tambah nilai. Akan tetapi jikalau sebagai pekedai, saya tidak menambah nilai kepada produk itu. Macam mana saya layak untuk menuntut kepada *input tax credit*, *final point of sale* dan barang itu pun sudah siap. Saya beli beg plastik itu pun ialah sebagai perkhidmatan saya kepada pelanggan tetapi kalau pelanggan kampung macam saya ini, kita bawa beg sendiri, bakul sendiri. Jadi tidaklah perlu sangat kepada beg plastik. Konsepnya tentunya kepada tambah nilai di dalam proses itu. Jadi kalau di peringkat *point of sale*

minta maaf Tuan Yang di-Pertua, tidak ada tambah nilai yang perlu saya lakukan, apa pasal yang saya hendak kenakan tambahan harga atau tuntutan juga *input tax credit* dalam proses saya menjual barang itu. Ini tidak ada untungnya meniaga lah bukan...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: *[Bangun]*

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Ini saya buat perkara orang kampung lah. Misalannya, kedai runcit jual *Maggie mee*. Daripada pekilang dia jual *Maggie mee* dengan tambahan kos 6% kepada kedai runcit tersebut. Jadi kalau RM1, dia sudah jual RM1.06. Jadi kos untuk kedai runcit daripada RM1 sudah jadi RM1.06. Jadi apabila dia jual kepada pelanggan, pasti dia akan cuba hendak *recover* kos tersebut. Jadi ini yang saya sebutkan tadi yang apabila kedai runcit ini dikecualikan GST, dia menjadi pelanggan yang terakhir.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: *[Bangun]*

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Dia jadi *the last consumer* yang perlu bayar GST. Ini akan *transfer* kepada pelanggan yang akhirnya akan beli barang tersebut.

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Ini teori bahawa GST itu akan meningkatkan kesemua harganya pada 6% tambahan. Itu tidak betul.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Johor Bahru. Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh Kelana Jaya sini.

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Yang Berhormat Kelana Jaya.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Kalau boleh isu dia memang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Gopeng itu benar. Isu RM500,000 *limitation* itu bukannya untuk menolong kedai runcit yang di kampung. Isunya *sale* RM500,000 maksimum, ialah untuk memastikan bahawa tidak ada kos-kos tambahan untuk penjual kedai runcit yang kecil itu, untuk *report back* GST kepada kerajaan. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *there is a point where the government does not collect anymore taxes or reporting taxes of GST rebate from small company because the cost of running it is very expensive*. Dia kena bayar RM10,000 untuk sistem, dia kena *training*, dia kena beli *software* daripada *tax agent*. Jadi semua itu *it does not the issue*. Jadi maknanya kedai runcit itu dia *seize in the eyes of the tax to be a producer or to be a seller but become a consumer of GST*. *That is the difference*, satu. *You are confusing this*. Maaf. Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Terima kasihlah cuba hendak mengelirukan saya tetapi pemahaman saya ianya berasaskan kepada tambah nilai yang berlaku. Ianya bukan bermakna bahawa kita mesti letakkan 6% kepada semua peringkat. Ini kerana ada juga penolakan daripada *input tax credit* dan juga barangan seperti *Maggie mee*, harganya pun sudah termasuk *sales tax* yang sudah diletakkan oleh pihak *producer*.

■1700

Umpamanya saya dahulu, saya pernah buat burger. *Beef patty* lah, saya buat- seorang pengilang *beef patty*. Saya kena bayar cukai, saya buat burger-burger ini sebagai *producer*. Saya

kena bayar cukai dahulu kepada pihak kastam. Bila barang itu dikembalikan kepada saya, baru saya boleh tuntutan daripada kastam hendak dapat balik cukai yang saya bayar.

Akan tetapi, bila harga daripada kilang sudah pun dimasukkan, dikenakan dengan *sales tax* dalam sistem yang ada sekarang, bermakna saya punya *profit* campur dengan cukai itu akan disampaikan kepada *wholesaler*. *Wholesaler* juga yang tidak kena bayar *sales tax* akan tambahkan marginnya, atau *profit*nya. Akhirnya, ia berganda. Bermakna ia berganda di atas kos yang telah bertambah dengan *sales tax* yang diletakkan kepada produk yang dikeluarkan oleh saya.

Dalam keadaan hari ini, bila saya tidak kena- bukan sahaja tidak bayar *sales tax*, tetapi saya membayar GST setelah juga menolak import *tax credit* daripada bahan-bahan yang lain. Mungkin kalau ia daripada bahan makanan, mungkin tidak ada semuanya *zero rated* sebagainya tetapi adalah tambah 6%. Kalau berbanding dengan yang dahulu, kalau 10% lebih murah harga akhirnya kepada pelanggan. Ini cakap orang kampunglah. Akan tetapi, pada saya prosesnya, konsepnya ialah di mana GST ini ialah yang terbalik daripada subsidi. Akhirnya, yang membayar lebih ialah mereka yang membeli lebih dan mengguna lebih.

Jadi, oleh sebab itu kalau saya lihat daripada konsep ini, ia harus dapat sokongan tetapi tentunya seperti mana disebutkan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya, disebutkan oleh Yang Berhormat Gopeng mungkin yang mustahaknya ialah bagaimana hendak dilaksanakan. Harus dilaksanakan dengan baik. Saya rasa kalau ia sudah difikirkan daripada tahun 1998, dan beberapa *dry run* yang telah dibuat sepanjang masa itu- ditimbang, dihalusi, di bincang, dibahaskan lagi dan saya rasa kita ada masa sehingga pada peringkat pelaksanaannya.

Hanya saya juga memberi pandangan bahawa harus diperluaskan lagi senarai barangan-barangan yang tidak dikenakan GST seperti barang-barang yang ada kaitannya dengan kesihatan umpamanya. Umpamanya barang yang kita perlu pakai, seluar dalam umpamanya. Semua pakai seluar dalam kan?

Seorang Ahli: Ada yang tidak pakai.

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abu Samad [Johor Bahru]: Ada yang tidak pakai? Okey, tidak payah masuk. Orang kampung tidak pakai. Ini orang Kota Baharu tidak pakai seluar dalam ini.

Hygiene- produk-produk yang ada kaitan dengan kesihatan. Liobatkan semua oranglah ya. Sarung kah, kain pelikat kah, yang orang Kelantan pakai, orang kampung pakai, itu patut dikecualikan [*Ketawa*] Saya pun pakai kain pelikat. Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya berharap bahawa kerajaan akan melihat untuk menambah kepada barang-barang yang harus dikecualikan daripada GST. Ini supaya dalam hidup kita ini kita harus jangan hanya terfikir bahawa inilah barang-barang makanan sahaja malahan ada juga sudah barang keperluan. Seheinggakan kalau kita pergi ke rumah-rumah kos rendah pun, ASTRO itu sudah pun menjadi satu keperluan.

Akan tetapi, masalah ASTRO ini harus ada persainganlah daripada pihak yang lain. Kalau dilihat terutamanya pasal bola, permainan bola ini. Tidak mungkin tidak boleh kerajaan umpamanya atau Kementerian Belia dan Sukan umpamanya mensyaratkan bahawa soal permainan bola, permainan bola, pertandingan bola negara ini tidak boleh dimonopoli oleh satu

stesen berbayar. Mestilah *free to aired* stesen-stesen yang percuma kepada rakyat. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bandar Kuching.

5.05 ptg.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Bajet 2014. Pada keseluruhannya saya ingin memberi satu pandangan saya terhadap Bajet 2014 iaitu adalah perbelanjaan pembangunan di bawah bajet ini amatlah kurang. Ia hanya merupakan 17.6% daripada jumlah perbelanjaan yang kita akan luluskan di Dewan ini.

Sebagai sebuah negara yang hendak kita majukan dan membangunkan, jikalau jumlah perbelanjaan yang kita belanjakan hanya 17.6% sahaja yang digunakan untuk pembangunan dan bakinya untuk pengurusan, ini bermakna bahawa kadar pembangunan negara kita akan dilambatkan. Ini juga menunjukkan bahawa pengurusan kita, pengurusan kerajaan kita tidak berapa efisien. Kalau kita meneliti angka-angka yang diberi dalam buku bajet itu, satu perkara yang amat tidak masuk akal adalah kerajaan telah potong subsidi ini, subsidi diesel, subsidi petrol, subsidi gula- subsidi telah dipotongkan. Seharusnya perbelanjaan pengurusan seharusnya akan dikurangkan kerana subsidi telah dipotong.

Akan tetapi sebaliknya kalau kita bandingkan angka dalam Bajet 2014 dengan Bajet 2013 iaitu tahun ini, perbelanjaan pengurusan tidak kurang tetapi tambah lagi lebih kurang RM17 bilion. Satu angka yang begitu besar. Apakah sebabnya? Apakah sebabnya walaupun kita kurangkan subsidi begitu banyak? Berbilion-bilion subsidi yang telah dikurangkan, subsidi yang sepatutnya memberi manfaat kepada rakyat telah dikurangkan tetapi perbelanjaan pengurusan masih bertambah. Bukan tambah RM1 bilion, RM2 bilion tetapi tambah dengan angka RM17 bilion.

Oleh itu, ia telah memberi satu amaran kepada kerajaan bahawa *you have to look seriously into the working of the government*. Pentadbiran negara kita mengapa begitu tidak efisien? Ia menunjukkan satu ketidakefisienan *on the part of the government*. Isu kedua yang saya ingin membangkitkan adalah berkenaan GST yang telah...

Tuan Shahbudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Penjelasan? Yang Berhormat Bandar Kuching, sini.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya.

Tuan Shahbudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Bandar Kuching ada menyebutkan bahawa kerajaan seolah-olah menjadi tidak efisien apabila tidak memperuntukkan perbelanjaan yang banyak kepada pembangunan. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Bandar Kuching memberikan satu cadangan kepada kerajaan, apakah pembangunan-pembangunan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching untuk dibuat lagi oleh kerajaan? Oleh kerana yang dicadangkan oleh kerajaan ini sedikit sangat, tidak cukup, jadi Yang Berhormat Bandar Kuching cadangkan lagi apa dia agaknya?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Pembangunan-pembangunan projek seumpamanya buat jalan, buat jambatan- itu infrastruktur semua ada.

Tuan Shahbudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Akan tetapi, ia kena Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak bagi cadangan ia kena spesifik. Oleh sebab perbelanjaan ini ia ada kosnya...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, oleh itu Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Shahbudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: ...Kos ini telah spesifik.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya kata saya beri komen keseluruhannya. *General observation*. Ini adalah *ratio*, *ratio* yang tidak sihat. *Ratio* perbelanjaan yang tidak sihat, pengurusan yang begitu banyak- mengambil begitu banyak dan perbelanjaan pembangunan yang hanya 17%. Tahun ini, 2013 masih ada 19.7% untuk pembangunan. Tahun depan 2014 kurang 17.6% sahaja untuk pembangunan.

■1710

Isu kedua yang saya ingin sebutkan adalah mengenai GST. Saya tahu ramai yang telah bercakap mengenai GST. Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada Barisan Nasional, saya teliti apa yang dibangkitkan dan dihuraikan adalah hendak mengaburkan impak GST sebenarnya dengan mengatakan sekiranya GST dilaksanakan, diimplementasikan *sales tax*, *service tax* akan dimansuhkan. Seolah-olah mungkin sesetengah harga barangan akan dikurangkan. Apa yang kita hendak lihat adalah *bottom linenya*. *Bottom linenya* yang disebutkan oleh bukan saya, yang disebutkan oleh *Finance Ministry Secretary General* Tan Sri Dr **Mohd Irwan** Serigar Abdullah, "*The government aspect to earn RM23.18 billion in the first nine month of the implementation of GST.*" *He said yesterday*, dengan izin dan dia sebut juga, "*If the government remained with the current sales and services tax, it will only receive revenue of RM14.4 billion for the same period.*" Maksudnya dalam tempoh sembilan bulan kalau *sell and services tax* (SST) dipakai hanya RM14.4 bilion tetapi kalau pakai GST, kerajaan akan kutip RM23.18 bilion bertambah RM8.78 bilion iaitu tambahan kutipan cukai dan untuk tempoh sembilan bulan sahaja.

Kalau kita buat satu pengiraan yang *simple*, lebih kurang satu tahun GST akan menambahkan kutipan cukai GST akan menambahkan *revenue* pendapatan kerajaan dengan lebih kurang RM11 bilion. Dari mana itu RM11 bilion datang? Memangnyanya daripada pengguna-pengguna, daripada rakyat. Maksudnya kalau kita bandingkan dengan *tax* sistem sekarang *sales and services tax* dengan GST, rakyat terpaksa di bawah GST terpaksa membayar lebih RM11 bilion untuk satu tahun. Kalau kita bagikan kepada setiap rakyat 28 juta populasi kita untuk, satu orang terpaksa bayar tambahan RM400 satu tahun sebagai cukai tambahan daripada *good sales and services tax*. Ini adalah ketara yang merupakan satu beban ke atas....

Tuan Koo Soo Seang [Tebrau]: Bolehkah saya minta mencelah?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya sila.

Tuan Koo Soo Seang [Tebrau]: Saya dengar seolah-olah Yang Berhormat lupa bahawa GST ini orang yang lebih kaya yang belanja lebih akan bayar lebih- seolah-olah kita tidak boleh purata kan. Kalau orang miskin mungkin kebanyakan perbelanjaannya dikecualikan daripada GST. Kalau cara purata ini tidak adil.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Cara purata, tidak purata ini tidak adil tetapi hakikatnya tambahan bayaran cukai oleh rakyat adalah RM11 bilion. Sebanyak RM11 bilion jika kita banding dengan *goods and services tax*.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Yang Berhormat Gopeng, Yang Berhormat Gopeng.

Tuan Koo Soo Seang [Tebrau]: Apa salahnya kalau dia datang daripada orang yang kaya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: ...Ini kenyataan yang dibuat oleh *Secretary General of Treasury Department*. Ini tidak dapat dinafikan.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: ...Oleh itu apa-apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada Barisan Nasional ini bahawa,"Oh! Mungkin akan kurang lagi, ini semua untuk mengaburkan, untuk menipu rakyat sahaja."

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Boleh Yang Berhormat Bandar Kuching?

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Yang Berhormat Gopeng, Yang Berhormat Gopeng.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Saya dahulu. Tidak saya juga rasa Yang Berhormat Bandar Kuching ini ambil benda yang terlampau *simple*. Kita kena rasa bahawa walaupun kutipan cukai bertambah, saya yakin kerajaan *introduce* GST ini supaya kutipan cukai akan lebih efisien. Yang Berhormat Bandar Kuching orang yang hebat. Kita tidak boleh *simplify the hot things* hanya dengan niat untuk menghasut rakyat konon-kononnya rakyat ini terbeban. Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Itu memang pandangan ...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Yang Berhormat Gopeng, Yang Berhormat, Gopeng GST...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu tetapi telah sudah ternyata oleh kerajaan bahawa untuk meningkatkan pendapatan mereka. Oleh itu mereka melaksanakan GST. Bagaimana meningkatkan pendapatan mereka? Dengan cukai dengan mengutip cukai daripada rakyat, berapa? [*Dewan riu*]

Tambahan RM11 bilion, itulah hakikatnya. Itulah angka yang diberi oleh *Secretary General of Treasury Department*, bukan saya...

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Silalah Yang Berhormat Batu Gajah.

Tuan Koo Soo Seang [Tebrau]: Satu lagi yang saya minta mencelah ialah jangan lupa bahawa satu lagi rakyat ...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua saya bagi Yang Berhormat Batu Gajah. Kenapa Yang Berhormat Tebrau sana... [*Disampuk*] Sudah ada *chance* sudah.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Daripada kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Bandar Kuching tadi mengatakan bahawa kutipan kerajaan akan meningkat kepada RM11 bilion. Adakah Yang Berhormat mengatakan bahawa keseluruhannya rakyat akan dimiskinkan sebanyak RM11 bilion.

Tuan Koo Soo Seang [Tebräu]: [*Bangun*]

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: ...Ini kerana RM11 bilion itu akan menjadi hasil kerajaan. Adakah Yang Berhormat juga bersetuju bahawa ini adalah satu cara yang digunakan oleh kerajaan kerana mereka telah berhutang begitu banyak daripada negara lain. Juga untuk menyelamatkan mereka daripada beban hutang antarabangsa ini, mereka terpaksa pindahkan tanggungan itu kepada rakyat. Adakah Yang Berhormat bersetuju?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya ini memang. Dua bulan sebelum pembentangan bajet ini, *Fitch Rating* sudah memberi amaran bahawa hutang negara kerajaan kita sudah terlampau tinggi. Oleh itu mereka mesti mencari jalan untuk mengutip lebih cukai supaya *Fitch Rating* ini akan lebih baik lagi.

Tuan Koo Soo Seang [Tebräu]: Walaupun saya bukan seorang *economist*, saya pun tahu...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Gopeng, Yang Berhormat Gopeng.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat,

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Tebräu, lain kalilah nanti Yang Berhormat bahaslah. Nanti mahu *argue*, dengan Menteriilah.

Tuan Koo Soo Seang [Tebräu]: Datang daripada cukai itu...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *We will given the chance ...*

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Yang Berhormat Tebräu, lain kalilah.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebräu]: ...Dielak.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *If you still want the defend Perdana Menteri government...*

Tuan Koo Soo Seang [Tebräu]: ...Daripada orang sekarang yang sepatutnya bayar cukai tidak bayar.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Hanya...

Tuan Yang di-Pertua: Mana satu Yang Berhormat?

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching, Tuan Yang di-Pertua. Memang kebetulan kalau kita lihat kepada *bottom line* RM11 bilion ini memang datang daripada rakyat biasa. Kalau sebelum ini penerima BR1M memang tidak perlu bayar cukai pendapatan tetapi sekarang mereka perlu bayar melalui GST.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Sudah bayar *sales tax* dari dahulu lagi. *Sales tax* dari dahulu lagi sudah bayar.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Apabila ...

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: *You* tidak bayar *sales tax* kah dahulu?

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Ini tidak faham kah? Eh! *You* tahu apa itu Lampiran A1, Lampiran A2? Pergi baca dahulu. Sebab kalau kita lihat antara tujuan untuk memperkenalkan GST ini adalah supaya cukai pendapatan dan cukai korporat boleh dikurangkan. Ini bermakna orang kaya, syarikat-syarikat besar seperti Sime Darby, seperti *Panasonic*, seperti AIA dan sebagainya akan kurang bayar cukai tetapi penerima BR1M akan bayar cukai. Adakah ini adil?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini memang tidak adil, tetapi apa boleh buat itu Kerajaan Barisan Nasional selalu bikin barang yang tidak adil [*Tepuk*] Selepas GST- GST sudah *over*. Saya akan pergi ke tajuk ketiga saya kerana GST ini memang satu hakikat. Rakyat terpaksa membayar tambahan cukai ...

Datuk Chua Tee Yong [Labis]: Yang Berhormat Bandar Kuching boleh?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: RM11 bilion. Apa yang tadi disebutkan ini Kerajaan Barisan Nasional itu ada sikap talam dua muka. Sebelum dan selepas PRU Ke-13. Sebelum PRU Ke-13 dia kata, "Rakyat didahulukan..." Selepas PRU Ke-13, bajet yang pertamanya, dia sudah membimbangkan rakyat. Sebelum PRU Ke-13, 505 mansuhkan ISA. Selepas PRU ke-13 *via Prevention of Crime Act* (PCA).

■1720

Sebelum PRU Ke-13, dia kata hendak *transparent*, hendak *liberalize*. Selepas PRU Ke-13, dia meminda *Penal Code*, mengharamkan segala- *disclosure of information*. Ini banyak yang kita boleh tengok itu talam dua muka sebelum PRU Ke-13 dan selepas PRU Ke-13. Juga Ling Liong Sik, *PKFZ scandal* iaitu orang yang terlibat, sebelum PRU Ke-13, mereka dakwa dia di mahkamah. Selepas PRU Ke-13, dibebaskan [*Dewan riuh*] Pembunuh Altantuya pun, sebelum PRU Ke-13, dihukum...

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Itu menghina mahkamah itu, menghina mahkamah. Bawa tuduhan menghina mahkamah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Selepas PRU Ke-13, dibebaskan. Apa ini? Apa ini Barisan Nasional buat? [*Dewan riuh*] Talam dua mukalah!

Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading]: Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Satu lagi, satu lagi contoh yang saya hendak sebutkan...

Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading]: Yang Berhormat Bandar Kuching..

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Iaitu mengenai- tidak apa. Tidak boleh layan.

Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading]: Mas Gading, Mas Gading, kawan, kawan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Lain kali, lain kali layan, lain kali layan. [*Dewan riuh*] Mengenai Sarawak...

Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading]: Mas Gading.

Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Bandar Kuching takut.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Mengenai Sarawak, mengenai Sarawak. Biarlah saya habiskan itu.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Peraturan, peraturan, peraturan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Itu contoh talam dua muka.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Peraturan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila. Yang Berhormat Bandar Kuching, peraturan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Peraturan apa?

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Okey, peraturan Yang Berhormat Bandar Kuching... [Dewan riuh].

Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading]: Dengarlah!

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Apa? apa?

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dulu.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Peraturan 36(2) "*Tidak boleh disebutkan apa-apa perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah sekira-kira pada timbangan Pengerusi harus merosakkan kepentingan-kepentingan pihak yang berbicara itu*" [Dewan riuh] Yang ini telah pun diputuskan oleh mahkamah, yang diputuskan oleh mahkamah. Dia sudah melakukan perbuatan *contempt of court* ini. Terima kasih [Dewan riuh].

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua juga seorang peguam yang *by training*. *I think that sort of arguments we do not have to layan* [Ketawa] Ya, mengenai Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Sarawak. Kerajaan Barisan Nasional kata dia ambil berat pembangunan Sarawak. Akan tetapi, kalau kita tengok dengan telitinya di bawah Kementerian Kerja Raya di bawah Maksud Pembangunan untuk Jalan Raya dan Jambatan. Untuk seluruh Semenanjung Malaysia, tahun depan, ia akan terima, ia diperuntukkan sebanyak RM2.8 bilion untuk pembangunan di bawah Butiran Jalan Raya dan Jambatan. RM2.8 bilion. Sabah, RM476 juta sahaja. Sarawak, RM200 juta sahaja [Disampuk].

Kalau kita bandingkan angka-angka ini untuk jambatan dan jalan raya di bawah Kementerian Kerja Raya, Sarawak hanya terima lebih kurang 6% daripada jumlah peruntukan yang akan diluluskan, sedangkan keluasan Sarawak adalah lebih kurang satu per tiga daripada keluasan seluruh negara. Tambahan juga, tahap infrastruktur di Sarawak adalah lebih mundur dari Semenanjung. Dengan *ratio* peruntukan sebegitu yang tidak adil, bagaimana jurang tahap pembangunan infrastruktur dapat kita kurangkan? Oleh itu saya rasa fikir, saya tengok angka ini, saya rasa ini memang Sarawak telah dianaktirikan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Sepanjang masa ini, masa sekarang...

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: [Bangun]

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Kapar mencelah sedikit.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Dan masa depan juga...

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Yang Berhormat Bandar Kuching...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Akan terus dianaktirikan.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Yang Berhormat, saya hendak tanya...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sila.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Adakah Yang Berhormat setuju, kalau bantuan daripada Kerajaan Persekutuan kepada...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: *[Disampuk]* Pulau Pinang berdasarkan kepada keluasan?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Bila ia jadi Sabah? Mahu ganti Kapar kah? Kapar paling besar di Malaysia dengan 150,000 pengundi, bolehkah? *[Disampuk]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua *[Disampuk]* Sabar dulu Yang Berhormat. Ini hendak kacau saya sahaja. Tuan Yang di-Pertua, bagi dia arahan Tuan Yang di-Pertua. Selalu kacau saya. Dia di rumah bahasa Tamil, tetapi di sini dia tidak hendak bahasa Tamil. Dia pandai, banyak pandai Tuan Yang di-Pertua *[Ketawa]* Ini saya hendak balik... *[Disampuk]* Dia Melayu ya? Nanti dalam bahas saya, nanti saya tekankan.

Yang ini berbalik kepada isu Yang Berhormat Bandar Kuching tadi, saya hendak tekankan. Yang Berhormat Bandar Kuching, tadi saya nampak Ahli-ahli Parlimen dari Sabah dan Sarawak menekankan bahawa Bajet 2014, Ahli-ahli Parlimen dari Sabah dan Sarawak Barisan Nasional menekankan bahawa seolah-olah Bajet 2014 ini *reflectsnya* adalah terlalu bagus kepada warga Sabah dan Sarawak manakala Yang Berhormat Bandar Kuching menekankan sebaliknya. Apakah rasional Yang Berhormat Bandar Kuching mengatakan bajet ini sebenarnya menganiaya warga Sabah dan Sarawak kerana saya rasa Barisan Nasional hari ini mentadbir Kerajaan Persekutuan hasil daripada kemenangan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak? Penjelasan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, angka ini tidak bohong. Angka-angka yang berada di dalam buku ini tidak bohong. Ini menunjukkan hanya 6% daripada peruntukan untuk pembangunan di bawah Kementerian Kerja Raya ini diperuntukkan untuk Sarawak sahaja.

Untuk menjawab soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Kapar mengenai kenapa Sarawak itu *fix deposit states*, tetapi terabai. Jawapannya mungkin kita boleh dapat daripada ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Pulau Pinang beberapa hari lalu. Dia kata ini, *"Penang slipped away from Barisan Nasional's clutches because of the ruling coalition's own success at developing a generation of critical-minded voters"*. So, what he says is, *"In Penang, Barisan Nasional is a victim of their own success"* kerana ada pengundi-pengundi yang bijaksana, yang *critical-minded*. Oleh itu, untuk *fix deposit states* seperti Sarawak, Sabah, pembangunan tidak boleh diberi dengan pesatnya kerana kalau pesatnya pembangunan, maka, orang-orang di Sabah, khususnya di luar bandar, mereka akan lebih bijaksana, lebih *critical-minded*.

Kalau begitu, Barisan Nasional memang akan kalah *[Ketawa]* Inilah satu pengakuan, perakuan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa orang yang bijaksana tidak akan

sokong Barisan Nasional. Ya, itu *critical-minded voters*. Oleh itu, mungkin ini sebabnya supaya mengekalkan, meneruskan penguasaan mereka *on political reason*, peruntukan untuk membangunkan Sabah dan Sarawak telah dikurangkan supaya kadar pembangunan di Sabah dan Sarawak boleh dilambatkan supaya penguasaan Barisan Nasional boleh dipanjangkan.

Isu keempat yang saya ingin bangkitkan adalah mengenai apa yang disebutkan RM500 juta telah diperuntukkan untuk *Pan-Borneo Highway*. Tuan Yang di-Pertua, tahun lalu, semasa kita di Dewan yang mulia ini, Menteri Kerja Raya telah buat satu kenyataan bahawa - saya akan baca dan memetik daripada *Hansard*, "Laporan kajian pelan pembangunan rangkaian jalan raya (HNDP) untuk negeri Sabah, Sarawak dan Labuan...".

■1730

Kajian tersebut telah dimulakan pada tahun 2008 dan siap sepenuhnya pada tahun 2010 dengan kos sebanyak RM3.5 juta. Selepas itu dia kata, *I quote*, "Menerusi kajian HNDP Fasa II ini, Jalan Pan Borneo telah diberikan lebih penekanan lagi di mana jalan ini akan dinaiktarafkan kepada *dual carriageway* secara berperingkat-peringkat bermula dari tahun 2001 hingga 2025". Ini adalah kenyataan yang dibuat oleh Menteri Kerja Raya tetapi dia sudah kena *drop* sudahlah.

Akan tetapi ini jugalah merupakan satu pendirian kerajaan dan 2025 mengikut apa yang disebutkan, *Pan Borneo Highway* akan dinaiktarafkan sepanjang jalan *dual carriageway four lanes highway*. Tahun depan 2014 sudah, hanya RM500 juta diperuntukkan. Satu kos yang dianggarkan, kos yang dirangka untuk menaik taraf sepanjang jalan *Pan Borneo Highway* itu kepada *dual carriageway* adalah RM22 bilion. Ini juga adalah disebutkan oleh Menteri Kerja Raya sebelum itu. RM22 bilion untuk menyempurnakan itu *Pan Borneo Highway* sebagai *dual carriageway*.

Tahun ini hanya RM500 juta. Kalau kita kira tahun ini hingga 2025 hanya 12 tahun sahaja tetapi kalau dengan peruntukan RM500 juta satu tahun, kita hendak ambil masa 44 tahun untuk menaiktarafkan itu semua *Pan Borneo Highway*. Mana kejujurannya? Oleh itu saya kata, cakap tidak serupa bikin. Bikin tidak serupa cakap.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Bandar Kuching, boleh mencelah?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Boleh, sila.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: *Pan Borneo Highway*. Kalau kita guna *Pan Borneo Highway*, sudah gerenti kita akan singgah di Sri Aman. Tahun 2010 saya pernah turun ke situ untuk membantu dalam Pilihan Raya Sarawak. Saya dapat tahu sebab saya berpangkalan di situ selama dua minggu. Saya dapat tahu bahawa Hospital Besar untuk Sri Aman telah dijanjikan menerusi beberapa Menteri Kesihatan. Jadi, saya hendak tanya setakat ini, kalaulah tema Bajet 2014 ialah untuk memperteguh ketahanan ekonomi, memperkasakan transformasi dan melaksanakan janji, apakah yang telah terjadi kepada Hospital Besar Sri Aman yang telah dijanjikan melebihi 15 tahun sehingga ini? [*Dewan riuh*]

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: [*Ketawa*] Biasalah ini Barisan Nasional apa boleh buat? Akan tetapi orang semangat sokong dia juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, dua minit lagi.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Suka ditipu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dua minit lagi Yang Berhormat ya, dua minit lagi.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, satu lagi yang ingin saya sebutkan dalam Dewan ini adalah mengenai kalimah Allah yang telah kerajaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ia dalam mahkamah, so hati-hati ya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Okey, saya akan berhati-hati. Akan tetapi apa yang disebut oleh Menteri-menteri adalah amat mengelirukan. Pada hari 21 Oktober, Menteri Dalam Negeri kata, *only ban Herald from using "Allah", only ban Herald, Al-Kitab* boleh guna. Akan tetapi pada hari yang sama, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata, *it cannot be use in West Malaysia, but can use in Sabah and Sarawak*. Ini juga merupakan satu pendirian yang bercanggah di antara kedua-dua Menteri dalam Kabinet dan juga apa salahnya, apa salahnya untuk penganut-penganut Kristian menggunakan kalimah "Allah" untuk merujuk kepada Tuhan mereka, apa salahnya?

Di Sabah dan Sarawak, saya rasa Yang Berhormat daripada Barisan Nasional juga setuju dengan saya bahawa kita amatlah *harmonious*. Tidak ada ketegangan perhubungan kaum. Kristian hendak pakai kalimah "Allah" pun boleh, untuk merujuk Tuhan mereka sendiri pun boleh. Oleh itu saya rasa, *I think* sudah sampai masa kita *stop all the crap* untuk Kerajaan Barisan Nasional, *to stop all the crap [Tepuk]* Jangan memainkan itu isu agama.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Peraturan, Tuan Yang di-Pertua. Peraturan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kita bukan sahaja menyusahkan orang kita sendiri, maka kita sudah menjadi satu *laughing stock- international*, di antarabangsa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Peraturan mesyuarat Yang Berhormat.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Peraturan 36(2) tadi [*Dewan riuh*] Tidak boleh disebut perkara-perkara yang sedang dalam mahkamah. Isu kalimah "Allah" ini masih lagi dalam pertimbangan mahkamah. Wakil daripada Yang Berhormat Bandar Kuching ini tidak faham-faham kah peraturan ini?

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: [*Bangun*].

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya lah, ya lah. *Nice try, nice try. Better luck next time.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bandar Kuching sebentar. Yang Berhormat Tasek Gelugor, saya telah pun *remind*, memperingatkan Yang Berhormat Bandar Kuching untuk berhati-hati tentang isu yang dibawa itu.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya tahu, saya tahu. Terima kasih.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Bandar Kuching.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, boleh alihlah Yang Berhormat. Tidak payahlah disentuh.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Bandar Kuching.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Masa Yang Berhormat pun sudah habis Yang Berhormat.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Jangan cakap sesedap mulut ya, Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Untuk menyelesaikan masalah ini...

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Jangan cakap ikut sedap mulut ya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: ...Hanya tarik-tariklah itu *order Home Minister...*

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Tuan Yang di-Pertua, kalimah "Allah"...

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Boleh menimbulkan sensitiviti, Yang Berhormat Bandar Kuching ya.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Dia cakap berkali-kali Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudahlah, sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Isu yang pendek yang...

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Isu kalimah "Allah", *you* berhati-hati ya Yang Berhormat Bandar Kuching.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Yang di-Pertua, ini hal agama Islam. Dia jangan masuk campur.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Itu siapa itu? Itu Yang Berhormat Timbalan Menteri itu [*Dewan riuh*]

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ini apa ini?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Pergi sana duduk [*Dewan riuh*]

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ini apa ini? Kalau rasa hendak jadi BNBBC, pergi belakang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat. Yang Berhormat Bandar Kuching. Yang Berhormat Bandar Kuching, alihkan tajuk.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Isu kalimah "Allah"...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ada ruang kosong, ada banyak ruang kosong ini.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Duduk! *Westminster* bukan macam tu! *Westminster!* [*Dewan riuh*]

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Projek terbengkalai dan pembeli-pembeli rumah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya mintak Yang Berhormat Bandar Kuching alihkan tajuk dan saya juga minta Yang Berhormat Bandar Kuching habiskan, sudah habis masa Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Okey, banyak pembeli-pembeli rumah yang di bawah projek yang terbengkalai, *abandon project*. Mereka terpaksa bayar *interest* kepada bank-bank yang *financed*, beri pinjaman kepada mereka. Sedangkan mereka tidak dapat tinggal dalam rumah itu bertahun-tahun kerana pemaju-pemajunya sudah lari. Tidak dapat meneruskan itu projek. Ini merupakan satu beban yang amat berat kepada pembeli-pembeli.

Saya rasa sudah sampai masa untuk kerajaan membuat satu polisi bahawa bank-bank yang memberi pinjaman kepada pembeli-pembeli rumah yang mana projeknya terbengkalai, seharusnya tidak boleh cajkan *interest* atas pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada pembeli-pembeli ini. Ini kerana bank-bank merupakan satu institusi yang besar, mereka dapat- *they can absorb the cost better than the purchaser* dan juga mereka pun ada tanggungjawab. Sebelum memberi pinjaman kepada pembeli-pembeli rumah, mereka ada *resources* untuk membuat tinjauan terhadap pemaju-pemaju yang jual rumah ini sama ada pemaju ini adalah *financial security or not*.

Akhirnya adalah mengenai Telekom. Telekom di Sarawak sekarang banyak Telekom kabel yang dicuri. Telekom mengambil masa dua bulan, tiga bulan untuk memasang kabel-kabel Telekom. Sepanjang masanya pengguna-pengguna mereka tidak dapat guna itu telefon tetapi pada masa yang sama Telekom masih caj kan itu yuran bulanan, yuran sewa telefon atas pelanggan-pelanggan mereka. Saya rasa ini tidak adil. Oleh itu saya menyeru kerajaan supaya di kes-kes di mana itu Telekom kabel itu telah dicuri dan Telekom ambil masa satu minggu, mungkin beberapa hari untuk memasang itu kabel, Telekom tidak harus mengutip lagi caj yuran bulanan atas pelanggan-pelanggan mereka. Haruslah beri satu diskaun di mana yuran bulanan harus diwaivekan, dipotongkan. Sekian, terima kasih [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sipitang.

■1740

5.40 ptg.

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Mewakili rakyat dari seluruh penjuru tanah air yang berdaulat, kita rasa berlapang dada mengucap syukur Alhamdulillah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan, kerana sekali mempersembahkan satu belanjawan yang secara umumnya kekal berpaksi kepada rakyat sejagat. Bukan untuk menjaga hati suku sakat dan kepentingan golongan berdarjat semata-mata, tetapi menjangkau seluruh tingkat kehidupan rakyat. Lantaran itu saya terpenggil untuk turut sama membahaskan dan mengupas isian bajet ini yang pertama selepas PRU-13, dan yang pertama juga selepas pemilihan barisan kepimpinan parti UMNO yang menunjangi Kerajaan Barisan Nasional hari ini.

Ramai sahabat-sahabat saya di Dewan yang mulia ini sudah berbahas dan bertingkah termasuk kelompok dari gelanggang pembangkang di sana. Macam-macam istilah dipakai. Macam-macam pandangan dilontar. Majoriti melihat secara positif dan memandang yang jauh ke depan, namun tidak kurang juga yang mencela dan mencerca terutama sekali para soldadu pembangkang yang platun-platun mereka kecundang di medan PRU-13 baru-baru ini.

Bagi saya Bajet 2014 adalah cerminan kristal pimpinan sejati Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membawa dan mengangkat Malaysia menjadi negara maju berpendapatan tinggi yang disasarkan menjelang tahun 2020, yang cuma berbaki lebih kurang enam tahun lagi dari sekarang. Apa yang tersurat dan tersirat di sebalik bajet ini adalah bukti tekad politik atau *political will*, dengan izin, yang tegar serta manifestasi komitmen Kerajaan Barisan Nasional di bawah naungan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ia mendukung agenda transformasi secara total dan menyeluruh Kerajaan Barisan Nasional yang menjaga kepentingan nasional, kerajaan yang memikul mandat rakyat dengan rasa penuh tanggungjawab.

Inilah kerajaan pilihan raya, yang pastinya sentiasa menjaga kebajikan rakyat. Dalam Bajet 2014 ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menterjemahkan falsafah *good governance*, dengan izin, dalam mencipta secara tulus sebuah pentadbiran kerajaan terbaik untuk dinaungi oleh segenap lapisan rakyat dari Perlis hinggalah ke Sabah. Justeru, sekali lagi mewakili denyut nadi rakyat dan segenap penjuru bumi berdaulat ini, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kerana telah membuktikan kebijaksanaan sebagai bintang dalam mengurus ekonomi negara sebagaimana terhurai dalam inti pati Bajet 2014 bertemakan "Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasa Transformasi, Melaksana Janji".

Fakta angka dan statistik yang dijelaskan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika pembentangan selama lebih kurang dua jam 20 minit pada hari Jumaat lepas, membuktikan keupayaan pimpinan kita mengurus ekonomi secara berkesan. Berteras kepada prinsip urus tadbir kewangan yang berhemah dan tata kelola yang baik. Kita gembira mendengar unjuran pertumbuhan yang diungkapkan dalam Bajet 2014 ini. Bagi rintangan waktu tahun 2013 ini, ekonomi negara dijangka berkembang pada kadar 4.5% hingga 5%. Prestasi ini disokong oleh pertumbuhan pelaburan swasta sebanyak 16.2% dengan anggaran pelaburan sebanyak RM165 bilion.

Lanjutnya pada tahun 2014, berdasarkan prospek ekonomi global yang dijangka lebih baik, ekonomi negara diunjurkan berkembang lebih kukuh pada kadar 5% hingga 5.5%. Kejayaan kita mempertahankan dan meningkatkan pertumbuhan, di tengah dinamik ke perekonomian global yang tidak mudah, merupakan satu keberhasilan yang sungguh membanggakan. Syabas kepada nakhoda pimpinan kita yang berupaya menjadikan perdagangan kita makin kuat, berimbang dan berterusan. Penyertaan aktif sektor swasta dalam memperluas jaringan bisnes serantau menjadi kunci kepada segala peningkatan dan penyerlahan itu.

Biasalah bagi pembangkang sentiasa memandang juling setiap yang baik, yang dibawa oleh kerajaan. Lalu sengaja mengungkit hal-hal yang mereka lihat dari sisi lain bajet ini. Kononnya mereka mencari-cari sesuatu yang baik, sedangkan yang terbentang di hadapan mereka pada realiti yang terang benderang semuanya baik-baik belaka. Kalau nyamuk jauh di seberang jelas

ternampak, kenapa gajah di depan mata amat sukar untuk dilihat? Mereka sekadar memasang tangguk atau mata kail tidak berumpan dan menebar jala yang koyak rabak kerana rakyat tidak mungkin tertipu. Orang-orang Sabah sendiri sudah biasa melihat lakonan dan sandiwara pembangkang ini yang memang demikian perangainya atau kami istilahkan sebagai andang-andang bukannya undang-undang.

Elok ladang kerana berpadi,

Elok padi lebat buahnya,

Elok Barisan Nasional kerana berbudi,

Elok budi kerana bajetnya... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, penekanan Bajet 2014 terhadap pembangunan pendidikan dan modal insan sewajarnya kita dukung bersama. Demi untuk mengecap kemakmuran sebagai negara maju berpendapatan tinggi dalam tempoh yang berbaki sedikit ini. Melihat helaian bajet yang dipersembahkan tempoh hari, nyata sektor pendidikan mendapat peruntukan terbesar iaitu sejumlah RM54.6 bilion atau pun 21% daripada keseluruhan peruntukan tahun 2014. Dengan matlamat memastikan pencapaian objektif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang dirancang atur menyisir waktu yang panjang melewati 15 tahun lagi selepas Wawasan 2020. Usaha yang digariskan mestilah dilaksanakan sepantas mungkin tanpa berlengah waktu, kerana jarak untuk sampai ke pintu gerbang status negara maju semakin hampir dan suntuk.

Semua pihak berkaitan, baik kementerian mahu pun jabatan rangkaian agensi dan badan berkanun dari atas hingga ke bawah perlu menggembelng usaha bersama dengan penuh rasa tanggungjawab dan sejujurnya. Sejujur hati setulus jiwa, seluas tebaran minda yang mulia, demi menentukan kita menepati sasaran seperti yang digariskan tertulis di dalam PPPM itu. Dalam meneliti jambatan waktu tahun 2013 hingga tahun 2025, marilah kita bersama-sama memasyarakatkan PPPM ini, yang merupakan satu kerangka holistik sambil menangani cabaran-cabaran secepat. Cabaran tersebut termasuklah isu-isu sekolah kurang murid (SKM) yang masih menjadi fenomena besar khususnya di Sabah dan Sarawak, sebagai negeri-negeri yang luas dari geografi dan demografinya. Cerita kekurangan guru pakar bahasa Inggeris dan bahasa Melayu yang masih kedengaran sungutannya. Sasaran sekolah satu sesi yang masih dalam perdebatan, isu makmal komputer yang pernah mencetus kontroversi hinggalah kepada kelengkapan jalur lebar ICT yang terus terusan menjadi rintihan khususnya di kawasan pedalaman. Ringkasnya kemudahan infrastruktur yang perlu dibangunkan secara bersepadu, bangunan, jalan, keperluan sekolah, elektrik, air kemudiannya pengisian mesti seiring dari segi tenaga pengajar dan kakitangan sokongan. Oleh kerana PPPM itu bukan calang-calang jangkauannya. Cukup besar melebar luasnya, menjadi teras dan tiang menjambatani laluan bagi masa depan Malaysia menjadi negara maju yang berpendapatan tinggi.

Dari sisi lain, yang lebih praktikal barangkali inilah waktunya yang paling sesuai untuk menaik taraf semua Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) khasnya di Sabah dan Sarawak. Seiring dengan autonomi yang terbuka dengan semangat PPPM itu sendiri supaya mereka dapat

menampung keperluan pembangunan pendidikan sebagai memenuhi harapan bersama agar impian menjadi satu kenyataan. Agenda menaik taraf PPD..

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan Yang Berhormat?

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini pasal pendidikan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat sedar kah bahawa mutakhir ini guru-guru di sekolah, dibebankan dengan satu tugas iaitu saya telah ditemui oleh hampir sepuluh guru di seluruh negara kita ini. Mereka memaklumkan kepada saya bahawa mereka hampir-hampir hilang fokus sebab balik rumah, apabila sudah tidak ada peperiksaan mereka kena menilai pelajar-pelajar dalam bilik darjah mereka.

■1750

Kalau 40 orang murid, maka 40 orang muridlah mereka kena nilai daripada poin enam sampai poin tiga. Bagi yang poin tiga pula mereka kena buat laporan kenapa pelajar ini dia *three pointer*, dilaporkan pula. Masalahnya pula, komputer yang hendak mereka sistem ini pula selalu *breakdown*. Selalu tidak boleh dimasukkan maklumat. Jadi mereka kadang-kadang tidak boleh tidur malam, esoknya hendak mengajar lagi, macam mana hendak- kita berfungsi dalam sekolah kalau begini?

Jadi apakah Yang Berhormat ingin menyarankan kepada kementerian ini supaya fokus dalam melaksanakan sistem yang diberi itu biar berjalan dengan baik dan ada maknanya untuk inti pati pelajar. Terima kasih.

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Memang itu sebahagian daripada cabaran PPM dalam proses membangunkan sebuah negara maju dalam meletakkan asas pendidikan menjadi teras dan saya mohon masukkan dalam ucapan saya. Agenda menaik taraf PPD yang turut merangkumkan. Ini pun juga satu yang boleh selari dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan. Pegawai-pegawai sokongan mesti dilihat secara vokal supaya mereka tidak terikat dengan keadaan mahupun pendekatan di Semenanjung. Dengan mengambil kira kelainan dan keunikan geografi juga demografi Sabah dan Sarawak.

Sehubungan dengan itu, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini supaya dapat kiranya Jabatan Pendidikan Sabah, khususnya Pengarah diberi kuasa dalam membuat sesuatu keputusan berhubung aspek pembangunan pendidikan di negeri ini selaras dengan prinsip *the centralize*, dengan izin, atau penurunan kuasa kepada negeri bagi membuat sesuatu keputusan. Hal ini penting untuk memastikan matlamat peruntukan Bajet 2014 benar-benar mencapai sasaran termasuk dalam konteks pembangunan secara menyeluruh.

Dari segi aspek penyelenggaraan, pembangunan pendidikan sehingga kepada operasi kantin, keceriaan, keindahan, kebersihan dan juga keselamatan. Kalau jabatan lain boleh melakukan proses sentralisasi ini, kenapa prinsip yang sama tidak dapat diaplikasikan kepada

Jabatan Pendidikan Malaysia khasnya di Sabah ini? Kita yakin lagi dan percaya dengan penurunan kuasa kepada negeri ini, ia bukan sahaja dapat mempercepat kelancaran pelaksanaan suatu projek atau program tetapi lebih penting dapat menyentuh hati kalangan mereka yang terlibat. Misalnya usahawan dan kontraktor yang benar-benar berkeupayaan dalam bidang masing-masing.

Hakikatnya keberhasilan PPPM membawa transformasi sektor pendidikan bergantung kepada semua pihak. Dari pimpinan tertinggi hingga ke akar umbi. Dari semua jentera pelaksana kecil dan besar dan di desa ataupun di bandar, tidak ada yang terkecuali. Untuk itu marilah kita mendukung bersama matlamat ini. Lagipun agenda ke arah mengungguli Modal Insan ini sudah pun termaktub sebagai teras ketiga daripada lima teras Bajet 2014 ini. Disusuli pembangunan bandar dan luar bandar serta matlamat kesejahteraan dan menyejahterakan kehidupan rakyat.

Meneropong komitmen kerajaan, nyata sesungguhnya betapa agung harapan yang disandarkan untuk rakyat yang berlainan latar dan bersilang budaya ini. Saya katakan demikian kerana dalam Bajet 2014 ini sendiri jelas terpancar kesinambungan agihan. Misalnya suntikan RM450 juta untuk tabung khas pembinaan, penambahbaikan dan penyelenggaraan sekolah. Sejumlah RM100 juta untuk sekolah kebangsaan masing-masing RM50 juta sekolah jenis kebangsaan Tamil, sekolah mubaligh, sekolah berasrama penuh, Maktab Rendah Sains Mara, sekolah agama bantuan kerajaan dan sekolah agama rakyat.

Kita mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana tidak meminggirkan pembangunan sekolah agama rakyat untuk bersama membangun dalam arus pembangunan perdana pada masa akan datang. Seiring dengan itu, dengan roh dan semangat bajet ini juga pembangunan pendidikan pastinya akan menjurus kepada pencapaian matlamat pembasmian kemiskinan. *Insyah-Allah*, justeru setiap agensi berkaitan mesti memikul amanah besar yang disandarkan secara jujur, teratur dan ikhlas tanpa minta dibalas. Kepada rakyat sekalian termasuk kalangan generasi muda, ayuhlah bersama-sama pimpinan menjayakan pendidikan negara ini termasuk merebut peluang-peluang menyertai kursus latihan kemahiran yang ditawarkan melalui segmen memperkukuhkan latihan, keilmuan dan kemahiran yang disebut dalam Bajet 2014.

Rakyat kebanyakan golongan sasaran mesti mempunyai jati diri dan semangat azam yang tinggi, setinggi Gunung Kinabalu menembus awan biru untuk mencapai kemajuan, membebaskan diri daripada terus terpenjara dan terkurung di bawah tempurung kemiskinan. Saya yakin dan percaya jika kita punya semangat yang tinggi ini, kita pasti akan berjaya, *insyah-Allah*. Barang kali anak-anak muda kita boleh mengambil semangat Tegar, si kecil penyanyi jalanan dari Kota Subang, Indonesia yang kini menggegarkan dunia hiburan untuk para generasi muda berkait daripada lamunan kelesuan dan kehidupan.

Tegar, walaupun tidak berkesempatan menimba ilmu, kerana ketiadaan biaya tetapi dia memanfaatkan kemahiran bermain muzik. Justeru dengan kuasa teknologi maklumat juga atas keprihatinan seorang pemuda memuatkan aksi Tegar menyanyi dalam *YouTube*, maka sepiantas dia menjadi terkenal lalu ditawarkan masuk studio rakaman. Hari ini dia agak kaya sedikit daripada sebelumnya. Dengan persekitaran kehidupan yang serba terbatas, Tegar seperti nama yang telah

terbukti, membuktikan dengan sejasanya bahawa setiap yang dilakukan dengan kebolehan, keilmuan dan juga dengan kemahiran yang dikuasai bersungguh-sungguh seperti mana dalam liriknya,

“Aku yang dulu, bukanlah yang sekarang;

Dulu ditendang, sekarang ku disayang;

Dulu, dulu, dulu ku menderita;

Sekarang aku bahagia...”

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah ganggu Yang Berhormat.

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]: Saya bukan menyanyi, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]: Tuan Yang di-Pertua, ketika pembentangan bajet tempoh hari, hal yang saya tunggu-tunggu adalah Projek Lebuhraya Pan Borneo. *Alhamdulillah*, kerajaan telah meletakkan sebagai antara keutamaan menyediakan sejumlah RM500 juta menerusi Bajet 2014 bagi pelaksanaan Projek Lebuhraya Pan Borneo. Isu penyiapan Lebuhraya Pan Borneo ini yang juga dikenali sebagai Trans Borneo sudah banyak kali saya ketengahkan dalam Dewan ini sama ada dalam perbahasan mahu pun persoalan-persoalan lisan yang bertulis kerana kita melihat ia sangat penting, mendesak sebagai pemangkin pembangunan di kedua-dua wilayah Sabah dan juga Sarawak.

Jajaran lebuhraya daripada Tebedu hingga ke Lawas, Sarawak dan dari Senumin hingga ke Tawau, Sabah merangkumi jarak keseluruhan 1,000 kilometer wajar disegerakan memandangkan pembangunan pesat sepanjang laluan yang mutakhir ini yang membawa kepada peningkatan aliran trafik yang bertambah jumlah kenderaan di atas jalan raya contoh. Mengambil contoh kawasan saya sendiri Parlimen Sipitang yang mengunjur ke Pantai Barat, Sabah hingga ke Daerah Papar, kini giat dibangunkan sebagai *hub oil and gas*, dengan izin, minyak dan gas membabitkan pelaburan lebih RM4 bilion dan juga di mana kedua-dua daerah ini dibangunkan sama dan SOGT, di Kimanis sekitar RM3 bilion.

Sesungguhnya Lebuhraya Pan Borneo menjadi teras kepada keperluan strategik pengangkutan darat. Kedua-dua negeri ini Sabah dan Sarawak, sektor logistik perlu lebih efisien untuk disegerakan segala potensi yang dimiliki untuk terus dibangunkan. Lebuhraya yang kami ada sekarang ini hanyalah jalan sehalu atau selorong dan kini beberapa tempat di siling-siling jalan telah dibina lorong tambahan untuk memotong, namun ia masih tidak mencukupi untuk menampung pertambahan jumlah kenderaan yang bertambah hari ini.

Lebih menyedihkan lagi ialah pernah saya ceritakan dalam persidangan Dewan yang mulia ini dahulu, keadaan jalan kami bengkok bengkok atau mereng-mereng bermaksud tinggi rendah, berlubang-lubang, ombak yang mengalun dan apabila kita berada dalam kenderaan, ia menjadi pening-pening, terhuyung-hayang kerana seperti berada di atas kapal di tengah lautan. Sejalan

dengan semangat Bajet 2014 ini kita mahu agar kepayahan mengharungi saban hari ketidakberadaan jalan-jalan kami ini segera berakhir, *insya-Allah*. Walaupun bajet itu RM500 juta, saya yakin ini menjadi asas permulaan untuk membangunkan dalam proses pembangunan ini.

Kita cukup yakin Kuala Lumpur akan terus membangunkan pembangunan demi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara. Meningkatkan industri dan perdagangan serta memperluaskan peluang-peluang pekerjaan. Tuan Yang di-Pertua, menginsafi langkah pembangunan yang masih bertatih, Bajet 2014 menyuntik semangat membara kepada projek *Sabah Ammonia Urea (SAMUR)* di Sipitang yang diletakkan dalam teras pertama untuk merancakkan aktiviti ekonomi negara.

■1800

Selain rasa bangga dan bertuah, Sipitang optimis projek mega SAMUR ini menjadi obor baru untuk menerangi horizon ekonomi negeri di laman indah yang penuh dengan kepelbagaian sumber asli semula jadi. Lanjutan dari itu, kita terpanggil untuk memberikan sedikit pandangan tentang keperluan susulan yang mesti diberi perhatian demi menentukan SAMUR itu benar-benar membawa makmur sepanjang umur.

Pertama ialah Hospital Nukleus Sipitang wajar dilengkapkan dengan kemudahan pakar termasuk doktor pakar untuk menampung keperluan sebagai persediaan menangani sebarang kemungkinan kesan daripada pembangunan projek berasaskan kimia, minyak yang akan datang nanti. Kita mesti membuat persediaan awal mengelakkan tragedi akibat kemalangan itu untuk masa depan kerana Sipitang mempunyai teras yang kukuh, industri minyak di kawasan sebelah Pantai Barat Selatan kerana Sipitang mempunyai hab kawasan yang telah ditentukan 2,000 ekar sebagai kawasan untuk industri ini.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat Sipitang sendiri hendaklah ditingkatkan keupayaan termasuk menempatkan pasukan menangani bencana bahan kimia yang mana anggota terlatih punya kemahiran spesifik mengenainya untuk jangka panjang. Pembangunan perumahan juga akan terus berkembang di kawasan ini. Kita bimbang jika hal ini kurang diberi perhatian, membawa kesan dan implikasi negatif dalam konteks sosiobudaya dan sosiopolitik di masa akan datang.

Sekali lagi pembangunan kemudahan pendidikan dan institut latihan kemahiran perlu terus diadakan untuk melatih melengkapkan kepada belia-belia tempatan. Berbalik kepada isu menaik taraf Hospital Nukleus yang saya sebutkan sebentar tadi, sukacita juga saya menyarankan kepada pihak kementerian yang berkenaan agar dapat kiranya melihat dan mengkaji semula operasi perkhidmatan doktor udara yang disediakan di beberapa kawasan terpencil di pedalaman Sabah khususnya seperti kawasan Sipitang ini sendiri, kawasan Pergalungan Keningau, di Beluran kawasan Tuan Yang di-Pertua, Kinabatangan dan beberapa kawasan pedalaman yang jauh.

Ini kerana kita menyarankan supaya perkampungan terpencil di mana-mana perkhidmatan doktor udara yang diadakan ini dikaji cadangan untuk membina klinik-klinik desa yang lebih kekal. Bagi memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk setempat kerana doktor udara akan digunakan hanya beberapa waktu tertentu sahaja untuk mendapat khidmat kesihatan dan

perubatan secara tetap dan bukan berkala sebagaimana perkhidmatan doktor yang ada sekarang yang jadualnya ditetapkan hanya sekali, dua dalam tempoh seminggu ataupun sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, mewakili warga Sipitang, saya merakamkan penghargaan terima kasih setulus budi kepada pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah Sipitang seperti disebut dalam perenggan ke-146 Bajet 2014 ini, ke arah memperkasa lagi perkhidmatan Polis Diraja Malaysia meningkatkan keselamatan dan ketenteraman awam. Khususnya kedudukan Sipitang itu sendiri berada di sempadan Kalimantan yang juga berada di sempadan Sarawak dan berhadapan dengan Labuan. Mengambil semangat “Malaysiaku berdaulat, tanah tumpahnya darahku” pembinaan IPD yang baru ini sudah pasti memberi keyakinan bukan sahaja kepada penduduk tempatan malah kepada pelabur-pelabur dan pelancong asing terhadap aspek keselamatan. Apatah lagi Sipitang terletak di pintu masuk Sabah, Sarawak, Brunei Darussalam dan juga Indonesia.

Justeru, saya mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi penghargaan kepada pihak di Kuala Lumpur atas segala perhatian dan keprihatinan ini. Itulah sebenarnya dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila mengungkapkan kata-kata hikmah, “Segalanya kita rangka, semuanya kita susun, kita piagam dan kita laksanakan bukan sekadar sonata atau sebuah orkestra. Namun, ia menjadi puluhan simfoni kemajuan yang terindah demi kesejahteraan hidup seluruh rakyat Malaysia yang dikasihi.”

Pohon selasih dalam kolam,

Anak haruan rapat berenang,

Terima kasih kami ucapkan,

Budi Dato' Sri tetap dikenang.

Tuan Yang di-Pertua, keseluruhannya Bajet 2014 ini dipersembahkan oleh kerajaan untuk rakyat, menjadi kompas melengkapi perjalanan sebuah negara status negara maju akan datang. Kami mewakili rakyat dari Barisan Nasional akan terus bersikap proaktif dan pragmatik menentukan hala tuju untuk tercapai. Kita akan menegur jika perlu, kita akan memuji bila wajar memuji. Sindrom membisu dan mengampu tidak ada dalam kamus perjuangan kerana kami diamanahkan oleh rakyat untuk membawa suara demi kepentingan masa depan negara.

Kepada pada hulubalang kami yang baru terpilih dalam pemilihan parti baru-baru ini, kami menyandarkan sepenuh keyakinan untuk menggempur PRU Ke-14 nanti. Percayalah, kemenangan kami medan PRU Ke-13 baru-baru ini adalah deklarasi jelas mengenai harapan rakyat mahu melihat kejayaan agenda transformasi di bawah Kerajaan Barisan Nasional.

Percayalah dengan kasih yang padu, kesetiaan yang kental lagi sokongan yang pukal juga kepimpinan mantap, kita khususnya menunjangi Kerajaan Barisan Nasional mampu mencipta kejayaan yang lebih besar waktu-waktu di hadapan. Dengan kekuatan ini, kita akan mampu mendaki gunung, meredah hutan, mengharung lautan dan membelah awan *insya-Allah*. Sebagai penutup bicara saya mohon maaf jika ada kata-kata yang kurang bijaksana.

Andai kata padam pelita,

Gelap gelita di malam hari,

Andai kata terlanjur kata,

Maaf dipinta setulus hati.

Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Gantang.

6.06 ptg.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salah sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua [*Berucap dalam bahasa Arab*] Janganlah harta kekayaan itu berpusing di kalangan orang-orang kaya sahaja. Bajet tahunan kerajaan pada hari ini merupakan instrumen utama dalam menguruskan tadbir fiskal negara yang memperincikan unjuran pendapatan dan perbelanjaan kerajaan bagi tahun mendatang.

Oleh itu, tugas kerajaan ialah untuk memudahkan dan memikir untuk kesenangan rakyat. Mereka mesti memikirkan bagaimana untuk menyenangkan rakyat, bukan menyusahkan rakyat. Oleh itu diberi elaun yang tinggi dan perbelanjaan tinggi sehingga bil elektrik kediaman pun sebanyak RM2,237,000 sebulan dan RM6,114 sehari RM254.75 sen satu jam. Tidak kisahlah itu semua. Mungkin dengan cahaya yang terang seperti begini, mungkin di sana ada idea-idea yang segar untuk memacu ekonomi negara ini.

Dengan gaji yang lumayan dan kemudahan yang diberikan oleh negara kepada seorang pemimpin, maka imbuhan kerajaan atau pemimpin mesti memikirkan siang dan malam bagaimana untuk hendak mentadbir dan menguruskan rakyat dengan baik. Oleh itu, kerajaan mesti menjadi pemudah cara, bukannya menjadi penyusah-cara kepada rakyat dengan menaikkan kenaikan dengan pelbagai cukai, seperti yang dibahaskan oleh Ahli-ahli Parlimen yang lain. Ingat sabda Nabi SAW [*Berucap dalam bahasa Arab*] "*Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap pemimpin itu akan dipersoalkan di hadapan Allah SWT.*"

Kita semua mesti berfikir bagaimana kerja kita ini akan disoal di hadapan Allah SWT waktu kita mati kerana amanah ini ialah bukannya sebagaimana yang disebut oleh Nabi SAW, memperingatkan. Baginda kata... [*Menyebut sepotong hadis*] "*Apabila amanah itu dianggap untuk mengumpulkan kekayaan, maka di sana tunggulah bala akan datang kepada kita.*" Maka dengan sebab itu kita semua mesti berfikir ke arah itu. Umur kita tidak panjang. Umur kita ini tidak panjang. Yang Berhormat Sekijang.

■1810

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak bertanya, tadi Yang Berhormat ada sebut tentang kos bil elektrik yang mencecah sehingga RM6,000 selama sebulan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa sebenarnya itu hanyalah sebuah kompleks, bukan hanya sebuah kediaman kepada pemimpin kita. Maksudnya dalam kompleks ini, dia ada dewan, ada bilik mesyuarat dan juga termasuklah kuarters kakitangan. Jadi kos itu saya lihat melibatkan sebuah kompleks, tetapi bukan hanya sebuah kediaman. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Kalau pun sebuah kompleks pun, kena jimatlah. Pokok persoalannya perlu jimat kerana rakyat di bawah sana tertekan. Umur kita ini tidak panjang kerana nikmat hidup kita ini Tuhan beri 50, 40 tahun ke bawah sahaja. Macam Yang Berhormat Sekijang, umur masih muda tetapi dia ada lebih daripada saya sikit. Nikmatnya hidup ini hendak makan, nikmat hendak makan 40 tahun ke bawah, 40 tahun ke atas ini nikmat Allah Taala tarik banyak sudah. Kadang-kadang sudah masuk kelab potong kaki iaitu kelab kencing manis.

Oleh itu, kita fikirkan tentang kematian sebagaimana Nabi peringatkan umat Nabi Muhammad ini tidak panjang umur dia. [*Membaca sepotong hadis*] Maksudnya, “*Umur umatku ini antara 60 tahun hingga 70 tahun*”. Patutlah kerajaan bagi pencen umur 60 tahun, sempat makan pencen 3 bulan mati. Walau bagaimanapun, kita kena peringatkan tentang kematian. Oleh itulah saya peringatkan diri saya dan juga kepada semua yang ada di dalam Dewan ini tentang persoalan ini kerana ini adalah merupakan amanah.

Tuan Yang di-Pertua, cukai itu biarlah jalan terakhir kerana kita mesti menggunakan sumber-sumber yang lain terlebih dahulu sebelum dibebankan rakyat dengan cukai. Dalam Islam, cukai dipungut dengan syarat. Pertama, apabila pemerintah melaksanakan segala kewajipan kewangan yang tepat. Kedua, pemerintah menetapkan pembayaran cukai itu adalah pemerintah yang berakhlak dan berhemah. Ketiga, Perbendaharaan tidak dapat menampung perbelanjaan negara setelah digunakan segala sumber yang ada. Keempat, penetapan pembayaran cukai itu bertujuan kemaslahatan yang diakui oleh syarak. Kelima, penetapan cukai itu hanya dikenakan ke atas mereka yang berkemampuan sahaja. Oleh sebab itu di dalam Islam, zakat wajib, tidak boleh dihapuskan. Cukai, kalau sudah negeri semua sudah kaya, maka cukai tidak perlu dibayar. Ini prinsip dia. Daripada syarat di atas, dapat disimpulkan bahawa sistem cukai itu boleh dikenakan dengan wujudnya perkara berikut:

- (i) keperluan hakiki;
- (ii) pembahagian bebanan cukai yang adil;
- (iii) hasil cukai dibelanjakan untuk kemaslahatan umum; dan
- (iv) mendapat persetujuan daripada ahli permesyuaratan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh teras ketiga yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan iaitu mengungguli modal insan kerana ia adalah merupakan asas yang penting dalam sebuah negara. Tidak ada makna kita mendirikan bangunan pencakar langit, dalam masa yang sama kita telah meruntuhkan manusia. Oleh itu, pendidikan merupakan pelaburan jangka panjang. Ia tidak boleh dilihat dalam masa yang singkat keuntungannya. Dengan bajet yang besar setiap tahun berbanding dengan sektor lain, contohnya tahun 2014 sebanyak RM54.6 bilion menggambarkan sektor pendidikan merupakan satu cara menyediakan modal insan untuk pada masa akan datang. Harapan kita dengan perbelanjaan yang banyak membolehkan supaya aliran wang keluar dapat dikurangkan dan meningkatkan pendapatan negara apabila paten intelektual kita dapat dieksport keluar.

Kita tidak lagi perlu menghantar pelajar-pelajar ke luar negara kerana di negara kita sudah ada kepakaran yang setanding dengan negara luar. Secara tidak langsung, tidak berlaku aliran

keluar wang negara, malahan pula kita mengharapkan dengan kemajuan ini, pelajar-pelajar luar negara pula datang ke negara kita. Secara tidak langsung, ia akan menjadi satu komuniti dan hab pendidikan yang tersohor di dunia. Cuma kita mengharapkan pentadbiran universiti biarlah profesional, bukan bertindak seperti mentadbir sekolah atap dan sekolah tadika. Kegemilangan Universiti Malaya pada zaman Profesor Diraja Ungku Aziz menjadi Naib Canselor, ahli Senatnya yang terdiri daripada kalangan seperti mana Profesor Jomo, Profesor Dr. Syed Husin Ali waktu itu.

Universiti Malaya pada ketika itu cukup hebat dengan sikap keterbukaannya. Forum-forum akademik dan semasa menjemput wakil-wakil kerajaan dan pembangkang datang ke situ. Sekarang, kami disekat. Akan tetapi walaupun sekarang disekat, silap. Zaman sekarang zaman langit terbuka, lebih baik terbuka. Mahasiswa ini orang cerdik, kalau tidak cerdik macam mana mereka hendak masuk universiti. Biar mereka buat pilihan sendiri, kalau kita sekat pun dia akan cari. Jangan paksa mereka seperti mana pepatah Arab menyebut, *"Kamu boleh paksa kuda pergi minum air tetapi kamu tidak boleh paksa kuda itu minum air"*. Kamu boleh buat macam-macam tetapi kuda kamu tidak boleh paksa dia untuk minum air.

Tuan Yang di-Pertua, universiti hanya tempat latihan. Kadang-kadang waktu universiti menjadi penentang kerajaan, tetapi apabila keluar menjadi pemimpin UMNO. Contoh dia seperti mana Yang Berhormat Kemaman. Dulu penentang kepada kerajaan, begitu juga Yang Berhormat Kuala Krau. Anak buah saya Yang Berhormat Kuala Krau itu, sekarang menjadi penyokong kerajaan. Begitu juga Timbalan Ketua Bahagian UMNO, Che Johan Che Pa, Yang Berhormat Pasir Mas. Dahulu demonstrasi bersama-sama dengan saya di universiti dahulu, sekarang telah menjadi pemimpin UMNO. Oleh sebab itu kita rasakan tidak ada masalah. Biarkan mahasiswa membuat pilihan masing-masing. Peliknya kita lihat juga bagaimana pelajar-pelajar UiTM digunakan untuk menjadi petugas dalam Persidangan Agung UMNO. Apa barang ini? Cuba bayangkan jika pelajar ini bertugas di Muktamar PAS. Cuba bayangkan. Tidak sempat doa Iftitah dan Fatihah habis, sudah akan dapat surat amaran daripada universiti.

Tuan Yang di-Pertua, malahan saya sendiri dikemukakan surat tunjuk sebab, ini kena kepada saya sendiri. Apabila kesalahan saya bertanding dalam PRU tahun 2004, ketika saya menjadi pelajar PhD di UKM. Kononnya saya melanggar seksyen 15 ceraihan 1 Akta Universiti Kolej Universiti 1971, ceraihan 30 sedangkan pelajar-pelajar lain, mereka tidak diambil tindakan. Kita lihat pilihan raya 21 Mac 2004, UKM hantar surat kepada saya 8 Mac 2005. Hampir setahun, saya sudah siap hampir dekat tiga bab. Sudah habis masa hampir dekat dengan dua tahun pengajian saya, dia menulis surat sedangkan kita tengok orang lain tidak diambil tindakan. Kalau manusia seperti ini menguruskan universiti, jangan harap universiti di Malaysia akan hebat. *[Tepuk]* Kita tunggu ikan keli tumbuh sisik baru universiti akan maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan supaya dengan peruntukan besar mestilah mendatangkan hasil yang baik. Sikap meraikan kebolehan rakyat...

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat, boleh tidak saya cuma hendak tanya soalan?

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ikan keli ada sisikkah Yang Berhormat?

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat tadi mengatakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ikan keli ada sisik? Ikan keli ada sisikkah?

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Okey. Bukan, sebelum itu. Kalau bersisik, payah juga. Saya hendak tanya Yang Berhormat sebab Yang Berhormat tadi ada nyatakan bahawa masa Yang Berhormat buat PhD waktu itu sudah sampai *chapter* tiga dan segalanya. Waktu ketika itu pelajar tidak boleh hendak berpolitik kecuali dengan kebenaran. Jadinya mungkin Yang Berhormat ketika itu tidak mempunyai kebenaran. Saya pun tak pasti, tetapi jangan salahkan kepada kerajaan ataupun kepada universiti dan jangan salahkan kepada sistem pendidikan di Malaysia ini, yang itu saya tidak setuju.

■1820

Ini pendapat saya. Jadinya itulah antara komen yang saya hendak katakan. Jadinya waktu ketika itu tetapi sekarang tidak ada masalah. Pelajar pun boleh berpolitik malah sesetengah daripada pelajar pun telah menjadi calon. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Sebenarnya dalam masa yang sama, kawan-kawan dan rakan-rakan saya yang lain dibenarkan meneruskan pengajian walaupun mereka itu bertanding antaranya ialah Mustafa Kamal Ayub, Misbahul Munir, hatta Yang Berhormat Bagan Datok sendiri pun waktu itu ialah merupakan pelajar PhD daripada UPM. Ini persoalannya. Sewaktu berlakunya pilih kasih kerana saya tahu kerana saya dahulu merupakan bekas Presiden Persatuan Mahasiswa UKM. Mereka hendak ambil tindakan dekat saya tidak boleh dan akhirnya mereka dahulu semasa saya lawan universiti mereka kalah. Sekarang mereka pegang pentadbir, mereka bertindak kepada saya sebegitu rupa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan supaya dengan peruntukan yang besar mestilah juga mendatangkan hasil yang baik. Sikap meraikan kebolehan rakyat tempatan mesti ada. Jangan hanya mengutamakan orang luar untuk membina modal insan di negara kita. Persoalannya bagaimana Kementerian Pendidikan mengambil McKenzie untuk Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dengan kos perundingan sebanyak RM20 juta. Seheinggakan bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir pun dengan sinis berkata beliau pun boleh laku kalau Kementerian Pendidikan memberikan tugas itu kepada beliau.

Apakah kerajaan tidak menghargai kebijaksanaan dari kalangan cendekiawan kita dalam bidang pendidikan? Kerajaan telah menganugerahkan tiga Profesor Ulung pada 15 Disember 2010 iaitu Profesor Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin daripada UKM, Profesor Tan Sri Dr. Mohd Kamal Hassan daripada UIA, Profesor Dr. Lai-Meng Looi daripada Universiti Malaya iaitu Profesor Kanan Patologi Universiti Malaya. Malahan pada 1 April 2010, kerajaan telah melancarkan Majlis Profesor Negara dan Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi. Ertinya Ahli-ahli Yang Berhormat, apa erti Profesor Ulung? Apa erti Majlis Profesor? Apa erti Profesor Diraja kita wujudkan sedangkan waktu hendak membuat perundingan, kita tidak berunding dengan mereka malahan

kita telah memberikan kepada syarikat yang bukannya memahami tentang sosial budaya rakyat Malaysia. Setakat rekod yang saya perolehi, bilangan profesor di seluruh IPTA yang direkodkan iaitu 1,426 orang dan mungkin lebih lagi sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kenapa kerajaan tidak menggunakan kepakaran rakyat sendiri seperti mana Zulkifli Haron, Zull Design Autotronic yang sudah mengeluarkan hampir 1,000 produk. Beliau ini pelajarinya tidak ada kelulusan daripada ijazah tetapi hanya kelulusan daripada IKM tetapi mempunyai kelebihan yang digelar sebagai MacGyver. Beliau memulakan rekaan awal kereta yang dipasang dengan sistem automasi yang boleh bergerak tanpa pemandu. Bila? Sejak tahun 1986 sedangkan mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bercakap soal Cyberjaya, soal IT dan sebagainya hanyalah ketika dekat dengan pertengahan tahun 1990-an.

Ertinya beliau telah pun hebat mendahului zaman. Beliau merupakan orang yang pernah mereka alat pengesan amaran awal mengenai kejadian tanah runtuh. Beliau juga menghasilkan enjin hibrid untuk beca. Becas boleh gunakan enjin hibrid pada tahun 2010. Saya yakin kalau Zulkifli ini bukan orang Melayu dan duduk di Amerika atau Jerman, beliau akan kaya seperti mana Bill Gates. Malangnya Zulkifli ini orang Melayu. Hidup Melayu. Persoalan saya, adakah kerajaan berhasrat memajukan produk Zulkifli dan kalau tidak, apa masalahnya?

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya hendak menyentuh modal insan yang semakin teruk. Kenapa keadaan ini berlaku? Paling malang yang melibatkannya ialah terdiri dari kalangan anak Melayu seperti gejala rempit sehinggakan pernah berlaku anggota polis yang terpelanting sejauh tiga meter selepas Lans Koperal Luqman Hakim Abu Bakar dilanggar oleh mat rempit ketika sekatan jalan raya di Jalan Dato' Seri Ahmad Said, Ipoh pada 15 Februari 2013. Hebat anak-anak Melayu kita. Mereka ini, Jepun pun kata mereka hairan. Mereka buat motor tayar dua tetapi anak-anak Melayu ini hebat, dia naik tayar satu sahaja, ini hebat. *[Tepuk]*

Maka oleh sebab itu, peruntukan RM50 juta kepada sekolah agama bantuan kerajaan dan RM50 juta kepada sekolah agama rakyat hendaklah juga termasuk kepada sekolah pondok, tahfiz kerana sekolah ini merupakan benteng untuk mengubat penyakit sosial dari kalangan anak-anak muda Melayu yang semakin parah. Kita yakin dan percaya dengan nilai agama, dengan nilai modal insan yang akan kita dapat membawa masyarakat terutamanya dari kalangan anak-anak Melayu yang semua orang bincang hari ini, semua orang membicarakan tentang permasalahan mereka. Maka kita harapkan ini adalah merupakan satu usaha yang membolehkan supaya perkara ini dapat diatasi. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bagan Serai.

6.26 ptg.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak kerana memberikan ruang kepada saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2014. Tuan Yang di-Pertua, dunia hari ini mengakui iklim ekonomi global berada dalam keadaan yang tidak menentu. Krisis ekonomi Amerika masih memberi kesan kepada fenomena

perjalanan ekonomi dunia sehinggakan Kerajaan Amerika perlu untuk menutup kerajaan dan meningkatkan jumlah *ceiling* hutang mereka. Krisis ekonomi Eropah juga sedikit sebanyak telah memberikan kesan kepada persekitaran ekonomi global.

Tatkala ekonomi dijangka berkembang perlahan dengan kadar 2.9% pada tahun 2013, Malaysia masih boleh menarik nafas lega kerana berjaya mencapai perkembangan ekonomi sebanyak 4.2%. Ini pastinya didorong oleh daya tahan ekonomi negara yang tinggi serta juga kebijaksanaan kerajaan merancang dan melaksanakan strategi pertumbuhan ekonomi negara. Justeru itu, usaha kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak yang membentangkan Belanjawan 2014 bertemakan "Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasakan Transformasi dan Melaksanakan Janji" adalah tepat pada masa, kena pada sasaran dan bersesuaian dengan cara dalam mengimbang bebanan kos sara hidup rakyat dan memperkukuhkan kedudukan fiskal semasa negara.

Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan. Satu bajet yang menyeluruh, satu kerangka bajet yang komprehensif meliputi isu-isu kritikal jangka pendek dan jangka panjang dan mencakupi segenap lapisan masyarakat dan ekonomi. Berteraskan lima perkara iaitu merancakkan ekonomi, mengukuhkan pengurusan fiskal, mengungguli modal insan, mempergiat pembangunan bandar dan luar bandar dan menyejahterakan kehidupan rakyat. Natijah akhirnya, bagaimanakah semua ini dapat memberi kesan kepada kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara?

■1830

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada defisit fiskal dan hutang kerajaan. Ini adalah tindakan yang betul yang diambil terutama apabila negara terpaksa menghadap kejutan-kejutan ekonomi global. Apabila harga minyak dan makanan meningkat pada tahun 2007 umpamanya, krisis kewangan global pada 2009, krisis kewangan Euro 2011 dengan kesan yang berpanjangan. Maka berhutang dan defisit adalah respons yang betul kepada kejutan-kejutan ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila sektor swasta berhenti berbelanja, kerajaan mengambil inisiatif atau mengambil tanggungjawab dan kita dapat lihat bagaimana kerajaan mendisiplinkan diri untuk menyelesaikan masalah ini secara perlahan. Defisit fiskal tahun 2009 sebanyak 6.7% KDNK. Pada tahun 2013, telah menurun kepada 4% dan jangkaan pada tahun 2014 akan turun kepada 3.5%. Jadi kerajaan tetap memastikan hutang negara di bawah 5.5% KDNK. Jadi Kerajaan Malaysia terjebak ke defisit atas alasan yang jelas untuk menstabilkan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, seperti diri kita sendiri. Jika kita mempunyai masalah umpamanya kereta kita rosak yang teruk dan kita terpaksa menggantikan enjin dan juga tayarnya tetapi kita tidak cukup duit. Ini memaksa kita untuk berhutang dengan defisit. Tetapi hutang dan defisit ini bukanlah kerana berfoya-foya dan suka-suka. Bukan kita hutang defisit ini untuk kita jalan-jalan dan makan angin. Dengan itu kita juga mendisiplinkan diri kita untuk membayar hutang ini secara perlahan-lahan dan mengurangkan defisit kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Minta penjelasan.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya baru mula, sebentar.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Penjelasan, soal hutang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagilah Yang Berhormat, duduk dahulu.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sebentar. Tuan Yang di-Pertua, rakyat juga dapat bersama memainkan peranan membantu meletakkan fiskal ekonomi negara di landasan yang baik. Baru-baru ini Fitch Ratings memberi tamparan kepada kedudukan fiskal negara dan kerajaan telah merencanakan strategik yang berkesan dan pantas dengan melaksanakan rasionalisasi subsidi untuk mengukuhkan ekonomi. Kita dapat lihat peruntukan tahun ini RM264.2 bilion dengan belanja mengurus RM217.7 bilion dan belanja pembangunan sebanyak RM46.5 bilion iaitu 17.6% daripada peruntukan.

Pada tahun 2012, subsidi yang diberikan ialah 21.4% dari belanja mengurus dan ini adalah lebih kurang dalam angka RM40 bilion. Kita dapat lihat sesetengah daripada subsidi ini adalah untuk bahan api dan juga minyak. Jadi subsidi yang diperuntukkan adalah hampir sama dengan belanja untuk pembangunan. Rasionalisasi subsidi ini adalah bertujuan untuk memberikan kebaikan kepada yang memerlukan. Ini kerana contohnya minyak, yang kaya pun dapat yang miskin pun untuk dapat dan yang datang dari negara luar ini pun dapat.

Jadi contohnya kalau saya katakan membina satu hospital daerah hari ini, katakan memerlukan RM200 juta. Bermakna lima hospital dibina kita memerlukan RM1 bilion dan kalau subsidi itu bernilai RM20 bilion maka 100 hospital dapat dibina, malah hampir 200 sekolah baru dapat dibina. Jadi lebih ramai dapat menikmati keistimewaan ini dan ini dapat memberikan manfaat jangka panjang yang lebih baik. Subsidi yang diberikan akan menjadi lebih baik dan pengurangan subsidi dapat memperbaiki defisit negara.

Merujuk kepada penghapusan subsidi gula tiga puluh empat sen. Ini akan memberikan kesan besar kerana rakyat akan bertindak untuk mengurangkan gula dalam minuman dan makanan. Kita semua tahu bahawa kesan gula akan membawa kepada pelbagai penyakit. Ini juga nanti pada satu ketika akan meningkatkan subsidi ubat-ubatan. Jadi tahap penggunaan gula di negara kita ini adalah duduk pada satu kedudukan yang sangat membimbangkan. Satu kajian telah dilakukan pada tahun 1970, rakyat Malaysia menggunakan 17 sudu teh gula untuk satu hari.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Mohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Raja.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: ...Gula yang nampak dan gula yang tidak nampak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Raja bangun Yang Berhormat.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Sedikit sahaja...

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: ...Mohon laluan. Gula, gula.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Pada tahun 1999 peningkatannya kepada 24 sudu teh gula untuk satu hari. Pada 2008, 25 sudu teh gula untuk satu hari.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Menyampuk]* Dahsyat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Dahsyat. 25 sudu teh bersamaan lebih kurang 125 gram yang menjumlahkan kepada 3.75 gram sebulan.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Menyampuk]*

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: ...Ini bersamaan dengan 750 sudu teh sebulan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Raja bangun Yang Berhormat.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ya sedikit mengenai gula. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Bagan Serai sama ada sedarkah Yang Berhormat Bagan Serai bahawa sebab *diabetes mellitus* atau kencing manis bukan hanya pada gula yang diambil di dalam minuman, tetapi pada karbohidrat termasuk maknanya makan nasi, makan perkara-perkara berkarbohidrat tinggi, semua ini akan menyebabkan diabetes. Tabiat rakyat Malaysia adalah pemakanan karbohidrat yang tinggi. Sekiranya kita fikir kita boleh menangani *diabetes mellitus* dengan hanya mengurangkan pengambilan gula sahaja kita tersilap.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Dengar baik-baik. Ini nasihat doktor.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Yang Berhormat Bagan Serai. Sekali, sekali. Gula, gula.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: ...*Sugar, sugar.*

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Bagan Serai mungkin sudah di taklimat tentang perkara kenaikan harga gula ini. Sebab saya lihat pendirian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Pekan tidak konsisten. Pertama, ulasannya ialah seperti mana Yang Berhormat sebut tadi rasionalisasi subsidi. Kemudian kita dengar di dalam pembentangan Belanjawan ini ada berkaitan dengan masalah kencing manis. Diabetes, banyak kaki kena potong. Dalam satu taklimat selepas daripada Belanjawan ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebut soal gula ini boleh menguatkan seks pula. Jadi saya ingat macam bermain-main. Saya rasa ini isu yang berkaitan dengan rakyat dan kehendak rakyat. Saya hendak tanya *concern* Yang Berhormat Bagan Serai, apakah Yang Berhormat Bagan Serai fikir ada pendekatan yang lain sebenarnya yang boleh kita lakukan selain daripada menurunkan ataupun menghapuskan subsidi gula ini, terima kasih.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar bangun Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Kapar duduk dahulu. Sit *down first*, '*okkare, okkare*'. Jadi saya tidak kata hanya makan gula boleh jadi kencing manis. Saya cuma bagi tahu tentang pada ketika ini, kebimbangan kita adalah kerana rakyat sama ada

sedar atau tidak sedar telah mengambil gula dengan begitu banyak dan kesan-kesan daripada pengambilan gula ini boleh merosakkan badannya pada jangka panjang. Jadi apa yang telah dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan adalah satu tindakan yang sangat bijak kerana melihat kepada kesihatan rakyat.

Saya hendak sambung sedikit lagi tentang kajian KKM, 95% daripada rakyat Malaysia adalah ketagihan gula.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Gula, gula. Yang Berhormat Bagan Serai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: ...Gula tadi dulu. Sebentar-sebentar, saya penjelasan. Doktor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan, duduklah Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Duduk dahulu, '*okkare, okkare*'.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Nanti sudah ke hadapan susah.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: ...Sebentar, panjang lagi gula.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ada lagi gula? Tidak habis lagi?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Jadi tahniah sekali lagi kepada kerajaan kerana berpandangan jauh. Memang apabila kita nampak, apa pula makan gula kencing manis? Apa pula kita makan gula jadi gemuk? Mana ada makan gula jadi gemuk? Ada orang makan gula terus jadi gemuk? Tidak. Akan tetapi amalan bertahun-tahun yang boleh merosakkan sistem di dalam badan kita, yang akan menjadikan kita gemuk. Jadi apa, kalau kita kurangkan gula bermakna...

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad: Sedikit tentang gula.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: ...Bermakna jangka panjang kesihatan akan jadi lebih baik.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Yang Berhormat Bagan Serai, tentang gula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Puteh bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Gula. Sedikit sahaja.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Okey.

■ 1840

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Secara ikhlaslah daripada Yang Berhormat Bagan Serai. Apakah sebab sebenarnya subsidi gula ini ditarik? Adakah disebabkan oleh diabetes yang mana penduduk Malaysia ini memang ramai yang kena diabetes atau disebabkan oleh kerana kita hendak kawal defisit fiskal kita? Secara ikhlas. Terima kasih

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Bagan Serai, sambung ya? Okey, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Terima kasih Tuan Yang di-

Pertua. Soalan saya senang sahaja dan pendek. Hari ini subsidi gula ditarik. Alasan yang diberikan oleh Perdana Menteri adalah diabetic. Itu yang ditekankan oleh kami. Saya hendak rasional doktor yang juga Yang Berhormat Bagan Serai, pada 10 Mei 2011 subsidi diturunkan, harga gula naik sebanyak 20 sen. Selepas itu, subsidi dihapuskan sama sekali dan naik pula hampir 34 sen pada 25 Oktober 2013. Dari 10 Mei 2011 hingga 25 Oktober 2013, adakah dengan kenaikan harga dulu, sebanyak 20 sen itu, penyakit diabetic telah berkurangan? Bolehkah ini dibuktikan dengan statistik yang kukuh? Jangan *just* bawa alasan kurangkan harga gula, diabetic akan dihapuskan atau dikurangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, ringkaskan Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Kita perlu bukti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Kita tidak sampai ke situ lagi. *Insyaa-Allah*, dalam perbincangan, kita akan sampai ke situ. *[Ketawa]* Jadi saya ingin meneruskan dengan mengatakan kesihatan adalah harta. Kalau kita hilang kesihatan, kita hilang segala-galanya. Kalau ada kesihatan, kita boleh buat kerja kita, kita boleh cari rezeki dan kita boleh sambung kehidupan kita. Kata pepatah, '*Sediakan Payung Sebelum Hujan, Jangan Terantuk Baru Tengadah, Jangan Sampai Nasi Jadi Bubur*'. Jadi inilah yang dilihat oleh kerajaan hari ini. Ini kerana kita mesti lihat jangka panjang. Apa yang sudah terjadi dengan pengambilan makanan yang berlebihan karbohidrat terutamanya gula.

Kita mesti melihat. Contohnya, natijah akhir daripada Program Transformasi Ekonomi adalah kesejahteraan hidup. Kalau seseorang yang sakit, maka dia tidak dapat menikmati pembangunan dan kemajuan. Contohnya, bila Malaysia mencapai status negara maju berpendapatan tinggi, apa jadi kepada rakyatnya kalau banyak yang masuk hospital, kalau banyak yang terpaksa dialisis? Saya ada – kita selalu melihat dalam surat khabar dan berita. Ini surat khabar semalam. Begitu juga tentang cerita seorang yang meninggal disebabkan oleh komplikasi buah pinggang dan penyakit kencing manis. Satu kajian yang dilakukan iaitu Kajian Kesihatan dan Morbiditi Nasional Keempat 2011 juga menunjukkan tren yang amat membimbangkan. NCD, dengan izin penyakit tidak berjangkit meningkat dengan begitu ketara sekali. Obesiti, pada tahun 1996 hanya 4.4% tetapi pada tahun 2011, 15.1%.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasin bangun, Yang Berhormat.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Jasin bangun.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Mencapai sehingga 2.5 juta orang di Malaysia yang ada masalah obesiti. Silakan.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bantu sedikit kawan saya. Memang satu cadangan yang cukup baik sekali. Sebenarnya, penghapusan subsidi gula sebanyak 34 sen ini, kita hanya menjimatkan sebanyak RM67 juta untuk tahun ini dan sebanyak RM553 juta untuk tahun hadapan. Sebenarnya, ini satu daripada langkah

rasionalisasi subsidi. Gula ini memang cukup bertepatan kita hapuskan subsidi kerana penggunaan kepada orang ramai terlalu kurang berbanding dengan digunakan oleh yang pertamanya, daripada sektor pembuatan dan keduanya, daripada sektor perkhidmatan.

Bayangkan kilang-kilang yang membuat makanan, berapa banyak gula digunakan? Dia mendapat subsidi. Pemandang asing, dia pun mendapat subsidi. Jadi sebenarnya, saya tidak tahu. Rumah saya Tuan Yang di-Pertua, hanya guna kurang daripada satu kilogram sebulan. Jadi kalau kita gunakan satu kilogram satu bulan pun, kalau 12 bulan, kita baru *save* – kalau kita bayar lebih, dalam RM4 lebih sahaja. Siapa ada masalah? Jadi saya sangat menyokong hujah daripada Yang Berhormat tadi. Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Boleh masukkan dalam ucapan saya. Jadi kita lihat, kalau kita kurangkan gula atau kita minum air yang tidak manis, ini tidak memberi kesan apa-apa sangat kepada kita sebenarnya. Jadi kalau dengan pengurangan subsidi ini dapat membawa kita kepada kesihatan yang lebih baik, alangkah baiknya hidup kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Doktor bangun lagi, Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Alangkah bagusnya untuk rakyat Malaysia.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Bagan Serai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Bagan Serai.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya hendak sambung statistik ini. Pada tahun 2006, kencing manis sebanyak 11.6% dan pada tahun 2011, 15.2%. 2.6 juta rakyat Malaysia.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Bagan Serai.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Maaf, sebentar ya. Sila duduk dulu. Pada ketika ini, dianggarkan dua juta orang mempunyai tahap gula dalam darahnya yang tinggi dan dia tidak tahu. Ini yang lebih membimbangkan. Ini kerana rakyat Malaysia, dia tidak tahu gula yang lebih dalam badannya. Tidak ada pemeriksaan. Darah tinggi 5.8 juta orang iaitu 32.7% dan juga rakyat yang mempunyai kolesterol tinggi seramai 6.2 juta orang atau berjumlah 35.1%. Mereka yang mengambil ubat-ubatan dan sebagainya, tidak semua yang dapat distabilkan keadaan darah tinggi ataupun kencing manisnya. Satu kajian yang telah diberikan kepada saya pada bulan September 2013. Ada lima kanser paling kerap iaitu kanser payudara, kolorektal, kanser paru-paru, **serviks** dan limfoma.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Gula dulu. Yang Berhormat Bagan Serai, gula dulu sebelum masuk ke kanser.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Silakan.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih. Saya boleh bersetuju dengan Yang Berhormat Bagan Serai sekiranya kita mengatakan bahawa semua statistik yang dibawa itu. Cuma, sedarkah kita bahawa pemakanan benda yang manis ini adalah satu tabiat? Orang yang ada *sweet tooth*. Dia banyak menjadi *culture* ataupun budaya kita. Kita selalu kata orang Kelantan suka benda-benda yang manis. Saya cuma hendak mempertikaikan. Adakah dengan menaikkan harga gula ini, orang-orang yang ada, orang kata mulut yang suka makan benda manis ini, akan meninggalkan gula? Tidak. Kita lihat. Kita telah menaikkan cukai rokok. Letak lagi gambar segala kansernya di situ. Kadar merokok itu masih lagi tetap tinggi.

Jadi saya lebih suka kerana kita tidak *tackle* kesedaran, pendidikan dan budaya yang memerlukan banyak motivasi dan pendidikan rakyat. Saya rasa kerajaan belum lagi memberi penumpuan dan bajet yang sepatutnya untuk pendidikan, bukan pendidikan ketika besar tetapi dari kecil di sekolah. Ibu-ibu, wanita-wanita kerana mereka yang membentuk cita rasa anak-anak mereka di rumah. Apa pandangan Yang Berhormat Bagan Serai?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bagan Serai, sembilan minit lagi.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ini yang saya rasa sedih ini. Kita dapat lihat...

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Sekijang, Sekijang.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terang-terang depan kita, penyakit kencing manis membawa kepada banyak masalah. Kaki kena potong, sakit jantung, strok, buta dan sebagainya. Masih lagi hendak makan manis?

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Yang Berhormat Bagan Serai, minta laluan.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Masih lagi tidak insaf.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Sedikit sahaja. Kalau kita dengar tadi perbahasan daripada Yang Berhormat, saya kira selain daripada statistik yang diberikan tadi dari tahun 2006 meningkat sebanyak 15.1% pada tahun 2011. Adakah rasionalisasi subsidi ini, kalau kita lihat 34 sen ini, mungkin kalau kerajaan bercadang diberikan subsidi yang dipotong melalui subsidi gula ini, mungkin kita boleh berikan kepada kos-kos yang melibatkan perubatan, mungkin pembelian mesin dan sebagainya, kita berikan kepada pihak hospital atau pembelian ubat-ubatan berkaitan dengan diabetes ini, dapat diberikan hasil daripada pemotongan subsidi ini? Saya minta pandangan Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Itu pun saya setuju. Masukkan dalam ucapan saya juga. Tadi saya hendak terangkan, pada tahun 2012, seramai 28,590 orang sedang menjalani dialisis dan hanya kurang dari 1% yang dapat *transplant* ataupun penerimaan organ.

■1850

Dalam satu jawapan yang diberikan oleh Menteri Kesihatan kepada soalan saya berkenaan dengan kegagalan organ dan pemindahan organ. Setakat 30 September 2013, jumlah pesakit yang menunggu organ adalah seramai 17,098 orang. Jumlah ini terdiri daripada 17,062

orang pesakit buah pinggang, 20 orang bagi hati dan lima orang bagi jantung dan tujuh orang bagi paru-paru. Begitu ramai orang yang sedang menunggu kerana buah pinggang yang rosak dan 80% daripada penyakit buah pinggang adalah daripada kencing manis.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa sudah jadi? Apa yang tidak kena? Hospital banyak, doktor banyak, doktor pakar banyak, peralatan canggih, pemeriksaan pun sudah awal, ubat-ubatan terbaik dan terkini ada. Kenapa statistik makin meningkat?

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Makan gula!

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Kenapa obesiti makin meningkat? Kenapa kencing manis makin meningkat? Jadi maknanya, kalau kita capai tujuh tahun negara maju berpendapatan tinggi, rakyat Malaysia duduk dalam hospital.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Bukit Katil sahaja makan gula!

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Kenapa orang ikut *slimming program* tapi badan tidak turun? Jadi, ini semua kena tanya. Sebenarnya, kita tidak fokus kepada masalah yang sebenarnya. Umpamanya Tuan Yang di-Pertua, pokok yang tidak berbuah, yang rosak, kita cantas daunnya, cantas ranting, canting dahannya tetapi kita tidak tengok pada tanahnya. Kalau kita tidak tengok pada masalah yang sebenarnya, maka kita buat apa pun, maka penyakit itu akan berleluasa. Kita lihat pada statistik. Saya hendak ucapkan sekali lagi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan kerana dapat melihat jauh. Bukan tengok gula, tengok duit, tengok gula, tengok duit. Sebab kalau kita lihat pada kesihatan ini, adalah natijah yang akhir. Inilah yang akhir sekali. Kesejahteraan hidup. Kalau kita tidak ada kesihatan, buat apa pembangunan? Buat apa semua? Kita tidak boleh berjuang pun, kita tidak boleh berjuang pun.

Jadi, gula. Saya hendak terangkan sedikit dalam masa yang singkat ini tentang masalah gula dan ketagihan gula yang terjadi. Ini kerana gula ini dia duduk dalam julat yang kecil dalam badan kita dan di *control* oleh satu hormon daripada kelenjar pankreas dinamakan hormon insulin. Hormon insulin ini adalah *storage hormone*, dengan izin. Hormon yang menyimpan. Jadi, apabila gula kita makan, ia akan *stimulate* pankreas, kita mengeluarkan hormon insulin. Hormon insulin akan membawa gula ke dalam sel tetapi apabila stimulasi kepada pankreas ini menyebabkan insulin ini banyak, maka ia akan bawa tahap gula jauh jatuh ke bawah. Bila dia jatuh jauh ke bawah, paras gula rendah, kita rasa lapar dan kita rasa hendak makan balik. Jadi, kadar yang menjunam...

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat Bagan Serai minta laluan sedikit. Gula, gula.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Maaf, sebab masa suntuk. Saya terpaksa habiskan.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Setengah minit boleh?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Minta maaf Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Memang suntuk Yang Berhormat, lima minit lagi.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Jadi, juga paras insulin dalam badan ini akan menyebabkan inflamasi kepada saluran darah yang kecil di dalam otot-otot dan sebagainya dan menyebabkan kerosakan kepada saluran darah. Ini menyebabkan insulin itu tidak berfungsi dengan baik. Apabila insulin tidak berfungsi dengan baik, gula akan bertakung dalam badan. Pankreas akan mengeluarkan banyak lagi insulin supaya gula dapat dimasukkan dalam sel.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Apa natijah akhir yang akan jadi apabila pankreas ini sudah jadi lemah dan insulin adalah *hormone storage*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Gajah bangun Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sebentar, sebentar, masa tidak cukup.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Sedikit sahaja.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Jadi, insulin adalah kesan metabolik yang terjadi daripada hormon insulin. Kecelaruhan lipid lemak dalam badan, peningkatan tekanan darah dan juga peningkatan berat badan dan juga peningkatan gula. Akhirnya, paras insulin ini tidak dapat dikekalkan oleh kelenjar pankreas. Maka, dengan itu gula akan melonjak naik, maka terjadilah kita kencing manis.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat Bagan Serai, hendak sokong, hendak sokong ini Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sebelum kejadian kencing manis ini, inilah yang kita selalu terbaca dalam surat khabar dan sebagainya...

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat Bagan Serai, hendak sokong, hendak sokong Yang Berhormat Bagan Serai, boleh?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: ...iaitu sindrom metabolik. Saya sebenarnya masa tidak cukup. Minta maaf Yang Berhormat. Jadi, saya hendak pergi kepada akhir ini. Saya sudah terangkan tadi, oleh sebab *day in*, dengan izin, tiap-tiap hari kita mengamalkannya ketagihan karbohidrat, gula, benda manis-benda manis, kerosakan ini akan menyebabkan kita kena penyakit diabetes dan ingat, penyakit diabetes akan membawa kepada tekanan darah yang lebih tinggi, kepada *chronic kidney disease* (CKD), dengan izin, strok, jantung, buta, potong kaki.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *Silent killer!*

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *Silent killer*. Kalau kita sudah jadi kejadian macam ini, kita tidak dapat buat apa-apa lagi. Jadi, satu perubahan yang kecil daripada diri kita. Kurangkan gula, kurangkan manis pada makanan dan minuman. Banyakkan manis pada senyuman. Jadi, ini penting. Satu perubahan kecil.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat sedikit.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Satu perubahan kecil dalam hidup kita, kita kurangkan gula, kita dapat menyelamatkan nyawa, kita dapat memakmurkan negara dengan kejayaan sendiri.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Bagan Serai, boleh?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Jadi, saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, dengan pemansuhan subsidi gula ini kita dapat tiga dalam satu, *three in one*.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Ini bajetkah forum gula?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sebab ini berkaitan, sebab ini berkaitan. Jadi, kita ingat kalau kita kurangkan gula 34 sen tetapi ini...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Bagan Serai sedikit sahaja, boleh?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: ...akan bawa kepada benda yang lebih penting.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Bagan Serai, boleh sedikit?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Kita tidak kena, kita tidak tahu, tapi orang yang kena akan merasa! Orang yang kena akan merasa, akan menderita.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Bagan Serai, sedikit boleh?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Kaki kena potong, mata jadi buta, kena strok. *[Ketawa]* Ketawa lagi, ketawa banyak-banyak. Baru tahu. *Elimination of sugar*, dengan izin, akan menyebabkan kita bertambah sihat, akan mengurangkan subsidi dan kukuhkan ekonomi negara dan membuat kedudukan fiskal negara menjadi lebih baik.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Bagan Serai, sedikit boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Batu Gajah, bangun Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Masa tidak ada, masa tidak ada. Jadi, sekali lagi saya hendak ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana prihatin...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah habis.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: ...kerana bertanggungjawab dan kerana tunaikan janji. Perkara lain yang kita kurang bersyukur ialah tentang penerimaan BR1M. Saya melihat dalam BR1M...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Eh, engkau pun sama, engkau pun gelap.*[Merujuk kepada Yang Berhormat Baling]*

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Apa sudah jadi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar, duduklah Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *What happened?* Saya tidak tahu, apa sudah jadi? Ini apa ini?

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Bagan Serai, boleh mencelah sedikit?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Dia seronok itu, Deepavali.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Bagan Serai, boleh?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya terpaksa habiskan. Saya diberi sembilan minit lagi. Minta maaf. Siapa lagi? Oh, Yang Berhormat Kuala Kangsar? Yang Berhormat Kuala Kangsar mesti bagi, jiran.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Tanya sedikit sahaja. Saya ini hendak tanya sedikit Tuan Yang di-Pertua, pihak pembangkang itu peminat gula. Betulkah teori mengatakan kandungan gula itu dia jadi hiperaktif. Adakah ini terjadi dalam Dewan ini? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, boleh habiskan Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Kalau lebih jadi hiper, kalau kurang jadi lemah.

Baik saya sedang bercakap tentang BR1M. Saya sudah pindah ke topik yang lain. Saya lihat peningkatan, yang dapat RM650, yang dapat RM300, yang baru, yang tidak pernah ada, diadakan! RM450 untuk yang gaji RM3,000 hingga RM4,000 dan ada i-BR1M. Pesara dapat RM250, pelajar dapat RM100, baucar buku RM250 dan dapat bonus setengah bulan gaji lagi. Kita patut bersyukur ini. Rakyat patut bersyukur dengan prihatinnya kerajaan untuk membantu dan meringankan beban. Kita lihat untuk pendidikan, hampir 21% daripada peruntukan berjumlah RM54.6 bilion diperuntukkan untuk pendidikan untuk memperkasakan guru, untuk memantapkan perguruan, untuk memberi guru-guru kita fokus untuk mengajar kaedah pembelajaran dan menguatkan penguasaan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Juga diperluaskan internet dan akan membina sekolah-sekolah baru dan menaik taraf sekolah-sekolah kerana pendidikan ini adalah amat penting. Bila kita sihat, kita boleh belajar. Kalau kita sakit, belajar pun tidak boleh. Jadi, ini penting. Kalau berkait rapat itu yang kita ceritakan tadi.

Saya daripada Parlimen Bagan Serai, ada beberapa perkara yang saya hendak sebut, tentang benda yang perlu ada dari segi pendidikan di Parlimen Bagan Serai. Tuan Yang di-Pertua, Bagan Serai ini adalah satu-satunya daerah yang tidak ada SBP. Saya lihat daerah lain semua sudah ada SBP. Semua sudah hendak minta universiti. Di daerah Bagan Serai tidak ada SBP. Pelajar-pelajar kita cemerlang, kita tidak ada MRSM, manakan lagi hendak fikir tentang universiti.

Jadi, saya haraplah kerajaan beri perhatian kerana apabila negara maju berpendapatan tinggi, kami rasa malulah. Apa kriteria untuk dapat SBP? Kita ada tanah di Bagan Serai. Kita ada tanah yang luas untuk SBP, untuk MRSM. Perkara yang kedua ialah tentang Sekolah Menengah Kebangsaan Pelangi Perdana di Batu 5, Jalan Baru. Tanah telah diambil pada tahun 2007 dan

dimasukkan dalam RMKe-9. Pelajar-pelajar dari Sekolah Kebangsaan Sungai Burung, Parit Tok Ngah, Teluk Pial, Jalan Baru, Tanah Kebun, bangun lima pagi pergi sekolah menengah. Lima pagi dan pelajar-pelajar *shift* petang, balik rumah, sampai rumah lapan malam. Keselamatan. Mereka terpaksa bersekolah di Parit Buntar dengan kos *transport* yang tinggi dan masa yang banyak terbuang. Bila masa hendak ulang kaji? Haraplah ini masuk dalam pelan RMKe-10.

■1900

Perkara yang ketiga saya hendak minta ialah tentang Sekolah Kebangsaan Parit Haji Aman Bagan Serai. Saya sendiri pergi tengok sekolah ini, bangunan dan lantai reput. Belajar di bangunan yang lantai reput yang sangat bahaya. Akan tetapi masih digunakan. Jadi saya rasa inilah benda-benda yang saya hendak sebutkan, harap kementerian memberi perhatian. Saya juga telah pergi melihat Sekolah Menengah Muzaffar Syah Simpang Empat, Semanggol tiada padang permainan, bangunan didirikan di atas padang lama dan acara sukan tidak dapat di lakukan dengan baik dengan sempurna. Jadi padang permainan sangat penting untuk program kurikulum dan sebagainya. Tanah pun sudah ada untuk buat padang yang baru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh habis.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Peruntukkan untuk kesihatan RM22.1 bilion, perkhidmatan kesihatan yang terbaik yang kerajaan hendak bagi. Saya memang sensitif sedikit tentang kesihatan ini. Ini kerana sebagai wakil rakyat, saya baru jadi wakil rakyat saya memang prihatin tentang rakyat, terutama di kawasan saya.

Akan tetapi sebagai seorang doktor, saya sudah melihat banyak, tidak kena tidak tahu, orang menangis depan saya, orang sedih depan saya, kerana kehilangan orang yang dicintai, kehilangan suami, kehilangan isteri, kehilangan anak, kerana masalah kesihatan.

Jadi kita harap-harap kalau perkara berkaitan kesihatan jangan buat main-main, jangan jadi bahan ketawa. Naik taraf hospital diberikan Hospital Tanjong Karang, Hospital Jeli, Hospital Kuala Lipis dan akan di buat 50 Klinik 1Malaysia. Saya harap buatlah Klinik 1Malaysia di Parlimen Bagan Serai. Sebanyak 30 klinik desa dan belanja ubat-ubatan RM33 bilion, menambahkan 6,800 jururawat. Banyak kolej-kolej jururawat hari ini, jururawat juga tidak ada kerja ini satu perkara yang baik, supaya mereka mendapat pekerjaan cepat. Perkhidmatan cardiothoracic di hospital Ipoh, Terengganu dan Kuantan.

Pemberian kit CAPD untuk pesakit-pesakit *end stage hemophilia* dengan izin, yang mahal. Jadi bagus, satu usaha yang baik daripada kerajaan. Akan tetapi saya bimbang sebab apa? Kita bagi ini bagus. Kita di bagi bagus, tapi penumpuan kita mestilah kepada pencegahan. *Prevention is better than cure*. Kalau kita bagi dialisis mesin memang tidak cukuplah sekarang ini. Di tempat Yang Berhormat pun tengok berapa banyak dialisis *center*. Tunggu untuk dialisis, baguslah untuk kita hendak selamatkan kawan-kawan, saudara-saudara kita. Akan tetapi apa kata kita bagi tumpuan kepada *prevention* daripada awal-awalnya. Jangan kena kencing manis, jangan jadi buta, jangan kena potong kaki, jangan kena penyakit sindrom metabolik dan yang pentingnya kita jaga perkara yang asas lagi iaitu mengurangkan gula dalam kehidupan kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, boleh habiskan Yang Berhormat?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Jadi ini permintaan. Hospital baru akan dibina di Simpang Lima Parlimen Bagan Serai. Kelulusannya pada tahun 2008 sampai sekarang, saya tidak nampak lagi tiangnya. *[Dewan riuh]* Permohonan saya yang sangat penting ialah khidmat pakar, sangat-sangat diperlukan. Ini kerana pesakit-pesakit daripada Hospital Parit Buntar yang serius terpaksa dihantar ke Hospital Taiping atau Hospital Subang Jaya. Banyak pesakit yang mati tengah jalan.

Jadi untuk kita lagi tujuh tahun hendak pergi kepada negara maju berpendapatan tinggi. Saya bimbang adakah kerajaan bersedia untuk menempatkan pakar-pakar di hospital-hospital daerah di negara kita ini. Saya lihatlah bagaimana hospital baru ini kalau kita bina, kalau tidak ada kepakaran doktor pakar di situ maka keadaannya akan lebih kurang sama. Seronoknya hospital baru. Akan tetapi saya bimbang tentang kes-kes yang serius. Apa akan jadi pada kes-kes yang serius.

Perkara akhir ialah tentang yang diberikan iaitu program-program untuk mengatasi banjir RTB. Sebanyak RM659 juta dan program untuk mendalamkan Kuala Sungai sebanyak RM79 juta. Jadi baru-baru ini saya balik, sekarang musim hujan, jalan Alur Bongsu, Changkat Lobak ditutup. Ada lapan keluarga dipindahkan ke sekolah, empat hari duduk di sana. Saya ada pergi melihat mereka dengan ketua kampung pun ada di sana, seramai 17 orang tidur di sekolah itu dan perkara ini telah terjadi bertahun-tahun sebenarnya.

Jadi saya ingin tahu lah sebab RTB Kerian telah lulus dalam Bajet 2012. Apakah status kini projek tempatan banjir di Daerah Kerian dan bilakah jangkaannya akan siap sepenuhnya. Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Apa? Sabar-sabar. Satu bajet yang komprehensif dengan kerangka yang menyeluruh menunaikan janji-janji memperteguh ketahanan ekonomi, memperkasakan transformasi dalam menuju negara maju berpendapatan tinggi. Yang Berhormat Bagan Serai mohon menyokong. Assalamualaikum dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Selayang.

7.05 mlm.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana diberi peluang untuk membahaskan perbelanjaan 2014. Saya bersyukur kerana diberi peluang untuk memaklumkan kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, bahawa rasionalisasi subsidi dan GST akan mempengaruhi pilihan kehidupan ramai dan menentukan nasib rakyat Malaysia yang paling lemah dan miskin. Lebih penting lagi ia akan mengganggu kepada sosial, memisahkan rakyat kepada golongan kaya dan miskin dan mereka yang akan menerima subsidi tunai ini dihadkan.

Saya bersetuju kerajaan menangani hutang yang tinggi dan defisit yang besar. Akan tetapi saya tidak setuju dengan cara menyingkirkan subsidi dan adakan GST. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bagan Serai tadi dalam hujahan beliau, agensi-agensi penarafan seperti Fitch Rating telah mendesak memotongkan perbelanjaan, malah menyatakan bahawa penyingkiran subsidi sahaja tidak mencukupi.

Saya menyeru kepada Perdana Menteri dan kerajaan supaya tidak mengorbankan rakyat Malaysia semata-mata untuk menenangkan agensi-agensi penarafan. Mereka hanya menjaga kepentingan-kepentingan bon sedangkan kerajaan bertanggungjawab menjaga kepentingan rakyat. Kerajaan perlu mendengar pandangan rakyat dahulu sebelum agensi-agensi penarafan.

Tambahan pula agensi-agensi penarafan sering membuat kesilapan. Mereka bertanggungjawab dalam menyebabkan krisis kewangan global. *United States Global Financial Crisis Commission of Inquiry* telah membuat kesimpulan bahawa agensi-agensi penarafan yang menyebabkan pasaran untuk *security-security* sub prime meningkat pada tahun 2006 dan tahun 2007. Kemerostan mereka pada tahun 2008 dan tahun 2009 menyebabkan malapetaka. Penarafan *security-security* gadaian sub prima sebagai 3A membawa bencana di mana 83% penarafan-penarafan pada tahun 2006 sahaja pada akhirnya diturunkan.

Selepas kucar-kacir sub prima tersebut, agensi-agensi penarafan sekarang inginkan tumpuan kepada hutang kerajaan. SMP menurunkan tahap penarafan kredit USA daripada 3A kepada 2A plus. Ini dan juga Fitch Rating menurunkan tahap penarafan kredit United Kingdom. Walau bagaimanapun menurunkan taraf ini tidak menjejaskan bon US dan UK. Ini menunjukkan pemegang-pemegang bon kini kurang memberikan perhatian kepada agensi-agensi penarafan dan memberi perhatian yang lebih kepada pertumbuhan. Saya meminta Perdana Menteri melakukan demikian, memberi tumpuan kepada pertumbuhan, bukan membebankan rakyat dengan menyingkirkan subsidi untuk menggembirakan agensi-agensi penarafan.

Saya juga meminta kerajaan jangan mengamalkan dasar-dasar *nor liberalism* yang telah gagal. Kerajaan telah melantik Bank Dunia untuk memberikan nasihat tentang dasar-dasar fiskal. Tidak menghairankan Bank Dunia menasihatkan supaya subsidi di singkirkan. Bank Dunia, IMF dan institusi Washington yang dikenali sebagai Washington Consensus percaya dengan dasar bahawa kuasa pasaran bebas akan membawa pertumbuhan dan kerajaan tidak harus mengganggu pasaran dengan memberikan subsidi. Dasar liberalisme ini telah memberikan penderitaan kepada negara-negara yang mengikut telunjuk IMF dan Bank Dunia.

■1910

Arab Spring yang disebabkan oleh bekas Presiden Mesir, Muhammad Hosni Mubarak dan bekas Presiden Tunisia, Zine El Abidine Ben Ali, memotong subsidi melaksanakan penswastaan selaras dengan Dasar Neoliberalisme. Potongan-potongan subsidi, kesihatan awam, pendidikan dan makanan yang dikenakan oleh IMF mencetuskan rusuhan di Mesir. Pencetus revolusi Tunisia adalah kematian Muhammad *Bouazizi*, seorang lelaki muda yang didorong untuk membunuh diri kerana kekecohan ekonomi dan gangguan negara kerana Ben Ali melaksanakan dasar-dasar IMF.

Sebab asas untuk rampasan kuasa dan penghapusan Muhammad Hosni Mubarak adalah bantahan yang meluas terhadap langkah-langkah penjimatan yang didesak oleh IMF. Jeffrey Disick, Pengarah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (Projek Matlamat Milenium) telah mengkritik dasar-dasar Neoliberalisme. Beliau berkata, "*Pertubuhan tidak hanya satu fenomena pasaran bebas, dengan izin, "the whole things was based on the idea than you take away the government for the poorest to the poor that some how this market was solves the problems but this markets come stamping and people have nothing. And if you think that we help, you leave them to die"*.

Dasar-dasar *Neoliberalism*, *Roma Region* dan *Mantachie* telah memberikan penderitaan kepada USA dan UK. *Occupied was read* telah berlaku atas bantahan terhadap ketidaksamaan, ketamakan dan rasuah yang dilahirkan oleh dasar-dasar negara tersebut. Hingga kerajaan kita mengamalkan dasar-dasar *Neoliberalisme* ini, kerajaan akan mendesak rakyat Malaysia akhiri untuk *occupied* dataran. Dasar penjimatan telah juga dibuktikan sebagai palsu. Idea supaya kerajaan hendak mengurangkan hutang berdasarkan daripada satu kertas bertajuk, '*Growth in a Time of Debt*' ditulis oleh dua orang profesor ekonomi *Harvard* yang pernah bekerja untuk IMF iaitu *Carmen Reinhart* dan *Reinhart-Rogoff*.

Ahli-ahli politik di Amerika Syarikat, UK dan Eropah menggunakan kertas untuk menghukum program-program potong belanjawan. Akan tetapi seseorang *graduate* pelajar bernama Thomas Harden telah menunjukkan bahawa dasar ini adalah palsu dan buktinya adalah bahawa kedua-dua orang profesor ini telah membuat kesilapan aritmetik dan meninggalkan data yang penting. Profesor Paul Krugman berkata, kesilapan dasar ini telah mengakibatkan rakyat mengalami penderitaan, dengan izin, *weakness illness suffering*. Saya juga menyeru kepada kerajaan jangan kita *weakness illness suffering* kepada rakyat kita.

IMF dalam satu kertas bertarikh 28 Januari 2013 bertajuk, '*Energy Subsidy Reform: Lessons and Implications*' mengakui bahawa penyingkiran subsidi akan menjejaskan golongan miskin dan mudah berkesan.

Berdasarkan daripada kajian 22 buah negara, IMF mendapati bahawa enam elemen utama diperlukan untuk reformasi subsidi berjaya:-

- (i) pelan reformasi yang komprehensif;
- (ii) *state on enterprise* mesti meningkatkan kecekapan;
- (iii) kerajaan mesti ada kredibiliti untuk mendapat sokongan rakyat menyingkirkan subsidi;
- (iv) kenaikan harga minyak hendaklah dilaksanakan mengikut jadual yang munasabah;
- (v) langkah-langkah cekap hendaklah diadakan untuk melindungi golongan miskin yang disasar; dan
- (vi) perubahan institusi harus diadakan supaya harga minyak tidak menjadi isu politik.

Kita melihat cadangan rasionalisasi subsidi kerajaan dalam bajet ini tidak memenuhi syarat-syarat utama IMF. Pertamanya, kita tidak ada rancangan perubahan subsidi yang

komprehensif kerana subsidi minyak dan gula bukan sebab kerajaan adakan defisit fiskal. Rancangan perubahan subsidi tidak akan menangani defisit fiskal kerana punca asal usul atau dengan izinnya, *roots cause* tidak ditangani. Defisit fiskal adalah disebabkan oleh perbelanjaan operasi yang semakin meningkat pada kadar 10% setahun.

Manakala pertumbuhan pendapatan hanyalah 8%. Lebih perbelanjaan operasi tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan pembangunan yang telah meningkat pada kira-kira RM36.2 bilion setahun daripada tahun 1998 hingga 2011. Ini menyebabkan defisit daripada 1.8% kepada 7%. Antara masalah besar ialah kita mengadakan perkhidmatan awam yang terlalu besar. Sebilangan pekerja memilih kerajaan sebagai majikan pilihan terakhir kerana gagal mendapatkan kerja di sektor swasta. Bukan tidak ada kerja kosong di sektor swasta tetapi syarikat-syarikat swasta ingin mengkaji graduan kita kerana ada kekurangan kemahiran.

Ini perlu dipupuk dan diperbaiki. Kerajaan pula perlu membuat sesuatu supaya kemahiran graduan kita meningkatkan dan boleh dikaji. Tugas kerajaan adalah untuk menjana ekonomi supaya sektor swasta boleh mencipta peluang pekerjaan. Bukan tugas kerajaan untuk mengkaji penganggur yang ditolak oleh sektor swasta. Perkara yang lain ialah pembaziran dan ketidakcekapan. Setiap tahun Ketua Audit Negara telah melaporkan tentang pembaziran, ketidakcekapan, bayaran yang tidak sepatutnya dan salah tadbir kerajaan dan agensi kerajaan.

Kerajaan telah menganggar kepincangan berdasar laporan tahun 2012 melebihi RM6.5 bilion setahun. Ini lebih daripada RM3.3 bilion yang akan dijimatkan selepas mengurangkan subsidi minyak. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan kerajaan akan menubuhkan satu jawatankuasa tetapi ini adalah satu alasan yang telah diberikan setiap tahun dan sampai hari ini kita tidak melihat apa keputusannya. Kita telah melihat di dalam perkara PKFZ, Dr. Ling Liong Sik tidak melakukan kesalahan yang dilepaskan. Soalannya ialah siapa yang bertanggungjawab kepada kerugian yang telah dialami?

Punca utama defisit adalah ketagihan kerajaan terhadap hutang. Dalam 56 tahun kita hanya mendapat enam tahun mempunyai lebih bajet atau dengan izin, *surplus budget*. Ini adalah ketika Yang Berhormat Permatang Pauh menjadi Menteri Kewangan. Mempunyai bajet defisit ketika kemerosotan ekonomi bukanlah sesuatu yang luar biasa. Kita bukan satu-satu negara yang mempunyai bajet defisit ketika krisis kewangan Asia. Bezanya ialah selepas krisis berakhir kita terus mempunyai bajet defisit sedangkan Korea Selatan dan Thailand kembali mempunyai *surplus budget*.

Defisit fiskal semakin meningkat apabila Yang Berhormat Pekan menjadi Menteri Kewangan. Kerugian adalah sebab tiga punca. Pertamanya ialah pada tahun 1971, apabila kerajaan melancarkan Dasar Ekonomi Baru, negara kita mengadakan RM1,158 *state on enterprise* untuk mencapai objektif DEB. Akan tetapi selain daripada Petronas, syarikat-syarikat yang lain tidak mengadakan keuntungan dan hanya menghabiskan sumber awam. Contohnya ialah Perwaja Holdings Berhad.

Walaupun Eric Chia telah dilepaskan dari pendakwaan jenayah, laporan audit mengesahkan penyalahgunaan wang dan terdapat asas untuk guaman difailkan untuk menuntut kerugian. Akan tetapi, sehingga hari ini kerajaan tidak buat demikian.

Kedua ialah tentang penswastaaan di bawah konsep payung tetapi individu-individu yang telah mendapat projek penswastaaan tidak memberikan manfaat kepada mereka yang di bawah. Akhirnya, kita melihat penswastaaan monopoli seperti yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat Johor Bahru dan Yang Berhormat Permatang Pauh dengan gula, BERNAS dengan beras, Proton dengan ada kereta yang mana kita mengadakan duti eksais yang tinggi. Hari ini telah diswastakan. Akan tetapi, cukai tidak diturunkan dan rakyat perlu membayar.

Bekas CEO TNB, Tan Sri Ani Arope menggambarkan kontrak-kontrak penswastaaan seperti diberikan kepada IPP sebagai tidak adil dan tidak munasabah terhadap TNB dan orang awam.

Fasa yang ketiga ialah bila kerajaan diminta untuk memberikan *bail-out* kepada syarikat-syarikat yang di swasta. Kita menyediakan satu senarai yang panjang tetapi saya hanya sentuh seperti Indah Water Consortium yang telah diberikan oleh Kementerian Kewangan daripada *plan utilities* untuk RM193 juta. Petronas memperoleh RM1 bilion aset daripada Konsortium Perkapalan Berhad, Khazanah memperoleh UEM dengan RM3.7 bilion, Petronas memperoleh DRB-HICOM dengan RM981 juta. Kementerian Kewangan membeli balik MAS daripada Tajudin Ramli dengan jumlah RM1.8 bilion dengan RM8 satu saham apabila harga pasaran hanya RM3.60.

Kerajaan menubuhkan Prasarana untuk mengambil alih sistem LRT daripada STAR, PUTRA serta KL Monorel dan Bas Intrakota. Prasarana tidak mampu membayar bon dan akhirnya kerajaan terpaksa menebus bon di antara 2006 dan 2008. Masih ada RM9.1 bilion bon yang hendak dibayar. Pada masa dahulu, ini dikatakan satu rahsia terbuka bahawa beberapa individu adalah proksi UMNO.

Akan tetapi, hari ini kita ada testimoni di mahkamah, keterangan, bukti dan juga saksi yang telah memberikan testimoni. Kita melihat bahawa Tajudin Ramli telah berkata bahawa beliau adalah proksi UMNO dan walaupun kerajaan telah mendapat penghakiman berjumlah RM589 juta tetapi mereka telah mengadakan satu *out of court settlement*. Halim Saad juga telah memfailkan satu tuntutan di mahkamah tentang perkara di UEM dahulu yang menunjukkan bahawa syarikat itu telah memberikan kontrak yang harga tinggi oleh kerajaan. Satu kes lagi ialah Khalid Ahmad bekas pengarah Realmild yang telah memperoleh penghakiman tentang penjualan saham Realmild sebanyak 5%. Bukti dan keterangan mahkamah menunjukkan bahawa 90% saham Realmild dimiliki oleh UMNO.

Kesemua syarikat ini mengadakan keuntungan yang besar daripada kontrak-kontrak kerajaan. Apabila mereka menyuarakan masalah kewangan, kerajaan telah menyelamatkan mereka dengan *bail-out*. Jika kerajaan tidak mengambil tindakan untuk menuntut kembali kerugian-kerugian, kerajaan tidak ada kredibiliti untuk melakukan reformasi subsidi ini. Orang awam akan melihat bahawa beban tentang kerugian ini dihantar dan dipinda kepada orang awam.

IMF juga telah menasihatkan supaya penghapusan subsidi dilakukan secara peringkat. Peringkat bukan bermakna peringkat masa, peringkat ialah mengadakan *safety net* dan juga pendapatan rakyat telah meningkat ke tahap yang mana kenaikan harga minyak dan gula tidak akan memberikan kesan buruk kepada mereka. Akan tetapi, sampai hari ini kita tidak melihat apa *safety net* yang ada. Jangan kita lupakan bahawa subsidi ini penting. Subsidi bukan satu perkara yang tidak baik.

Negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, China, Rusia, 44 negara yang maju memberikan subsidi kepada rakyat mereka. Mengapa kita juga tidak meneruskan subsidi kepada rakyat kita? Ini kerana kebaikan subsidi adalah untuk mengurangkan kos taraf hidup, menstabilkan harga barang dan perkhidmatan. Kos pengeluaran barang akan menjadi lebih rendah dan kita dapat bersaing dengan syarikat-syarikat antarabangsa. Rakyat tidak boleh menggunakan kelebihan gaji mereka kalau subsidi disingkirkan untuk keperluan penting seperti kesihatan, pendidikan, pengangkutan dan sebagainya.

Kita juga ada *structural defect* terutamanya ialah dasar-dasar yang kita ada, yang mana kita memberikan galakan kepada industri automobil dan tidak memberikan tumpuan kepada infrastruktur pengangkutan awam. Sistem pengangkutan awam harus disempurnakan sebelum subsidi minyak disingkirkan. Satu faktor lagi ialah seperti yang dikatakan oleh Perdana Menteri, kita diperangkap pendapatan pertengahan dengan izin "*we are caught in the middle income trap*". Menurut statistik Laporan Kaji Selidik Pendapatan dan Kemudahan Isi Rumah 2012, purata perbelanjaan isi rumah meningkat sebanyak 12.1% kepada RM2,160 pada tahun 2010 berbanding dengan RM1,953 pada tahun 2004 dan 2005.

Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api merupakan penyumbang terbesar dalam perbelanjaan isi rumah meningkat 15.1% kepada RM495 pada tahun 2009, dari RM430 pada tahun 2004. Penderitaan rakyat berpendapatan rendah lebih kelihatan jelas bila kita banding dengan pendapatan bulanan 40% rakyat termiskin adalah RM1,847 seperti yang dilaporkan dalam Laporan Kaji Selidik Pendapatan dan Kemudahan Isi Rumah Tahun 2012.

Kita tidak harus melihat kepada min atau purata pendapatan tetapi kita hendak melihat kepada median pendapatan. Kalau kita melihat, kita mendapati bahawa pendapatan median adalah hanya RM3,626. Terdapat lima negeri mempunyai pendapatan median kurang daripada RM3,000 iaitu Kedah sebanyak RM2,633, Kelantan sebanyak RM2,276, Perak sebanyak RM2,665, Perlis sebanyak RM2,387 dan Sabah sebanyak RM2,860.

■1930

Ini bermakna penghapusan subsidi akan memberikan kesan buruk kepada mereka. Kerajaan telah mencadangkan bahawa subsidi digantikan dengan BR1M, dengan bayaran tunai kepada pendapatan yang kurang RM3,000 sampai RM4,000. Akan tetapi cara memberikan subsidi ini ada juga masalah terutamanya masalah pentadbiran iaitu *administrative cost* adalah tinggi. Juga kos peribadi kerana mereka yang layak hendak berbaris menunggu menyempurnakan borang untuk mendapatkan sijil dan balik juga tunggu untuk dengar hujah-hujah sebelum mereka diberikan baucar dan balik berbaris lagi di dalam bank. Ini mengambil masa, *lost an hours*. Kita

juga ada masalah tentang kelayakan kerana golongan yang rendah di Malaysia tidak ada *pay slip*. Kebanyakan mereka adalah buruh, penjaja, peniaga kecil dan mereka tidak ada dokumen yang dikehendaki. Mereka telah dicirikan di dalam BR1M 1.0 dan BR1M 2.0 dan mereka akan dicirikan lagi kalau kita mengadakan bayaran BR1M 3.0 untuk menggantikan subsidi.

Pakar ekonomi telah berkata bahawa cara mengadakan subsidi tersasar ada beberapa masalah. Pertamanya, penyelewengan maklumat. Mereka yang tidak layak akan berpura-pura dengan memberikan informasi yang salah. Kedua, penyelewengan insentif. Mereka yang mendapat tidak mahu menghilangkan subsidi dan akhirnya tidak mahu bekerja lebih keras dan tidak mahu menerima pendapatan yang lebih tinggi. Kita juga mengadakan masalah tentang stigma kerana mereka dianggap sebagai miskin. John Rost berkata bahawa kehormatan diri atau *self-respectability* adalah barang paling berharga. Akhirnya kita mengadakan dua kesilapan. Pertamanya ialah kesilapan *type 1* iaitu mereka yang layak tidak mendapat bayaran. Kesilapan yang kedua, *type 2* ialah mereka yang tidak layak mendapatnya. Ini menunjukkan bahawa cara untuk memberikan subsidi dengan bayaran wang tunai akhirnya tidak akan mencapai matlamatnya. Hujah yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, lagi dua minit. Ada masa lagi.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Hujah yang terbesar ialah bahawa orang kaya akan mendapat, tetapi pada saya ini tidak ada masalah kerana orang yang kaya dan orang yang kena mendengar juga telah membayar cukai mengikut progresif *taxation* yang ada. Mereka adalah di antara 1.7 juta yang membayar cukai. Apa salahnya mereka mendapat menikmati subsidi. Kalau ini menjadi satu masalah, pada saya kita boleh menaikkan kadar cukai 1% ini lebih cukup kepada minyak yang mereka akan gunakan. Akan tetapi apa yang lebih penting ialah bila kita memisahkan rakyat kepada mereka yang akan mendapat subsidi dan mereka yang tidak, kita memisahkan negara kita. Kita sudah mengadakan bumiputera dengan non bumiputera. Kita sudah ada Islam dan non Islam dan hari ini kita akan mengadakan BR1M dan non BR1M.

Kalau kita mengadakan dasar bahawa mereka yang kaya cukup wang dan perkhidmatan kerajaan ditarik balik. Ini akan menggunakan hujah ini untuk menarik yuran kepada sekolah, kepada hospital dan perkhidmatan yang lain. Sampai akhirnya mereka yang kaya dan menengah hendak membayar *security guard* untuk menjaga keselamatan mereka, mengadakan lampu jalan sendiri kerana mereka adalah kaya. Ini bukan tujuan satu kerajaan kerana pada akhirnya kerajaan hendak memberikan perkhidmatan kepada semua tanpa kira kelas, agama atau bangsa. Tentang GST yang penting ialah akhirnya pihak miskin ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, masa saya yang jaga. Ada tugas Speaker.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Yang di-Pertua, sebenar masa 20 minitkah, 30 minitkah atau sejam?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Selama 30 minit, 30 minit.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Selama 30 minit, akan saya habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sekarang perlu habis.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: GST akhirnya akan membebaskan mereka yang miskin kerana mereka bukan sahaja akan makan cencaluk dan budu dan sebagainya tetapi mereka juga makan makanan yang lain dan hendak membeli perkara baju dan barang yang lain dan mereka akan membayar. Kita melihat di Britain di mana mereka mengadakan VAT, golongan yang termiskin membayar 37% pendapatan mereka untuk VAT, ini menunjukkan beban. Akhirnya saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri memberikan peruntukan kepada membina balai polis di Bandar Country Home. Mereka telah tunggu 15 tahun di mana dalam 15 tahun ini kita hanya mengadakan lapan anggota polis menjaga 60 penduduk. Ini sungguh melegakan.

Akan tetapi kita ada satu masalah yang akhirnya iaitu Unit Penyelarasan Pelaksanaan. Mereka telah menggunakan dana yang sepatutnya diberikan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sudah 15 minit lebih.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: 30 saat. Apa yang jadi ialah UPP sebelum pilihan raya, menurapkan jalan di Selayang. Ini bukan masalah tetapi mereka menurapkan juga. Pili bomba jumlahnya lebih daripada 120 dan bila kita mengadakan satu kebakaran, bomba mengadakan masalah kerana tidak dapat menggunakan pili yang ada kerana telah diturap. Ini sepatutnya tidak harus berlaku kerana Kerajaan Persekutuan hendak bekerjasama dengan kerajaan negeri dan juga kerajaan tempatan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Ahli-Ahli Yang Berhormat ya, saya faham Yang Berhormat semua tunggu daripada pagi untuk berucap. Saya ada dapat nota-nota daripada Yang Berhormat sekalian. Ada yang terpaksa pulang awal ada mesyuarat, ada bertugas di Sungai Limau dan sebagainya. Jadi itu pun saya mengambil kira di atas sebab-sebab tertentu, walaupun senarai ini telah diberikan kepada saya dan Speaker yang lain. Jadi saya harap yang berdiri ini semua akan dapat berucap pada malam ini. Sabar sedikit, mungkin satu jam kena sabar. Saya silakan Yang Berhormat Jasin, sepatutnya Yang Berhormat Labis. Faham ya, kawan-kawan jangan bising. Selepas Yang Berhormat Jasin nanti ada giliran Yang Berhormat Labis dan juga Yang Berhormat Parit Sulung.

7.38 mlm.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Jangan lama Yang Berhormat Jasin ya, setengah jam sahaja.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Saya cuba ringkas-ringkaskan.

Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]: Yang Berhormat Merbok balik kempen.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada, ada senarai.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih kerana beri saya peluang untuk turut berbahas dalam membicarakan tentang Bajet 2014 ini. Bajet 2014 ini adalah satu pelan kewangan yang lengkap dan juga proaktif bagi memastikan supaya ekonomi kita terus kukuh dan dapat mengurangkan defisit fiskal negara. Bajet kita memperuntukkan sebanyak RM261.2 bilion berbanding dengan RM259.67 bilion pada tahun lalu. Disasarkan lagi bagi melaksanakan langkah program dan juga Projek Kesejahteraan Rakyat dan juga untuk pembangunan negara. Ekonomi negara kita meningkat kepada 4.2% bagi separuh penggal pertama 2013 yang dipacu oleh permintaan domestik yang kukuh dan juga suasana ekonomi global yang lemah.

Unjuran kita untuk tahun 2013 lebih, pertumbuhan kita untuk mencapai sebanyak 4.5% ke 5% dan untuk tahun 2014, unjuran kita ialah kepada 5% hingga ke 5.55%.

■1940

Sasaran defisit fiskal Kerajaan Persekutuan sebanyak 4% pada KDNK pada tahun 2013 dan unjuran defisit kita kepada 3.5% bagi tahun 2014 dan 3% pada tahun 2015 menjurus kepada langkah untuk kita sama-sama merasionalisasikan subsidi dan juga pengurusan fiskal yang lebih baik bagi mencapai bajet seimbang menjelang tahun 2020.

Satu daripada langkahnya kita memperkenalkan sistem GST bagi memperluaskan lagi hasil cukai untuk kesejahteraan rakyat. Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, kita yakin *rating* Malaysia adalah terus berada pada tahap yang terbaik dan mendapat keyakinan di peringkat antarabangsa dan juga termasuk pelabur. Sebelum ini, kita dikejutkan oleh satu rating daripada *Fitch rating* yang telah sebenarnya menurunkan rating kita daripada stabil kepada negatif. Akan tetapi setelah kita mengambil langkah-langkah positif bagi mengurangkan bajet, mengurangkan subsidi kita, rating kita dikaji semula. Sebenarnya ini satu langkah yang terbaik untuk kita sama-sama pastikan supaya hasil negara kita terus meningkat.

Pada tahun 2012, hasil kita sebanyak RM207.9 bilion. Pertumbuhan sebanyak 12.1%. Pada tahun 2013, hasil kita terus meningkat sebanyak RM220.422 bilion, pertumbuhan sebanyak 6% dan pada tahun 2014, hasil kita sebanyak RM224 bilion dan pertumbuhan sebanyak 1.7%.

Saya sebenarnya sengaja untuk bentangkan data ini supaya janganlah ada persepsi-persepsi dan juga apa juga tuduhan-tuduhan daripada mereka yang tidak bertanggungjawab bahkan kita dibekalkan dengan buku, bukan sahaja buku bajet, buku ekonomi, buku hasil Persekutuan yang boleh kita lihat bersama dan ia menjadi *public document*. Janganlah kita hendak putar-belitkan perkara ini. Saya suka bangkitkan perkara ini kerana kita dapat lihat banyak tuduhan yang liar. Saya hendak baca sedikit Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Sebelum ini, ada..

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Maaf Yang Berhormat Putatan, tak cukup masa Yang Berhormat Putatan. Bagi? Ya, sila.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. dia memang sahabat yang baik, dia *boss* saya Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Jasin. Adakah Yang Berhormat Jasin bersetuju bahawa apa jua tindakan yang dilaksanakan oleh kerajaan memang tetap dikritik dan dibangkang sebangkang-bangkangnya oleh pihak pembangkang terutama sekali bila kita melihat satu jalan kita untuk meliberalisasikan *marketing* kita di peringkat antarabangsa termasuklah TPPA yang dibantah oleh pihak pembangkang. Ini semata-mata apa tindakan yang positif daripada kerajaan, belum disain pun, belum ditandatangani pun sudah dibantah. Belum lagi keputusan dibuat. Jadi ini adakah Yang Berhormat Jasin bersetuju bahawa pembangkang ini setakat membangkang sahaja. Apa sahaja tindakan yang dibuat oleh kerajaan, dibangkang. Minta penjelasan daripada Jasin.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih sahabat saya daripada Putatan. Memang cukup bertepatan sekali sahabat bahawa sebenarnya ia sudah semula jadi. Kita tidak boleh buat apa-apa lagi. Apa juga cadangan untuk kebaikan rakyat, untuk pertumbuhan ekonomi negara, semua dia tak setuju. Akan tetapi kita dapat lihat sama-sama, rang undang-undang yang baru kita bentangkan untuk kesejahteraan sejagat, tetapi juga tidak diterima.

Jadi kita dapat lihat sama-sama dalam negara kita, kerajaan telah buat macam-macam pembangunan. Kita dapat lihat pertamanya, macam kita tengok *Twin Tower*, tak setuju. Akan tetapi tengok satu kemegahan negara kita. Masa kita buat Putrajaya, pun dikata membazir. Kalau dia dapat kuasa, dia akan jualan Putrajaya. Akan tetapi tengok sekarang, dia menjadi pusat pentadbiran kita yang dikagumi di seluruh dunia dan juga kita buat satu ketika dahulu, lama-lama dahulu, kita buat Stadium Merdeka pun tak setuju. Akan tetapi kita dapat lihat, Stadium Merdeka tidak boleh menampung dan selepas itu kita buat PLUS, pun tak setuju.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak membangkitkan satu perkara, tentang ucapan daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang pada hari semalam. Beliau sebenarnya bukan sahaja tidak bersetuju tentang cadangan kita untuk menguatkuasakan GST tetapi beliau telah berjanji untuk menjelajah seluruh negara bagi menentukan supaya mereka mahu menentang dan mahu supaya semua rakyat bangun menentang. Saya hanya hendak sebut di sini Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, GST telah pun cuba diperkenalkan dalam negara kita oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa itu Tun Daim. Akan tetapi kita tidak dapat laksanakan.

Selepas itu semasa Yang Berhormat Permatang Pauh menjadi Menteri Kewangan, beliau juga sudah buat. Jadi janganlah ketika ini kata, benda ini satu benda yang karut. Saya boleh bacakan petikan daripada ucapan Yang Berhormat Permatang Pauh semasa menjadi Menteri Kewangan, semasa membentangkan Bajet tahun 1993. Dia ada sebut di sini, "Seperti mana yang diakui, struktur cukai penggunaan sekarang mempunyai beberapa kelemahan. Masih ada ruang untuk ditingkatkan kecekapan dan juga memastikan kutipan hasil yang setimpal dengan kemajuan ekonomi. Sudah sampai ketikanya kita memperkenalkan satu struktur cukai penggunaan yang lebih cekap, telus dan juga moden. Saya bercadang menggabungkan dan menyusun semula cukai-cukai jualan dan juga perkhidmatan yang sedia ada kepada suatu cukai penggunaan yang akan dinamakan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (CJP). Dengan penggabungan ini kita akan

dapat mengatasi beberapa masalah seperti kegiatan mencari keuntungan atas cukai, pindahan harga, kecenderungan memberi layanan istimewa kepada barangan import dan lain-lain penyelewengan. Oleh sebab cukai ini dikenakan ke atas penggunaan dan bukan ke atas pelaburan, ia akan membantu menggalakkan tabungan.”.

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini Yang Berhormat Permatang Pauh duduk sebelah sana. Akan tetapi semasa sebelah sini, mengapakah beliau bersetuju dan orang yang bertanggungjawab membentangkan cadangan untuk mewujudkan GST pada ketika tersebut. Jadi janganlah hendaknya apabila kita duduk di sebelah sana, kita tukar arah.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya memang menyambut baiklah kehebatan dan kebolehan banyak Ahli Yang Berhormat semasa menyampaikan ucapan dengan mengeluarkan keratan-keratan ayat-ayat al-Quran. Memang seharusnya kita memberikan penghormatan kepada mereka dan memberikan peringatan supaya jangan kita berlaku kejam. Akan tetapi hendaknya, dalam masa yang sama, saya menyeru, kita hendaklah berlaku adil. Janganlah hendaknya kita membuat tuduhan-tuduhan yang melulu dan sebenarnya tidak ada asas langsung tentang data-data yang disebutkan. Bahkan, setelah kita dibekalkan dengan dokumen ini, *public document* ini, yang boleh diperiksa oleh sesiapa sahaja. Kalau kita silap, Tuan Yang di-Pertua, ini *public document*. Tidak boleh buat silap.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bukit Katil. Dua yang bangun, Yang Berhormat Bukit Katil dengan Yang Berhormat Batu Gajah.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Bukit Katil .

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bukit Katil, sila.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Jasin berkaitan dengan dakwaan yang dibuat sebentar tadi iaitu pandangan Yang Berhormat Permatang Pauh ketika berada di dalam kerajaan khususnya berkaitan dengan GST ataupun tadi tidak berkaitan dengan GST. Dalam bahasa ataupun singkatan yang lain. Cuma saya ingin mengingatkan bahawa ucapan Yang Berhormat Ketua Pembangkang tempoh hari telah menyatakan pendirian yang cukup jelas dalam hal ini.

Saya hendak *quote* untuk kita jangan – saya fikir Yang Berhormat Jasin tidak mendengar dengan teliti. Kalau boleh saya kongsi di sini, di mana beliau menyatakan, “Kami berpendirian bahawa GST masih belum boleh dilaksanakan dan perlu terus dikaji sehingga pendapatan rakyat berada pada satu tahap yang memuaskan, kutipan cukai pendapatan diperbaiki seluruhnya dan sehingga kedudukan ekonomi negara berada pada tahap yang lebih memberangsangkan. Kerajaan BN tidak mempunyai *legitimacy* moral untuk mengenakan GST kepada kesemua rakyat

selagi *condition* mereka tidak memperbaiki perbelanjaan mereka dan mengurangkan kebocoran dan penyelewengan.". So saya ingat itu *very clear*. Terima kasih.

■1950

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih sahabat saya daripada Bukit Katil. Tidak apalah, apa pun beliau telah bertanggungjawab untuk membentangkan usul ini dan hendaknya janganlah apabila duduk di sebelah sana kita tukar haluan. Kita sebenarnya, kalau dia bentangkan pada tahun 1993, sekarang tahun 2013. Maknanya sudah 20 tahun yang lalu. Banyak negara yang telah pun melaksanakan. 160 buah negara. Kita adalah di antara negara yang ketinggalan. Jadi seharusnya kita bersaing di peringkat global. Untuk meyakinkan lagi pelabur-pelabur kita seharusnya dapat menerima dengan hati terbuka bahawa GST ini tidak membebankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya terus pergi kepada bajet saya. Kerajaan kita kini komited untuk memperbaiki keadaan fiskal awam. Selain daripada GST, kerajaan juga mengurangkan pertumbuhan subsidi kepada RM39.4 bilion bagi tahun 2014 berbanding dengan RM46.7 bilion pada tahun 2013. Jadi kalau ada tuduhan dan andaian mengatakan bahawa defisit kita terus melebar ini adalah tidak betul. Bahkan subsidi daripada RM46.7 bilion, kita turunkan kepada RM39.4 bilion bagi memastikan supaya kita dapat menurunkan lagi defisit kita.

Penghapusan subsidi adalah langkah ke arah memperkenalkan kuasa pasaran di dalam menilai sumber ekonomi kita yang terhad. Ini akan meningkatkan kecekapan dalam penggunaan dan mengubah keyakinan pelabur global dalam negara kita. Jadi berdasarkan daripada inisiatif dan juga insentif yang sudah kita hubungkan ini, kita percaya jangkaan pertumbuhan ekonomi kita sebanyak 5% ke 55% pada tahun 2014 akan dicapai tetapi dengan syarat bahawa sektor luaran tidak ada mengalami apa-apa juga kemelesetan.

Pertumbuhan eksport Malaysia kini amat memberangsangkan dan momentum ini kita jangka berterusan sehingga tahun 2014. Jadi untuk memastikan supaya ekonomi negara kita terus berkembang, kita juga mengiktiraf usaha kerajaan untuk mewujudkan persekitaran dan juga ekosistem yang kondusif bagi perhubungan keusahawanan di Malaysia. Seterusnya saya pergi kepada subsidi lagi. Sebanyak RM47 bilion akan kita belanjakan untuk pelbagai jenis subsidi termasuk petroleum, barang makanan, kesihatan, pertanian, perikanan, utiliti termasuk tol serta kebajikan dan juga pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, kita tengok beberapa negara dalam dunia termasuk Amerika yang juga memberikan subsidi kepada perkara-perkara yang tidak produktif dan hanya berbentuk pendidikan sahaja. Ini berlainan dengan negara kita di mana subsidi diberikan terhadap perkara-perkara yang produktif serta pendidikan dan juga bidang kemahiran bagi tujuan supaya kita dapat meningkatkan kualiti dan juga kita dapat terus bersaing tanpa mengira latar belakang, keturunan dan juga agama.

Walau bagaimanapun, dasar subsidi kita ini kalau kita tidak kawal boleh menyebabkan ekonomi negara kita tidak berdaya saing. Sepatutnya subsidi untuk pembangunan kepada golongan-golongan yang memerlukan sahaja diberikan. Jadi saya ingin mencadangkan kepada

pihak kerajaan supaya subsidi ini kita kaji dari masa ke semasa. Janganlah hendaknya subsidi ini dapat sama-sama dikongsi oleh berbagai-bagai pihak dalam masyarakat kita. Bukan sahaja dalam kalangan mereka yang memerlukan bahkan orang-orang kaya pun dapat menikmati subsidi.

Jadi saya hendak tanya pada pihak kerajaan apakah langkah-langkah seterusnya bagi memastikan rasionalisasi subsidi ini akan dapat kita teruskan supaya kita terus dapat mengurangkan defisit dan seterusnya pada tahun 2020 nanti kita akan dapat bentangkan bajet berimbang. Dalam masa yang sama kita hendak melihat supaya tahap subsidi ini janganlah hendaknya boleh menjejaskan golongan-golongan yang saya sebutkan tadi.

Seterusnya saya pergi kepada pendapatan. Tadi kita pergi kepada perbelanjaan. Kita telah meningkatkan pendapatan kita pada tahun 2014 sebanyak RM261 bilion berbanding pada tahun 2013 sebanyak RM259.67 bilion dan pada 2012 sebanyak RM249.85 bilion. Maka adalah sangat perlu untuk kita bekerjasama, untuk kita bekerja, untuk kita berbelanja secara berhemah dengan langkah-langkah kerajaan bagi memperkenalkan OBB iaitu Sistem Bajet Berasaskan Kepada Hasil.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada agensi yang telah menyumbang kepada pendapatan negara adalah Lembaga Hasil Dalam Negeri. Agensi ini telah menyumbang sebanyak 47.9% daripada pendapatan negara pada tahun lepas. Pada tahun ini kita menasihatkan mereka dapat mengutip sebanyak RM130 bilion. Kita telah menukar unjuran ini sebanyak RM135 bilion supaya kita dapat terus mengurangkan lagi defisit kita.

Jadi kerana kita dapat lihat trend awalan kita adalah sangat positif sekali. Jadi LHDN sebagai satu agensi *revenue collection*. Jadi setiap pungutan daripada agensi ini setiap RM100 yang dipungut dia hanya berbelanja sebanyak RM1.08 sahaja. Jadi kita berharap semoga pihak kerajaan dapat memastikan agensi ini sentiasa kita pelihara dan kita lihat kalau apa juga kekurangan bajet mesti kita beri kerana kita hendak lihat agensi ini diperkukuhkan bukan sahaja daripada segi pegawai-pegawai dan juga kakitangan bahkan kita juga hendak melihat zaman yang penuh dengan berbagai-bagai cara orang menipu ini dan seharusnya lah jabatan ini diperlengkap dengan peralatan-peralatan yang canggih.

Sejak dua tahun lalu, LHDN telah dipertanggungjawabkan untuk menyelia pembayaran BR1M 1 dan BR1M 2. *Insya-Allah* BR1M 3 yang sangat-sangat ditunggu oleh rakyat pada ketika ini. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua sebenarnya BR1M ini telah juga diperkenalkan di Korea sejak tahun 2009. Janganlah hendaknya mana-mana pihak kononnya hendak mendakwa bahawa ini umpan kerajaan. Bahkan di Korea sebenarnya yang dipanggil *Earn Income Tax Credit* yang dimulakan pada tahun 2009 tidaklah menyeluruh seperti BR1M yang kita buat pada ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua. Setiap kali bajet, LHDN sentiasa diberikan saranan untuk terus meningkatkan pendapatan mereka supaya dapat bersama-sama membantu pendapatan negara. Akan tetapi dalam bajet ini kita dapat melihat macam-macam kerajaan bentangkan supaya kadar cukai dikurangkan. Jadi pelepasan cukai dinaikkan dan dengan *constraint* ini saya bimbang LHDN nanti tidak dapat mengutip seperti yang disasarkan. Ini kerana kita mahu melihat agensi ini terus meningkat maju dan terus dapat memberikan pulangan yang terbaik kepada negara kita.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: [*Bangun*].

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Seterusnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sungai Petani bangun.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tadi Yang Berhormat Jasin sebut tentang kerajaan harus memberi bantuan sepenuhnya kepada Lembaga Hasil. Bersetuju kah Yang Berhormat Jasin dengan saya bahawa kerajaan juga harus melihat bagaimana peruntukan yang lebih diberikan kepada Lembaga Hasil supaya pegawai-pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri mendapat latihan secukupnya bukan sahaja dalam negeri tetapi juga di luar negara. Kerana sekarang ini akhir-akhir ini dilihat bajet untuk latihan Lembaga Hasil Dalam Negeri telah pun dikurangkan. Tetapi kita perlukan mereka menjadi kompeten untuk tujuan tersebut. Bersetuju kah Yang Berhormat Jasin dengan saya?

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih sahabat saya daripada Sungai Petani. Saya sangat bersetuju dengan cadangan tersebut. Bahkan dalam pembentangan bajet tambahan yang lalu sebenarnya jabatan ini telah pun diberikan kelulusan untuk mendapatkan bajet tambahan dan saya mengambil bahagian memang menyokong sangat bahkan kalau boleh kita mempertingkatkan sahaja bukan sahaja latihan, bahkan kita hendak lihat kalau boleh ia diperlengkap dengan peralatan-peralatan yang canggih kerana dalam masa yang cukup mencabar pada ketika ini.

■ 2000

Saya juga ingin mencadangkan, kalau boleh pihak kerajaan mempertimbangkan tentang bentuk-bentuk *reward* kepada pegawai-pegawai mereka yang sebenarnya telah menunjukkan satu prestasi kerja yang cukup memberangsangkan sekali.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan kepada Kerajaan Barisan Nasional yang ditunjangi oleh UMNO kerana merupakan satu-satunya negara di dalam dunia yang sebagaimana telah diakui oleh Bank Dunia yang telah berjaya untuk memerangi empat musuh utama rakyat dan juga sosioekonomi iaitu pertamanya, ia telah dapat membasmi kemiskinan. Keduanya, ia telah berjaya merapatkan jurang kemiskinan. Ketiganya, membasmi pengangguran dan keempatnya, kita dapat menurunkan inflasi di antara negara yang paling terbaik sekali.

Seterusnya, pendapatan bulanan isi rumah kita pada ketika ini telah meningkat. Kalau pada tahun 1970 dahulu, hanya RM300 sahaja tetapi pada tahun 2012, ia telah melonjak kepada angka RM5,000 sebanyak 17 kali ganda dan kemiskinan kita hampir terhapus. Pada tahun 1970, kemiskinan kita yang dicatatkan adalah sebanyak 49.2% dan pada tahun 2012, sebanyak 1.7% dan juga jumlah pendapatan mengecil. Contohnya pada tahun 1999, RM1 pendapatan isi rumah orang luar bandar bersamaan dengan RM1.95 pendapatan isi rumah di bandar tetapi pada tahun 2012, RM1 pendapatan isi rumah di luar bandar bersamaan dengan pendapatan isi rumah bandar sebanyak RM1.75. Itu kita dapat merapatkan kembali jurang tersebut. Kadar pengangguran - pada tahun 1969, pengangguran kita sebanyak 7% ke 8%. Pada tahun 2012, kita mencatatkan hanya 3.1% yang dianggap sebagai *full employment*.

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang apa yang telah dibangkitkan oleh ramai daripada kawan-kawan di sebelah sana terutamanya tentang Laporan Ketua Audit. Kita ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang telah mengumumkan pembentukan satu jawatankuasa khas bagi menyiasat dan juga mengambil tindakan kepada sesiapa juga termasuk pegawai kita tentang apa juga salah laku mereka yang boleh menjejaskan imej dan juga integriti kerajaan. Kerajaan juga turut menubuhkan Unit Pengurusan Integriti yang dianggotai oleh pegawai daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia di setiap kementerian.

Akan tetapi apa yang ingin saya sebutkan di sini, ketirisan yang telah didedahkan oleh Laporan Ketua Audit bukan sahaja sepatutnya kita ambil tindakan bahkan kita dapat lihat apa yang telah direkodkan ketirisannya sebanyak RM407 juta dari sejak tahun 2009 sehingga tahun 2012. Satu jumlah yang besar tetapi dalam masa yang sama, kita kaji semula. Dalam tempoh empat tahun, kalau ketirisan berlaku sebanyak RM407 juta, maknanya, kalau satu tahun, ia hanya berlaku sebanyak RM101 juta sahaja. Kalau kita lihat daripada bajet kita tahun 2012, perbelanjaan kita sebanyak RM240 bilion. Maknanya ketirisan berlaku hanya 0.4% sahaja. Dari situ kita dapat lihat bahawa kebaikan yang berlaku adalah sebanyak 99.6%.

Jadi seharusnya, memang kita tidak suka apa juga ketirisan berlaku tetapi dalam masa yang sama, kita mestilah ucapkan penghargaan dari tahun ke tahun, nampaknya Laporan Audit semakin baik. Saya tidak mahu sebut apa-apa juga tetapi dia boleh sebut juga mana-mana negeri, apa yang berlaku di setiap negeri termasuklah negeri-negeri yang dikuasai oleh pembangkang. Akan tetapi bukan masanya kita sebut di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Boleh gulung.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Satu minit lagi.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Jadi pada ketika ini seharusnya kita melakukan apa juga cara bagi meningkatkan pendapatan kita. Saya ingin melaporkan bahawa pada ketika ini, permintaan luar dan juga harga komoditi kita telah menyebabkan eksport kasar kita merosot kepada 0.8% kepada 461.4 bilion dalam tempoh lapan bulan yang pertama dalam tahun 2013. Kejatuhan eksport kita terutamanya daripada *electrical* dan juga elektronik dan juga harga-harga komoditi yang rendah. Jadi bagi keseluruhan tahun 2013, eksport kasar kita dijangka merosot secara marginal sebanyak 0.4%. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, apakah langkah-langkah perlu supaya kita dapat terus meningkatkan eksport yang boleh terus menyumbang kepada pendapatan negara?

Saya ingin hendak sebut di sini Tuan Yang di-Pertua, tentang Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Sektor pembuatan sebenarnya penyumbang yang terbesar kepada eksport negara. Jadi kita seharusnya tidak boleh lagi menjadi sebagai pusat *assembly* lagi. Dalam sektor pembuatan, kita mahu melihat bahawa kita mesti mempunyai keupayaan bagi menghasilkan barangan-barangan yang *end product*. Seterusnya kita mahu kalau boleh, kita dapat melibatkan diri kita dalam R&D dan juga kakitangan-kakitangan yang terlatih.

Ketiganya, kita hendak kalau boleh, kita dapat melatih dan juga menghasilkan pekerja-pekerja yang mahir dan juga pakar. Ramai daripada pelabur-pelabur asing yang *high technology* terpaksa beralih ke tempat lain kerana kita tidak mempunyai keupayaan untuk menyediakan tenaga-tenaga pakar dan juga tenaga-tenaga mahir. Jadi seharusnya daripada sekarang, kita membuat persediaan kerana kalau mahu menjadi sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi, kita mestilah menyediakan apa juga infrastruktur yang sepatutnya.

Saya hendak cadangkan satu lagi Tuan Yang di-Pertua. Kita sekarang sebenarnya kekurangan jurutera-jurutera terutamanya yang ada hubung kait dengan pakar-pakar dalam *oil and gas*. Saya ingin mencadangkan supaya kita ada lebih ramai *civil engineer* atau jurutera awam ini. Kalau boleh kita berikan pendekatan kepada mereka dengan melatih mereka untuk menjadi jurutera-jurutera yang ada kepakaran dalam *oil and gas* supaya negara kita boleh menyediakan apa juga tenaga pakar.

Terakhirnya Tuan Yang di-Pertua - saya tengok Tuan Yang di-Pertua pun sudah ketawa-ketawa, saya pun faham Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya hendak mencadangkan pihak kerajaan ini kalau boleh, kawasan-kawasan perindustrian yang terbiar, yang dalam keadaan yang cukup daif, yang boleh menjejaskan kedatangan-kedatangan pelabur baru sehinggakan pelabur sedia ada pun tidak sanggup lagi, banyak daripada kawasan perindustrian ini yang patut kita *upgrade* semula.

Seterusnya, produk halal. Kita sebenarnya adalah negara Islam. Seharusnya kita menjadi negara pengeluar produk halal yang paling utama sekali. Akan tetapi kalau kita lihat, sebenarnya, keluaran produk halal dari Malaysia hanyalah produk yang diusahakan oleh orang Islam sebanyak 13% sahaja. Mengapakah perkara ini boleh berlaku? Seharusnya tindakan-tindakan perlu dibuat oleh pihak kerajaan supaya dapat meningkatkan penglibatan-penglibatan orang Islam supaya kita dapat meyakinkan mana-mana pembeli kita terutamanya dari negara Timur Tengah. Saya ada satu halal hab di Serkam dalam kawasan Jasin. Jadi kita minta kalau boleh, kerajaan sentiasa memberikan perhatian.

Saya menghormati masa Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, tepat-tepat 30 minit. Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Yang Berhormat Taiping. Kalau boleh, 20 minit lagi bagus.

8.09 mlm.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera kepada semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini. Demi rakyat, Yang Berhormat Taiping bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Belanjawan 2014 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, bajet kali ini mencatatkan satu lagi rekod baru dengan jumlah perbelanjaan yang terbesar berjumlah RM264.2 bilion. Walaupun ia mencatatkan rekod perbelanjaan yang tertinggi, walau bagaimanapun, jika dikupas isi kandungan dan inti patinya,

keadaan sebenar yang tersurat mahu pun tersirat dalam bajet ini, semakin hari semakin merisaukan rakyat dan anak Malaysia di bumi yang bertuah ini.

■2010

Pertama, bajet ini merupakan bajet defisit 17 tahun berturut-turut sejak tahun 1998. Dibandingkan dengan jangkaan hasil kerajaan, jumlah defisit tahun depan berjumlah RM40.1 bilion. Satu jumlah defisit yang besar dan jika penghitungan kita termasuk *bill* bekalan tambahan yang barangkali akan dikemukakan di Dewan yang mulia ini dan merupakan trend terkini. Jumlah defisit negara sebenar adalah berjumlah lebih RM60 bilion. Tuan Yang di-Pertua, sejak Yang Berhormat Permatang Pauh direhatkan di Sungai Buloh dari zaman Tun Dr. Mahathir, beralih ke zaman Tun Abdullah dan kini Yang Amat Berhormat Pekan, Malaysia tidak pernah menikmati belanjawan lebih sebaliknya sentiasa terbelenggu dalam keadaan defisit.

Kedua, bajet ini menonjolkan betapa seriusnya hutang negara yang semakin hari semakin menggunung. Ketika Yang Berhormat Permatang Pauh menjadi Menteri Kewangan, hutang negara kita berada di paras sekitar RM90 bilion. Dalam tempoh lapan tahun Yang Berhormat Permatang Pauh menjadi Menteri Kewangan, hutang negara bukan sahaja tidak meningkat, sebaliknya beliau berjaya mengurangkan hutang negara ke paras RM80 bilion.

Malangnya sejak Kementerian Kewangan diambil alih oleh Tun Mahathir, hutang negara terus berkembang daripada RM80 bilion ke paras melebihi RM200 bilion. Kemudian merosot ke paras RM300 bilion pada zaman Tun Abdullah dan kini di bawah Yang Berhormat Pekan, hutang negara terus melonjak berjumlah sebanyak RM531.6 bilion iaitu 54.8% menghampiri tahap maksimum atau *statutory ceiling* dengan izin, 55% daripada KDNK.

Ketiga, kos membayar hutang negara kini juga sudah mencapai satu tahap yang membimbangkan. Kita terpaksa menanggung RM23.1 bilion pada tahun depan untuk mematuhi jadual membayar hutang. Model yang diamalkan oleh kerajaan kini adalah meminjam untuk membayar. Kerajaan menerbit bon baru untuk membayar bon lama. Model ini sudah terbukti akan membuat parah pada satu hari nanti. Terbitan bon oleh kerajaan dengan *sovereign guarantee* semakin rancak kebelakangan ini khususnya 1MDB, 1Malaysia Development Berhad yang kini berhutang sekeliling pinggang berjumlah RM38.4 bilion.

Akan tetapi tujuan terbitan bon banyak di antaranya adalah untuk membayar hutang dan bukan untuk membangunkan negara. Mengikut bajet kali ini, selain dari jumlah hutang yang melebihi RM530 bilion, tanggungan kerajaan untuk *contingent liability* juga mencapai paras rekod terbaru dengan jumlah RM143.1 bilion atau 15% dari KDNK kita. Sekiranya kedua-dua ini dicantumkan, hutang negara yang sebenar adalah berjumlah sekitar 70% daripada KDNK. Ini adalah satu angka dan satu gejala yang akan membawa padah jika kita tidak tangani dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, alangkah baiknya jika kerajaan menguruskan kewangan awam dengan penuh hemah. Jumlah dana yang begitu besar ini boleh disuntikkan ke dalam sektor pendidikan. Nescaya ia akan mampu mendirikan 23 buah universiti baru untuk mendidik dan mencungkil bakat modal insan untuk pembangunan negara. Tuan Yang di-Pertua, keempat, bajet

ini juga menunjukkan satu fenomena perkembangan yang negatif di mana jumlah perbelanjaan mengurus sebanyak RM217.7 bilion adalah satu lagi rekod baru. Jumlah ini merupakan 82.4% dari jumlah bajet. Jumlah ini yang semakin meningkat mencerminkan tanggungan kerajaan yang semakin berat. Manakala jika dibandingkan dengan jumlah perbelanjaan pembangunan, jumlahnya jatuh ke bawah paras 20%.

Hanya RM46.5 bilion yang diperuntukkan untuk tujuan pembangunan negara sebenarnya hanya 17.6% dari jumlah bajet yang disediakan untuk kali. Saya rasa terpanggil untuk membawa perhatian Dewan yang mulia ini bagaimana belanjawan diagihkan pada tahun-tahun lepas seperti berikut. Tahun 2003 belanjawan mengurus adalah 68%. Belanjawan membangun 31%. Kemudian trend ini semakin hari semakin berkurang. Semakin hari semakin merosot sehingga pada tahun 2013, tahun ini, jumlah belanjawan mengurus meningkat lebih 80% dan buat pertama kali dalam tempoh sejak kemerdekaan hanya 19.75% disediakan untuk tujuan membangunkan negara dan tahun ini adalah paling teruk sekali, 2014. Jumlah yang ada hanya 17.60% sebagai belanjawan untuk membangun. Sebaliknya belanjawan mengurus meningkat begitu mendadak sekali.

Sekiranya kita perhatikan, statistik dari jadual di atas, untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat ini, adalah kita Pakatan Rakyat bertapak di bumi yang nyata. Perangkaan yang kita perolehi daripada kementerian sendiri dan bukannya dari langit ataupun dari mana. Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita perhatikan statistik dari jadual di atas, perbelanjaan mengurus Kerajaan Malaysia meningkat lebih kurang 300% dalam tempoh 10 setahun. Pertambahan perbelanjaan mengurus sebanyak RM137.7 bilion adalah satu angka yang cukup membimbangkan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah negara yang sedang membangun tetapi bajet yang disediakan oleh Kerajaan Barisan Nasional dalam tempoh 10 tahun ini menjurus kepada pengurusan dan bukannya pembangunan. Nisbah yang begitu rendah disediakan untuk tujuan pembangunan mencerminkan kelemahan pengurusan kewangan dan disiplin kewangan sektor awam yang perlu dipertingkatkan dengan segera. Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita memetik kandungan bajet kali ini, jelas kita dapat melihat kos tanggungan sektor perkhidmatan awam kerajaan kini sudah menjadi beban kewangan utama kerajaan.

Pada tahun 2014, emolumen kakitangan kerajaan dijangka akan berkembang menjadi RM63.6 bilion. Jumlah ini merupakan 1/3 daripada jumlah perbelanjaan mengurus. Ia adalah jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan bajet pembangunan negara hanya berjumlah RM46.5 bilion. Tuan Yang di-Pertua, jika dibandingkan dengan pembelian aset kerajaan, hanya RM140 juta sahaja disediakan untuk tujuan tersebut dengan kata lain iaitu 0.7% sahaja dari perbelanjaan mengurus disediakan untuk pembelian aset.

Kerajaan perlu merangka *paradigm shift*, dengan izin dalam bidang perkhidmatan khususnya. Malaysia kini telah menjadi negara yang mempunyai nisbah bilangan kakitangan awam yang tertinggi di Benua Asia dengan jumlah sebanyak lebih kurang 1.4 juta orang walaupun projek e-Government telah menelan kos berbilion-bilion ringgit. Sekiranya kita meneliti dan menghalusi bajet ini, hutang negara naik, kos membayar hutang naik, belanjawan mengurus naik, subsidi potong, cukai naik, belanjawan membangun pula turun.

Tuan Yang di-Pertua, setelah dikupas sekiranya kerajaan bertekad untuk membawa ekonomi negara kembali ke landasan yang betul, kerajaan perlu mengatasi masalah 4P yang kian membawa padah kepada rakyat jelata. Apa itu masalah 4P? Masalah 4P tersebut saban tahun ditegur dan dibangkit oleh Laporan Ketua Audit Negara iaitu pembaziran, pemborosan, penyelewengan dan terbaru penyeludupan. Pembaziran. Pembaziran yang wujud dengan cara kerajaan mengurus wang rakyat telah menimbulkan perasaan marah dan syak wasangka di kalangan rakyat jelata.

Contoh terbaik adalah Kementerian Belia dan Sukan, belanja duit rakyat RM1.6 juta untuk mengupah penyanyi Korea, K-Pop untuk memberi persembahan di Festival Belia. Kita tidak membantah hiburan dan persembahan artis tetapi menggunakan duit rakyat untuk membiayai persembahan artis sedemikian bukan lain adalah satu bentuk pembaziran. Yang kedua pemborosan. Pemborosan yang wujud di sektor awam juga menimbulkan perasaan tidak senang hati kepada rakyat khususnya negara kita mengalami masalah fiskal defisit yang cukup serius. Apabila subsidi terpaksa dikurangkan, cukai baru GST diperkenalkan. Harga minyak naik, gula naik kian meningkat dan sekarang ada uar-uar pula bil elektrik akan naik tahun depan.

Kita dapati kerajaan tidak pernah mengambil iktibar dari kegawatan ekonomi dan kesusahan rakyat yang kian mencabar. Saya ingin memberi contoh bagaimana Jabatan Perdana Menteri. Kita katakan 'pimpinan melalui teladan'. 'Pimpinan melalui teladan', bagaimana kerajaan menggunakan duit rakyat. Pada bajet kali ini kos operasi dan mengurus Jabatan Perdana Menteri sahaja berjumlah RM989 juta. Malahan kita boleh menghalusi jumlah duit yang ditanggung oleh kerajaan untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dari Pekan.

Saya bagi beberapa contoh, bil elektrik Seri Perdana RM2.2 juta satu tahun. Bil air RM310,000 satu tahun. Sewa jet peribadi. Jet peribadi sewa, bukan milik kerajaan, sewa untuk Yang Amat Berhormat Pekan pergi sini pergi sana RM28.8 juta satu tahun. Yang keempat ubah suai jet, naik taraf, buat sofa yang lebih cantik, buat bilik air yang ada jakuzi RM3.3 juta.

■2020

Lawatan luar negara Perdana Menteri dalam lima tahun RM44.2 juta. Sewa Seri Perdana setahun RM6.6 juta. Dengan kata lain satu malam, sekarang Yang Amat Berhormat Pekan tidak ada di rumah, kita kena tanggung cukai sewa RM18,000 satu malam. Bil elektrik RM6,130 satu hari. Tanggungan kerajaan untuk perbelanjaan yang berkaitan dengan Perdana Menteri setahun, berjumlah lebih RM1 bilion. Bukankah ini satu pemborosan. Ahli-ahli Yang Berhormat, renung-renungkanlah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pembaziran dan pemborosan, penyelewengan jelas wujud di kalangan sektor awam. Tiap-tiap tahun Laporan Audit Negara jelas menyentuh perkara seperti beli barangan dengan harga tidak masuk akal, kos projek melambung, projek gajah putih, projek ekopemimpin, projek sakit, malahan projek runtuh dan lain-lain. Saya masih ingat lagi Menteri Besar Terengganu kata jangan panggil lagilah Negeri Terengganu Darul Iman. Panggillah dengan nama baru, 'negeri darul runtuh'. Saya rasa ini adalah satu ungkapan yang cukup tepat sekali.

Saya beri contoh tahun ini Laporan Ketua Audit Negara. Jam dinding RM100. RTM beli dengan harga RM3,810. Bukan satu, tetapi 20. Yang kedua, *scanner*. *Scanner* kita beli dekat pejabat, RM200. Kerajaan beli RM14,000. Teropong dahulu RM750, kerajaan beli RM53,000. Saya tahulah biasanya makcik-makcik pergi pasar beli sayur pun tahu tanya harga. Akan tetapi ini tidak tahu apa berlaku kepada ketirisan, kebocoran dalam sektor awam kita. Bak kata pepatah Melayu, "*kerana nila setitik, rosak susu sebelanga*". Angka segelintir kakitangan awam telah mencemarkan imej sektor perkhidmatan awam. Tindakan kerajaan untuk menubuhkan Jawatankuasa Kerja yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Negara untuk menyiasat Laporan Audit jelas sebenarnya sudah tidak memadai.

Kerajaan harus mengambil tindakan drastik menangkap ulat-ulat sebegitu seperti buang kerja, bayar pampasan, sita harta dan hukuman berat yang setimpal dan kesalahan supaya dapat menegakkan integriti di sektor perkhidmatan awam dan mengembalikan keyakinan rakyat terhadap integriti kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah '4P' yang terkini adalah penyeludupan. Dalam aspek ini mengikut penyelidikan *British American Tobacco Company (BAT)* syarikat rokok terbesar negara ini. Malaysia kehilangan hasil cukai RM2 bilion setahun akibat dari penyeludupan rokok ke dalam negara ini. Mengikut laporan media, Malaysia juga mempunyai kadar penyeludupan rokok yang tertinggi di dunia. Di mana 1/3 rokok yang ada di pasaran didapati merupakan hasil produk dari lambakan aktiviti penyeludupan secara haram. Akibat daripada kegiatan penyeludupan yang berleluasa dan sindiket berjaringan, kerajaan telah hilang hasil cukai duti yang besar, dianggarkan RM2 bilion satu tahun. Kehilangan hasil ini masih tidak termasuk kerugian cukai akibat penyeludupan minuman keras ke dalam negara ini yang dijangka lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kerajaan serius mendahulukan rakyat, kerajaan harus mengambil tindakan segera mengatasi masalah 4P ini yang saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini. Maka ia akan membantu kerajaan seperti yang diungkapkan oleh Yang Berhormat Tambun sendiri, menjimatkan RM28 bilion dari rasuah dan RM0.6 bilion dari pembaziran mengikut Laporan Ketua Audit Negara tahun lepas. Jumlah lebih RM34 bilion ini, sebenarnya sudah lebih dari memadai untuk merangkumi hasil yang bakal dikutip berikutan pelaksanaan GST yang akan bermula pada *April Fool* 2015.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang GST. Mengikut kenyataan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah, pada 2015 kerajaan akan memperoleh hasil RM23.1 bilion daripada pelaksanaan cukai baru GST. Tahun 2016, jumlah hasil cukai yang dikutip dari GST akan meningkat menjadi RM32 bilion. Dengan kata lain Tuan Yang di-Pertua, Malaysia hanya mempunyai 27 juta rakyat. Hasilnya RM32 bilion. Siapa hendak bayar? Ini akan dikutip daripada titik peluh perit payah oleh rakyat jelata. Secara purata setiap rakyat terpaksa menanggung lebih RM1,000. BR1M bagi RM500, GST ambil RM1,000. Barisan Nasional memang pandai mengira dan seisi keluarga berapa dapat? Sekurang-kurangnya RM5,000 kena menanggung GST apabila dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, *Goods and Services Act* bukannya cukai baru. Singapura dan negara maju telah pun melaksanakan, tetapi sukacita saya ingatkan di sini, Singapura walaupun mempunyai pendapatan per kapita yang paling tinggi di ASEAN, empat kali lebih tinggi dari Malaysia tetapi Singapura bermula dengan peratus 3%. New Zealand 4%, Jepun kita ada Dasar Pandang ke Timur. Jepun apabila mereka mula melaksanakan GTS pun hanya 3% sahaja. Sehingga kini pun jika kita bandingkan dengan negara lebih maju dari Malaysia. Korea pada tahap ini hanya 5%, Taiwan 5%, tetapi dengan pendapatan per kapita yang jauh lebih rendah, apa pula dayanya Malaysia melaksanakan GST dengan kadar permulaan 6% yang begitu tinggi. Satu kali ganda yang lebih tinggi daripada Singapura apabila Singapura mula melaksanakan cukai ini.

Tuan Yang di-Pertua, teras pertama bajet kali ini adalah merencanakan ekonomi. Bagaimana kerajaan mampu merencanakan ekonomi apabila pendapatan *disposable income* rakyat akan berkurangan apabila GST mula dilaksanakan. Apabila daya pembelian rakyat terjejas, pasaran domestik akan terus merasakan bahang dari pelaksanaan cukai baru ini. Pakatan Rakyat berasa GST bukan sahaja akan membebankan rakyat, meningkatkan inflasi, malahan akan menjejaskan pembangunan ekonomi negara. Kecuali apabila pendapatan per kapita rakyat Malaysia mencapai satu tahap yang memuaskan. Pendapatan per kapita yang sedia ada tidak menawarkan suasana yang kondusif untuk pelaksanaan cukai baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2014 ini dirangka bertemakan "Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasakan Transformasi dan Melaksanakan Janji. Saya ingin menyentuh aspek melaksanakan janji. Pada Februari 2012, Yang Amat Berhormat Pekan pernah berkata. Saya memetik kata-kata Perdana Menteri sendiri. Beliau berkata, "*harga minyak RON 95 tetap akan dikekalkan tidak kira perubahan pada harga minyak pasaran dunia, subsidi kerajaan akan diteruskan kerana kos hidup rakyat yang semakin tinggi*".

Ini adalah kata-kata yang diungkapkan oleh Perdana Menteri sendiri. Bak kata pepatah Melayu "Manusia pegang kepada kata, binatang pegang kepada tali". Saya lebih cenderung untuk mempercayai kata-kata Yang Berhormat Pekan kerana beliau seorang Perdana Menteri tetapi kini janji tidak di kota, janji tidak ditepati. Sebaliknya janji dimungkiri. Kenaikan harga petrol 20 sen selepas pilihan raya, jelas terbukti rakyat sudah tertipu oleh pemimpin mereka sendiri khususnya mereka yang mengundi Barisan Nasional.

Selain itu, dari cara Kerajaan Malaysia menyediakan bajet kali ini dan ucapan pembentangan Yang Berhormat Pekan, jelas Yang Berhormat Pekan cuba membalas dendam terhadap pengundi, masyarakat Tionghoa yang kononnya tidak lagi mempercayai Barisan Nasional di mana peruntukan SRJK dipotong 50%. Dari RM100 juta, kini jatuh menjadi RM50 juta. Yang kedua, pelajar cemerlang di sebuah sekolah *Independence High School* yang dahulunya diberikan biasiswa oleh 1MDB kini dibatalkan.

Yang ketiga, sekolah SMJK. Sebanyak 78 buah sekolah SMJK di seluruh Malaysia satu sen pun tidak diberikan. Tuan Yang di-Pertua, sikap yang betul adalah Kerajaan Barisan Nasional harus merenung mengapa masyarakat Tionghoa tidak lagi percaya dan sokong parti Barisan Nasional. Barisan Nasional patut mencari ikhtiar memenangi semula hati masyarakat Tionghoa

dan bukan mengamalkan diskriminasi kaum sebagai balas dendam yang akhirnya saya pasti akan makan diri.

Melayu, Cina, India dan kaum lain semuanya adalah anak Malaysia dan ini adalah slogan *Tourism Malaysia, Truly Asia*. Saya sukacita memperingatkan kepada rakan-rakan di sebelah sana. Pada tahun 1999, waktu zaman reformasi adalah pengundi Cina selamatkan Barisan Nasional, tetapi Barisan Nasional tidak pernah membalas budi. Malahan terus dengan rasuah, terus dengan dasar diskriminasi, terus dengan amalan talam dua muka. Inilah yang mengakibatkan masyarakat Tionghoa hilang keyakinan dan kepercayaan. Tuan Yang di-Pertua, semua rakyat harus diberi layanan yang adil dan saksama dan siapa yang mereka hendak undi adalah hak demokrasi masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, corak pengagihan duit cukai rakyat berdasarkan kepada sentimen perkauman yang diamalkan oleh Barisan Nasional bukan berdasarkan kepada kemampuan dan keupayaan adalah satu model yang gagal.

■2030

Daya pemikiran berdasarkan kepada warna kulit adalah satu perkara tragik kepada negara kita, khususnya Malaysia adalah perkara yang berbilang kaum. Jika Kerajaan Barisan Nasional bangga dengan amalan perkauman secara terbuka yang penuh dengan demokrasi, maka slogan 1Malaysia yang *'hangat-hangat tahi ayam'* ini, saya cadangkan boleh buang dalam tong sampah dan dijadikan bahan ketawa sebagai transformasi palsu yang memalukan.

Tuan Yang di-Pertua, negara Malaysia sudah mencapai kemerdekaan sejak 56 tahun tetapi adalah amat kesal corak pemikiran pimpinan negara masih lagi terbelenggu dalam politik perkauman yang sudah jauh ketinggalan zaman. Sebenarnya saya dapati pemimpin Barisan Nasional ini bijak dan cerdas. Dia tidak miskin harta tetapi kadang-kadang miskin minda. Akibat minda yang miskin ini, Malaysia kehilangan. Mengikut Laporan *World Bank*, lebih RM1 juta Modal Insan telah meninggalkan - *The brightest of all* telah meninggalkan kita yang mana mereka sebenarnya merupakan bakat yang amat diperlukan untuk agenda pembangunan negara supaya membantu misi negara mencapai wawasan negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keselamatan sosial yang semakin merosot sehingga isu keselamatan sosial kita menjadi isu paparan utama *International New York Times*. Bajet kali ini memperuntukkan RM8.8 juta bilion untuk pasukan polis. Jumlah bajet yang besar ini mencerminkan betapa seriusnya masalah keselamatan masyarakat yang kini kita tidak lagi berasa selamat. Polis Diraja Malaysia mempunyai sejarah 200 tahun, ia adalah pasukan disiplin. Pakatan Rakyat menghargai segala pengorbanan dan bakti yang dicurahkan oleh pasukan polis tetapi kejadian seperti 133 senjata hilang jatuh ke dalam laut dan ada pula pistol polis hilang di jamban atau di tandas. Ini adalah jawapan daripada Menteri sendiri. Malahan ada polis terlibat dalam kes rogol di Pulau Pinang.

Ini telah pun merosakkan imej polis dan petang semalam dua orang polis didapati dalam satu kes bersubahat dengan tiga orang luar. Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri ada di sini, harap dapat perhatian yang serius. Polis sendiri di Petaling Jaya dalam satu kononnya

operasi untuk menyerbu Pusat Refleksologi. Polis itu telah pun merogol *therapist* dalam refleksologi ini. Bukankah ini satu perkara yang cukup dahsyat dan memalukan? Tuan Yang di-Pertua, polis bersubahat dengan orang luar. Di Petaling Jaya, *headlines* semalam, *Sin Chew Daily*. Tuan Yang di-Pertua, kita pun pernah dengar kes di Pahang, Rompin. Kes dadah tiga kilogram, kemudian hantar ke mahkamah jadi bahan bukti tetapi dijadikan apa? Ia dijadikan tepung. Walaupun warna yang sama tetapi ia sudah ditukar. Kita ada juga kes duit, wang tunai RM300,000 polis Selangor hilang, apabila duit itu *is under the guardianship of the police*.

Tuan Yang di-Pertua, daripada ini saya rasakan Ketua Polis Negara patut mengambil tindakan segera. Mereka yang terlibat yang merosakkan imej polis ini perlu dirujuk ke muka pengadilan dan bukan lagi dikompromikan. Akan tetapi saya rasa daripada pengagihan kepada pihak polis, Unit Pencegahan Penyiasatan Jenayah hanya mendapat RM533 juta iaitu daripada jumlah RM8.8 bilion, hanya 7.3% dibekalkan untuk Unit Pencegahan Penyiasatan Jenayah. Saya rasa ini adalah peruntukan yang amat tidak memadai dan sebaliknya unit untuk memperbaiki imej indeks persepsi polis mendapat RM275 juta. *Cosmetic exercise is provided with RM275 million* tetapi betul-betul mereka yang melawan jenayah dan menyiasat jenayah, CID dapat RM533 juta sahaja. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, boleh gulung, Yang Berhormat.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Sedikit Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada itu, saya juga ingin menyentuh tentang perkembangan pendidikan tinggi di negara ini. Minggu lepas, Pendidikan Tinggi Negara Malaysia menjadi pula isu *international*. Bukannya menduduki tempat yang pertama di *ranking* dunia tetapi sebuah universiti swasta di Malaysia, HELP University telah pun memberikan Ijazah Kedoktoran Kehormat kepada Pemimpin Komunis Korea Utara, Kim Jong-Un. Doktor Kedoktoran Kehormat itu adalah Ijazah Doktor Kehormat bidang ekonomi Korea Utara, negara komunis, negara yang mengalami kebuluran secara besar-besaran tetapi dianugerahkan oleh Doktor Kehormat, universiti di Malaysia sehingga *Foreign Policies* di United States membawa cerita ini sebagai bahan ketawa. Sejak bila pula pemimpin komunis yang menjadikan negara itu rakyatnya mati, dilaporkan 500,000 orang rakyat Korea Utara mati kebuluran kerana tidak ada makanan tetapi universiti di Malaysia beri Ijazah Doktor Kehormat.

Saya rasa Menteri patut ambil perhatian apabila IPTS sedemikian telah pun menjejaskan imej negara. Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin hendak menyentuh sedikit sahaja tentang industri pelancongan di kawasan saya iaitu di kawasan Taiping. Banyak kali saya telah membangkitkan di Dewan yang mulia ini. Taiping mempunyai 32 perkara nombor satu di Malaysia. Mahkamah pertama, Pejabat Tanah pertama, jalan kereta api pertama, muzium pertama dan banyak lagi tetapi amat mendukacitakan. Kita tengok industri pelancongan di kawasan Taiping tidak diberikan perhatian yang sepatutnya dan khususnya. Saya beri contoh, kereta kabel di Bukit Larut yang dijanjikan bertahun-tahun sejak tahun 1996, dijanjikan oleh kerajaan negeri sehingga sekarang tahun 2014 sudah hendak datang tetapi awan ada, bukit ada tetapi kereta kabel tidak ada. Saya harap Menteri Pelancongan datang dari Perak ini, kali inilah, apabila menggulung. Ini

kalilah, jangan tunggu lain kalilah dapat merealisasikan projek. Berilah RM50 juta untuk sempurnakan projek sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Dewan yang mulia ini, kita mewakili suara rakyat dan suara rakyat adalah suara keramat. Segala teguran, cadangan dan kritikan membina dalam teks perbahasan saya ini adalah bertujuan untuk melayari bahtera negara ke mercu jaya dan kompetitif di persada antarabangsa. Semoga bajet ini dilimpahi barakah dan membawa kesejahteraan untuk rakyat sebagai kerajaan dari rakyat dan demi rakyat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Yang Berhormat Taiping lebih baik daripada Yang Berhormat Kuala Langat nampaknya. *[Ketawa]* Yang Berhormat Labis, sila.

8.37 mlm.

Datuk Chua Tee Yong [Labis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana turut memberi peluang untuk saya membahaskan dan menyokong Bajet 2014 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan kita. Sebenarnya dalam keadaan ekonomi yang mencabar untuk tahun 2013, negara kita diramalkan akan mempunyai kadar pertumbuhan di antara 4.5% sehingga 5% dan ini adalah lebih baik daripada purata pertumbuhan dunia sebanyak 2.9% dan sama untuk tahun 2014, pertumbuhan adalah dijangka di antara 5% hingga 5.5% dan lebih tinggi daripada purata pertumbuhan dunia sebanyak 3.6%. Akan tetapi walaupun kadar pertumbuhan adalah memuaskan tetapi yang penting adalah untuk memastikan kadar pengangguran di negara kita terus adalah rendah dan *per capita income* negara kita terus meningkat.

Dengan inilah kita melihat FDI di negara kita juga mendapat sambutan dan boleh dikatakan impak yang positif kerana pelabur asing terus yakin dengan negara kita dan di separuh tahun 2013, FDI negara kita adalah jauh lebih daripada tahun 2012 iaitu RM18.2 bilion berbanding dengan RM15.9 bilion pada tahun 2012. Bajet yang telah dibentangkan ini menunjukkan komitmen kerajaan untuk terus mengurangkan defisit negara kita yang dijangka akan turun 3.5%. Sebenarnya kebanyakan pakar ekonomi melihat bajet ini secara positif. Walaupun terdapat banyak kritikan yang telah dilemparkan tetapi saya ingin memetik sedikit sebanyak apa yang telah dikeluarkan di surat khabar-surat khabar dan juga oleh pakar-pakar ekonomi.

Sebagai contoh, *Wall Street Journal* mengeluarkan headline, "*Investors Welcome Malaysia Reform Budget*". *Managing Director of the Aged Group* mengatakan *this is a brave and balance budget.* *Earnest and Young* mengatakan, "*The Prime Minister should be loaded for making this difficult decision and it is a responsible thing to do.*" Mah Lah Hwang Investment Management mengatakan, "*From a market perspective, the budget is a step in the right direction while return of global growth and delay in quantitative easing preparing would provide investors to drive the market higher by the year end.*"

Sebenarnya rakan-rakan Yang Berhormat, walaupun bajet adalah dianggarkan defisitnya menurun tetapi usaha kerajaan untuk meneruskan subsidi kepada rakyat adalah penting untuk mengurangkan beban mereka. Sebenarnya dalam 13 tahun kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM250 bilion untuk subsidi dari tahun 2000 hingga 2013. Untuk tahun 2013 sahaja, dianggar RM42 bilion subsidi akan dibelanjakan dan kalau dibahagikan kepada setiap orang, ini bermakna dalam satu tahun setiap orang mendapat RM1,500, sebulan RM125 dan sehari RM4.10.

Sebenarnya subsidi ini adalah tidak sama kerana ia mempunyai banyak penyeludupan dan juga ketirisan dan sebagai contoh RON 95 jelas telah diulas oleh Kementerian Kewangan yang mengatakan hanya 30% daripada mereka yang mempunyai pendapatan sebulan RM3,000 ke bawah yang membeli RON 95. Malah *IMF worldwide* yang telah membuat kajian menunjukkan 80% daripada subsidi petrol hanya memberi kebaikan kepada 40% of the high income household.

Maka saya berharap kerajaan terus menstrukturkan subsidi untuk menjadikan subsidi ini sebagai subsidi terus kepada rakyat untuk mengurangkan ketirisan dan juga penyeludupan atau penyelewengan. Malah kerajaan dengan cara mengurangkan subsidi telah memperkenalkan sistem BR1M. Walaupun BR1M telah dilaksanakan untuk dua tahun tetapi haruslah diperketatkan lagi dari segi sistem penyampaian mereka. Sebagai contoh di kawasan Parlimen Labis masih terdapat 80 buah keluarga yang telah diluluskan tetapi sehingga sekarang belum menerima BR1M dan nama-nama itu saya akan kemukakan kepada Kementerian Kewangan.

Selain itu, saya juga ingin membawa perhatian terhadap amaun BR1M yang telah dinaikkan. Ini adalah sesuai dan ini adalah patut untuk meringankan beban keluarga memandangkan inflasi yang telah dihadapi. Amaun BR1M telah ditingkatkan untuk mereka yang berpendapatan RM3,000 dari RM500 ke RM650. Untuk orang muda berumur 21 tahun ke atas yang berpendapatan RM2,000 mereka telah diberi BR1M, meningkat sebanyak RM250 kepada RM300. Untuk kali pertama, kita melihat BR1M juga diperkenalkan untuk mereka yang mempunyai pendapatan sebanyak RM3,000 hingga RM4,000 sebuah keluarga.

Ini jelas menunjukkan kritikan bahawa BR1M adalah untuk pilihan raya adalah tiada asas kerana selepas pilihan raya program ini masih dijalankan malah jumlah BR1M telah ditingkatkan amaunnya. Di dalam bajet ini kerajaan juga mengumumkan mereka akan cuba menyelaraskan data BR1M, e-Kasih dan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mengurangkan pertindihan. Ini sudah sampai masanya kerana penerima BR1M adalah mencecah 7.9 juta penduduk dan adalah penting untuk memastikan bahawa tidak ada orang yang mendapat lebih daripada kelayakan.

Akan tetapi dari segi Jabatan Kebajikan Masyarakat, saya ingin membawa sedikit sebanyak isu di kawasan saya yang mengatakan bahawa banyak rungutan kerana orang yang menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat telah ditamatkan atas sebab mereka mempunyai anak yang bekerja. Sebenarnya di keadaan ekonomi sekarang, bukan bermakna anak bekerja makna mereka akan menampung ibu bapa mereka kerana mereka juga mempunyai perbelanjaan mereka sendiri. Maka saya haraplah kerajaan boleh mengkaji semula dasar ini dari segi Jabatan Kebajikan Masyarakat sama ada terdapat arahan yang mengatakan bahawa

penerima warga emas yang menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, hanya yang tiada anak baru dapat bantuan tersebut.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua saya berharap kerajaan juga terus memberi perhatian dan pertolongan kepada 7.9 juta penduduk ini yang menerima bantuan BR1M. Adalah penting bahawa bantuan BR1M ini adalah langkah yang boleh dikatakan jangka masa pendek. Untuk jangka masa panjang, kerajaan haruslah mempunyai rancangan untuk cuba meningkatkan pendapatan mereka sama ada mengadakan Skim Pembiayaan Usahawan atau pinjaman mudah yang khususnya untuk penerima-penerima BR1M dan kebajikan. Ini akan sedikit sebanyak menolong mereka meningkatkan pendapatan mereka dan akhirnya juga akan mengurangkan beban penerima-penerima dan juga kerajaan. Maka *it's like the saying, "You help me, I help you in the same way."* Selain itu...

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bukit Katil bangun.

Datuk Chua Tee Yong [Labis]: Tidak ada masa kawan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak cukup masa.

Datuk Chua Tee Yong [Labis]: Selain itu dari segi di kawasan saya terdapat enam buah kampung Orang Asli dan saya mendapat tahu bahawa di dalam bajet ini terdapat pembentangan mengenai pembangunan luar bandar iaitu sebanyak RM109 juta disediakan untuk program pembangunan ekonomi dan peningkatan taraf hidup atau kemudahan infrastruktur bagi masyarakat Orang Asli. Saya harap dan mencadangkan supaya bekalan air paip dapat disambungkan di kawasan-kawasan Parlimen Labis terutamanya di kampung Orang Asli kerana ini adalah permintaan mereka dan saya juga telah menyalurkan permintaan tersebut kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam bajet ini kerajaan juga memperkenalkan satu program atau boleh dikatakan indeks baru iaitu Indeks Kesejahteraan Rakyat. Ternyata kemakmuran negara tidak hanya bergantung kepada kemajuan ekonomi dan kadar pertumbuhan semata-mata. Maka saya melihat ini adalah langkah yang positif di mana kerajaan menubuhkan Indeks Kesejahteraan Rakyat untuk menilai tahap dan juga menilai sama ada dari segi penduduk di negara kita adalah sama ada pada tahap betul-betul sejahtera atau jangan mengatakan sejahtera tetapi akhirnya ada yang sengsara.

Oleh itu saya berharap dari segi indeks ini adalah penting kerana bukan semua yang memahami apa itu GNI, apa itu kadar pertumbuhan dan juga angka-angka yang telah dijanakan dari segi ekonomi. Oleh itu saya berharap dari segi indeks ini dapat merangkumi beberapa komponen. Komponen terutamanya yang dipentingkan oleh rakyat pada masa ini. Sebagai contoh, keselamatan rakyat, pengangkutan awam, tahap pendidikan negara, kesihatan rakyat dan juga kecekapan awam dan swasta dari segi sistem penyampaian. Ini adalah penting untuk memastikan

apabila negara kita mencapai Wawasan 2020, kita mempunyai rakyat yang betul-betul berasa gembira dengan pencapaian negara kita.

Menurut *World Happiness Reports, UN 2012*, negara kita adalah pada tahap ranking ke-51 daripada 156 negara yang telah dinilai. Salah satu sebab juga yang dipentingkan adalah *Work-life balance*. Maka saya berharap kerajaan dapat secepat mungkin menetapkan Indeks Kesejahteraan Malaysia ini dan diumumkan kriteria-kriteria supaya dapatlah orang ramai melihat tahap kesejahteraan rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bajet ini kerajaan juga telah mengumumkan beberapa langkah tambahan untuk mengurangkan aktiviti spekulasi dalam hartanah. Berdasarkan kepada kajian syarikat harta tanah dunia Knight Frank, CNBC telah meletakkan Malaysia di tangga ke-9 daripada 10 negara di dunia yang mempunyai pasaran harta tanah paling panas. Maka kita melihat kerajaan mengumumkan tiga langkah iaitu *Real Property Gains Tax* yang selaras dengan amaun yang sama sebelum dimansuhkan dan juga telah memansuhkan *Developers Interest Bearing Scheme* ini.

Developers Interest Bearing Scheme sebenarnya menarik minat pelabur-pelabur dan juga orang yang membeli rumah kerana mereka hanya perlu membayar deposit dan selepas itu tidak perlu membayar ansuran *interest* dalam tahap pembinaan. Selain itu, mereka juga mendapat kadar pinjaman yang rendah. Ini sedikit sebanyak telah mengakibatkan aktiviti spekulasi. Walau bagaimanapun saya ingin mencadangkan agar langkah menarik balik DIBS ini dikaji semula di mana orang yang membeli rumah pertama atau kondominium yang pertama haruslah mempunyai *facilities* tersebut.

■2050

Ini adalah untuk meringankan beban dan membolehkan orang yang membeli rumah pertama dengan mempunyai fasiliti yang lebih menyenangkan. Selain daripada itu, kerajaan juga telah mengumumkan bahawa untuk memastikan bahawa pelabur asing tidak melabur sehingga penduduk tempatan tidak mendapat kewangan yang mencukupi untuk membeli rumah di kawasan Malaysia, maka kerajaan telah meningkatkan dari segi had untuk orang asing membeli rumah di negara kita, dari RM500,000 ditingkatkan ke RM1 juta. Akan tetapi masalah ini, had ini bukanlah *one size fit all*. Kebanyakan harga hartanah yang paling panas adalah dirangkumi atau kebanyakan di kawasan-kawasan yang dikenali sebagai *hotspot* seperti di Klang Valley, di Selangor, di Pulau Pinang dan juga di Iskandar. Oleh itu dengan menghadkan amaun yang lebih tinggi ini, dia mungkin akan mengekang pelaburan asing untuk kawasan-kawasan luar bandar seperti kawasan di negeri-negeri yang tidak mendapat perhatian daripada pelabur-pelabur asing.

Maka, saya harap kerajaan menilai semula lagi dari segi langkah ini untuk melihat sama ada ia dapat dilaksanakan mengikut kawasan *hotspot*. Ada yang mengatakan bahawa langkah kerajaan amat menyusahkan sektor perumahan. Akan tetapi kalau dibandingkan dengan negara-negara lain, memang negara kita telah melihat untuk memastikan implementasi langkah-langkah ini tidak memberi impak yang terlalu negatif kepada sektor perumahan. Maka saya berharap

kerajaan terus melihat dan memantau untuk memastikan harga tidak terus melambung naik sehingga orang ramai tidak dapat membeli rumah di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, SME memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi negara kita dan mengupah kira-kira 50% dari jumlah tenaga kerja di Malaysia. Di dalam Bajet 2014 ini, kerajaan telah memberi RM120 juta dana pinjaman untuk membiayai program mekanisasi dan automasi serta peningkatan kapasiti SME. Setiap tahun sebenarnya kerajaan memberi pinjaman kepada SME. Akan tetapi, apakah pinjaman-pinjaman ini telah dibayar balik? Sebenarnya, apakah keadaan NPL dan jumlah NPL untuk pinjaman-pinjaman tersebut? Ini kerana kalau kita imbas kembali, kerajaan pernah memberi pinjaman secara kadar rendah dalam pakej rangsangan dalam tahun 2009 sebanyak RM5 bilion untuk memberi pertolongan dari segi *working capital* di mana 80% adalah dijamin oleh kerajaan dan sebanyak RM5 bilion lagi untuk produktiviti di mana 80% adalah juga dijamin dan tempoh pinjaman tersebut semua adalah lima tahun. Maka, adalah penting pembayaran balik untuk memastikan kerajaan mempunyai *revolving fund* untuk memberi pinjaman tersebut kepada SME-SME yang lain.

Di dalam bajet ini, kita juga sedia maklum bahawa gaji minimum dimulakan pada tahun 2013. Dalam bajet ini kerajaan untuk menolong SME, pertubuhan, koperasi dan persatuan mencadangkan supaya bayaran perbezaan gaji yang ditanggung oleh majikan bagi tempoh 1 Januari 2014 sehingga 31 Disember 2014, diberi potongan cukai tambahan. Kita sedia maklum bahawa gaji minimum diperkenalkan untuk meningkatkan taraf kehidupan dan harap meningkatkan produktiviti serta mengurangkan pekerja asing. Setelah dilaksanakan untuk beberapa bulan ini, saya ingin tahu sama ada terdapat peningkatan produktiviti dari segi pekerja-pekerja yang telah ditingkatkan gaji mereka. Selain itu, berakah syarikat dan amaun syarikat yang telah dikecualikan dari gaji minimum ini? Untuk pengurangan pekerja asing, saya juga ingin mengambil tahu sama ada terdapat pengurangan pekerja asing semenjak pelaksanaan gaji minimum ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bajet ini kerajaan juga bertujuan untuk meningkatkan rantai sektor pertanian terutamanya eksport. Sebagai contoh, untuk memastikan kesedaran produk pertanian, kerajaan akan turut menyediakan *cold room* di KLIA. Tujuannya selain daripada meningkatkan eksport negara, ia akan memberi pulangan yang lebih tinggi kepada para petani. Saya berharap juga Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dapat memberi pertolongan kepada petani-petani terutamanya mengenai caj penghantaran melalui udara. Di negara seperti Thailand, mereka mempunyai caj penghantaran yang lebih murah melalui subsidi ataupun diskaun. Ini adalah penting untuk mempergiatkan lagi eksport. Oleh itu, kerajaan harus melihat dan berbincang dengan Kementerian Pengangkutan untuk melihat sama ada subsidi atau diskaun dapat diberikan.

Kerajaan juga memperuntukkan RM634 juta di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara dan di antara projek-projek yang telah dikenal pasti adalah industri burung walet. Dari segi burung walet, pasaran utama adalah negara China. Baru-baru ini telah diumumkan bahawa terdapat beberapa syarikat. Kalau saya tidak salah, 10 syarikat yang telah diberikan kelulusan bersyarat untuk mengeksport kepada negara China untuk *roclly bird nest*. Apakah status dan perkembangan

terkini serta jumlah eksport yang telah berjaya dieksport ke negara China? Ini kerana apabila saya turun padang, masih terdapat yang menanya status perkembangan eksport ke negara China. Adakah terdapat permohonan baru oleh syarikat-syarikat yang ingin mengeksport ke negara China. Selain daripada itu, apakah status negara-negara pesaing seperti Indonesia dan Thailand dan adakah mereka telah berjaya untuk memulakan eksport mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai isu GST. GST iaitu cukai perkhidmatan dan barangan akan dilaksanakan pada April 2015, 17 bulan dari sekarang. GST kita sedia maklum akan memansuhkan dua cukai iaitu cukai jualan dan cukai perkhidmatan. Melalui sistem ini, pengguna akan mengetahui barang dan perkhidmatan yang dikenakan GST. Ini kerana di dalam resit akan ternyata apakah GST yang dibayar. GST juga dijangka dapat mengurangkan kesan cukai berganda ke atas pengguna, isu perpindahan harga (*transfer pricing*) dan ketiadaan pelepasan cukai ke atas barang yang dieksport. Malah GST mampu mengurangkan risiko pengurangan hasil kerajaan ekoran kelemahan sistem pencukaian yang sedia ada. Persoalannya adalah sama ada GST ini akan membebankan orang awam. Ini adalah persoalan yang perlu diperjelaskan oleh kerajaan kepada rakyat dalam tempoh 17 bulan ini. Sebenarnya GST dilaksanakan di dalam 160 buah negara dan oleh itu tentu mempunyai kebaikannya.

Saya ingin mencadangkan beberapa cadangan untuk GST ini. Pertama, senarai item yang dikecualikan atau tidak dikenakan GST. Item haruslah diperluaskan supaya tidak memberi impak yang besar kepada mereka yang berpendapatan rendah dan miskin. Barang keperluan asas perkhidmatan seperti perubatan, tol, sekolah, pengangkutan awam adalah sesuatu yang mesti ditakluki. Oleh kerana senarai belum lagi dimuktamadkan kerana kita mempunyai 17 bulan lagi, saya harap kerajaan terus mendapat maklum balas daripada orang ramai untuk meninjau dan melihat bagaimana kita boleh memperluaskan senarai-senarai barang untuk meringankan beban orang miskin dan orang yang berpendapatan pertengahan.

Kerajaan juga haruslah mengadakan atau menubuhkan *hotline* dan *website* yang lebih lengkap untuk orang ramai mendapatkan maklumat dan juga mungkin menubuhkan satu GST *centre* untuk seriap negeri supaya boleh menolong implementasi GST ini. Dalam perkenalan GST, kita sedia maklum terdapat pemansuhan *sales* dan *services tax*. Akan tetapi isunya, apakah barang yang dikenakan *sales tax*. Adakah *shampoo*, pakaian, *detergent*, milo dan lain-lain dikenakan *sales tax*?

■2100

Ini adalah penting untuk memberi maklumat kepada pengguna supaya mereka boleh juga menjadi pemantau untuk menolong dan mengurangkan *profiteering*. Malah, kerajaan haruslah memastikan dalam implementasi GST ini, mereka memastikan bahawa akta-akta seperti Akta Kawalan Harga dan juga *Anti Profiteering* menjadi mekanisme untuk memastikan tiada pihak yang cuba mengaut keuntungan secara berlebihan. Mungkin terdapat senario di mana perniagaan tidak akan memansuhkan *sales tax* tetapi terus menambah GST. Ini adalah penting untuk kerajaan memastikan apabila GST di implementasi, ia tidak mendatangkan impak yang terlalu besar kepada

rakyat. Selain itu, kita juga haruslah mendapat tahu bahawa kadar GST yang telah ditetapkan adalah 6%.

Akan tetapi sebenarnya pada tahun 2009, sebelum GST diperkenalkan, terdapat banyak khabar angin yang mengatakan bahawa GST adalah pada kadar 4% tetapi ia tidak diperkenalkan pada tahun 2009 dan akhirnya diperkenalkan pada tahun 2015. Kenapa kadar 6% itu ditetapkan? Saya mendapat maklum balas mengatakan *rate* ini adalah tinggi dan sama ada kerajaan dapat menilai semula kadar tersebut. Selain daripada itu, saya berharap kerajaan juga membuat kajian untuk melihat dari segi impak GST terhadap orang ramai mengikut pendapatan mereka sama ada dari segi orang yang berpendapatan rendah, pertengahan atau tinggi. Ini adalah penting untuk memastikan orang ramai mengetahui impak GST kepada mereka dalam kehidupan harian secara benar. Ini akan memastikan bahawa mereka mendapat maklumat dan tidak akan dikelirukan oleh orang-orang tertentu.

Sebenarnya kalau GST dilaksanakan dengan baik, sebagai contoh di negara *Singapore*, menurut kajian, 75% daripada GST yang telah dikutip adalah dikutip daripada *top 25% of the rich Singaporeans and expatriate* dengan izin. Ini kerana GST adalah berdasarkan penggunaan iaitu *consumption*. Dalam pelaksanaan GST, penting juga untuk memastikan SME adalah bersiap sedia dan juga mendapat bimbingan dan sokongan daripada kerajaan. Dianggar 80% daripada SME masih belum dapat mengimplementasikan GST. Kerajaan telah...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, boleh gulung. Yang Berhormat Labis, boleh gulung.

Datuk Chua Tee Yong [Labis]: Boleh gulung. Okey. Kerajaan telah mengadakan geran latihan bernilai RM100 juta dan RM150 juta untuk menolong perniagaan-perniagaan untuk melaksanakan GST. Kita berharap dari segi kerajaan, mereka memperbanyakkan lagi bantuan-bantuan tersebut jikalau tidak mencukupi. Saya berharap dari segi Bajet 2014 ini, saya berharap kerajaan terus melihat untuk cuba memperbanyakkan atau meningkatkan peruntukan untuk menolong semua rakyat mengikut konsep 1Malaysia. Saya berharap di dalam Bajet 2014 dapat dicadangkan agar bantuan dan juga peruntukan diberi untuk menolong SMJK dan juga untuk memastikan bantuan kewangan termasuklah latihan dan juga pinjaman diberikan kepada semua kaum untuk memastikan kita mendapat sokongan daripada semua kaum.

Pada tahun 2008, memang Barisan Nasional kalah di negeri Kedah dan Perak tetapi mereka tidak berputus asa dan terus berusaha dan pada tahun 2013, Barisan Nasional menang sekali Kedah dan Perak. Maka saya berharap kerajaan akan meneruskan usaha mereka berdasarkan konsep 1Malaysia untuk mendapat sokongan daripada semua rakyat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya jemput Yang Berhormat Temerloh. Selepas itu Yang Berhormat Parit Sulong.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, pertamanya izinkan saya memulakan ucapan bahas saya dengan memetik ayat Al-Quranul Karim yang dinukilkan dalam Bajet 2014 Pakatan Rakyat. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*

Maksudnya, *'Janganlah kamu makan ataupun mengambil harta orang-orang lain di antara kamu dengan jalan yang salah. Dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu, memberikan rasuah kepada hakim kerana hendak memakan ataupun mengambil harta sebahagian di kalangan manusia dengan melakukan dosa padahal kamu mengetahui perkara itu adalah salah'.*

Ayat yang saya baca ini menekankan perihal kewajipan kita untuk memastikan rezeki yang kita cari tidak ada unsur yang haram, yang menyebabkan berlakunya ketidakadilan pada pemerolehan sumber dan juga perbelanjaan harta sekali gus ia akan menghilangkan keberkatan.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya menyokong penuh ucapan semalam Yang Berhormat daripada Marang yang membahaskan Bajet 2014 ini dengan memberikan penekanan dalam aspek kematangan demokrasi sementara juga itulah yang menjadi inti pati ucapan sulung saya di dalam Dewan yang mulia ini sewaktu menjunjung kasih ucapan Yang di-Pertuan Agong tempoh hari. Termasuk juga mengutamakan keselamatan dan juga kesejahteraan rakyat serta menjelaskan tentang bahaya hutang akibat ketirisan dan pemborosan kerajaan yang akhirnya memangsakan rakyat melalui cukai yang pelbagai dalam negara kita. Sebagai menghormati keluhuran perlembagaan dan juga prinsip *federal* di negara kita ini, suka saya tegaskan bahawa agihan peruntukan perlulah adil dan saksama tanpa menganaktirikan negeri dan juga kawasan Parlimen yang dipimpin oleh Pakatan Rakyat seperti Temerloh dan lainnya.

Sebelum saya membahaskan lanjut, suka saya terlebih dahulu menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat tentang format perjawatan Menteri Kewangan di negara kita. Kerajaan telah rekodkan bajet defisit selama 17 tahun dengan sasaran defisit 3% pada tahun akan datang iaitu 2015 dan sifar defisit pada tahun 2020. Ia kebetulan sejak format perjawatan Menteri Kewangan ini dipegang oleh individu yang sama sepanjang tempoh itu. Bermula daripada Tun Dr. Mahathir, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan sekarang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang.

Format ini Tuan Yang di-Pertua, tidak bertepatan dengan prinsip urus tadbir yang *transparent* dan juga akauntabiliti kerana tidak ada seorang pun Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) yang memegang jawatan dalam masa yang sama sebagai Ketua Pegawai Kewangan (CFO). Sama juga kalau kita tengok dalam persatuan. Pengerusi persatuan dalam masa yang sama pegang bendahari persatuan tersebut. Ini tidak berlaku. Bagaimana mungkin seseorang yang mengeluarkan arahan perbelanjaan dan individu yang sama nantinya akan meluluskan perbelanjaan itu. Ini bukan lagi prinsip *check and balance* tetapi dia sudah menjadi satu prinsip *cheque book balance* iaitu baki buku cek.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadang beginilah. Jawatan Menteri Kewangan ini diserahkan kepada Timbalan Perdana Menteri yang saya kira orang yang paling dipercayai oleh Perdana Menteri yang juga Timbalan Presiden UMNO dan saya jangka, kebetulan pula menang tanpa

bertanding tempoh hari. Saya jangka Perdana Menteri tidak lagi sangsi dan tidak lagi bimbang untuk menyerahkan tanggungjawab dan amanah ini kepada Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat dalam keghairahan mengumpul kekayaan, aspek akhlak dan syariah semakin hari semakin dilupakan. Keadaan ini menyebabkan berlakunya risiko hilang keberkatan dalam pengurusan ekonomi negara. Tuan Yang di-Pertua, melalui konvensyen ataupun melalui satu wacana konvensional, pertumbuhan ekonomi bergantung penuh kepada faktor antaranya faktor nilai tambah serta kesan *multiplier* yang terhasil melalui *instrument* polisi fiskal dan juga *monetary*.

■2110

Secara mudahnya fenomena ini kita boleh sebut sebagai rumusan satu tambah satu menjadi tiga ataupun lebih. Dalam Islam, kesan nilai tambah ataupun juga kesan berganda ini, *multiplier* dan juga pengagihan kekayaan secara amnya boleh dirumuskan sebagai satu nilai keberkatan dalam pengurusan ekonomi. Soal keberkatan ini banyak dibincangkan dalam al-Quran Nur Karim. Antaranya Allah menyebut... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] “*Jikalau sekiranya penduduk negeri-negeri ini beriman dan bertakwa kepada Allah, pastilah kami akan limpahkan kepada mereka berkat daripada langir dan bumi dalam bentuk kemakmuran dan murah rezeki tetapi malang mereka mendustakan ayat-ayat kami. Maka kami seksa mereka dengan kemiskinan dan kekacauan disebabkan dengan perbuatan mereka itu.*”

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia ini kebetulannya diakui oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sebagai sebuah negara yang mempunyai sumber hasil yang begitu tinggi. Sebetulnya tidak sukar untuk kita mengakui hakikat itu kerana sememangnya Malaysia ini telah memiliki tanah yang subur, iklim yang stabil, kekayaan hasil bumi, hasil galian yang banyak, mempunyai kawasan tanah tinggi, mempunyai pesisiran pantai yang begitu panjang, kedudukan geopolitik yang strategik dalam laluan semula jadi perdagangan antarabangsa serta kelompok penduduk yang berbudaya dan juga produktif.

Tidak menghairankanlah Malaysia ini kalau kita lihat mampu mewujudkan kepelbagaian industri. Daripada asas tani, perladangan, pembuatan sehinggalah kewangan dan juga pelancongan. Begitu banyak peluang kekayaan bumi di sekeliling kita. Ekonomi yang berkembang daripada USD110 bilion pada tahun 2003 kepada USD303 bilion pada tahun 2013.

Persoalannya mengapa keluhan rakyat mengenai perbelanjaan harian dan juga kos sara hidup semakin hari semakin kuat kedengaran dalam negara kita. Mengapa kedudukan fiskal negara begitu lemah? Dihimpit pula dengan hutang yang begitu besar sehingga ianya merupakan satu angka yang sangat tinggi walaupun pelbagai cukai telah dikenakan, pelbagai levi dan caj dikenakan daripada segenap segi.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan itu mahu mencadangkan pada hari ini empat agenda fundamental untuk mewujudkan ekonomi berkat yang sepatutnya membentuk kerangka Bajet 2014 negara kita. Saya harap ianya mendapat perhatian daripada pihak pemerintah. Janganlah kerana ini suara datang daripada pembangkang, maka ia ditolak kerana dianggap hanya tahu

membanggang. Tetapi kiranya ambil perhatian di atas perkara-perkara yang positif untuk kebaikan bersama negara dan juga rakyat.

Agenda yang pertama ialah wujudkan ekonomi yang bebas riba. Ekonomi negara kita ini sekian lama telah bersandar kepada penggunaan kadar faedah yang telah diijmak oleh ulama sebagai riba dan hukum riba ini haram pada syarak. Secara mikronya penggunaan kadar faedah ini memerangkap ekonomi terutamanya ekonomi isi rumah di dalam kitaran hutang yang berpanjangan dan ini adalah merupakan satu penindasan, satu kezaliman.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Yang Berhormat Lenggong bangun.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Tidak apa, saya kesempitan waktu. Masa kita akan berhenti pada 9.30. minta maaf. Malah membebaskan ekonomi isi rumah...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Tidak bagi.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Hendak tanya pasal hutang tadi. Hendak tanya pasal ekonomi.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Saya tidak bagi laluan. Malah membebaskan ekonomi isi rumah daripada amalan riba juga adalah merupakan satu tunjang kepada pengawalan hutang yang mencengkam individu dan juga keluarga. Jadi Tuan Yang di-Pertua larangan riba dan kesannya kepada keberkatan dan kekayaan sememangnya telah banyak dibangkitkan oleh Islam.

Antaranya disebut dalam al-Quran Nur Karim, *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* orang-orang yang memakan ataupun mengambil riba itu tidak akan dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk oleh syaitan dengan keadaan terhuyung-hayang kerana sentuhan syaitan laknatullah. Apa yang demikian itu adalah sebab mereka mengatakan bahawa sesungguhnya perniagaan itu sama sahaja dengan riba padahal Allah menghalalkan perniagaan dan mengharamkan riba. Malah kesan riba ini banyak lagilah. Kita boleh lihat amalan-amalannya dan juga penegasan Allah SWT dalam al-Quran Nur Karim. Antaranya Allah sebut *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Allah susutkan kebaikan harta yang dijalankan dengan mengambil riba ini. Allah susutkan kebaikan harta itu dan ia pula akan mengembangkan berkat melalui harta yang dikeluarkan melalui sedekah dan juga zakat dan Allah sebenarnya tidak suka kepada tiap-tiap orang yang kekal terus dalam kekufuran dan selalu melakukan perbuatan dosa.

Tuan Yang di-Pertua, perhatikanlah peringatan Allah ini. Peringatan Allah ini berkaitan dengan penyusutan harta akibat daripada mengamalkan sistem *Ribawi*. Ertinya riba ini akan mengurangkan keberkatan malah merencatkan pertumbuhan ekonomi dalam negara kita. Oleh kerana itu sekiranya kita mahu keberkatan itu hadir maka dalam sistem ekonomi kita, muamalah kita maka pemerintah dan masyarakat perlulah serius membebaskan ekonomi daripada cengkaman riba dan juga menggalakkan perdagangan yang subur tanpa amalan *Ribawi* ini. Tuan Yang di-Pertua, itu agenda yang pertama.

Sementara agenda yang kedua ialah program pengurusan hutang negara. Sebagai mewakili kelompok anak muda negara, saya lahirkan kebimbangan terhadap masalah hutang

kerajaan dan juga hutang isi rumah yang semakin hari semakin meningkat. Defisit terus menjerut hutang kerajaan ke paras 55% KDNK dan ini akan menghakis daya tahan ekonomi dan juga dana negara untuk diwarisi oleh generasi muda yang akan datang. Hutang isi rumah melepasi paras 70% KDNK dan sudah hampir 85% KDNK. Ini adalah kesan asakan daripada kos sara hidup serta tekanan kenaikan harga barang, harga kereta, harga rumah yang semakin mahal pada hari ini.

Satu kajian ekonomi anak muda yang dijalankan kebetulan oleh salah seorang daripada Exco Dewan Pemuda PAS Malaysia yang menyebut bahawa paras umur rakyat dalam negara kita yang mula berhutang dan risiko menghadapi muflis di kalangan rakyat Malaysia semakin hari semakin mudah daripada generasi ke generasi. Ertinya hari ini kebangkrapan dan juga menanggung hutang yang begitu banyak telah mula dirasai dan dibebani oleh anak-anak muda ataupun generasi muda.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan Bajet 2014 saya kira mengecewakan kerana kerajaan tidak mengumumkan langkah yang konkrit untuk menangani hutang negara. Selain daripada meletakkan beban kelangsungan biaya kerajaan ke atas rakyat melalui program percukaian seperti GST dan lain-lainnya, tidak ada. Di dalam Islam hukum hutang ini memanglah harus tetapi apabila ia berlebihan dan ia menjadi satu ketagihan ianya akan menjadi punca ekonomi kita tidak stabil dan menjadi punca keresahan dan hilangnya keberkatan dalam proses muamalah ataupun urusan ekonomi dan juga urusan pengurusan dana dalam negara kita. Buktinya hutang fiskal kita terus meningkat dalam kadar yang sangat membimbangkan.

Pada tempoh 1970 hingga tahun 2000, hutang kita meningkat sehingga lebih sedikit RM100 juta. Daripada tahun 2000 sehingga tahun 2012 iaitu dalam tempoh 12 tahun sahaja hutang kita meningkat mendadak daripada RM100 juta kepada RM420 juta.

Tuan Yang di-Pertua, di kala Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah berkata rakyat ketagih subsidi. Hari ini rakyat pula melihat kerajaan ketagih hutang. Ini persoalan yang sedang berlaku. Mengikut rekod sejak tahun 1970 Malaysia mengamalkan bajet defisit setiap tahun kecuali hanyalah untuk sebahagian kecil pada tahun-tahun 90an. Tidak cukup setakat itu saya lihat saban tahun termasuklah tahun 2013, kerajaan masih lagi memohon peruntukan tambahan secara puratanya dalam lingkungan antara RM7 bilion ke RM10 bilion setahun.

■2120

Bukankah ini merupakan satu ketagihan kepada hutang? Peringatan Nabi SAW. *[Berucap dalam bahasa Arab]* Kata Nabi, “Ya Allah, aku berlindung daripada-Mu daripada dosa dan hutang”. Lalu Nabi SAW ditanya. *[Berucap dalam bahasa Arab]* Apabila ditanya, “Mengapa kamu selalu minta doa wahai Rasulullah supaya bebas daripada hutang ini?” Lalu Baginda menjawab, “Jika seseorang itu berhutang, apabila dia bercakap, dia akan berdusta dan apabila dia berjanji, dia akan mengingkari”. Ini penyakit orang yang banyak hutang.

Dalam hadis yang lain pula Nabi SAW meriwayatkan telah berkata. *[Membaca sepotong hadis]* “Ya Allah, aku berlindung dengan-Mu daripada kekufuran dan hutang”. *[Berucap dalam bahasa Arab]* ditanya kepada Rasulullah SAW, “Apakah Engkau telah menyamakan kekufuran itu dengan hutang?” Lalu Nabi menjawab, “Ya, benar”. Menunjukkan besarnya bahaya hutang ini.

Oleh sebab itu, ambillah satu langkah untuk bebaskan negara kita daripada hutang termasuk membantu rakyat supaya dapat dibebaskan daripada hutang yang membelenggu mereka.

Tuan Yang di-Pertua, agenda yang ketiga ialah...

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat, boleh kah saya hendak tumpang ...

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Minta maaf, minta maaf banyak-banyak. Masa saya sangat singkat dan saya tidak memberikan laluan. Terima kasih.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Tidak boleh sudah? Sikit saja.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Agenda yang ketiga...

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Sebabnya cerita pasal hutang-hutang itu...
[Disampuk].

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Minta maaf-minta maaf. Kita ambil masa lain, *insya-Allah*.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: [Ketawa] Satu saja.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Agenda yang ketiga..

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dengan perempuan takkan takut?

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Agenda yang ketiga ialah jaminan *halalan toyyiban*. Kalau saya beri, saya tidak akan cukup masa untuk menghabiskan apa yang saya hendak sampaikan pada malam ini. Panjang lagi masa kita kecuali malam ini.

Agenda ketiga ialah jaminan *halalan toyyiban*. Tuan Yang di-Pertua, penekanan terhadap pencapaian *halalan toyyiban* ini bukanlah kerana potensinya sebagai industri yang bernilai RM45 bilion. Akan tetapi kerana sememangnya ia telah menjadi satu perkara yang ditekankan oleh Islam supaya menjamin keberkatan dalam kehidupan kita. Jaminan *halalan toyyiban* bermakna memastikan keselamatan rantaian makanan kita secara menyeluruh sama ada daripada segi fizikalnya ataupun daripada segi spiritualnya.

Saban hari pada hari ini dalam negara kita, kita didedahkan dengan berita dan juga maklumat jenama makanan yang tertentu yang mengandungi bahan terlarang yang meragukan, bercampur antara halal dan haram, syubhah dan segalanya. Maka bagaimanakah keberkatan itu boleh hadir dalam industri makanan kita? Jadi apakah berkat sistem dan juga muamalah seperti ini, ataupun ini hanya merupakan satu isu yang dipandang sepi, yang dipinggirkan dan tiada kaitan dalam wacana transformasi ekonomi kerajaan? Ini harus saya persoalkan kerana ia sangat penting dan saya lihat ia tidak diberikan perhatian besar tentang industri *halalan toyyiban* ini oleh bajet yang dibentangkan.

Sedang Imam Muslim telah meriwayatkan dalam sebuah hadis daripada Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah SAW telah bersabda, [Membaca sepotong hadis] "Wahai manusia, sesungguhnya Allah tidak akan menerima sesuatu kecuali yang baik dan sesungguhnya Allah memerintahkan kaum mukmin sebagaimana halnya ia memerintah para rasul, kaumnya beriman". Kemudian Dia berfirman, "Wahai para rasul, makanlah daripada rezeki yang baik dan berbuat baiklah kamu semua. Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang telah engkau ketahui".

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya Baginda bercerita tentang seorang lelaki yang pernah berjalan dalam satu musafir yang sangat panjang. Dalam keadaan pakaiannya lusuh, berdebu dan dia memerlukan pertolongan daripada Allah. Lalu dia berdoa, *[Berucap dalam bahasa Arab]* tetapi malangnya... *[Berucap dalam bahasa Arab]* Dia berdoa kepada Allah, “Ya Allah, Ya Allah, Ya Tuhan, Ya Tuhanku” tetapi makanannya haram, minumannya haram, pakaiannya haram. Bagaimana doa itu hendak diterima oleh Allah SWT? Ini sangat penting dan kita sedia maklum bahawa kepentingan halal dan haram dalam Islam ini adalah suatu yang sangat diberikan penekanan oleh syarak. Akan tetapi sekiranya benar jaminan *halalan toyyiban* ini penting, maka persoalan saya ialah di manakah pelaburan kerajaan dalam Bajet 2014 untuk menjamin keutuhan proses dan penghasilan barangan dan perkhidmatan *halalan toyyiban* ini? Apakah sekadar hanya menguatkuasakan penggunaan logo halal semata-mata ataupun bagaimana?

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan seperti mana juga tata kelola perbankan Islam yang dipandu oleh Jawatankuasa Syariah, bukankah menjadi satu yang baik, praktis yang unggul bagi kerajaan untuk juga mempunyai Jawatankuasa Syariah kewangannya yang tersendiri supaya dapat memantau perjalanan kewangan dalam negara kita? Apa yang menjadi keutamaan ialah untuk memastikan sumber kewangan kerana sumber kewangan itu nantilah yang akan membiayai emolumen perkhidmatan awam. Apa yang sepatutnya dibayar dengan hasil yang halal, yang jelas halalnya. Ini kerana nanti hasil itulah yang menjadi wang gaji ataupun elaun yang akan diberikan kepada keluarga untuk minum, makan, anak, isteri dan juga keluarga. Sudah tentulah ia sangat diberikan perhatian oleh Islam. Saya mengharapkan ia tidak dipandang sepi dalam bajet negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, agenda yang terakhir iaitu keempat berkait dengan percukaian dan juga negara berkebajikan. Satu daripada sisi penting idea kenegaraan PAS iaitu negara berkebajikan ialah komponen cukai. Percukaian di negara-negara kebajikan konvensional yang lain secara puratanya adalah tinggi. Akan tetapi negara berkebajikan yang kami kemukakan itu menyasarkan hanya cukai pada kadar yang perlu sahaja ataupun cukai sekadar keperluan.

Oleh sebab itulah kami menolak GST, bukan sebab namanya GST semata-mata. Akan tetapi kita menolak GST kerana kita tahu, rakyat pun tahu, malah kerajaan pun tahu, bahawa negara kita masih belum kehabisan idea bagaimana untuk dan juga kaedah untuk melakukan penjimatan, mengawal kos, membanteras rasuah, memastikan tidak berlaku ketirisan dan juga pembaziran ataupun penyalahgunaan dana kewangan negara kita sebelum sesuatu cukai yang baru ataupun cukai ganti khususnya cukai GST ini dilaksanakan di negara kita. Tuan Yang di-Pertua, pemerintah perlu sedar bahawa cukai yang dilakukan ini cuma perlu di dalam keadaan terpaksa. Akan tetapi malang bagi pemerintah, cukai seperti GST pada hari ini telah menjadi sumber baru pendapatan dan kekayaan negara. inilah yang dikatakan sebagai berniaga dengan rakyat, yang disebut sebagai berniaga dengan rakyat.

Satu sudut memang kita lihat kerajaan memberi. Dia beri BR1M, baucer buku dan sebagainya. Akan tetapi kita perlu sedar, itu adalah pemberian daripada sumber yang dipungut daripada rakyat. Setelah pendapatan rakyat diambil oleh kerajaan melalui cukai ataupun cukai

pendapatan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Shah Alam pada awal tadi. Sekarang kerajaan hendak ambil lagi. Hendak ambil pula daripada rakyat melalui perbelanjaan rakyat dengan menggunakan GST ini. Sudahlah sebelum daripada ini rakyat berdepan dengan pemotongan subsidi bahan bakar, petroleum, pemotongan subsidi gula...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Temerloh boleh gulung.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Dan sebagainya. Jadi bajet ini saya lihat sebagai bajet untuk rakyat tetapi daripada rakyat, bukan daripada kerajaan. Dia bagi kepada rakyat apa yang dia ambil daripada rakyat. Memang zahirnya nampak kerajaan bagi kepada rakyat tetapi kemudian dia ambil balik.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lenggong.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Jadi orang kampung kata ini bajet buruk siku. Bajet buruk siku, Tuan Yang di-Pertua.

■2130

Jadi akhirnya saya ingin menegaskan bahawa Tuan Yang di-Pertua, selayaknya sebelum GST dikenakan ke atas rakyat, yang pertama siasat dahulu dan bawa kepada pengadilan mereka yang menyebabkan kehilangan saham-saham peruntukan bumiputera yang berjumlah RM52 bilion yang mana jumlah ini pastinya ada di suatu tempat dan kembalikan semula kepada khazanah rakyat. Itu yang pertama.

Yang kemudian kedua ialah membuat pemotongan sebagaimana rakan-rakan saya daripada Pakatan Rakyat banyak mencadangkan pemotongan antaranya penggunaan jet peribadi kerajaan yang melibatkan perbelanjaan RM104 juta dalam masa tiga tahun. Potong juga penggunaan elektrik yang berjumlah sehingga RM110 juta manakala RM1.9 juta untuk bil air yang disebut sebagai kompleks rumah Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri.

Yang ketiga, tangguhkan juga program yang tidak ada nilai tambah yang besar kepada rakyat secara menyeluruh contohnya yang selalu dibangkitkan oleh Pakatan Rakyat ialah Program PLKN yang bernilai RM800 juta setahun. Tuan Yang di-Pertua, malah Pakatan Rakyat...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Lebih masa Yang Berhormat.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Sedikit lagi satu minit. Pakatan Rakyat dalam bajet alternatifnya telah mengesahkan penjimatan sehingga RM30 bilion untuk biaya kerajaan.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Boleh...bunyi.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Dengan jumlah sebesar itu Yang Berhormat, apa lagi keperluan cukai baru seperti GST yang cuma hanya akan membebankan. Jadi oleh sebab itu saya mengharapkan marilah sama-sama kita mengambil satu contoh sebagai penutup Imam Nawawi Rahimahullah pernah satu ketika dia telah membayar satu harga yang besar, harga kebebasan dirinya sewaktu dia membantah Khalifah Al-Walid yang cuba untuk mengambil ataupun mengenakan cukai ke atas rakyat dia bantah kerajaan, akhirnya dia dipenjara kerana dia minta

supaya Khalifah Al-Walid sebelum mengambil cukai ke atas rakyat, terlebih dahulu mencairkan harta-harta khalifah yang begitu banyak di istana mereka.

Imam Nawawi kerana bantah, akhirnya ditangkap dan dipenjara. Dia digelar sebagai *mahyuddin* iaitu yang menghidupkan agama.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Itu juga penting Yang Berhormat.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Jadi hari kita pun ada juga *mahyuddin* jadi saya mengharap Tuan Yang di-Pertua *mahyuddin* kita ini tidak memeras rakyat dengan memungut cukai daripada rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semoga pandangan ini dapat diberikan perhatian oleh pihak kerajaan. *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Okey Yang Berhormat Lenggong sudah. *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sambung esoklah.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbincangan Bajet 2014 pada kali ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Yang Berhormat Parit Sulong nampak penatkan?

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Nampak penat. Kita sambung esok ya?

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Dia tidak penat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Sambung esok ya?

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 30 Oktober 2013.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.33 malam]